# LAPORAN TAHUNAN 2017

## PERBADANAN PUTRAJAYA

PERBADANAN PUTRAJAYA





# KANDUNGAN


## PERUTUSAN

**Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan** 002
**Perutusan Presiden Perbadanan Putrajaya** 003

## MAKLUMAT KORPORAT 010

Visi 010
Misi 010
Nilai-Nilai Bersama 010
Dasar Kualiti PPj 010
Carta Organisasi Perbadanan Putrajaya 011
Anggota Perbadanan Putrajaya 012
Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya 013
Pengurusan Tertinggi Perbadanan Putrajaya 014
Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya 014
Alamat Pejabat Yang Berdaftar 014

## LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj) 016

Penubuhan Perbadanan Putrajaya 016
Fungsi Perbadanan Putrajaya 016
Aktiviti Utama Mengikut Jabatan :
- Pejabat Setiausaha Perbadanan/ Jabatan Undang-Undang 016
- Jabatan Audit dan Kualiti Asurans 016
- Jabatan Perkhidmatan Korporat 017
- Jabatan Perkhidmatan Bandar 018
- Jabatan Perancangan Bandar 018
- Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan 019
- Jabatan Landskap dan Taman 019
- Jabatan Kewangan 020

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN 023

Pendapatan Perbadanan Putrajaya 023
Perbelanjaan Perbadanan Putrajaya 024
Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan 025
Pelaburan Dalam Anak Syarikat Subsidiari dan Sub-Subsidiari 025
Tanggungan dan Liabiliti Semasa 026

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN 028

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR 030

Kawalan Perancangan 030
Kawalan Bangunan 030
Pusat Setempat PPj (OSC) dan Kelulusan Pelan-Pelan Cadangan Pemajuan 031
Projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Putrajaya 032
Rancangan Struktur Putrajaya 2025 035
Rancangan Tempatan 035
Bandar Hijau Putrajaya 036
Program Bandar Selamat 038
Local Agenda 21 Putrajaya 040
Pengurusan Alam Sekitar Putrajaya 041
Ekosistem Bandar 043
Rekabentuk Sejagat dan Akses Audit 046
Projek Khas 049
Pengurusan Projek Pembangunan 051

## PERKHIDMATAN PERBANDARAN 054

Pembangunan Perniagaan 054
Sewaan Lot Niaga 056
Pelesenan Premis Perniagaan dan Penjaja 056
Pelesenan Iklan 057
Merinyu Pelesenan 058
Sewaan Kemudahan Komuniti 059
Sewaan Dewan Persidangan dan Auditorium Cempaka Sari 059
Sewaan Premis dan Kompleks 060
Kuarters Perbadanan Putrajaya 061
Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan 062
Penyelenggaraan Kemudahan Infrastruktur 062
Penyelenggaraan Lampu Jalan 064
Pengurusan Keselamatan dan Kebersihan Makanan 065
Kawalan Vektor dan Penyakit Berjangkit 067
Kawalan Kacau Ganggu dan Persekitaran 068
Program Bersepadu Kitar Semula 069



## PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN 074


Pelancongan Putrajaya 074
Inisiatif Baharu Pelancongan Putrajaya 074
Penganjuran Acara di Putrajaya 076
Sorotan Acara Utama 077
Aktiviti Kesenian dan Kebudayaan Perbadanan Putrajaya 080
Koir Perbadanan Putrajaya 080


## PENGURUSAN LANDSKAP DAN TAMAN 082


Putrajaya Sebuah Bandaraya Taman 082
Program Membina Hijau Putrajaya 082
Program Pertanian Bandar Putrajaya 083
Penghijauan Putrajaya 084
Botani dan Konservasi 085
Penyelenggaraan Landskap 092
Kawalan Landskap 093
Pengurusan Konservasi Fauna di Putrajaya 094


## PENGURUSAN PELANGGAN 096


Pengurusan Aduan Awam 096
Pengurusan Media 098
Pengurusan Lawatan Rasmi 100
Pengurusan Permohonan Penggambaran di Putrajaya 102


## PEMBANGUNAN KOMUNITI 104


Program Pembangunan Komuniti 104
Pusat Pembelajaran Kejiranan 107
Sukan Komuniti 110
Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya 112


## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI 114


Pencapaian Berdasarkan Program Utama Perbadanan Putrajaya 114
Pencapaian Piagam Pelanggan 115
Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 117
Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 118
Pengurusan Sumber Manusia 119
Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) 121
Pengurusan Audit dan Kualiti Asurans 123
Pengurusan Risiko 124
Stor Pusat 127
Pengurusan Keselamatan Aset 127
Program Pegawai Muda 130


## PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN 134


Khidmat Perundangan 134
Kontrak 134
Gubalan 134
Pendakwaan 135
Pengendalian Rayuan Kompaun 135
Litigasi Sivil 135
Penguatkuasaan 135


## PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET 142


Penilaian Cukai Taksiran 142
Penilaian Untuk Maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK) 143
Pengurusan Mendapatkan Kembali Tunggakan Cukai Taksiran 143
Pengurusan dan Perakaunan Aset Hartanah, Loji dan Peralatan Milik Perbadanan Putrajaya 144
Seksyen Pesuruhjaya Bangunan 146


## PRESTASI ANAK SYARIKAT 150


Latar Belakang 150
Aktiviti Perniagaan 151
Data Kunjungan Pelawat 154
Anugerah dan Pengiktirafan 154


## PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DI AUDIT 155


Sijil Ketua Audit Negara Laporan Ketua Audit Negara 156
Penyata Kedudukan Kewangan 162
Penyata Pendapatan Komprehensif 163
Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan 164
Penyata Perubahan Ekuiti 165
Penyata Aliran Tunai 166
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 167

# PERUTUSAN

## KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya (PPj) 2017 telah berjaya diterbitkan sebagai dokumentasi bagi merakamkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian PPj dalam mentadbir urus Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

Saya mengucapkan sekalung tahniah kepada PPj yang telah bertungkus-lumus dan berusaha keras dalam menghasilkan buku laporan tahunan ini. Pada pendapat saya, buku ini merupakan satu hasil perencanaan yang baik dan berharap ianya dijadikan panduan dan rujukan oleh pelbagai pihak terutama sektor awam dan korporat.

Pada hemat saya, PPj sebagai sebuah agensi yang progresif telah menunjukkan kecemerlangan dalam usaha membangunkan bandar raya Putrajaya. Saya juga amat berpuas hati dengan konsistensi usaha warga PPj dalam meraih kejayaan demi kejayaan apabila berjaya menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Diharapkan usaha-usaha murni ini diteruskan untuk kejayaan di masa akan datang dan terus menjadikan PPj sebuah agensi yang utuh dan disegani.

Selaras dengan inspirasi untuk memberikan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada warga Putrajaya dan menyerlahkan transformasi perkhidmatan awam, warga PPj perlu terus kreatif melahirkan idea-idea baharu dan sentiasa mencari inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan dengan *output/outcome* yang signifikan dan mampan. Oleh yang demikian, dengan semangat yang tinggi, warga PPj perlu terus bermotivasi tinggi, berinovatif, responsif dan sentiasa teruja untuk memberikan kualiti perkhidmatan terbaik.

Perancangan yang teliti telah dilaksanakan oleh PPj dalam memastikan pembangunan sebuah bandar raya yang inklusif dan mampan, dengan mengambil kira keperluan langsung dan tidak langsung semua pihak berkepentingan. Ini jelas dibuktikan dengan perancangan dan pembangunan Putrajaya dalam pembinaan rumah mampu milik seperi RUMAWIP dan PPAM dalam membantu meringankan beban rakyat terutama penjawat awam. Atas keprihatinan ini, penjawat awam bukan sahaja berjaya memperolehi rumah idaman, malah berpeluang tinggal dalam kawasan yang selesa dan memiliki aset sendiri.

Putrajaya juga kini semakin mencuri tumpuan dan kian dikenali di mata dunia dengan kehadiran jutaan pengunjung dari dalam dan luar negara. Ini adalah hasil daripada komitmen PPj dalam mempromosi Putrajaya sebagai lokasi terbaik dalam penganjuran pelbagai acara khususnya di peringkat antarabangsa serta pembangunan produk dan pakej pelancongan baharu. Saya percaya, prestasi yang membanggakan ini dipacu oleh persekitaran Putrajaya yang kondusif dan *vibrant*, sekaligus menggambarkan komitmen PPj dalam merealisasikan pembangunan bandar raya pintar yang menyokong pertumbuhan ekonomi, pelancongan dan kehidupan lestari.

Namun begitu, kemampanan Putrajaya tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal sahaja tetapi turut meliputi kemampanan modal insan dan masyarakat. Dalam konteks ini, PPj perlu terus memantapkan jiwa dan sanubari komuniti dan masyarakatnya dengan pendekatan yang lebih holistik dan pragmatik ke arah penghayatan serta penerapan amalan nilai-nilai murni.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Presiden PPj, YBhg. Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail, barisan pengurusan tertinggi PPj serta seluruh warga PPj di atas iltizam dan kerjasama berpasukan yang digembleng bagi melaksanakan semua program dan aktiviti PPj sepanjang dalam tahun 2017.

Akhir kata, semoga PPj akan melakar lebih banyak kecemerlangan dalam memberi khidmat dan sokongan yang jitu ke arah merealisasikan matlamat dan hala tuju pembangunan dan kemajuan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATUK SERI ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN**
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

# PERUTUSAN

## PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bagi mewakili Anggota Perbadanan Putrajaya, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk tempoh setahun bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017.

Menjelang tahun 2020 iaitu ke arah negara maju yang berpendapatan tinggi, PPj telah menetapkan visi dan matlamatnya iaitu "Ke Arah Putrajaya Mampan 2020". Bagi merealisasikan visi ini, PPj telah menerbitkan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2016-2020 yang bermatlamat untuk menjadikan Putrajaya sebagai perintis bandar hijau di samping memperkasakan pusat-pusat komersil dan menjadikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan unggul. Selain itu, PPj juga akan terus mensasarkan pembentukan masyarakat sejahtera yang menitikberatkan nilai ketamadunan, kemanusiaan serta nilai murni sejagat mengikut acuan Islam di samping memberikan penekanan kepada kepuasan pelanggan, pembangunan kapasiti dan sistem penyampaian maklumat yang berkesan.

### PUTRAJAYA BANDAR CONTOH

Pada tahun 2017, PPj telah berjaya merangkul sebanyak 9 anugerah dan pengiktirafan dalam pelbagai aspek pengurusan, pentadbiran cemerlang, serta inovasi dan kebersihan bandar.

PPj telah berjaya memperoleh *Malaysia Landscape Architecture Award* (*Green Initiative Award*) untuk Taman Etnobotani Putrajaya daripada *Institute of Landscape Architect* serta penghargaan di atas pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2017 dalam penyediaan Laluan Basikal dan Pembangunan Kebun Kejiranan oleh Plan Malaysia.

PPj dianugerahkan juga *Gold Awards* di Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Utara di Pulau Pinang, *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2017* di Genting Highland, Pahang dan *International Quality and Productivity Convention (IQPC) 2017* di Indonesia oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

PPj juga berjaya mengekalkan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya yang bersih apabila menerima tempat pertama di dalam Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Wilayah Persekutuan.

Kecemerlangan pengurusan dan pentadbiran Putrajaya oleh Perbadanan Putrajaya terus menjadikan Putrajaya bandar raya contoh serta penanda aras di peringkat antarabangsa oleh negara-negara luar seperti Korea Selatan, Taiwan, India, Arab Saudi, Ghana, Singapura dan lain-lain dalam aspek perancangan, pengurusan dan pentadbiran bandar raya.

### PUTRAJAYA DESTINASI PELANCONGAN

Pada tahun 2017, PPj mencatatkan sebanyak 152 penganjuran acara dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Sebanyak 34 acara peringkat antarabangsa, 68 acara peringkat kebangsaan dan 46 acara peringkat Putrajaya telah direkodkan.

Antara *signature event* berskala besar yang berjaya menarik ramai pengunjung adalah *Bridge Night Ride*, *Powerman Asia Duathlon Championship*, Festival Ramadan, Sukan SEA ke-29, *Putrajaya Night Marathon*, *KL International Craft Festival (KLICF) 2017* dan *Festival Light And Motion Putrajaya (LAMPU)*.

Putrajaya mencatatkan kehadiran pelawat dan pelancong seramai 7,036,952 pada tahun 2017 berbanding 8,991,937 pada tahun 2016. Penurunan kehadiran pelancong ini berikutan penjadualan semula acara-acara besar serta langkah penjimatan yang dilaksanakan oleh PPj dan agensi kerajaan.

Bagi meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke Putrajaya, PPj telah mewujudkan beberapa inisiatif baharu melalui pelbagai pendekatan iaitu membangunkan tarikan baharu di Dataran Putrajaya "*I LOVE PUTRAJAYA*", NEGARAKU MURAL serta *Architecture Trails*, penganjuran Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2017 dan program Pemandu Pelancong *Junior*.

## PUTRAJAYA BANDAR HIJAU

Pelbagai usaha telah dilaksanakan di Putrajaya untuk menyokong hasrat Kerajaan menjadikan Putrajaya sebagai salah satu bandar Teknologi Hijau dan juga komitmen negara dalam pengurangan tahap pelepasan karbon. Berdasarkan laporan tahun 2017, jumlah pelepasan karbon di Putrajaya adalah 1,530kt$CO_2$eq berbanding tahun 2016 iaitu 1,538kt$CO_2$eq menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus.

Bagi meningkatkan lagi penggunaan basikal sebagai salah satu alternatif mod pengangkutan karbon rendah di Putrajaya, PPj telah menaiktaraf laluan khas basikal sepanjang 24km yang melibatkan Persiaran Perdana (Presint 1-5), laluan utama Presint 8, 9 dan 18. PPj juga telah menempatkan sebuah mesin pelupusan sisa organik berskala kecil hasil sumbangan Syarikat Merry Corporation, Jepun di Tadika Islam MAIWP Sulaimaniyyah, Presint 18, Putrajaya untuk mendidik dan menggalakkan gaya hidup karbon rendah di kalangan generasi muda khasnya di peringkat kanak-kanak.

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

PPj juga telah meluluskan pelan pembangunan bagi pembangunan bercampur Plot MD3 Presint 8 dan Perumahan Penjawat Awam Dalur di Presint 18. Antara pembangunan utama yang diluluskan adalah Cadangan Pembangunan Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Presint 17, Cadangan pembangunan 4 Blok Kondominium, Presint 17, Cadangan Pembangunan 148 Unit Rumah Berkembar 2 1/2 Tingkat di Presint 12, Cadangan Pembangunan 24 Unit Kedai / Pejabat 2 - 3 Tingkat di Presint 19, Cadangan Pembangunan 3 Blok Pangsapuri di Presint 18 dan Cadangan Pembangunan 86 Unit Rumah Teres 3 Tingkat di Presint 5.



Antara projek pembangunan yang dirancang dan telah disiapkan adalah Sistem Pam Pembetungan *Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA)*, Pusat Penyelenggaraan Bot di Presint 19, Sistem Hawa Dingin Berpusat di Surau Al-Furqan di Presint 11, Pembinaan Padang Futsal di Jalan P15H, Presint 15 dan sebuah Perhentian Bas di Jalan P18, Presint 18.

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan pula, PPj telah menjalankan kerja-kerja pembaikan jalan, garisan dan tanda permukaan jalan serta lain-lain kerja yang berkaitan di jalan-jalan utama sekitar Putrajaya, kerja-kerja pembaikan *tile* Mahkamah Persekutuan, di Presint 3 dan pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf sistem lif di kuarters-kuarters Kerajaan di Fasa 1C, Presint 16, Fasa 1 & 2, Presint 9 dan Fasa 3 & 4 , Presint 9.

## PUTRAJAYA BANDAR SELAMAT

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 66 program telah dilaksanakan dengan kerjasama 29 agensi terlibat di bawah Jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya. PPj telah membangunkan sebuah Pondok Polis Bit Di Pusat Pelawat Presint 15, Putrajaya dan menaik taraf *Putrajaya Command Centre* serta menganjurkan program serta aktiviti kesedaran keselamatan di kalangan penduduk.

## PROJEK KHAS

PPj telah berjaya menyiapkan Taman Persahabatan China - Malaysia di Taman Botani, Dongguan, China. Projek khas ini telah dibina bersama-sama dengan pihak Republik Rakyat China bagi meraikan tempoh persahabatan di antara kedua-dua negara yang telah mencecah 40 tahun.

## PROJEK PERUMAHAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA (PPAM)

Pada tahun 2017, sejumlah 2,943unit rumah PPAM daripada jumlah keseluruhan 7,880unit Fasa 1 telah berjaya disiapkan iaitu PPAM Palma, PPAM Selasih dan PPAM Larai manakala pembangunan PPAM Fasa 2 yang merangkumi 5,942unit rumah PPAM sedang giat dibina.
Harga PPAM yang ditawarkan adalah rendah daripada harga pasaran dan bernilai di antara RM150,000 hingga RM300,000 mengikut keluasan di mana nilai subsidi yang disediakan oleh kerajaan adalah di antara RM25,000 sehingga RM38,000 seunit bergantung kepada keluasan. Selain daripada itu, PPj juga telah menetapkan kadar bayaran bulanan yang munasabah

untuk menyelenggara PPAM iaitu sebanyak RM0.16 sen sekaki persegi bagi meringankan beban penjawat awam.

## PENGURUSAN TAMAN DAN LANDSKAP

Di bawah Program Penghijauan Putrajaya, PPj telah menanam 3,977 unit pokok secara berperingkat di Putrajaya bersama-sama dengan komuniti dan agensi yang terlibat. Berdasarkan rekod, sebanyak 700,000 pokok telah ditanam di Putrajaya.

Pemeriksaan dan pemantauan pokok-pokok ameniti secara komprehensif bagi mengurangkan kecacatan dan risiko pokok tumbang semasa kejadian ribut. PPj telah melaksanakan sebanyak 54,213 pemangkasan, 599 penebangan, 758 pembuangan tunggul, 80 pemindahan dan 463 pembuangan epifit serta parasit ke atas pokok di sekitar Putrajaya.

Bagi menggalakkan lagi kunjungan pelancong di taman-taman awam Putrajaya, PPj telah memperkenalkan pakej baharu 'Jejak Taman' yang mengetengahkan permainan tradisional rakyat bagi menarik kehadiran lebih banyak pengunjung dan pelawat. Pada tahun 2017, taman-taman di Putrajaya telah merekodkan peningkatan sebanyak 22% iaitu seramai 1,175,982 orang jumlah pelawat berkunjung dan beriadah di taman-taman awam Putrajaya berbanding 962,685 orang pada tahun 2016.

## KESIHATAN EKOSISTEM BANDAR

Alam Sekitar merupakan salah satu komponen penting di dalam kejayaan Putrajaya di dalam mengamalkan konsep pembangunan mampan.

Untuk memastikan kualiti alam sekitar berada di tahap yang dikehendaki, Perbadanan Putrajaya melaksanakan audit fasa pembinaan dan fasa operasi secara berjadual. Sebanyak 120 audit fasa pembinaan dan sebanyak 120 audit fasa operasi juga telah dijalankan pada tahun 2017. Kedua-dua audit ini merupakan proses yang paling penting di dalam memastikan masalah pencemaran dapat dicegah dan ditangani dengan sebaik mungkin.

Khusus untuk memastikan kualiti air Tasik Putrajaya sentiasa berada di dalam julat yang ditetapkan untuk aktiviti air, Sistem Kawalan Punca Pencemaran Alam Sekitar (SKPPAS) telah beroperasi dan telah banyak membantu PPj mengenalpasti pencemar dan tindakan segera bagi mengatasi masalah pencemaran tersebut lebih efisien dan tepat.

Kualiti air Tasik Putrajaya pada tahun 2017 merekodkan data purata Indeks Kualiti Air (IKA) 90.4 iaitu dalam julat Kelas II, sesuai untuk aktiviti sukan dan rekreasi air melibatkan sentuhan kulit secara langsung.

Melalui pemantauan burung di Wetland dan Tasik Putrajaya merekodkan sebanyak 72 spesies burung dengan 21 spesies daripadanya adalah burung hijrah yang singgah di sini antara bulan Oktober hingga Disember 2017 khususnya di sel Upper Bisa, Presint 16, termasuklah *Purple Heron (Ardea Purpurea), Cattle Egret (Bubulcus Ibis), Intermediate Egret (Mesophoyx Intermedia) dan Little Egret (Egretta Garzetta).*

Pemantauan fauna *terrestrial* (pinggiran akuatik) juga merekodkan penemuan 9 spesies amfibia, 7 spesies reptilia dan 11 spesies mamalia. 1 spesies amfibia baru jenis katak pertama kali ditemui di sini ialah *Malayan Slender Tree Frog (Polypedates Discantus).*

Persampelan ikan juga telah dilaksanakan pada Ogos dan Disember 2017 merekodkan 22 spesies termasuklah Kelah, Temoleh, Tengalan, Baung Sungai, Lampam Jawa, Lampam Sungai, Jelawat, Belida, Temperas serta Ketutu dan penemuan ikan Tilan buat pertama kalinya.

## KOMUNITI MAMPAN PUTRAJAYA

Pada tahun 2017, sebanyak 5 projek fizikal dan 19 program telah dilaksanakan di bawah Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya. Setiap agenda yang dibentuk merangkumi dan meliputi aspek inisiatif amalan gaya hidup teknologi hijau, pemeliharaan alam sekitar, program sosial dan ekonomi.

Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban Farming*) mendapat sambutan baik di kalangan komuniti Putrajaya dan pada tahun 2017, PPj telah membangunkan projek madu kelulut bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di Presint 9 dan 15 bertujuan membantu ekonomi penduduk.

PPj telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan, bantuan kemahiran, sukan dan riadah dalam menggalakkan keharmonian hidup dan perpaduan dalam kalangan warga Putrajaya

PPj dengan kerjasama KWP, Biro Agama Putrajaya serta Jabatan Pendidikan Putrajaya turut memperhebatkan lagi program solat subuh berjemaah murid-murid bersama ibu bapa mereka sebelum mereka pergi ke sekolah dalam tujuan untuk membina jati diri pelajar serta memperkasa generasi muda dengan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni.

## PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Bagi menyokong program pemerkasaan ekonomi bumiputera, PPj dengan kerjasama KWP telah membangunkan Pusat Setempat 1 Komuniti di Kompleks Kejiranan Presint 16 yang berkonsepkan pusat perniagaan untuk bekas peserta daripada program terdahulu untuk memulakan perniagaan. Pusat ini dijangka memulakan operasi pada tahun 2018.

Pada tahun 2017, di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera PPj dan KWP telah membina sebanyak 20 unit kios baharu iaitu 8 unit di Presint 14 dan 12 unit di Presint 1. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada tahun 2018.

Bagi membantu usahawan *food truck*, PPj juga telah menambah 20 peniaga *food truck* iaitu 5 peniaga di bawah Skim Graduan, KWP dengan bantuan deposit RM10,000 bagi setiap unit *food truck* dan 15 peniaga *food truck* di bawah skim terbuka bantuan pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA).

PPj turut membangunkan dan menaik taraf sebahagian kawasan di *Park n Ride*, Presint 14 untuk dijadikan satu lagi kawasan *Hotspot Food Truck* dengan konsep yang sama seperti di *Hotspot Food Truck*, Presint 2 dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2018.

PPj turut bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Penjaja Dan Peniaga Kecil WP Putrajaya (MPPPKWP) menganjurkan Pekan Sehari@P11 pada setiap hari Ahad bertujuan untuk memenuhi keperluan penduduk setempat bagi mendapatkan barangan keperluan harian dan memberi peluang perniagaan kepada penjaja serta peniaga kecil Putrajaya untuk menambah sumber pendapatan mereka. Seramai 70 penjaja dan peniaga kecil telah turut serta dan 60 peratus peniaga terdiri daripada warga Putrajaya.

## KESIHATAN PERSEKITARAN

Pada tahun 2017, dalam menjadikan Putrajaya sebuah bandar raya bersih, PPj secara berterusan melaksanakan 1,145 pemeriksaan ke atas premis-premis makanan di sekitar Putrajaya. Sebanyak 200 premis telah dikategorikan sebagai premis Gred A, 120 premis Gred B dan 16 premis Gred C di mana premis tersebut di arahkan tutup selama 14 hari bagi tujuan pembersihan.

PPj turut menganjurkan Anugerah Medan Selera Bersih Peringkat Putrajaya 2017 bagi mempertingkatkan lagi kesedaran di kalangan pengendali makanan di medan selera di bawah seliaan PPj dalam kepentingan amalan kebersihan dalam penyediaan makanan. Pada tahun 2017, Medan Selera Laman Perdana telah dinobatkan sebagai medan selera terbersih peringkat Putrajaya.

Peningkatan kejadian kes Demam Denggi (DD) di Putrajaya juga menunjukkan peningkatan sebanyak 5.5% iaitu 552 kes yang didaftarkan pada tahun 2017 berbanding 523 kes pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, kesemua 523 kes adalah Demam Denggi dan tiada kes Demam Denggi Berdarah dilaporkan berlaku. Terdapat satu kes kematian melibatkan penyakit Demam Denggi dilaporkan berlaku di Putrajaya bagi tahun 2017.

PPj telah menjalankan sebanyak 238 operasi kawalan kucing dan anjing liar serta 7 operasi kawalan burung gagak pada tahun 2017. Hasil operasi berjaya membuat tangkapan sejumlah 832 ekor, seterusnya mengurangkan aduan kacau ganggu anjing, kucing dan gagak yang kerap diterima daripada komuniti.

## PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KITAR SEMULA

Jumlah sisa pepejal yang dijana pada tahun 2017 adalah sebanyak 28,903,840kg menunjukkan penurunan sebanyak 2 peratus berbanding pada 29,360,290kg pada tahun 2016.

Dalam menyahut seruan kerajaan untuk mengurangkan pembuangan sisa pepejal serta memenuhi sasaran kadar kitar semula nasional 22%, PPj telah melaksanakan 22 program bersepadu kitar semula yang melibatkan komuniti Putrajaya bersama agensi pelaksana di antaranya program kutipan kitar semula bergerak, Butik Kitar Semula, Program *Wastewise* dan Program Kits (sekolah).

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada tahun 2017 adalah sebanyak 2,503 tan. Jumlah ini adalah meningkat 5% berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 2,382 tan. Sejumlah 79% daripada bahan yang dikumpul adalah kertas diikuti dengan bahan-bahan lain seperti plastik, besi, aluminium dan selebihnya adalah minyak masak terpakai dan sisa organik.

## PENGURUSAN ADUAN AWAM

Tahun 2017 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 41% penerimaan aduan awam berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah keseluruhan sebanyak 494 aduan.

Kesemua aduan yang diterima sepanjang 2017 telah berjaya diselesaikan. 95% aduan diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari manakala 5% aduan

telah diselesaikan dalam tempoh kurang dari 2 bulan.

Prestasi ini mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak 95% aduan perlu diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari, ianya turut melepasi sasaran 85% penyelesaian aduan dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Biro Pengurusan Aduan Awam (BPA) dan sasaran 80% aduan selesai kurang dari 15 hari dalam objektif MS ISO 9001:2008 PPj.

## PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2008

Pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001:2008 masih berkuatkuasa dari 21 Mac 2016 sehingga 14 September 2018. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5 prosedur kualiti telah digugurkan menjadikan jumlah prosedur kualiti di Perbadanan Putrajaya sebanyak 62 prosedur. Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 di Perbadanan Putrajaya telah dapat diterima sebagai satu budaya kerja.

Terdapat 20 profil risiko *Unacceptable* masih dipantau oleh PPj dimana 8 profil berada dalam kategori *Extreme Risk,* 10 profil *High Risk* dan 2 profil *Moderate Risk.* Perlaksanaan pelan tindakan pengurusan risiko telah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Risiko (JKKR) sebanyak 3 kali tahun 2017. Sebanyak 6 siri seminar *awareness* telah dilaksanakan bagi membudayakan pengurusan risiko kepada warga Perbadanan Putrajaya.

## PENGURUSAN ICT

PPj telah membangunkan Sistem Warga Putrajaya bagi mewujudkan pangkalan data profil penduduk terkini bagi tujuan mengenal pasti perancangan pembangunan, penyediaan kemudahan penduduk bertepatan dengan kehendak masyarakat. PPj juga membangunkan Sistem Pengurusan Tempahan bagi memudahkan pengguna untuk memohon kemudahan yang disediakan oleh PPj termasuk dewan, gelanggang badminton, gelanggang futsal dan sebagainya.

Selain itu, PPj juga telah membangunkan sistem E-Lesen1Putrajaya (EL1P) bagi memudahkan perkhidmatan pengurusan lesen perniagaan di Putrajaya secara dalam talian. Pembangunan sistem ini adalah untuk memudahkan proses pengurusan lesen seperti permohonan, pembaharuan, pemantauan dan penguatkuasaan lesen di sekitar Putrajaya.



## PENGUATKUASAAN DAN PERUNDANGAN

Statistik merekodkan sebanyak 50,835 Notis Pemberitahu Kesalahan (NPK) telah dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan pada tahun 2017. Jenis kesalahan yang mencatatkan bilangan kes paling tinggi adalah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan subsidiari iaitu sebanyak 50,290 iaitu 99.8% daripada NPK yang dikeluarkan di mana kesalahan tersebut adalah seperti meletakkan kenderaan di siar kaki, meletakkan kenderaan yang menyebabkan halangan, meletakkan kenderaan di hentian bas serta meletakkan kenderaan di selekoh.

Sehingga tahun 2017, sebanyak 14 perundangan sedang dalam proses penggubalan dan masih di peringkat Jabatan Pelanggan untuk pertimbangan perkara-perkara dasar atau di peringkat semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan atau Penggubal Jabatan Peguam Negara. Jumlah keseluruhan kertas siasatan yang telah semak adalah sebanyak 5,114 kes. Sehingga 31 Disember 2017 sebanyak 3,319 saman telah diserahkan kepada orang kena saman (OKS).

## PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN

Pada penggal pertama 2017, PPj telah mengeluarkan sebanyak 9,575 bil cukai taksiran yang melibatkan penilaian semula ke atas bangunan komersial (13.18%), Perindustrian (0.96%), Harta Khas (0.22%), Perumahan (64.2%) dan Tanah Kosong (21.3%). Pada penggal kedua 2017 pula, tambahan sebanyak 1,265 kes adalah melibatkan Pindaan Senarai Nilaian.

Jumlah cukai yang dibilkan sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak **RM45,426,553.00** iaitu

peningkatan 31.4% berbanding RM29,784,895.00 pada tahun 2016.

## PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2017, Perbadanan Putrajaya telah menunjukkan jumlah aset berjumlah RM3.93 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM70.86 juta atau 1.83% berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM3.86 bilion.

PPj telah mencatatkan lebihan pendapatan bersih pada tahun 2017 berjumlah RM85.1 juta iaitu peningkatan sebanyak RM152.3 juta atau 226.58% berbanding kurangan pendapatan RM67.2 juta pada tahun 2016. Peningkatan lebihan pendapatan ini disumbangkan oleh peningkatan sebanyak RM128.08 juta atau 27% dalam jumlah pendapatan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Sejumlah RM604.09 juta telah dicatatkan dalam tahun 2017 berbanding RM476.01 juta pada tahun 2016. Peningkatan kepada lebihan pendapatan ini juga telah membawa kepada peningkatan rizab terkumpul PPj kepada RM274.1 juta pada 31 Disember 2017.

Sebanyak RM217,052,054 telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Geran Terimaan Penyelenggaraan Bandaraya Putrajaya, Geran Pengurusan PICC dan Geran Penyelenggaraan Kuarters Putrajaya dalam tahun 2017 berbanding RM222,883,648 yang diterima pada tahun 2016. Selain itu, Perbadanan Putrajaya juga telah menerima peruntukan sebanyak RM6,310,000 daripada Jabatan Perdana Menteri bagi kerja-kerja penyelenggaraan landskap di Kompleks Seri Perdana Presint 10, Kediaman Rasmi Timbalan Perdana Menteri Seri Satria Presint 16, Kompleks JPM Parcel B dan Bangunan Puspanitapuri

Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM334,823,070 atau 64.5% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Perbelanjaan penyelenggaraan Putrajaya merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya termasuk penyelenggaraan landskap, taman-taman kemudahan awam, pembersihan sisa pepejal, tasik Putrajaya, pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan penyelenggaraan kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).



## UCAPAN PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua serta berkat usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua warga Perbadanan Putrajaya, semua aktiviti yang dirancang sepanjang tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sokongan padu dan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan warganya telah berjaya mengharumkan nama PPj dan Bandar Raya Putrajaya di persada dunia apabila telah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa.

Harapan saya agar warga PPj terus komited dan bersemangat dalam meneruskan momentum kejayaan ini dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta membudayakan inovasi yang menyumbang ke arah peningkatan hasil dan memenuhi keperluan pelanggan dan masyarakat. Komitmen ini amat penting supaya PPj dapat membangunkan bandar raya ini dengan lebih terancang dan seterusnya merealisasikan visi dan misi Putrajaya Mampan menjelang tahun 2020 sekaligus mensasarkan pembentukan masyarakat sejahtera.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anggota PPj dan KWP yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama yang padu kepada PPj. Akhir sekali saya mendoakan semoga PPj akan terus maju sebagai sebuah organisasi contoh yang dihormati dan menjadi kebanggaan negara.

Sekian.

**DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL**
**PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

# MAKLUMAT KORPORAT



# MAKLUMAT KORPORAT

## VISI

Ke Arah Putrajaya Mampan 2020

## MISI

Menerajui Perancangan, Pembangunan Dan Perkhidmatan Perbandaran Untuk Kesejahteraan Putrajaya Melalui Tadbir Urus Cekap Dan Berkesan

## NILAI-NILAI BERSAMA

1. Kami mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti
2. Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilaksanakan
3. Kami bekerja dalam satu pasukan bagi menjana kebolehan dan keupayaan bersama
4. Kami mendukung dan mengamalkan integriti pada setiap masa
5. Kami prihatin kepada komuniti dan alam sekitar

## DASAR KUALITI PPJ

Membina Organisasi Yang Berprestasi Tinggi, Cekap, Mesra Pelanggan Dan Mengamalkan Tahap Tadbir Urus Dan Integriti Yang Sangat Baik.



# CARTA ORGANISASI PERBADANAN PUTRAJAYA

1 PEJABAT **PRESIDEN**

2 JABATAN **SETIAUSAHA / UNDANG-UNDANG**

3 JABATAN **AUDIT & KUALITI ASURANS**

4 JABATAN **PERKHIDMATAN KORPORAT**

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Pentadbiran
iii. Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
iv. Bahagian Komunikasi Korporat
v. Bahagian Sumber Manusia
vi. Bahagian Pengurusan Strategik

5 JABATAN **PERKHIDMATAN BANDAR**

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan & Pelesenan
iii. Bahagian Perkhidmatan Komuniti
iv. Bahagian Penguatkuasa
v. Bahagian Kesihatan Persekitaran

6 JABATAN **PERANCANGAN BANDAR**

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Pembangunan Tanah & Kelulusan Pelan
iii. Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland
iv. Bahagian Senibina & Inspektorat Bangunan
v. Bahagian Pembangunan Mampan

7 JABATAN **KEJURUTERAAN & PENYELENGGARAAN**

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Pengurusan Projek
iii. Bahagian Jalan
iv. Bahagian Pengurusan Fasiliti

8 JABATAN **LANDSKAP DAN TAMAN**

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Taman & Rekreasi
iii. Bahagian Interpretif & Pendidikan Taman
iv. Bahagian Pengurusan Kawalan Lanskap
v. Bahagian Botani

9 JABATAN **KEWANGAN**

i. Pejabat Naib Presiden
i. Bahagian Pengurusan Kewangan
ii. Bahagian Penilaian & Pengurusan Aset
iii. Bahagian Perolehan & Ukur Bahan
iv. Bahagian Pelaburan, Pengurusan Anak Syarikat & Kawalan Kredit

# ANGGOTA PERBADANAN PUTRAJAYA

1 **Pengerusi**
YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail

2 **Wakil Negeri Selangor**
YAD. Tengku Seri Wangsa DiRaja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj

3 **Wakil Negeri Selangor**
YDH. Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi

4 **Wakil Kerajaan Persekutuan**
YBhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad
(Kementerian Kewangan Malaysia)

5 **Wakil Kerajaan Persekutuan**
YBhg. Dato' Noor-Ihsan bin Hj. Che Mat
(Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri)

6 **Wakil Kerajaan Persekutuan**
YBhg. Datuk Ruzain bin Idris
(Kementerian Wilayah Persekutuan)

7 **Wakil Swasta**
YBhg. Dato' Haji Nordin bin Haji Hasan
(Growth Avenue Sdn Bhd)

8 **Wakil Swasta**
YBhg. Dato' Mustafha bin Haji Abd. Razak
(Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad)



Anggota Perbadanan Putrajaya terdiri daripada:

- Presiden Perbadanan Putrajaya yang bertindak sebagai Pengerusi
- 3 orang wakil Kerajaan Persekutuan
- 2 orang wakil Kerajaan Negeri Selangor
- 2 orang wakil swasta

Komposisi tersebut adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 5(1) Akta Perbadanan Putrajaya. Senarai Anggota Perbadanan Putrajaya sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

| Bil. | Agensi | Anggota | Tempoh Lantikan |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengerusi Perbadanan | YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail | 1.8.15 - 31.7.18 |
| 2. | Wakil Negeri Selangor | YAD. Tengku Seri Wangsa DiRaja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj | 7.4.16 - 6.4.19 |
| 3. | Wakil Negeri Selangor | YDH. Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi | 7.4.16 – 6.4.19 |
| 4. | Wakil Kerajaan Persekutuan | YBhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad (Kementerian Kewangan Malaysia) | 28.1.09 - 31.3.18 |
| 5. | Wakil Kerajaan Persekutuan | YBhg. Dato' Noor-Ihsan bin Hj. Che Mat (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri) | 1.1.17 – 30.11.17 |
| 6. | Wakil Kerajaan Persekutuan | YBhg. Datuk Ruzain bin Idris (Kementerian Wilayah Persekutuan) | 1.7.16 – 31.7.19 |
| 7. | Wakil Swasta | YBhg. Dato' Haji Nordin bin Haji Hasan (Growth Avenue Sdn Bhd) | 1.8.14 – 12.7.18 |
| 8. | Wakil Swasta | YBhg. Dato' Mustafha bin Haji Abd. Razak (Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad) | 15.12.15 - 31.7.19 |

# MESYUARAT ANGGOTA PERBADANAN PUTRAJAYA

Perbadanan telah mengendalikan 6 kali Mesyuarat Anggota Perbadanan dan 2 kali Resolusi seperti berikut:

**Bilangan Mesyuarat Anggota**

| Bil. Mesyuarat | Tarikh |
|---|---|
| 1 | 23 Februari 2017 |
| 2 | 4 Mei 2017 |
| 3 | 15 Jun 2017 |
| 4 | 24 Ogos 2017 |
| 5 | 26 Oktober 2017 |
| 6 | 20 Disember 2017 |

**Bilangan Resolusi**

| Bil. Resolusi | Tarikh |
|---|---|
| 1 | 24 April 2017 |
| 2 | 5 September 2017 |

# PENGURUSAN TERTINGGI PERBADANAN PUTRAJAYA




1 **YBhg Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail**
Presiden Perbadanan Putrajaya

2 **Puan Suhara binti Abdul Rahman**
Setiausaha Perbadanan

3 **YBhg. Dato' Rogaizat bin Abdullah**
Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Korporat

4 **YBhg. Datuk Azizi bin Ahmad Termizi**
Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Bandar

5 **YBhg. Datuk (Ir.) Razali bin Jarmin**
Naib Presiden
Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan

6 **YBhg. Dato' Fadlun bin Mak Ujud**
Naib Presiden
Jabatan Perancangan Bandar

7 **YBhg. Datuk (LAr.) Baharuddin bin Aziz**
Naib Presiden
Jabatan Landskap dan Taman

8 **Encik Kamaruddin bin Dolmat**
Naib Presiden
Jabatan Audit dan Kualiti Asurans

9 **Encik Nik Shukri bin Nik Soh**
Naib Presiden
Jabatan Kewangan

## JAWATANKUASA AUDIT PERBADANAN PUTRAJAYA

### PENGERUSI

**YBhg. Dato' Haji Mustafha bin Haji Abdul Razak**
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

### AHLI

**YBhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad**
Kementerian Kewangan Malaysia

**YBhg. Datuk Ruzain bin Idris**
Kementerian Wilayah Persekutuan

**YBhg. Dato' Noor-Ihsan bin Haji Che Mat**
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

## ALAMAT PEJABAT YANG BERDAFTAR

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**Kompleks Perbadanan Putrajaya**
**24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya, MALAYSIA**

# LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA



# LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA

## PENUBUHAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996. Tujuan penubuhan Perbadanan Putrajaya adalah mengurus dan mentadbir Wilayah Persekutuan Putrajaya.

## FUNGSI PERBADANAN PUTRAJAYA

Fungsi Perbadanan Putrajaya sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536] merangkumi perkara-perkara seperti yang berikut:

(a) melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
(b) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
(c) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan
(d) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya.

## AKTIVITI UTAMA MENGIKUT JABATAN:

### PEJABAT SETIAUSAHA PERBADANAN / JABATAN UNDANG-UNDANG

- Memberi khidmat kesetiausahaan kepada Anggota Perbadanan termasuk menyediakan dan menyemak kertas-kertas mesyuarat yang akan dibentangkan ke Mesyuarat Anggota Perbadanan
- Memberi nasihat undang-undang berkenaan perkara yang dirujuk oleh Perbadanan Putrajaya dan yang berkaitan anak-anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya
- Membuat penyelidikan undang-undang
- Mengkaji, menyemak dan mendraf dokumen undang-undang bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya dilindungi (seperti dokumen perjanjian, memorandum persefahaman, *Tender, Request for Proposal (RFP)* dan Sebut Harga
- Menggubal rang undang-undang prinsipal dan undang-undang subsidiari
- Meminda dan mengubahsuai undang-undang sedia ada
- Menyediakan kes dan menjalankan pendakwaan di mahkamah
- Mengendalikan rayuan kompaun
- Menyelaras pengendalian kes guaman sivil di mahkamah dan timbangtara

### JABATAN AUDIT DAN KUALITI ASURANS

- Menyediakan Rancangan Audit Tahunan (RAT) untuk kelulusan Presiden dan Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya.
- Mengkaji tahap pematuhan kepada dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang sedang berkuatkuasa.
- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.
- Memastikan aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Menilai penjimatan, kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber-sumber PPj.
- Mengkaji sama ada aktiviti PPj diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Mengenal pasti masalah dan mengesyorkan langkah-langkah mengatasinya.
- Memberi nasihat / pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk ICT.
- Menentukan keberkesanan data pengurusan PPj.
- Merancang dan menyelaras pengurusan risiko.
- Mengurus Auditan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001).
- Melaporkan hasil pengauditan kepada Presiden dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan; dan

- Membentangkan Laporan Audit Dalam di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit PPj.
- Membangunkan pengurusan kesinambungan perkhidmatan (BCM).
- Menjalankan tugas berkaitan integriti bagi organisasi.

**JABATAN PERKHIDMATAN KORPORAT**

- Menyediakan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelan berkenaan.
- Mengurus pencapaian KPI Presiden dan KPI Kementerian Wilayah Persekutuan.
- Mengurus pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang PBT dan Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan PBT.
- Mengurus dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dan memastikan ianya dilaksanakan secara berterusan serta menambahbaik pelaksanaannya dari semasa ke semasa.
- Merancang dan menyediakan dasar dan prosedur pengurusan sumber manusia Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan pembangunan organisasi dan urusan perjawatan Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan urusan pengambilan, penempatan dan pertukaran pegawai Perbadanan Putrajaya selaras dengan program pusingan kerja dan pembangunan kerjaya pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya.
- Pembangunan Pelan Strategik ICT Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelaksanaan Pelan Pembangunan Inisiatif ICT.
- Merekabentuk, membangun dan menyelenggara sistem-sistem atau aplikasi mengikut fungsi-fungsi utama Perbadanan Putrajaya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Pengurusan Keselamatan ICT iaitu *Backup/Data Recovery Center (DRC)* di Presint 14, *Firewall, Intruder Detection System, Anti-virus*, ISO 27001:2013 (ISMS) serta Dasar Keselamatan ICT.
- Menguruskan dan menganjurkan majlis dan acara rasmi serta menguruskan lawatan dan aktiviti penggambaran.
- Menguruskan promosi pelancongan dan publisiti berkaitan dengan Putrajaya.
- Menguruskan aduan dan khidmat pelanggan.
- Menguruskan Perhubungan Awam dan Media
- Menguruskan kombo PPj dan pelbagai program-program kesenian dan kebudayaan.
- Mengurus hal-ehwal pengurusan Kompleks PPj, Kompleks Pejabat Kedutaan Presint 15 dan Pangsapuri PPj Presint 11 merangkumi aspek kebersihan, keceriaan, keselamatan dan penyelenggaraan.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pelbagai aktiviti yang meliputi pentadbiran am, aset, prasarana, perkhidmatan keselamatan dan kenderaan pejabat.
- Mengurus hal-ehwal kenderaan dan pengangkutan merangkumi aspek perolehan, tempahan, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat, pembaharuan cukai jalan serta pengeluaran waran penerbangan.



## JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR

- Menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang, peraturan, garis panduan dan undang-undang kecil semasa serta membenteras kelakuan kurang sopan, kegiatan perjudian, laku musnah dan penyalahgunaan kemudahan awam.
- Melaksanakan aktiviti advokasi keselamatan jalan raya kepada komuniti Putrajaya selaras dengan matlamat Sifar Kemalangan Maut Jalan Raya
- Mengadakan latihan/kursus perniagaan kepada peniaga dan penjaja
- Memproses permohonan lesen-lesen Penjaja, Premis Perniagaan, Papan Tanda Perniagaan, Iklan Sementara dan Kafe Luaran di dalam Putrajaya
- Mengurus permohonan serta pelantikan pengusaha/operator premis perniagaan dan memantau operasi dari segi kebersihan dan penyenggaraan.
- Merancang, melaksana, mentadbir dan menilai dasar, peraturan dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan mengurus dasar, garis panduan dan proses yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran operasi perkhidmatan kemudahan masyarakat seperti Kompleks Kejiranan, Pusat Pembelajaran Kejiranan, Tanah Perkuburan serta kemudahan dan peralatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan melaksanakan dasar, peraturan serta aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sukan dan rekreasi serta perkhidmatan kemudahan yang berkaitan dengannya.
- Memantau kerja-kerja pembersihan (pungutan sampah berjadual, pemotongan rumput, sapuan jalan dan pembersihan perparitan)
- Melaksanakan program dan aktiviti kitar semula
- Menjalankan penggredan premis makanan
- Menjalankan kawalan vektor nyamuk serta kawalan kacau ganggu anjing dan kucing liar



## JABATAN PERANCANGAN BANDAR

- Memproses kelulusan pelan-pelan pemajuan
  - Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan
  - Kelulusan Mendirikan Bangunan
  - Kelulusan Pelan Kerja Tanah
  - Kelulusan Pelan Jalan dan Perparitan
  - Kelulusan Permit Sementara
  - Kelulusan Pelan Kerja-kerja Kecil dan Ubahsuai
- Penguatkuasaan perancangan, pembangunan, kawalan alam sekitar, aktiviti tasik, mengikut akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan
- Menguruskan permohonan melalui Pusat Setempat (OSC).
- Perlaksanaan Pembangunan Pusat Tahfiz Putrajaya dan Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya.
- Pengurusan Operasi Tadika Islam MAIWP Sulaimaniyyah Presint 18, Putrajaya
- Menyelaras pelaksanaan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di kawasan Putrajaya sebanyak 18,094 unit.
  - Perancangan pembangunan sehingga penyerahan pemilikan kosong mengikut jadual.
  - Pemantauan dan penguatkuasaan projek
  - Pengurusan ke atas tawaran unit, rayuan dan aduan pembeli
  - Menyelaraskan tuntutan dana mudah cara pemaju.
- Menyelaras aktiviti-aktiviti komuniti melalui Program-program Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya
- Menyediakan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 (RSP 2025), Rancangan Tempatan Putrajaya dan lain-lain Penyelidikan Perancangan
- Menyelaras Perlaksanaan Inisiatif Karbon Rendah Bandar Hijau Putrajaya bagi mencapai PGC 2025
- Perancangan, Pengawasan melalui Perlaksanaan Sistem Kawalan Punca Pencemaran Alam Sekitar (SKPPAS) dan Promosi Kesedaran Alam Sekitar.
- Menguruskan Tasik dan Wetland secara bersepadu dari aspek perancangan dan pembangunan

meliputi kawasan persiaran, pengurusan kawalan tadahan, kawasan persisiran.
- Mengawasi operasi penyelenggaraan dan aktiviti di Tasik dan Wetland termasuk pengawasan kualiti air dan biologi, tumbuhan wetland, burung dan ikan.
- Perlaksanaan Inisiatif-inisiatif Bangunan Hijau (*Green Building*) di Putrajaya.
- Perlaksanaan inisatif reka bentuk sejagat.

## JABATAN KEJURUTERAAN DAN PENYELENGGARAAN

- Mengurus, menyelaras serta melaksanakan kerja operasi dan penyelenggaraan serta penambahbaikan pada jalan (termasuk infrastruktur di dalam rezab jalan), jambatan, terowong, cerun, sistem pengairan dan saliran, sesalur kabel ICT, lampu jalan, lampu isyarat, tempat letak kereta, taman permainan kanak-kanak, pesisiran tasik, *common utility trench*, terowong monorel/lrt, sistem lalu lintas dan trafik serta lain-lain komponen infrastruktur milik perbadanan putrajaya.
- Menguruskan perlaksanaan projek-projek pembangunan jalan dan infrastruktur merangkumi perancangan, perlantikan perunding, rekabentuk, perolehan dan pembinaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan serta mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.
- Mengurus, mentadbir dan menyelia bagi kontrak kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan bangunan milik perbadanan putrajaya, kuarters pangsapuri kerajaan, kompleks kejiranan, medan selera, perpustakaan, pasar, depoh penyelenggaraan, krematorium, pusara negara, dataran pahlawan, taman awam, kemudahan awam dan gelanggang permainan.
- Menguruskan perlaksanaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dalam bidang senibina, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrikal yang merangkumi perancangan, perlantikan perunding, penyediaan rekabentuk, pengurusan perolehan dan pembinaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan, memenuhi kehendak pelanggan serta mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.

## JABATAN LANDSKAP DAN TAMAN

- Perancangan dan Pembangunan Taman-taman Awam dan Rekreasi di Putrajaya.
- Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap di Kediaman Rasmi Kompleks Seri Perdana, Sri Satria, Kediaman Rasmi Presiden, Kompleks JPM, Puspanitapuri, 10 buah Taman-taman Awam, 10 Presint-Presint Kejiranan dan Presint Diplomatik, 4.2 km Persiaran Perdana (*Boulevard*), 38 km Sisiran Putrajaya (*Promenad*), 68 km Jalan-jalan Protokol, + 600,000 Pokok-pokok Ameniti serta lain-lain kawasan landskap, sukan dan rekreasi.
- Pengoperasian Program dan Aktiviti Taman-taman dari sudut Pendidikan dan Interpretif serta Sewaan Tapak dan Perkhidmatan Taman-taman dan Kawasan Landskap.
- Pengurusan Botani selaku *Mother of All Gardens* berobjektifkan Konservasi, Koleksi Herbarium, Pendidikan dan Rekreasi yang menjadi sumber rujukan taman-taman lain.
- Perancangan dan Kawalan Landskap – Kelulusan Landskap (eSKL), Kelulusan Pemasangan Pagar, Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC), Kelulusan Pengalihan dan Penebangan Pokok serta Kelulusan Penggunaan Kawasan Lapang.
- Penganjuran Floria Di Raja bersama dengan Pengurusan Anak Syarikat Putrajaya Floria Sdn. Bhd (PFSB).
- Perkhidmatan Hortikultur dan Hiasan Florikultur.
- Pengurusan Hidupan Liar.



## JABATAN KEWANGAN

- Mengawal dan menguruskan belanjawan tahunan Perbadanan Putrajaya.
- Menyelaras bajet Rancangan Jangka Panjang Lima Tahun Perbadanan (Rancangan Malaysia).
- Menguruskan pelaburan jangka pendek (simpanan tetap) di dalam institusi kewangan dan perbankan yang diluluskan.
- Menyedia, mengemaskini dan menguatkuasakan Peraturan Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain peraturan berkaitan dari semasa ke semasa.
- Menyediakan Penyata Kewangan tahunan dan penyata kewangan disatukan Perbadanan Putrajaya.
- Menguruskan pembayaran emolumen kepada pekhidmat PPj dan pembayaran kepada pembekal/kontraktor PPj.
- Melaksanakan pemantauan dan naziran pengurusan kesemua saluran kutipan hasil.
- Membuat Penilaian bagi maksud cukai taksiran/kadaran
- Membuat Penilaian bagi maksud tuntutan sumbangan membantu kadar (SMK).
- Mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama berpandukan Akta Pengurusan Strata 2013.
- Menguruskan pendaftaran aset melalui perolehan Belian Terus, Inden Kerja, Interim Kerja, Interim Pembayaran dan *Petty Cash* dan aset-aset yang diperolehi oleh Anak Syarikat PPj.
- Mengurus dan menyelaras proses pelupusan, kehilangan dan hapuskira aset milikan Perbadanan Putrajaya.
- Menentukan caj atau caruman kepada kumpulan wang penjelas yang kena dibayar oleh pembeli atau pemunya atau pemilik petak jika mereka tidak berpuas hati dengan jumlah caj yang dikenakan oleh pemaju atau JMB atau MC.
- Mengurus, menyelaras dan melaksanakan kaedah perolehan dengan teratur dan lancar mengikut prosedur/ tatacara perolehan yang telah ditetapkan di Perbadanan Putrajaya.
- Memastikan pentadbiran tender, kontrak dan perolehan Perbadanan Putrajaya berjalan dengan lancar dan teratur mengikut syarat-syarat kontrak dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya serta tugas kawalan kos bagi memastikan pentadbiran kontrak adalah sepadan dengan nilai yang diperolehi.
- Memantau prestasi Anak Syarikat dan pematuhan atas keperluan Berkanun.
- Memantau prestasi pelaburan dan usaha sama yang telah dilaksanakan.
- Merekod dan memperakaunkan aktiviti-aktiviti hasil Perbadanan Putrajaya melalui penjanaan bil.
- Menganalisa dan melaporkan prestasi penghutang kepada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya.






# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2017, Perbadanan Putrajaya telah menunjukkan aset berjumlah RM3.93 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM70.86 juta atau 1.83% berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM3.86 bilion. Peningkatan ini terutamanya adalah disebabkan oleh peningkatan pada Hartanah Pelaburan yang berjumlah RM425.2 juta pada tahun 2016 menjadi RM499.01 juta pada tahun 2017. Selain itu, Simpanan Tetap juga turut menunjukkan peningkatan sebanyak RM40 juta sehingga 31 Disember 2017 berbanding tempoh yang sama tahun 2016.

## Jumlah Aset PPJ




| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 2,946,546,925 | 2,987,123,804 |
| Hartanah Pelaburan | 499,013,479 | 425,211,000 |
| Pelaburan Di Dalam Syarikat Subsidiari | 1,779,999 | 1,779,999 |
| Pelbagai Penghutang | 128,125,155 | 138,735,882 |
| Pembiayaan Kenderaan | 1,556,000 | 1,556,762 |
| Pembiayaan Komputer | 359,534 | 399,843 |
| Stok | 694,888 | 764,212 |
| Bayaran Terdahulu | 325,494 | 321,174 |
| Simpanan Tetap | 337,000,000 | 297,000,000 |
| Baki Bank dan Tunai di Tangan | 23,748,689 | 15,390,247 |

PPj telah mencatatkan lebihan pendapatan bersih pada tahun 2017 berjumlah RM85.1 juta iaitu peningkatan sebanyak RM152.3 juta atau 226.58% berbanding kurangan pendapatan RM67.2 juta pada tahun 2016. Peningkatan lebihan pendapatan ini disumbangkan oleh peningkatan sebanyak RM128.08 juta atau 27% dalam jumlah pendapatan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Sejumlah RM604.09 juta telah dicatatkan dalam tahun 2017 berbanding RM476.01 juta pada tahun 2016.

Peningkatan kepada lebihan pendapatan ini juga telah membawa kepada peningkatan rizab terkumpul PPj kepada RM274.1 juta pada 31 Disember 2017. Perbandingan lebihan / kurangan pendapatan dan rizab terkumpul PPj bagi tempoh lima tahun sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti di Rajah 1 dan 2.

### Rajah 1: Pendapatan dan Perbelanjaan PPj 2013-2017



| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah Pendapatan | 422,167,361 | 447,264,588 | 456,729,772 | 476,015,472 | 604,097,073 |
| Jumlah Perbelanjaan | 431,422,202 | 523,115,247 | 542,330,661 | 543,253,741 | 518,988,278 |
| Lebihan/Kurangan Pendapatan | (9,254,841) | (75,850,659) | (85,600,889) | (67,238,269) | 85,108,795 |

### Rajah 2: Rizab Terkumpul PPj




## PENDAPATAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Pecahan Pendapatan yang diperakaunkan oleh Perbadanan Putrajaya bagi Kumpulan Wang Mengurus (tidak termasuk geran hasil, yang merupakan transaksi perakaunan tanpa melibatkan penyaluran wang) bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti berikut:

| Tahun | Geran Kerajaan Persekutuan (RM) | Pendapatan Daripada Operasi (RM) | Lebihan Jualan Harta Tetap (RM) | Jumlah Pendapatan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 2013 | 122,000,000 | 165,331,338 | 2,568,881 | **289,900,219** |
| 2014 | 172,730,200 | 172,977,967 | - | **345,708,167** |
| 2015 | 167,850,000 | 179,184,565 | 66,156,214 | **413,190,779** |
| 2016 | 222,883,648 | 253,104,591 | 27,233 | **476,015,472** |
| 2017 | 217,052,054 | 329,768,949 | - | **546,821,003** |
| **JUMLAH** | **902,515,902** | 1,100,367,410 | **68,752,328** | **2,071,635,640** |

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak RM902.5 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2013 sehingga 2017 bagi membiayai sebahagian daripada kos penyelenggaraan Putrajaya. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan merujuk kepada peruntukan yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Geran Penyelenggaraan Bandaraya, Pengurusan PICC dan Penyelenggaraan Kuarters. Peruntukan yang diterima pada tahun 2017 sebanyak RM217,052,054 berbanding RM222,883,648 yang diterima pada tahun 2016.

Sebagai sebuah badan berkanun yang menjalankan fungsi sebagai PBT, pendapatan yang diperolehi melalui operasi dan aktiviti adalah 54.6% daripada jumlah pendapatan. Turut termasuk dalam pendapatan operasi adalah pendapatan yang diperolehi melalui Sumbangan Membantu Kadar yang diterima daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi bangunan-bangunan dan kuarters yang dimiliki oleh Kerajaan. Pada tahun 2017, pecahan pendapatan daripada operasi PPj adalah seperti berikut :

**Pendapatan Daripada Operasi PPj Bagi Tahun 2017**




## PERBELANJAAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Sementara itu, perbelanjaan Perbadanan Putrajaya (Kumpulan Wang Mengurus) bagi tahun 2017 turut menunjukkan sedikit penjimatan berbanding yang dicatatkan pada tahun 2016. Penjimatan dalam perbelanjaan sebanyak RM24.2 juta atau 4.46% adalah selaras dengan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat. Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM334,823,070 atau 64.5% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Perbelanjaan penyelenggaraan Putrajaya merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya termasuk penyelenggaraan landskap, taman-taman kemudahan awam, pembersihan sisa pepejal, tasik putrajaya, pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan penyelenggaraan kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

Bagi menampung perbelanjaan ini, PPj telah menggunakan keseluruhan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya yang diterima di samping turut ditampung daripada dana dalaman Perbadanan sendiri. Perbelanjaan ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa bagi memastikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dapat di urus secara cekap dan berkesan agar memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat. Perbandingan perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya, PICC dan Kuarters Putrajaya dan Terimaan Geran Penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun (2013-2017) adalah seperti jadual berikut:

| Tahun | Jumlah Geran Diterima (RM) | Jumlah Perbelanjaan Penyelenggaraan (RM) | Jumlah Penggunaan Sumber Dana Dalaman (RM) |
|---|---|---|---|
| 2013 | 122,000,000 | 205,124,895 | 83,124,895 |
| 2014 | 172,730,200 | 291,903,100 | 119,172,900 |
| 2015 | 167,850,000 | 322,761,457 | 154,911,457 |
| 2016 | 222,883,648 | 341,759,258 | 118,875,610 |
| 2017 | 217,052,054 | 334,823,070 | 117,771,016 |
| **JUMLAH** | **902,515,902** | **1,496,371,781** | **593,855,878** |

Di samping itu, perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj ditanggung sepenuhnya oleh PPj melalui sumber pendapatan dalaman. Perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj merangkumi perbelanjaan emolumen, tuntutan perjalanan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan pembaikan kecil, cukai dan insurans, perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti, penganjuran acara dan bekalan pejabat.

### Perbelanjaan Operasi PPJ Bagi Tahun 2017




## PERUNTUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

PPj juga turut menerima peruntukan bagi Kumpulan Wang Pembangunan bagi projek-projek pembangunan di Putrajaya mengikut *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-11. Peruntukan Pembangunan yang diterima pada tahun 2017 di bawah *Rolling Plan 2* Rancangan Malaysia Ke-11 adalah sebanyak RM9,000,300. PPj turut menerima peruntukan sebanyak RM2 juta di bawah *NKEA – Vitalizing* bagi projek pembangunan Pusat Penyelenggaraan Bot Putrajaya Presint 19 dalam tahun 2017.

## PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI

Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd (PULSE Group) telah dilantik menjadi Syarikat Induk dengan pegangan 100% ekuiti oleh Perbadanan Putrajaya. Manakala Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd, Marina Putrajaya Sdn Bhd, Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd (PICC) dan Putrajaya Floria Sdn Bhd yang sebelum ini adalah syarikat subsidari Perbadanan Putrajaya telah menjadi Syarikat Sub-Subsidari Perbadanan Putrajaya. Butiran Syarikat Subsidiari dan Sub-Subsidairi PPj adalah seperti jadual berikut:

Butir-butir Syarikat Subsidiari adalah seperti berikut:-

| Nama | Kegiatan Utama | Kepentingan Ekuiti |
|---|---|---|
| Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. (PULSE Group) | Bertindak sebagai syarikat induk bagi menguruskan syarikat - syarikat bersekutu Perbadanan Putrajaya | 100% |

Butir-butir Syarikat Sub-Subsidiari adalah seperti berikut:-

| Nama | Kegiatan Utama | Kepentingan Langsung Perbadanan | Kepentingan Langsung PULSE Group | Pegangan Efektif Perbadanan |
|---|---|---|---|---|
| Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd. | Menyedia perkhidmatan bas di dalam dan Luar Putrajaya, mengurus Tempat Letak Kereta dan aktiviti pelancongan | 20% | 80% | 100% |
| Marina Putrajaya Sdn. Bhd. | Mengurus Pusat Maritim, Cruise Tasik Putrajaya, Pusat Rekreasi Air Taman Wetland dan Kompleks Sukan Air Putrajaya | 20% | 80% | 100% |
| Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd. | Mengurus dan mentadbir Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) | 20% | 80% | 100% |
| Putrajaya Floria Sdn. Bhd. | Mengurus penganjuran Festival Floria Diraja, Taman Warisan Putrajaya, produk hortikultur dan Anjung Floria Event Centre | 20% | 80% | 100% |

Pada 11 Disember 2017, syarikat subsidiari iaitu Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. telah memeterai satu perjanjian untuk melupuskan kepentingannya di dalam syarikat subsidiari, Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd, sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan bas di dalam dan luar Putrajaya, mengurus tempat letak kereta dan aktiviti pelancongan. Pelupusan syarikat subsidiari dijangka selesai dalam tahun 2018.

## HARTANAH, LOJI & PERALATAN

Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, nilai hartanah, loji & peralatan milikan PPj adalah sebanyak RM2,946 juta. Amaun ini adalah setelah mengambilkira susut nilai terkumpul yang berjumlah sebanyak RM939.9 juta. Hartanah, Loji & Peralatan milikan Perbadanan adalah merangkumi tanah, bangunan, infrastruktur, taman-taman, tasik & wetland, loji dan jentera, peralatan, perabot dan kelengkapan, kenderaan, buku dan komputer. Perbadanan turut mempermodalkan aset kuda yang dikategorikan di dalam kelas aset hidupan.

### Hartanah, Loji dan Peralatan PPJ Bagi Tahun 2017




## HARTANAH PELABURAN

Mulai tahun kewangan 2017, tanah dan bangunan yang dipegang untuk tujuan sewaan atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, telah diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan. Sehingga 31 Disember 2017, nilai hartanah pelaburan yang direkodkan oleh PPj adalah sejumlah RM499.01 juta yang turut termasuk jumlah susutnilai terkumpul sejumlah RM106.02juta. Hartanah Pelaburan PPj diukur pada nilai kos selepas ditolak susutnilai terkumpul, dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Pecahan Hartanah Pelaburan PPj sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

### Hartanah Pelaburan PPj




## TANGGUNGAN DAN LIABILITI SEMASA

Sehingga 31 Disember 2017, jumlah tanggungan PPj di dalam liabiliti semasa adalah seperti berikut:-

| Butiran | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pemiutang - KWM | 160,473,254 |
| Pemiutang - KWP | 943,977 |
| Wang Tahanan Projek | 16,589,835 |
| Deposit & Cagaran | 14,477,538 |
| Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | 10,691,355 |
| **JUMLAH** | **203,175,959** |

# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

## *Malaysian Landscape Architecture Award 2016*

**Tarikh Diperolehi**
22 April 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
*Institute Of Landscape Architect/ International Federation Of Lanscape Architects (IFLA)*

**Anugerah**
*Merit Awards for Government Category – Green Initiatives Award For Taman Etnobotani Putrajaya*




## Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Utara (Pulau Pinang)

**Tarikh Diperolehi**
16 Ogos 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**Anugerah**
*Gold Award* kepada Kumpulan KIK SUST-GEN

## ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) Awards

**Tarikh Diperolehi**
12 September 2017



## *CWA Annual Conference 2017 - Poster Prize*

**Tarikh Diperolehi**
28 September 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
*Constructed Wetland Association, United Kingdom.*

**Anugerah**
*2nd Prize for Putrajaya Case Study - Constructed wetland in an urban ecosystem*




## Hari Inovasi JKR Malaysia 2017

**Tarikh Diperolehi**
3 Oktober 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
Jabatan Kerja Raya Malaysia

**Anugerah**
Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif.
Kategori :Teknikal
Kepada Kumpulan PutraVerve (Kumpulan Hybrid PPj-JKR Putrajaya)

## Hari Alam Sekitar Negara

**Tarikh Diperolehi**
21 Oktober 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

**Anugerah**
Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 (Bandar Lestari)
Inisiatif : Eco City

## Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2017

**Bagi inisiatif :**

1. Penyediaan Laluan Basikal (Kategori Perbandaran / Perbadanan)
2. Pembangunan Kebun Kejiranan (Kategori Perbandaran / Perbadanan)

**Tarikh Diperolehi**
11 November 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan

**Anugerah**
Anugerah Penghargaan

## *Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2017* (First World, Genting Highland)

**Tarikh Diperolehi**
16 November 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**Anugerah**
*Gold Award* kepada Kumpulan KIK SUST-GEN

## Sambutan Hari Inovasi & Kecemerlangan Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi 2017

**Tarikh Diperolehi**
21 November 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
Kementerian Wilayah Persekutuan

**Anugerah**
Tempat Kedua Pertandingan Pameran @ *Showcase* Terbaik

## *International Quality and Productivity Convention (IQPC) 2017* (Padang, Indonesia)

**Tarikh Diperolehi**
27 - 30 November 2017

**Penganjur/ Agensi Pengiktirafan**
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**Anugerah**
*Gold Award* kepada Kumpulan KIK SUST-GEN



# PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR



# PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

**PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PUTRAJAYA**

Bermula dengan pembentukan Pelan Induk Putrajaya pada tahun 1994 yang berkonsepkan bandar dalam taman, pembangunan Putrajaya terus berkembang pesat. Lebih kurang 70% dari keluasan tanah Putrajaya iaitu 4,391 hektar yang dibahagikan kepada 20 presint termasuk tasik dan wetland pada hari ini telah dibangunkan. Sebagai sebuah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, pembangunan kompleks pejabat kerajaan kini hampir siap sepenuhnya dengan fasa terakhir Kompleks Pejabat Kerajaan F dijangka siap suku pertama tahun 2019.

Selaras dengan perkembangan semasa dan hasrat kerajaan untuk menjadikan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai peneraju bandar hijau di Malaysia, Perbadanan Putrajaya mengambil langkah pro aktif dengan menggubal Rancangan Struktur 2025 yang bertemakan Bandar Hijau.

Seiring dengan komitmen Kerajaan Malaysia dalam mengurangkan kesan karbon sehingga 40%, amalan mampan mula diterapkan dalam proses perancangan dan pembangunan Putrajaya. Antaranya, pemeliharaan kawasan hijau, pengurangan penggunaan tenaga, mempraktikan Amalan Bangunan Mampan dan menggalakkan aplikasi teknologi hijau dalam perancangan bandar.

Sepanjang tempoh 2017, sebanyak 887 permohonan pemajuan telah diterima dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat. Manakala sebanyak 57 bangunan telah siap dibina dan dikeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Menjelang tahun 2025, Perbadanan Putarajaya perlu memastikan keperluan kemudahan awam, infrastruktur dan pembangunan rumah kediaman untuk golongan sasaran akan dibangunkan dan disediakan mengikut perancangan .

## KAWALAN PERANCANGAN

Pada 17 November 2017, Sistem Pemantauan OSC 3.0 telah diperkenalkan bagi pemprosesan Permohonan Kebenaran Merancang. Jenis permohonan adalah sebagaimana berikut:

a. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur
b. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan
c. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan (KMPB)
d. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan Sementara (KMPBS)
e. Permohonan Lanjutan Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan
f. Permohonan Perubahan Material (tukar guna kediaman kepada tadika / taska)
g. Permohonan Kebenaran Merancang Alamat Premis

## KAWALAN BANGUNAN

Perbadanan melalui Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan, Jabatan Perancangan Bandar berperanan dalam memproses permohonan kelulusan pelan bangunan yang merangkumi:

a. Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan
b. Permohonan Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai Bangunan

Antara permohonan yang telah diluluskan adalah;

i. Pembangunan Plot 8MD3 yang dimajukan oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd. Cadangan pembangunan bercampur 8MD3 ini, menyediakan pangsapuri kediaman, pangsapuri perkhidmatan, ruang perniagaan, podium ruang komersil, ruang tempat letak kenderaan dan dewan acara yang menghadap tasik serta Pusat Pentadbiran Kerajaan dan Masjid Sultan Zainal Abidin dengan Keluasan Lantai Kasar (GFA) 230,123 meter persegi;
ii. Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Dalur yang mengandungi 500 unit kediaman beserta 13 Unit Kedai dan kemudahan lain di Presint 18, Putrajaya.

Sebagai salah satu usaha bagi memastikan keseragaman ubahsuai yang boleh dibenarkan dalam tahun 2017, Perbadanan Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan telah menyiapkan empat (4) garis panduan iaitu;

**i. Garis Panduan Membina Struktur Tangga Tambahan Bagi Taska dan Tadika – GP 559;**
**ii. Garis Panduan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai – Pelan Setara Zero – Lot Danau Mutiara, P16;**
**iii. Garis Panduan Pemasangan Jeriji House Rules PPAM;**
**iv. Garis Panduan Reka Bentuk dan Spesifikasi Kolam Renang**

## PUSAT SETEMPAT PPj (OSC) DAN KELULUSAN PELAN-PELAN CADANGAN PEMAJUAN

Objektif utama Pusat Setempat, Perbadanan Putrajaya (OSC PPj) diwujudkan adalah bertujuan untuk menyelaras dan memantau semua proses permohonan cadangan pemajuan yang lengkap di Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk diuruskan dengan cekap, teratur dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

OSC PPj selaku antara pasukan barisan hadapan *(frontliner)* yang berurusan dengan pihak Perunding, Pemaju, Pemilik atau Kontraktor untuk kelulusan permohonan cadangan pemajuan mengikut tempoh masa piagam permohonan yang telah ditetapkan. Menerusi OSC PPj, semua permohonan daripada pihak Perunding, Pemaju, Pemilik atau Kontraktor perlu dikemukakan melalui Kaunter Pusat Setempat (OSC), Perbadanan Putrajaya.

Pada 17 November 2017, Sistem Pemantauan OSC 3.0, PPj telah dibangunkan oleh Perbadanan Putrajaya bagi tujuan menerima, merekod dan memantau semua permohonan cadangan pemajuan di Putrajaya sehingga pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Jumlah kelulusan pelan-pelan cadangan pemajuan bagi tahun 2017 adalah terdiri daripada berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Permohonan Serentak | : | 64 permohonan |
| Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur | : | 24 permohonan |
| Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan | : | 88 permohonan |
| Kebenaran Merancang Perubahan Material | : | 5 permohonan |
| Kelulusan Mendirikan Bangunan | : | 57 permohonan |
| Kelulusan Pelan Landskap | : | 17 permohonan |
| Kelulusan Pelan Kerja Tanah | : | 20 permohonan |
| Kelulusan Pelan Jalan dan Perparitan | : | 17 permohonan |
| Kelulusan Pelan Lampu Jalan & Lampu Isyarat | : | 6 permohonan |
| Kelulusan Permit Sementara | : | 114 permohonan |
| Kelulusan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai | : | 121 permohonan |
| Kelulusan Pemasangan Pagar | : | 22 permohonan |
| Kelulusan Permit-Permit Kerja | : | 167 permohonan |
| Kelulusan Alamat Premis | : | 19 permohonan |
| Kelulusan Penamaan Bangunan | : | 4 permohonan |
| Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) | : | 53 permohonan |

**Statistik jumlah kelulusan pelan-pelan cadangan pemajuan bagi tahun 2017**



Di antara pembangunan-pembangunan utama yang telah diluluskan pada tahun 2017 adalah sepertimana berikut :

1. Cadangan Pembangunan Perumahan Penjawat Awam (PPAM) yang mengandungi 404 Unit Kediaman, beserta 5 Aras Tempat Letak Kenderaan Bertingkat, di atas P.T. 12109 (Plot 17RM1), seluas 4.09 ekar dan kerja-kerja menaiktaraf sebahagian jalan, Presint 17, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

2. Cadangan Pembangunan 4 Blok Kondominium yang mengandungi 324 Unit Rumah dan kemudahan berkaitan di atas Lot P.T. 14064 (Plot 17RP3), Presint 17, Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk Putrajaya Homes Sdn. Bhd.

3. Cadangan Pembangunan 148 Unit Rumah Berkembar 2 1/2 Tingkat di atas sebahagian Plot 12R1, Presint 12, Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk Putrajaya Homes Sdn. Bhd.

4. Cadangan Pembangunan 24 Unit Kedai / Pejabat 2 - 3 Tingkat di atas Plot P19P4, Presint 19, Putrajaya untuk Putrajaya Homes Sdn. Bhd.

5. Cadangan Pembangunan 3 Blok Pangsapuri yang mengandungi 882 Unit Kediaman, berserta 5 Aras Podium Tempat Letak Kereta Bertingkat, di atas Lot P.T 14061 Plot (18R11) seluas 11.603 ekar dan menaiktaraf Lingkaran Hijau seluas 0.331 ekar, Presint 18, Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk Perbadanan Putrajaya.

6. Cadangan Pembangunan 86 Unit Rumah Teres 3 Tingkat di atas P.T 12929 (Plot 5R8), Presint 5, Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk Putrajaya Homes Sdn. Bhd.

# PROJEK PERUMAHAN PENJAWAT AWAM (PPAM) PUTRAJAYA

## PERLAKSANAAN PPAM PUTRAJAYA

PPAM adalah satu program perumahan yang sebelum ini dinamakan Projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM). Dengan perlaksanaan PPAM ini, ianya dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk menyediakan rumah kediaman yang selesa, berkualiti dan mampu dimiliki terutama bagi penjawat awam.

Pembangunan PPAM Putrajaya sebanyak 18,094 unit dilaksanakan secara berperingkat mengikut perlaksanaan Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3. Secara keseluruhan, perlaksanaan PPAM Putrajaya adalah seperti mana jadual berikut :

| Fasa | PPA1M | Plot, Presint | Unit |
|---|---|---|---|
| Fasa 1 | Selasih | Presint 17 | 1,000 |
| | Jintan | Presint 16 | 517 |
| | Pudina | Presint 17 | 1,504 |
| | Larai | Presint 6 | 1,680 |
| | Melinjau | Presint 11 | 650 |
| | Palma | Presint 11 | 263 |
| | Seruling | Presint 5 | 1,062 |
| | Ketumbar | Presint 17 | 800 |
| | Kasturi | Presint 17 | 404 |
| | | **Jumlah** | **7,880** |
| Fasa 2 | Tanjung | Presint 5 | 1,350 |
| | Cengkih | Presint 16 | 500 |
| | Saderi | Presint 16 | 1,100 |
| | Melur | Presint 19 | 1,681 |
| | Cempaka | Presint 19 | 811 |
| | Dalur | Presint 18 | 500 |
| | | **Jumlah** | **5,942** |
| Fasa 3 | Serunai | Presint 5 | 982 |
| | Rebana | Presint 5 | 430 |
| | Teratai | Presint 12 | 880 |
| | Mawar | Presint 19 | 1,280 |
| | Cemara | Presint 11 | 700 |
| | | **Jumlah** | **4,272** |
| | | **Jumlah Keseluruhan** | **18,094** |

## PENCAPAIAN PPAM PUTRAJAYA TAHUN 2017

Pada tahun 2017, sebanyak 2,943 unit rumah PPAM daripada jumlah keseluruhan 7,880 unit Fasa 1 telah siap dibina melibatkan PPAM Palma, Selasih dan Larai. Majlis Serahan Kunci bagi projek-projek ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 27 Mac 2017 dan 19 Jun 2017.

Pembangunan Fasa 2 yang merangkumi 5,942 unit rumah PPAM telah memulakan kerja di tapak pada bulan Disember 2017. Secara keseluruhannya, pencapaian pembangunan PPAM Putrajaya Fasa 1 adalah seperti jadual berikut :

| PPAM Fasa 1 | Peratus Pencapaian (Disember 2017) | Serahan Kunci |
|---|---|---|
| Palma | Telah Siap | 27 Mac 2017 |
| Larai | Telah Siap | 27 Mac 2017 |
| Selasih | Telah Siap | 19 Jun 2017 |
| Jintan | 90% | Q2,2018 |
| Pudina | 99% | Q2,2018 |
| Melinjau | 93% | Q2,2018 |
| Seruling | 78% | Q4,2018 |
| Ketumbar | 31% | Q1,2019 |
| Kasturi | Mula pembinaan pada Januari 2018 | Q1,2021 |

## MENANDATANGANI PERJANJIAN JUAL BELI PPAM PUTRAJAYA

Seramai hampir 6,676 orang pembeli PPAM Putrajaya telah menandatangani dokumen Perjanjian Jual Beli (SPA) PPAM Putrajaya pada tahun 2017.

## PENYERAHAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) DAN SERAHAN KUNCI UNIT PPAM PUTRAJAYA

Pembangunan PPAM telah berjaya disiapkan mengikut jadual perancangan dengan penyerahan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi PPAM Palma yang telah diadakan pada 2 Mac 2017, PPAM Larai pada 15 Mac 2017 serta PPAM Selasih pada 10 April 2017.




Majlis Penyerahan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) PPAM Selasih



Majlis Serahan Kunci PPAM Selasih pada 19 Jun 2017



Majlis Serahan Kunci PPAM Larai pada 27 Mac 2017

## RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2025

Visi Rancangan Struktur Putrajaya 2025 adalah "Putrajaya Mampan 2025 - Bandar Dalam Taman Ke Arah Bandar Hijau". Rancangan Struktur Putrajaya 2025 yang telah diwartakan pada 7 Mac 2014, menggariskan 8 Polisi Utama dalam memacu pembangunan Putrajaya.



**POLISI 1**

Melonjakkan Putrajaya Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Yang Cemerlang




**POLISI 2**

Membangunkan Ekonomi Bandar Yang Progresif Dan Pelbagai



**POLISI 3**

Memperkukuhkan Pelancongan Sebagai Fungsi Ekonomi Utama



**POLISI 4**

Memperkasakan Persekitaran Hidup Komuniti



**POLISI 5**

Putrajaya Ke Arah Bandar Hijau



**POLISI 6**

Melaksanakan Sistem Pengangkutan Bersepadu



**POLISI 7**

Menerapkan Pengurusan Guna Tanah Yang Responsif Dan Boleh Diadaptasikan



**POLISI 8**

Menerapkan Perkongsian Berkesan Dan Urus Tadbir Yang Baik

Dari semasa ke semasa, Rancangan Struktur Putrajaya akan terus berfungsi bagi menyokong Rancangan Fizikal Negara dan Dasar Perbandaran Negara di peringkat nasional. Pada masa kini, Rancangan Fizikal Negara ke-3 dan Dasar Perbandaran Negara ke-2 telah meletakkan Putrajaya dan Kuala Lumpur di dalam hierarki Bandar Global.

Lab Pengurusan Semakan Pencapaian Polisi dan Dasar Rancangan Struktur Putrajaya 2025 telah diadakan pada 26 Julai 2017 bersama-sama dengan semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam pembangunan Putrajaya. Hasil dan rumusan Lab Pengurusan ini akan dijadikan sebagai asas bagi Kajian Semula Rancangan Struktur dengan mengambilkira dasar-dasar terkini seperti Rancangan Fizikal Negara ke-3, Dasar Perbandaran Negara ke-2, *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan *New Urban Agenda (NUA).*

## RANCANGAN TEMPATAN

Bagi menyokong pencapaian setiap polisi utama di dalam Rancangan Struktur Putrajaya, Rancangan Tempatan digubal bagi memperincikan cadangan serta tindakan di peringkat tempatan. Pada masa ini, Putrajaya mempunyai 8 Rancangan Tempatan yang meliputi keseluruhan kawasan Putrajaya termasuk yang telah diwartakan, dalam proses pengubahan dan dalam proses pewartaan.

Sepanjang tempoh 2017, Rancangan Tempatan Presint 2, 3, 4 & 18 (Pengubahan) telah diwartakan pada 23 Februari 2017, manakala Rancangan Tempatan Presint 11 dan Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 & 10 ini telah mendapat kelulusan dari YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 19 Jun 2017 dan dalam proses pewartaan. Terdapat keperluan pengubahan Rancangan Tempatan disebabkan oleh :

a) Keperluan pematuhan Polisi, Inisiatif dan Program Rancangan Struktur Putrajaya 2025 yang telah diwartakan pada 7 Mac 2014.
b) Selaras Dengan Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976). Pengubahan RT boleh dibuat sekiranya terdapat perubahan guna tanah dalam peta cadangan dan penyataan bertulis.
c) Terdapat perubahan guna tanah terkini yang mengambil kira keperluan dan permintaan perancangan semasa.
d) Keperluan penyemakan semula keupayaan kapasiti infrastruktur, kemudahan utiliti dan kemudahan masyarakat sedia ada berdasarkan kepada permintaan semasa dan akan datang.

# BANDAR HIJAU PUTRAJAYA

Konsep pembangunan yang diterapkan dalam Pelan Induk Putrajaya pada tahun 1995 berteraskan 'Bandar Dalam Taman' yang mengutamakan prinsip pembangunan mampan di samping menggalakkan interaksi manusia dengan alam semula jadi telah menyediakan satu landasan kukuh sebagai pra-syarat untuk bergerak ke arah matlamat Putrajaya sebagai bandar hijau karbon rendah.

Perkara yang memerlukan perhatian sekarang adalah memperkukuhkan lagi landasan sedia ada dengan memperkembangkannya lagi sebagai skop-skop inisiatif jangka panjang. Bagi tujuan ini, tujuh skop tumpuan utama telah dikenalpasti iaitu:

i. Perancangan bandar dan bangunan;
ii. Mengintegrasikan alam semula jadi dalam alam bina;
iii. Penggunaan tenaga;
iv. Penggunaan air;
v. Pengangkutan dan mobiliti;
vi. Pengurusan sisa; dan
vii. Pentadbiran dan pengurusan bandar.

Di samping itu, tiga sasaran kuantitatif yang telah disyorkan untuk Putrajaya adalah:

i. Pengurangan perlepasan karbon sebanyak 60%;
ii. Pengurangan suhu puncak sebanyak 20 °C; dan
iii. Mengurangkan pembuangan sampah ke tapak pelupusan sampah sebanyak 50% melalui pengurusan sisa pepejal

## INVENTORI TAHAP PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU (GHG) PUTRAJAYA 2017

Bermula dari tahun 2010, Perbadanan Putrajaya telah menjalankan inventori terhadap tahap pelepasan gas rumah hijau (GHG) di Putrajaya sebagai langkah pengukuran pencapaian inisiatif bandar hijau yang telah dijalankan. Bagi tahun 2017, jumlah pelepasan karbon adalah 1,530kt$CO_2$eq berbanding tahun 2016 iaitu 1,538kt$CO_2$eq, ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.5%.

### Tahap Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) di Putrajaya 2007,2012-2017




### Perlepasan GHG berdasarkan tiga sektor utama dan perlepasan GHG berdasarkan sumber






## PROGRAM PELAPORAN PENGGUNAAN TENAGA DAN PELEPASAN KARBON (BECO$_2$R)

Program pelaporan penggunaan tenaga dan pelepasan karbon (BECO$_2$R) merupakan satu inisiatif baru yang diperkenalkan oleh Perbadanan Putrajaya pada tahun 2017. BECO$_2$R bertujuan untuk mengurangkan lagi pelepasan karbon sektor bangunan khasnya bangunan sedia ada yang telah beroperasi di Putrajaya. Ia merupakan satu mekanisma pemantauan building *performance* secara *bottom up* dan melibatkan semua pihak berkepentingan sektor bangunan (*building stakeholders*) di peringkat operasi seperti pemilik / pengurus / penyewa / pengguna bangunan.

### Enam Komponen Utama Program BECO$_2$R




Selaras dengan program BECO$_2$R, insentif yang Perbadanan menawarkan adalah bersifat kapasiti pembangunan antaranya:




Latihan Sistem Pelaporan Data atas Talian (BCIS) telah dianjurkan pada 15, 16, 23 dan 29 Ogos 2017 bersama 115 orang peserta terdiri daripada wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya, syarikat pengurus bangunan pejabat kerajaan, pengurus bangunan jabatan kerajaan, Putrajaya International Convention Centre (PICC), pemaju, pegawai Perbadanan Putrajaya (PPj).




Taklimat MS1525: *Code of Practice on Energy Efficiency and Use of Renewable Energy for Non-Residential Buildings* telah dianjurkan pada 17 Oktober 2017 bersama 80 orang peserta terdiri daripada wakil dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya, Putrajaya International Convention Centre (PICC), pemaju, dan pegawai Perbadanan Putrajaya (PPj).




Latihan Pengurusan Tenaga (Tahap Pengenalan) yang dikendalikan bersama Rakan Strategik *Sustainable Energy Development Authority Malaysia* (SEDA) telah dianjurkan pada 21 dan 22 Oktober 2017. Latihan ini dihadiri oleh seramai 60 orang peserta terdiri daripada wakil syarikat pengurus bangunan pejabat kerajaan, pengurus bangunan jabatan kerajaan, syarikat pengurus bangunan apartmen Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), Putrajaya International Convention Centre (PICC), Institut Kanser Negara (IKN), dan pegawai Perbadanan Putrajaya (PPj).

## PENAMBAHBAIKAN LALUAN KHAS BASIKAL DI PUTRAJAYA

Bagi tujuan meningkatkan lagi penggunaan basikal sebagai salah satu alternatif mod pengangkutan karbon rendah di Putrajaya, kemudahan laluan basikal sedia ada telah ditambah baik. Laluan khas basikal sepanjang 20.6km yang melibatkan Persiaran Perdana (Presint 1-5), laluan utama Presint 8, 9 dan 18 telah di naik taraf untuk meningkatkan lagi keselesaan dan keselamatan pengguna. Antara skop projek penambahbaikan laluan khas basikal ini melibatkan skop kerja utama seperti berikut :

i. Penandaan laluan khas basikal yang lebih jelas (Persiaran Perdana).
ii. Penggantian bahan binaan kepada jenis *anti skid* yang dihasilkan daripada gelas kitar semula (Persiaran Perdana).
iii. Mengecop simbol laluan basikal (Presint 8 & Presint 18)
iv. Mengalihkan halangan laluan basikal.
v. Mengecilkan saiz petak tanaman landskap di belakang hentian bas.
vi. Mengalih bangku, tong sampah, lampu, menjarakkan bollard.
vii. *Kerb Cut Treatment.*
viii. Pemasangan Lampu Isyarat Laluan Basikal & Papan Tanda Peringatan.




Penambahbaikan dari Skop Penandaan Laluan Khas Basikal yang lebih jelas di Persiaran Perdana






Penambahbaikan dari Skop Pemasangan Papan Tanda Peringatan

### PENYERAHAN OPERASI MESIN PELUPUSAN SISA ORGANIK BERSKALA KECIL DI TADIKA ISLAM MAIWP SULAIMANIYYAH, PRESINT 18, PUTRAJAYA

Sebuah mesin pelupusan sisa organik berskala kecil telah disumbangkan oleh Syarikat Merry Corporation, Japan kepada Perbadanan Putrajaya dan ditempatkan di Tadika Islam MAIWP Sulaimaniyyah, Presint 18, Putrajaya. Tujuan utama adalah untuk mendidik dan menggalakkan gaya hidup karbon rendah di kalangan generasi muda khasnya pelajar - pelajar di peringkat tadika.





Mesin pelupusan sisa organik tersebut dapat melupuskan pelbagai jenis sisa organik sebanyak 10kg sehari. Proses penguraian sisa organik bagi mesin tersebut adalah menggunakan Bio Chip yang berfungsi menguraikan sisa organik dalam tempoh 24 jam.

## PROGRAM BANDAR SELAMAT

### BANDAR SELAMAT

Program Bandar Selamat di Malaysia diwujudkan pada tahun 2004 di atas arahan kabinet yang bermesyuarat pada 28 Januari 2004. Majlis Negara untuk Kerajaan Tempatan pada Oktober 2004 mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) utama melaksanakan Program Bandar Selamat.

Program Bandar Selamat di Putrajaya telah mula dilaksanakan selepas penubuhan Jawatankuasa Bandar Selamat pada 4 September 2008 bagi menjalankan pembangunan projek fizikal dan program berkaitan dengan Bandar Selamat. Sebanyak empat (4) pasukan *Task Force* telah dibentuk iaitu :

| *TASK FORCE* 1 | *TASK FORCE* 2 | *TASK FORCE* 3 | *TASK FORCE* 4 |
|---|---|---|---|
| Pencegahan Jenayah & Gejala Sosial | Rekabentuk Persekitaran Yang Selamat | Infrastruktur & Amenities Keselamatan Jalan Raya Serta Pendidikan Kesedaran Awam | Pencegahan Denggi Di Putrajaya |

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 66 program telah dilaksanakan dengan kerjasama 29 agensi terlibat di bawah Jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya. Antaranya Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pejabat Kesihatan Putrajaya. Di antara program-program utama yang dilaksanakan oleh 4 *Task Force* Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya adalah seperti :

a. Pembangunan Pondok Polis Bit Di Pusat Pelawat Presint 15, Putrajaya
b. Aktiviti Gotong-Royong Bersama Komuniti Bagi Kawalan Wabak Denggi
c. Program Peronda Lintasan Sekolah Di Putrajaya
d. Pemantauan Warga Asing Di Perumahan Putra Harmoni, Presint 9, Putrajaya
e. Program Pendidikan dan Penguatkuasaan Pencegahan Dadah
f. Program Jom Ronda Bersama IPD Putrajaya
g. Latihan *Fire Drill* Di Bangunan Kerajaan Putrajaya
h. Program Kesihatan dan Pencegahan Penyakit
i. Menaiktaraf *Putrajaya Command Centre*

## Bilangan program, Aktiviti dan Projek Fizikal Bandar Selamat Putrajaya 2017




Antara program-program yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 seperti berikut;



Pembangunan Pondok Polis Bit Di Pusat Pelawat, Present 15, Putrajaya.



Pemantauan Warga Asing Di Kawasan Perumahan Putra Harmoni, Presint 9, Putrajaya.



Menaiktaraf *Putrajaya Command Centre* yang merangkumi *Fine Pitch LED Video Wall System, Intelligent White Board* dan *Full HD Digital Display*.

# LOCAL AGENDA 21 PUTRAJAYA

Local Agenda 21 Putrajaya merupakan satu program yang bermatlamat untuk mewujudkan kerjasama dan persepakatan di antara Perbadanan Putrajaya, agensi kerajaan, agensi swasta, NGO dan khususnya komuniti tempatan, untuk bersama-sama meneruskan usaha menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar mampan menjelang 2020.

Ia juga merupakan satu pendekatan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan perbandaran khususnya dalam program-program prihatin rakyat dalam pelbagai perspektif agenda tempatan seperti Agenda Pembangunan Fizikal berasaskan konsep *Place Making* Agenda Kecemerlangan Pendidikan, Agenda Mampan Sejahtera, Agenda Pembangunan Imej & *Capacity Building*, Agenda Landskap & *Greening for Sustainable Future* serta Agenda Pembangunan Program 3R dan Kitar Semula.

Pelaksanaan Local Agenda 21 Putrajaya juga selaras dengan Inisiatif 4.5, Polisi 4, Rancangan Struktur Putrajaya 2025, iaitu "Menggalakkan Pembangunan Masyarakat Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Berasaskan Komuniti", yang bertujuan memberi impak secara langsung kepada rakyat / penduduk setempat dalam usaha membentuk kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu, harmoni, maju, dinamik dan progresif.

Pada tahun 2017, Sebanyak 63 program telah dilaksanakan di bawah pelbagai agenda yang merangkumi program-program berbentuk fizikal, pendidikan, kerohanian, ekonomi serta bengkel kemasyarakatan yang progresif, dengan tujuan untuk terus mempertingkatkan martabat komuniti Putrajaya dan pembangunan modal insan masyarakat setempat.

**63** Program

**12,543** Penyertaan

**20** Rakan Kongsi

Projek Fizikal (Placemaking) **5**

Agenda Mampan Sejahtera **8**

Agenda Pembangunan Imej & '*Capacity Building*' **2**

Agenda Landskap & '*Greening For Sustainable Future*' **48**

Program-program yang telah dilaksanakan ini, melibatkan penglibatan seramai 12,543 orang peserta yang terdiri dari seluruh lapisan masyarakat iaitu dari golongan warga emas sehingga kanak-kanak.

Sebanyak 20 rakan kongsi strategik yang terdiri dari masyarakat setempat, sektor awam, sektor swasta dan NGO, telah terlibat secara menyeluruh dan telah sama-sama menggembleng tenaga untuk menjayakan program-program yang di anjurkan di bawah Local Agenda 21 Putrajaya, iaitu :

a. Kementerian Wilayah Persekutuan
b. Jabatan Pendidikan WP Putrajaya
c. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
d. Jabatan Pembangunan Wanita
e. Jabatan Kesihatan WP Putrajaya
f. Putrajaya Holdings Sdn Bhd
g. Alam Flora Sdn Bhd
h. *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*
i. Lestari, Universiti Kebangsaan Malaysia
j. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
k. Yayasan Bank Rakyat
l. Yayasan Anak Warisan Alam
m. Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP)
n. Majlis Pengetua Semenanjung Malaysia (Putrajaya)
o. Majlis Guru Besar Putrajaya
p. Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Putrajaya
q. Majlis Perwakilan Penduduk WP Putrajaya
r. Biro Pendidikan UMNO Putrajaya
s. Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya
t. KRU Academy

Pemimpin masyarakat (*Local Champion*) yang terdiri dari komuniti setempat turut memainkan peranan yang aktif dalam usaha menggerakkan dan menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam menjayakan program dan projek berkonsepkan persepakatan Local Agenda 21 Putrajaya.

Pelaksanaan program-program yang digubal khas untuk pelbagai peringkat dan segmen masyarakat, akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun-tahun akan datang selaras dengan hasrat membina sebuah masyarakat Putrajaya yang berdaya maju, serta

memperkukuhkan jalinan kerjasama pintar dan penglibatan aktif ke arah pembentukan komuniti Putrajaya yang mampan.



Projek Tangan Seni Putrajaya : *Mural Wall* Presint 8 – Presint 10, yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan WP Putrajaya dan Yayasan Bank Rakyat.



Projek Penternakan Madu Kelulut di Taman Rimba Alam, Presint 15 oleh komuniti Presint 15H, Putrajaya.

## PENGURUSAN ALAM SEKITAR PUTRAJAYA

### SISTEM TELEMETRI KAWALAN PUNCA PENCEMARAN ALAM SEKITAR (SKPPAS)

Sistem Kawalan Punca Pencemaran Kualiti Alam Sekitar (SKPPAS) adalah program pengawasan kualiti air secara **telemetri** (*on line*) yang mencerap data kualiti air secara berterusan (24 jam) pada sela masa 15 minit.

Sistem telemetri yang dipasang di 5 lokasi, berfungsi untuk memberi amaran awal (*early warning system*) kemasukan bahan cemar di peringkat *upstream* ke dalam sistem tasik seterusnya membantu tindakan penguatkuasaan ke atas pihak pencemar dan memantau *trend* insiden pencemaran tersebut secara berterusan.



Keadaan salah satu stesen di Tasik Putrajaya.

Maklumat dan data yang diperolehi boleh digunasama dengan agensi luar seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi tindakan penguatkuasaan secara bersepadu untuk punca pencemaran projek-projek bersempadanan dengan Putrajaya seperti MARDI, IOI, Cyberjaya dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2017, beberapa insiden pencemaran utama telah diselesaikan setelah menerima amaran awal dari Sistem SKPPAS, seperti berikut:

**SKPPAS 01 (Seri Bakti)**
Insiden pencemaran di Tasik Presint 1 yang berpunca dari limpahanair kumbahan dari tandas awam I-Center Pr. 1 dan kebocoran tangki penyimpanan minyak di TBMF Presint 16. Tindakan penyelenggaraan dan pemulihan telah dilaksanakan oleh kontraktor PPj.

**SKPPAS 02 (*Lake Valley*)**
Insiden pencemaran di Lake Valley Presint 8 yang berpunca dari air sisa dari aktiviti di Pasar Awam Presint 8 di alirkan secara terus ke dalam sistem peparitan awam.

**SKPPAS 03 (*Outlet* Presint 9,10 & 11)**
Empat insiden pencemaran minyak di muara Tasik Presint 10 telah dikesan sepanjang 2017. Punca kejadian adalah :-

i. Tumpahan minyak berhadapan projek pembangunan di Presint 11;
ii. Pembuangan sisa dari aktiviti memasak ke tanah di salah sebuah surau di Presint 9;
iii. Pembuangan sisa minyak enjin ke dalam sistem perparitan di Kuarters Penjawat Awam, Presint 9; dan
iv. Pembuangan beg plastik sampah yang mengandungi minyak enjin terpakai di dalam *Gross Pollution Trap* (GPT) Sistem Perparitan Awam Presint 11.

**SKPPAS 04 (*Cyberjaya Inlet*)**
Insiden pencemaran kualiti air di Tasik Presint 8 (*inlet* dari Cyberjaya) yang dikesan semula pada 17 Mei 2017 yang berpunca dari kawasan Cyberjaya.

**SKPPAS 05 (Marina)**
Dua insiden pencemaran minyak di Tasik Presint 5 telah dikesan sepanjang 2017. Punca kejadian adalah:-

i. Tumpahan minyak petrol semasa aktiviti pengisian minyak yang dijalankan oleh pengendali-pengendali *speed bot* di Jeti Marina. Tindakan pembersihan pencemaran minyak telah dijalankan oleh kontraktor PPj. Amaran kepada pengendali *speed bot* agar memastikan kerja-kerja pengisian minyak dibuat secara lebih terkawal; dan
ii. Kebocoran sistem perpaipan di Restoran berhampiran dan tindakan pembaikan telah dijalankan kontraktor terbabit.



Keadaan pencemaran di Kolam D, Lake Valley Presint 8.



Pencemaran minyak hitam di muara Tasik Presint 10.

## AKTIVITI AUDIT / PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN ALAM SEKITAR

Pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar yang yang telah dilaksanakan sepanjang 2017 melibatkan kawasan tapak bina, premis perniagaan, pemantauan hujung minggu, pemantauan debu dan pengawalan bunyi bising seperti graf di bawah:

### Ringkasan Aktiviti Pengurusan Alam Sekitar Tahun 2017.






Penguatkuasaan di Tapak Bina



Audit alam sekitar di premis makanan.

# EKOSISTEM BANDAR

## PENGURUSAN BERSEPADU TASIK DAN WETLAND PUTRAJAYA

Inisiatif untuk meningkatkan kualiti ekologi, badan air dan biodiversiti Putrajaya diberi perhatian utama ke arah pencapaian Polisi 5, Rancangan Struktur Putrajaya 2025, di bawah transformasi Putrajaya ke arah Bandar Hijau Putrajaya. Justeru, aspek pengurusan bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya, yang melibatkan pelbagai program dilakukan secara berterusan. Aspek pengurusan bersepadu dilaksanakan secara berkesan bagi memperkasakan pencapaian *output* dan *outcome* menepati objektif pembangunan tasik secara jangka panjang. Justeru keperluan kerja harian dan berkala, pemantauan (*monitoring*) mendapatkan data serta tindakan pengurusan (*management measures*) dilaksanakan secara sistematik merangkumi kerja-kerja berikut :

### PENYELENGGARAAN TUMBUHAN WETLAND

Penyelenggaraan tumbuhan wetland dilaksanakan dengan cekap agar berfungsi dengan baik untuk menyaring mendakan, menyerap nutrien berlebihan, menambah kandungan oksigen terlarut dan sebagainya melalui beberapa proses fizikal dan biokimia yang kompleks. Penyelenggaraan tumbuhan wetland adalah termasuk kerja penuaian (*harvesting*) serta penanaman semula (*replanting*). Pada tahun 2017, kerja penuaian tumbuhan wetland dilaksanakan seluas 4.75 hektar kawasan wetland dan sisiran tasik Presint 1 (Taman Wawasan). Sejumlah 144,000 anak pokok tumbuhan wetland pelbagai spesies juga telah ditanam di lokasi sel wetland Upper North 3 (UN3) dan Upper Bisa 1 (UB1).



Penuaian tumbuhan wetland yang tepu serta tidak efisyen dilaksanakan di Central Wetland pada Oktober 2017

### PEMBUANGAN KELODAK

Pada tahun 2017, kerja pembuangan kelodak dilaksanakan di sel *wetland Upper Bisa 1* (UB1) dengan jumlah isipadu kelodak sebanyak 130,000m$^3$. Timbunan kelodak yang memenuhi 71% sel perlu dikeluarkan bagi meningkatkan keupayaan wetland berfungsi sebagai penapis bahan cemar dengan mendapatkan semula rekabentuk bagi menakung jumlah isipadu air yang diperlukan sebagainya pelan rekabentuk asal.

### PEMANTAUAN KUALITI AIR TASIK DAN *WETLAND*

Persampelan dilaksanakan secara berkala dengan frekuensi serta parameter tertentu di 17 lokasi sejak tahun 2001. Bacaan bagi tahun 2017 merekodkan data purata Indeks Kualiti Air (IKA) 90.4 iaitu dalam julat Kelas II, sesuai untuk aktiviti sukan dan rekreasi air melibatkan sentuhan kulit secara langsung. Meskipun begitu, terdapat juga kes insiden terpencil seperti limpahan bahan cemar serta kemasukan nutrien berlebihan yang menyebabkan kembangan algae setempat (*localized algae bloom*) di lokasi perairan Presint 1 (berhampiran pier 1), Presint 5 dan Presint 8 (Lembah Tasik) yang ditangani dengan baik dari semasa ke semasa.

**Bacaan Indeks Kualiti Air bulanan bagi tahun 2017**



Insiden pencemaran tasik (*anaerobic condition*) pada April dan Disember 2017 di sel wetland *Upper Bisa 1* (UB1) dan *Upper Bisa 2* (UB2) yang menyebabkan air berbau busuk, berwarna kehitaman serta mengakibatkan hidupan akuatik mati, memberi pengajaran penting tentang keperluan menganalisa data secara berterusan. Keperluan mengetahui status kualiti air semasa adalah mandatori bagi memastikan tindakan segera dilaksanakan untuk menghapus bahan cemar di peringkat punca dengan cekap dan berkesan.

Strategi pemantauan kualiti air bagi tahun 2018 adalah bersifat kawalan di peringkat awal dengan memberi penekanan kepada data-data yang dikumpulkan di setiap pintu masuk (*inlet point*) ke tasik.

Justeru syor-syor hasil kajian Penambahbaikan Kualiti Air Tasik Putrajaya akan dilaksanakan pada tahun 2018 dengan tiga (3) inisiatif utama, iaitu yang pertama (1) membasmi bahan cemar di dalam badan air dengan kaedah *algae removal* atau *water destratification*. Kedua (2) adalah kawalan di sisiran tasik (*the littoral area*) seperti *extension of fore-bays* di *inlet* tasik dengan pembinaan mini wetland sebagai pra-rawatan untuk air larian khususnya semasa hujan lebat (*stormwater*) dan yang ketiga (3) adalah kawalan *beyond the lake* iaitu kawalan peringkat punca yang secara langsung akan memastikan tiada aliran bahan cemar ke tasik. Keperluan pra-rawatan dalam setiap plot pembangunan seperti perangkap minyak dan gris juga *gross pollutant trap* kedua sebelum air memasuki perparitan awam dan seterusnya ke tasik.

**PENILAIAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI (BIODIVERSITI)**

Pemantauan burung merekodkan 72 spesies burung dengan 21 spesies daripadanya adalah burung hijrah yang singgah di sini antara bulan Oktober hingga December 2017 khususnya di sel Upper Bisa, Presint 16. Meskipun begitu, beberapa spesies burung hijrah ini telah menjadikan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai habitat dan terus berada di sini meskipun musim burung hijrah telah berakhir. Antaranya termasuklah *Purple Heron* (*Ardea purpurea*), *Cattle Egret* (*Bubulcus ibis*), *Intermediate Egret* (*Mesophoyx Intermedia*) dan *Little Egret* (*Egretta garzetta*). Pulau-pulau di *Central Wetland* juga telah menjadi habitat baru burung-burung ini. Pada tahun 2017 direkodkan buat pertama kali koloni burung air menghuni serta mula membuat sarang. Diyakini faktor ketersediaan makanan serta perlindungan yang diperolehi daripada pokok-pokok yang ditanam di sini seperti *Pometia pinnata* (Kasai) dan *Melaleuca cajuputi* (Gelam) memenuhi keperluan yang dikehendaki.



Spesies amfibia baru di Tasik dan *Wetland* Putrajaya ditemui pada 2017. *Malayan Slender Tree Frog* (*Polypedates discantus*).

Pemantauan fauna *terrestrial* (pinggiran akuatik) juga merekodkan penemuan 9 spesies amfibia, 7 spesies reptilia dan 11 spesies mamalia. 1 spesies amfibia baru jenis katak pertama kali ditemui di sini ialah *Malayan Slender Tree Frog (Polypedates Discantus)*.

**Bilangan dan spesies anak ikan yang telah dilepaskan ke Tasik Putrajaya pada tahun 2017**

| Spesies | Jumlah | Sumber |
|---|---|---|
| Jelawat | 4,000 | Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar, Glami Lemi, Negeri Sembilan. |
| Kelah | 1,050 | Pusat Pengembangan Akuakultur, Perlok, Pahang |
| Temoleh | 5 | |
| Patin | 5,000 | |
| Terbol | 5,000 | |
| **Jumlah** | **15,055** | |

Persampelan ikan yang dilaksanakan pada Ogos dan Disember 2017 merekodkan 22 spesies termasuklah Kelah, Temoleh, Tengalan. Baung Sungai, Lampam Jawa, Lampam Sungai, Jelawat, Belida, Temperas dan Ketutu.

Ikan Tilan pertama kalinya diperolehi dalam persampelan bulan Ogos 2017. Di bawah program ini juga, sebanyak 15,055 benih ikan spesies Kelah, Temoleh, Jelawat, Terbol dan Patin dilepaskan ke tasik. Hubungan kerjasama ini dikukuhkan lagi bila mana 1 ekor induk ikan Temoleh 2.5kg dan 10 ekor ikan Lampam Sungai dengan berat 400 hingga 500 gram yang dinaikkan semasa pertandingan memancing di Tasik Putrajaya diserahkan kepada Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar, Glami Lemi, Negeri Sembilan untuk dijadikan induk penetasan.



Ikan Temoleh yang ditangkap akan dilepaskan semula ke tasik setelah pengukuran saiz serta timbangan berat direkodkan

Dari aspek serangga, keseluruhannya sebanyak 523 spesies serangga direkodkan pada tahun 2017 termasuk 85 spesies rama-rama dan kupu-kupu. Dengan data-data kehadiran pelbagai kumpulan spesies fauna vertebrata serta kumpulan serangga dari order Ephemeroptera, Tricoptera dan Odonata (pepatung) yang menjadi petunjuk biologi yang baik (*good indicator*), ianya menentusahkan bahawa ekosistem akuatik wetland buatan adalah habitat yang kondusif kepada pelbagai spesies haiwan.

**PENGURUSAN KESELAMATAN AKTIVITI DI TASIK**

Tasik Putrajaya telah dipilih sebagai *venue* utama Sukan SEA 2017 bagi acara Ski Air, *Triahtlon* dan Renang Terbuka. Acara yang berlangsung pada 17 hingga 30 Ogos 2017 telah menyumbangkan sebanyak lima (5) emas bagi ski air, dua (2) emas bagi renang terbuka dan satu (1) gangsa bagi acara *Triathlon.*

Selain daripada Sukan SEA 2017, pasukan kawalan keselamatan aktiviti tasik terlibat secara aktif dalam kesemua acara yang berlangsung di Tasik Putrajaya, termasuklah kejohanan *Oceanman, Triathlon* dan *Asean Open Water* dengan penyertaan atlet dari dalam dan luar negara.





Pasukan kawalan keselamatan bertugas semasa Sukan Sea 2017

**PENYERTAAN PIHAK AWAM DALAM PENGURUSAN TASIK DAN WETLAND PUTRAJAYA**

Bagi memperkukuhkan pengiktirafan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai tapak UNESCO-IHP yang menekankan kepada 3 proses saintifik penting iaitu ekosistem (biotik), proses hidrologi dan penglibatan pihak awam, program-program berikut telah dilaksanakan:

i. ***Ecohydrology Malaysia Forum 2017* dan Penubuhan *Ecohydrology Malaysia Chapter* (EMC)**
   Program *Ecohydrology Malaysia Forum 2017* telah berlangsung pada 4 hingga 6 Disember 2017 di Perbadanan Putrajaya. Program telah berjaya menarik perhatian penyertaan seramai 92 orang dari 20 buah agensi pelbagai latarbelakang seperti universiti, agensi penyelidikan kebangsaan, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Kemuncak majlis ini adalah pelancaran penubuhan *Ecohydrology Malaysia Chapter* yang dirasmikan oleh Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman, Timbalan Naib Canselor UKM. Penubuhan *Ecohydrology Malaysia Chapter (EMC)* dengan pengiktirafan Perbadanan Putrajaya selaku *role model* memperkasakan amalan pendekatan ekohidrologi dalam pengurusan Tasik dan *Wetland* Putrajaya yang telah diiktiraf di peringkat dunia.



Pelancaran penubuhan *Ecohydrology Malaysia Chapter* yang dirasmikan oleh Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman, Timbalan Naib Canselor UKM

ii. ***Putrajaya Lake and Wetland Explorace 2017***
*Putrajaya Lake and Wetland Explorace 2017 (PLWE 2017)* anjuran Perbadanan Putrajaya dengan sokongan Suruhanjaya Kebangsaan Malaysia (SKUM) dan UNESCO-IHP Malaysia, edisi ke-6 berlangsung pada 4 hingga 5 Disember 2017. Program disertai oleh 160 pasukan iaitu 320 pelajar Institusi Pengajian Tinggi dari 35 buah IPTA/IPTS seluruh Semenanjung Malaysia. Pertandingan ini membawa peserta melalui perjalanan sejauh 20km, menjelajah seluruh pelusuk kawasan Wetland Putrajaya serta sebahagian kawasan Tasik bagi menyempurnakan 10 tugasan khusus berkaitan pembelajaran fungsi dan kepentingan pengurusan Tasik dan *Wetland* Putrajaya.



Sebahagian peserta *Putrajaya Lake and Wetland Explorace 2017.*

- **Pertandingan Memancing Putrajaya 2017**
Penganjuran Pertandingan Memancing Putrajaya telah memasuki tahun yang ke-17 pada tahun ini. Acara kali ini berlangsung pada 5 Februari 2017 di sisiran tasik Presint 2,3 dan 4 bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Pertandingan pada kali ini telah berjaya menarik minat 1836 orang pemancing termasuk 1 peserta bukan warganegara Malaysia. Johan Pertandingan Memancing dinobatkan kepada Mohd Zahari bin Zainodin yang berjaya menaikkan ikan Temoleh dengan berat 8.140kg (81.40 mata) pada jam 10.19 pagi. Beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM7,000 berserta hamper. Manakala Mohd Fadli bin Yoosuf dan Azdfarezal bin Supian pula mendapat tempat kedua dan ketiga, masing-masing berjaya dengan hasil tangkapan Temoleh seberat 6.165 kg (61.65 mata) dan 3.365kg (33.65 mata). Pemenang tempat kedua menerima wang tunai RM5000, manakala tempat ketiga menerima RM3000. Secara keseluruhannya sebanyak 218 ekor ikan berjaya dinaikkan dengan spesies Lampam merupakan yang terbanyak iaitu 55.05%, diikuti oleh Rohu, Baung, Temoleh, Tilapia dan Jelawat.

- **Lawatan Penanda Aras (*Bench-marking*) ke Tasik dan *Wetland* Putrajaya**
Sebagai tapak *Operational Demonstration Site UNESCO-IHP*, Tasik dan *Wetland* menjadi tempat pilihan lawatan-lawatan teknikal program penanda aras agensi-agensi khususnya yang berkaitan kajian dan penyelidikan saintifik serta operasi dan pengurusan badan air. Delegasi luar negara yang hadir termasuklah dari *Regional Centre on Urban Water Management* dari Tehran, Delegasi *Nanning City*, China, Indah *Water Training Centre* bersama Delegasi dari I*ndia Urban Local Bodies (ULB)*, Delegasi *International Lake Environment Committee Foundation (ILEC)* dari Jepun, India, Filipina dan Indonesia serta Humid Trophic Centre Kuala Lumpur. Selain daripada itu, program perkongsian ilmu 3EP (*Ecosystem and Environment Educational Programme*) yang diselaraskan oleh Seksyen Ekosistem Bandar turut memberi manfaat kepada 16 orang pelajar sekolah, 348 orang pelajar dan pensyarah dari 8 buah universiti tempatan dan luar negara serta 304 orang dari 7 buah agensi kerajaan / swasta.

## REKA BENTUK SEJAGAT DAN AKSES AUDIT

Putrajaya adalah merupakan satu-satunya bandar yang boleh di akses (*accessible city*) oleh semua termasuk golongan orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak dan warga tua secara keseluruhannya.

Dalam memastikan usaha tersebut diteruskan, dalam tahun 2017, sejumlah 50 permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan telah disemak dan diluluskan dengan mematuhi kehendak reka bentuk sejagat. Selain itu, 19 akses audit bangunan juga telah dilaksanakan sebelum Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh perunding bagi memastikan

pembinaan di tapak mematuhi kehendak pelan akses yang diluluskan dan benar-benar menepati kehendak golongan sasar.

Senarai pembangunan baharu telah di audit akses dalam tahun 2017 adalah seperti berikut;

### Akses Audit yang telah dilaksanakan

| Bil. | Pembangunan | Presint |
|---|---|---|
| 1. | Laluan Pejalan Kaki Berbumbung | 7 |
| 2 | Perumahan Penjawat Awam Malaysia - Palma | 11 |
| 3. | Perumahan Penjawat Awam Malaysia - Larai | 6 |
| 4. | Perumahan Penjawat Awam Malaysia - Selasih | 17 |
| 5. | Sekolah Kebangsaan Presint 17 | 17 |
| 6. | Pejabat Suruhanjaya Tinggi Brunei | 15 |
| 7. | Nadi | 15 |
| 8. | Stesen Minyak SHELL | 16 |
| 9. | Sekolah Rendah Agama | 11 |
| 10. | Pembangunan 2C5 | 2 |
| 11. | Surau | 15 |
| 12. | Stesen Minyak SHELL | 18 |
| 13. | 20 Unit Hentian Bas | pelbagai |
| 14. | Pembangunan Pejabat SPRM | 7 |
| 15. | Surau | 18 |
| 16. | Tadika dan Taska Lot 383 | 16 |
| 17. | Tadika dan Taska Lot 510 | 9 |
| 18. | Tadika dan Taska Lot 5059 | 11 |
| 19. | Tadika dan Taska Lot 3335 | 11 |

### *ACCESSSIBLE HOME*

*Accessible Home* adalah suatu kediaman yang di reka bentuk agar boleh digunakan oleh kebanyakan orang di sepanjang hayat mereka tanpa perlu di adaptasi secara khusus. Ianya adalah sebuah kediaman yang berkonsepkan reka bentuk sejagat yang boleh memaksimumkan kehidupan berdikari untuk semua ahli keluarga dengan usaha minimum dan mewujudkan keadaan selamat yang maksimum.

Di antara ciri-ciri utama reka bentuk sejagat bagi *accessible home* adalah;

1. Tempat letak kereta khas berhampiran pintu masuk/lobi lif;
2. Koridor yang lebar dan rata;
3. Pintu masuk lebar leganya tidak kurang daripada 850mm dan tiada perbezaan aras yang ketara;
4. Sekurang-kurangnya terdapat satu tandas yang boleh di akses oleh pengguna berkerusi roda yang jika diperlukan hanya melibatkan pengubahsuaian yang minimum;
5. Sekurang-kurangnya terdapat satu bilik tidur yang boleh membenarkan pergerakan mudah pengguna berkerusi roda;
6. Tingkap yang rendah yang boleh membenarkan pengguna berkerusi roda / kanak-kanak untuk menikmati pemandangan di luar;





7. Ruang jemuran yang memudahkan akses dan tiada perbezaan aras yang ketara; dan
8. Kedudukan suis diletakkan pada ketinggian antara 800 mm – 1100 mm.

Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), Palma, Larai dan Selasih adalah merupakan perumahan berbilang tingkat yang pertama disiapkan yang menerapkan konsep *accessible home*.

Selain kediaman, pembangunan stesen minyak juga telah menerapkan konsep reka bentuk sejagat. Terkini, pembangunan 2 stesen minyak SHELL di Presint 16 dan 18 yang disiapkan dalam tahun 2017 turut menyediakan kemudahan pam minyak untuk golongan yang memerlukan bantuan seperti OKU dan warga tua selain daripada kemudahan asas seperti surau dan tandas.





### *BUILDING INFORMATION MODELING (BIM)*

Kerjasama strategik Perbadanan dengan pihak CIDB dalam merealisasikan projek perintis semakan automatik pelan secara 3D melalui *Building Information Modeling (BIM) (BIM e-submission*) selaras dengan hasrat yang digariskan dalam *Construction Industry Transformation Programme 2016-2020 (CITP)* diteruskan dalam tahun 2017. Tiga bengkel telah diadakan bagi menyediakan *rule set* dan kriteria yang diperlukan iaitu pada 16-18 Januari 2017, 19-21 Mac 2017 dan 22-24 Ogos 2017. Apabila siap kelak, *BIM e-submission* ini akan dapat membantu mempercepatkan proses semakan pelan-pelan untuk mendapatkan kelulusan daripada PBT dan seterusnya menyumbang untuk meningkatkan *ranking* Malaysia dalam *ease of doing business.*





### PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN BANGUNAN

Perbadanan telah mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 secara tegas dan berhemah di sepanjang tahun 2017 dalam usaha mengekalkan keseragaman bangunan-bangunan terutamanya bangunan kediaman.

Ringkasan aktiviti yang melibatkan pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan dalam tahun 2017 adalah seperti di rajah di muka sebelah;





Contoh: Gambar lawatan pemantauan




## PROJEK KHAS

### MENYELARAS PENGOPERASIAN TADIKA ISLAM MAIWP SULAIMANIYYAH (TIMS) DI PRESINT 18 PUTRAJAYA

Pengoperasian Tadika Islam MAIWP Sulaimaniyyah (TIMS) di Presint 18 telah dilaksanakan secara kerjasama strategik melibatkan tiga (3) pihak iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Perbadanan Putrajaya dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah (MTS) menerusi Memorandum Persefahaman yang ditandatangani pada 20 Oktober 2016. Silibus Yayasan Sulaimaniyyah Turki telah dipilih kerana silibusnya terkenal di peringkat global yang menekankan aspek nilai-nilai peradaban Islam dalam pendidikan awal kanak-kanak, pembentukan sahsiah peribadi dan ke arah melahirkan generasi tahfiz muda. Antara perincian projek ini adalah seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh mula beroperasi | : | 3 Januari 2017 |
| Bilangan unit / kelas | : | 11 unit |
| Bilangan pelajar | : | 300 orang |
| Umur pelajar | : | 5 hingga 6 tahun |
| Bilangan guru | : | 33 orang |
| Silibus pelajaran | : | Mengikut modul Yayasan Sulaimaniyyah Turki |
| Tenaga pengajar | : | Dari pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) |

**Lawatan Kerja ke negara Turki :**
Kumpulan Pertama melibatkan 6 orang guru pada 2 hingga 25 Mei 2017 Kumpulan Kedua melibatkan 6 orang guru pada 11 Oktober hingga 2 November 2017.




Suasana pembelajaran di Tadika Islam MAIWP Sulaimaniyyah, Presint 18 Putrajaya

## MENYELARAS PERANCANGAN PEMBANGUNAN PUSAT TAHFIZ PUTRAJAYA DAN TABUNG AMANAH PENDIDIKAN PUTRAJAYA (TAPP)

Bersesuaian dengan peranan Putrajaya sebagai bandar contoh dan ke arah melahirkan masyarakat Putrajaya yang memiliki peradaban yang tinggi maka, Pusat Tahfiz Putrajaya telah dirancang di Presint 18. Ianya akan berfungsi sebagai pusat pendidikan Islam yang terancang dan moden. Antara perincian projek ini adalah seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Keluasan tapak | : | 2.79 ekar |
| Komponan bangunan | : | 3 blok bangunan mengandungi asrama, bilik darjah, bilik dobi, perpustakaan, dewan makan, dapur, pejabat pentadbiran dan surau |
| Bilangan pelajar | : | 300 orang |
| Silibus pelajaran | : | Mengikut modul Yayasan Sulaimaniyyah Turki |
| Jangkaan pembangunan | : | Tahun 2019 |
| Dana pembangunan | : | Tabung Amanah Pendidikan Putrajaya (TAPP) |



Gambar perspektif Cadangan Pembangunan Pusat Tahfiz Putrajaya, Presint 18

Dalam tahun 2017 juga, Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan beberapa projek khas, antaranya;

### MODEL INDUK PUTRAJAYA

Model Induk Putrajaya ini diperlukan bagi kegunaan informasi pembangunan Putrajaya terutamanya semasa lawatan diplomat dari luar negara. Dengan adanya model ini, pelawat berpeluang untuk melihat keseluruhan Putrajaya dalam skala 1:3500 daripada saiz asal setiap bangunan.



**PEMBINAAN STRUKTUR BANGUNAN TAMAN PERSAHABATAN MALAYSIA-CHINA, DONGGUAN, CHINA.**
Reka bentuk Rumah Tradisional Melayu Melaka telah dipilih memandangkan hubungan dengan China telah bermula lebih awal iaitu sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Reka bentuk taman dan sturktur telah disediakan oleh kakitangan Perbadanan. Pembinaan taman ini adalah merupakan timbal balik kepada pembinaan Taman Persahabatan China-Malaysia di Presint 4, Putrajaya yang merupakan simbolik 40 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia-Republik Rakyat China sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2015. Pembinaan struktur bangunan adalah sumbangan daripada syarikat milik rakyat Malaysia yang beroperasi di Republik Rakyat China.

Majlis pecah tanah telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Bin Hj. Md. Ikhsan pada 28 April 2017 manakala penanaman pokok oleh YBhg. Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Seri Hj. Hasim Bin Hj. Ismail.







## PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN

Dalam tahun 2017, antara projek yang telah disiapkan adalah seperti berikut ;




Sistem *Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA)* untuk Sistem Pam Pembetungan di Putrajaya



Pusat Penyelenggaraan Bot di Presint 19


Sistem Hawa Dingin Berpusat di Surau Al-Furqan di Presint 11


Pondok Bit Polis di Presint 15


Kerja-kerja pembaikan jalan, garisan dan tanda permukaan jalan serta lain-lain kerja yang berkaitan di jalan-jalan utama sekitar Putrajaya


Pembinaan Padang Futsal di Jalan P15H, Presint 15


Kerja-kerja pembaikan jubin Mahkamah Persekutuan, di Presint 3


Kerja-Kerja Membina Perhentian Bas di Jalan P18, Presint 18

Perbadanan Putrajaya juga melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem lif di Kuarters Kerajaan dan antara projek yang telah disiapkan adalah seperti berikut ;

i. Kerja-kerja Menaik Taraf dan Penggantian Sistem Lif di Bangunan Kuarters Kerajaan Fasa 1C, Presint 16;
ii. Kerja-kerja Menaik Taraf dan Penggantian Sistem Lif di Bangunan Kuarters Kerajaan Fasa 1 & 2, Presint 9; dan
iii. Kerja-kerja Menaik Taraf dan Penggantian Sistem Lif di Bangunan Kuarters Kerajaan Fasa 3 & 4 , Presint 9.

Projek-projek yang sedang dalam pembinaan ialah :

i. Gerai Penjaja di Presint 14 yang dijangka siap pada bulan April 2018
ii. Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan 2 Modul 1 di Presint 5 yang dijangka siap pada bulan Julai 2018
iii. Naik Taraf dan Ubahsuai Ruang Komersil di Aras Concourse Kompleks Perbadanan Putrajaya yang dijangka siap pada Februari 2018
iv. Kerja-kerja Ubahsuai dan dan Menyiapkan Bilik *Disaster Recovery Centre* di Blok A, Kompleks Pejabat Kedutaan, Presint Diplomatik
v. Kerja-kerja Pembaikan Sistem Lif yang rosak di Kuarters Kerajaan Zon 4A, Presint 11
vi. Kerja-kerja Pembaikan Sistem Lif yang rosak di Kuarters Kerajaan Fasa 4C, Presint 8
vii. Kerja-kerja Penggantian Sistem Hawa Dingin di Souq Bazar dan Selera Putra, Presint 1

# PERKHIDMATAN PERBANDARAN



# PERKHIDMATAN PERBANDARAN

## PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Dalam usaha untuk memperkasakan ekonomi bumiputera di Putrajaya, PPj telah melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera seperti berikut:

### PEMBANGUNAN KIOS BARU DI PRESINT 11 DAN 14

Sebanyak 20 unit kios baharu telah dibina iaitu 8 unit di Presint 14 dan 12 unit di Presint 11 dan dijangka siap pada tahun 2018. Lokasinya yang berdekatan dengan kediaman akan memudahkan penduduk setempat mendapatkan pelbagai juadah makanan selain membuka peluang perniagaan kepada penduduk Putrajaya dan sekaligus merancakkan lagi aktiviti perniagaan di kawasan tersebut.

### PEMBANGUNAN USAHAWAN *FOOD TRUCK* PUTRAJAYA

PPj telah menambah sebanyak 20 peniaga *food truck* pada tahun ini iaitu 5 di bawah Skim Graduan dengan bantuan deposit RM10,000 bagi setiap unit *food truck* oleh Kementerian Wilayah Persekutuan manakala 15 peniaga *food truck* lagi di bawah skim terbuka yang akan diberi bantuan pembiayaan bagi pembelian *food truck* baharu oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA). Peniaga-peniaga ini akan diberikan latihan dan pendedahan dalam bidang pembangunan perniagaan serta akan memulakan perniagaan mereka pada tahun 2018.

### PEMBANGUNAN TAPAK *HOTSPOT FOOD TRUCK* PUTRAJAYA DI PRESINT 14

Selaras dengan pertambahan peniaga *food truck* yang baharu, PPj telah membangun dan menaiktaraf sebahagian kawasan di *Park n Ride* Presint 14 untuk dijadikan satu lagi kawasan *Hotspot Food Truck* dengan konsep yang sama seperti di tapak *Hotspot Food Truck* Presint 2. Tapak ini dijangka akan beroperasi pada tahun 2018.

### PENGANJURAN PEKAN SEHARI@P11 PUTRAJAYA

PPj dengan kerjasama Majlis Pembangunan Penjaja Dan Peniaga Kecil WP Putrajaya (MPPPKWP) telah menganjurkan Pekan Sehari@P11 pada setiap hari Ahad. Penganjuran Pekan Sehari@P11 telah bermula pada 20 Ogos 2017 dan telah dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 10 September 2017. Pekan Sehari@P11 ini mempunyai anggaran 30 peniaga yang terdiri daripada penduduk dan peniaga Putrajaya dengan aktiviti jualan seperti barangan keperluan harian, barangan kering dan pakaian. Penganjuran Pekan Sehari@P11 ini telah memberikan manfaat dan kemudahan kepada penduduk setempat bagi mendapat pelbagai barangan keperluan harian.





Penganjuran Pekan Sehari@P11 Putrajaya

Di samping itu, PPj meneruskan program tahunan seperti berikut:

## FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA

Tahun ini adalah merupakan tahun ke-5 penganjuran festival ini. Jumlah pengunjung yang telah menghadiri festival ini adalah seramai 700,000.00 orang. Festival ini telah disertai oleh seramai 200 peniaga barangan raya dengan hasil jualan kasar sebanyak RM1.6 juta. Pelbagai pengisian telah dilaksanakan dengan kerjasama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) bagi memeriahkan lagi festival yang dianjurkan. Antaranya program keagamaan seperti Majlis Khatam Quran Perdana, *Malaysia Quran Hour* dan *Lets Talk With Ustaz* (tazkirah agama) turut diadakan di MTMZA.






Festival Ramadan Putrajaya

## BAZAR RAMADAN PUTRAJAYA

Bazar Ramadan Putrajaya diadakan pada setiap tahun di kawasan parkir kenderaan bersebelahan Istana Kehakiman, Presint 3, Putrajaya yang menempatkan seramai 300 peniaga dengan hasil jualan kasar sebanyak RM2.6 juta. Pada tahun 2017, penyertaan dari kalangan penduduk Putrajaya di Bazar Ramadan adalah seramai 144 orang daripada 300 orang peniaga. Bazar ini telah berjaya menarik pembeli bukan sahaja di kalangan penduduk dan pekerja di Putrajaya, malah juga pengunjung, pelancong dan penduduk di sekitar Putrajaya.





Bazar Ramadan Putrajaya

## JAWATANKUASA PANEL PEMBANGUNAN PERNIAGAAN PUTRAJAYA

Dalam usaha menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran yang *vibrant* dengan merancakkan aktiviti komersial, PPj telah menubuhkan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Perniagaan Putrajaya.

Panel ini dianggotai oleh Presiden PPj, Naib-Naib Presiden PPj, Ketua Pegawai Eksekutif dalam sektor-sektor tertentu antaranya sektor perhotelan, peruncitan, F&B (restoran), wakil Dewan Perniagaan Islam Cawangan Putrajaya dan Pulse Group Sdn. Bhd. Mesyuarat ini ditubuhkan sebagai satu forum rundingan tidak formal bagi mencungkil idea dan input pihak swasta dalam mempertingkatkan pelaburan dan perniagaan di Putrajaya.

## SEWAAN LOT NIAGA

Jumlah keseluruhan lot premis di bawah seliaan Unit Sewaan, Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 244 lot premis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 210 lot premis telah berjaya disewakan kepada penyewa dan pengusaha. Maklumat penyewaan lot premis adalah seperti berikut:

| Bil. | Premis | Jumlah Keseluruhan Lot | Jumlah Premis Yang Disewakan |
|---|---|---|---|
| 1. | Selera Putra, Presint 1 | 13 | 12 |
| 2. | Souq Aras Atas, Presint 1 | 25 | 14 |
| 3. | Souq Aras Bawah, Presint 1 | 14 | 14 |
| 4. | Selera Laman Perdana, Presint 1 | 10 | 9 |
| 5. | Taman Botani, Presint 1 | 4 | 1 |
| 6. | Bangunan Monumen Alaf Baru, Presint 2 | 2 | 2 |
| 7. | Kios Persiaran Perdana Sepanjang Presint 2, 3 dan 4 | 12 | 12 |
| 8. | Pusat Kawalan Empangan, Presint 5 | 1 | 1 |
| 9. | Kompleks Sukan Luncur (*Skate Park*), Taman Cabaran, Presint 5 | 2 | 2 |
| 10. | Kompleks Sukan Mendaki (*Climbing Centre*), Taman Cabaran, Presint 5 | 2 | 2 |
| 11. | Medan Selera Presint 8 | 15 | 15 |
| 12. | Pasar Awam Presint 8 | 46 | 44 |
| 13. | Medan Selera Presint 9 | 19 | 19 |
| | **(Diuruskan oleh Pengusaha Utama)** | | |
| 14. | D'Harmoni @ Presint 9 | 10 | 10 |
| 15. | Kompleks Kejiranan Presint 9 | 3 | 3 |
| 16. | Medan Selera Presint 11 **(Diuruskan oleh Pengusaha Utama)** | 12 | 12 |
| 17. | Kafeteria Taman Wetland, Presint 13 | 2 | 1 |
| 18. | Kompleks Kejiranan Presint 11 | 4 | 4 |
| 19. | Medan Selera Presint 16 | 6 | 6 |
| 20. | Pasar Awam Presint 16 | 31 | 16 |
| 21. | Kompleks Kejiranan Presint 16 | 10 | 10 |
| 22. | Kafeteria Kompleks Futsal, Presint 18 | 1 | 1 |
| | **Jumlah Keseluruhan Lot** | **244** | **210** |

**Carta 1 : Bilangan Premis Sewaan PPj Bagi Tahun 2015-2017**




Secara keseluruhannya pada tahun 2017, lebih 86% premis PPj telah disewakan kepada pengusaha.

## PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN DAN PENJAJA

Sebanyak 2,633 lesen premis perniagaan dan penjaja telah dikeluarkan sepanjang tahun 2017. Bilangan lesen premis dan penjaja yang dikeluarkan menunjukkan penurunan sebanyak 64.3%

berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini dapat dilihat pada lesen penjaja sementara, di mana pada tahun 2017 lesen penjaja sementara ini banyak dikeluarkan secara berkelompok atas nama penganjur acara. Perincian perbandingan bilangan pengeluaran lesen dari tahun 2015 – 2017 adalah seperti Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 : Perbandingan Bilangan Lesen Yang Dikeluarkan**

| Jenis Lesen | Tahun | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 |
| Lesen Premis Perniagaan | 242 | 296 | 341 |
| Pembaharuan Lesen Premis | 688 | 734 | 753 |
| Lesen Penjaja Statik | 12 | 1 | 12 |
| Pembaharuan Lesen Penjaja Statik | 63 | 46 | 31 |
| Penjaja Sementara | 837 | 6312 | 1,496 |
| **Jumlah** | **1,842** | **7,389** | **2,633** |

## PELESENAN IKLAN

Terdapat peningkatan sebanyak 8.3% bilangan lesen iklan yang dikeluarkan pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh pembangunan lot-lot komersial yang baharu dan pertambahan bilangan acara di Putrajaya. Perincian pengeluaran lesen iklan adalah seperti Carta 2 di bawah:

**Carta 2: Pengeluaran Lesen Iklan 2015-2017**




### KUTIPAN HASIL DARI AKTIVITI SEWAAN DAN PELESENAN

**Jadual 2 : Kutipan Hasil Aktiviti Sewaan dan Pelesenan 2015-2017**

| Bil. | Perkara | 2015 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kutipan sewa dari premis tetap | 3,143,023.90 | 3,135,678.28 | 3,406,328.11 |
| 2. | Kutipan Hasil dari lesen perniagaan | 424,633.00 | 557,019.00 | 746,818.50 |
| 3. | Kutipan Hasil dari lesen iklan | 554,249.00 | 541,922.00 | 535,748.00 |
| 4. | a. Kutipan sewa Bazar Ramadan | 205,799.80 | 254,150.00 | 264,054.32 |
| | b. Kutipan sewa tapak Bazar Laman Perdana | 32,641.50 | 19,200.00 | - |
| | c. Kutipan sewa tapak semasa acara | 242,966.70 | 175,424.00 | 578,211.87 |
| | **Jumlah keseluruhan** | **4,603,313.90** | 4,683,393.28 | **5,531,160.80** |

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya kutipan hasil aktiviti sewaan dan pelesenan PPj tahun 2017 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18.1% berbanding dari tahun sebelumnya. Kutipan hasil sewaan pada tahun 2017 bagi premis-premis milik PPj menunjukkan peningkatan sebanyak 8.6% berbanding tahun sebelumnya.
Kutipan hasil lesen perniagaan pada tahun 2017 juga menunjukkan peningkatan sebanyak 34% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh penambahan lot-lot komersial baharu dan penguatkuasaan terhadap lesen perniagaan, manakala kutipan hasil lesen iklan menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 1.14% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun hasil menurun, jumlah permohonan iklan

didapati bertambah. Ini berikutan pertambahan permohonan iklan oleh agensi kerajaan yang dikecualikan bayaran fi lesen iklan. Kutipan keseluruhan hasil sewaan bagi Bazar Ramadan dan tapak acara lain pada tahun 2017 adalah berjumlah RM842,266.19. menunjukkan peningkatan sebanyak 87.6% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM448,774.00. Peningkatan hasil sewaan tapak acara ini adalah berikutan pertambahan kadar sewa dan juga lot niaga semasa Festival Ramadan Putrajaya 2017.

## MERINYU PELESENAN

Selain menjalankan aktiviti penguatkuasaan lesen yang rutin, Merinyu Pelesenan juga telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap penggunaan produk biodegradasi di premis komersil Putrajaya. Selaras dengan arahan penguatkuasaan sepenuhnya pada 1 September 2017 pelbagai aktiviti dan tindakan telah dilaksanakan. Berikut adalah antara aktiviti dan tindakan penguatkuasaan penggunaan produk biodegradasi yang telah dilaksanakan:

i. Program Kesedaran Penggunaan Produk Biodegradasi di Pusat Membeli Belah Alamanda Putrajaya pada 17 Mac 2017 dan di Dewan Seri Melati, PPj pada 21 Ogos 2017 yang melibatkan para peniaga di sekitar Putrajaya dengan pendedahan berkaitan penggunaan produk SIRIM Eco 001:2016 dan Eco 009:2016.
ii. Kempen kesedaran melalui edaran brosur, senarai pembekal produk biodegradasi, pelekat biodegradasi, dan risalah di semua premis perniagaan di Putrajaya.
iii. Pemantauan berkala bagi pematuhan penggunaan produk biodegradasi di premis perniagaan.
iv. Operasi Bersepadu sebanyak 29 kali sepanjang tahun 2017 dimana 2 kali operasi bersepadu dibuat bersama YBhg. Datuk Seri KSU Kementerian Wilayah Persekutuan pada 6 September 2017 dan 19 Disember 2017.

Secara keseluruhannya, hampir kesemua peniaga patuh dengan penggunaan produk biodegradasi bagi Eco 009:2016. Sepanjang penguatkuasaan penggunaan produk biodegradasi, sebanyak 24 kompaun dan 378 notis amaran telah dikeluarkan kepada peniaga yang ingkar.

Berikut adalah hasil penguatkuasaan pelesenan yang rutin bagi tahun 2017 seperti Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3: Penguatkuasaan Pelesenan Bagi Tahun 2017**

| Bil. | Undang-Undang Kecil | Bil. Kompaun | Jumlah belum dibayar (RM) | Jumlah sudah dibayar (RM) | Jumlah kompaun (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | UUK Iklan (WPP) 2002 | 157 | 22,150.00 | 11,580.00 | 33,730.00 |
| 2. | UUK Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPP) 2016 | 11 | 900.00 | 1,070.00 | 1,970.00 |
| 3. | UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai (WPP) 2016 | 13 | 800.00 | 340.00 | 1,140.00 |
| 4. | UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPP) 2016 | 74 | 8,650.00 | 4,380.00 | 13,030.00 |
| 5. | UUK Tred Perniagaan dan Perindustrian (WPP) 2016 | 96 | 11,700.00 | 7,500.00 | 19,200.00 |
| 6. | UUK Establisymen Makanan (WPP) | 10 | 1,500.00 | 750.00 | 2,250.00 |
| 7. | Seksyen 107(5) Akta kerajaan Tempatan | 10 | 1,520.00 | 500.00 | 2,020.00 |
| | **Jumlah** | **371** | **47,220.00** | **26,120.00** | **73,340.00** |

Berdasarkan Jadual 3 di atas, sebanyak 371 kompaun telah dikeluarkan kepada peniaga dengan pelbagai kesalahan. Hasil keseluruhan kompaun adalah sebanyak RM73,340.00 dan daripada jumlah tersebut hanya 36% kompaun yang telah dibayar. Peniaga yang gagal menjelaskan kompaun ini akan di sekat semasa pembaharuan lesen.

# SEWAAN KEMUDAHAN KOMUNITI

Pada tahun 2017, Bahagian Perkhidmatan Komuniti telah menjana hasil kutipan sebanyak **RM1,837,454.82** daripada hasil dan sewaan melalui perkhidmatan kemudahan seperti padang, dewan, gelanggang, kolam dan lain-lain fasiliti yang disediakan di seluruh kompleks kejiranan, Pusat Pembelajaran Kejiranan, Kompleks Sukan dan perkhidmatan perkuburan dan krematorium kepada orang ramai. Secara umumnya, terdapat peningkatan sebanyak 7.1% berbanding tahun 2016 yang mana kutipan adalah RM 1,707704.41 sahaja.

### Jadual Hasil kutipan Kemudahan Komuniti dari Tahun 2015 - 2017

| Bil. | Perkara | 2015 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **Kutipan sewa Kompleks Kejiranan**<br>i. Kompleks Kejiranan P8<br>ii. Kompleks Kejiranan P9<br>iii. Kompleks Kejiranan P11<br>iv. Kompleks Kejiranan P16 | 1,275,796.00 | 1,351,026.90 | 1,344,279.02 |
| 2. | **Kutipan hasil Pusat Pembelajaran Kejiranan**<br>i. Pusat Pembelajaran P8<br>ii. Pusat Pembelajaran P9<br>iii. Pusat Pembelajaran P11<br>iv. Pusat Pembelajaran P16 | 40,134.71 | 45,967.00 | 53,139.80 |
| 3. | **Kutipan hasil Kompleks Sukan**<br>i. Taman Pancarona P18<br>ii. Taman Cabaran Putrajaya P5<br>iii. Kompleks Futsal P18<br>iv. Padang Bola Sepak Sintetik P8 | 248,915.00 | 216,353.40 | 331,841.00 |
| 4. | **Kutipan hasil Perkhidmatan Perkuburan dan krematorium**<br>i. Perkhidmatan Perkuburan P20<br>ii. Perkhidmatan Kereta Jenazah<br>iii. Perkhidmatan krematorium | 81,525.00 | 94,354.20 | 108,195.00 |
| | **Jumlah** | **1,646,370.71** | **1,707,704.41** | **1,837,454.82** |

### Hasil Kutipan Kemudahan Komuniti




# SEWAAN DEWAN PERSIDANGAN DAN AUDITORIUM CEMPAKA SARI

Kompleks Perbadanan Putrajaya mengandungi 2 komponen dewan iaitu Dewan Persidangan yang terdiri daripada Dewan Seri Melati dan Dewan Seri Siantan serta Auditorium Cempaka Sari. Terdapat juga sebuah dewan yang terletak di Presint 15 iaitu Dewan Seri Seroja. Kemudahan-kemudahan ini menyediakan ruang untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, mesyuarat agong, persembahan, konsert dan sebagainya.

Untuk tahun 2017, hasil kutipan sewaan dewan-dewan tersebut telah menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 12% atau RM2,050,495.28 berbanding tahun 2016.

### Hasil Sewaan Dewan




## SEWAAN PREMIS DAN KOMPLEKS

Selain itu, terdapat juga lot-lot pejabat/komersil yang disewakan kepada agensi kerajaan, organisasi korporat dan syarikat-syarikat swasta. Jumlah lot yang disewakan adalah seperti di bawah:

i. 23 unit di Kompleks PPj;
ii. 27 unit di Kompleks Pejabat Kedutaan dan Pusat Pelawat di Presint 15;
iii. 4 unit di Pangsapuri Putra Damai, presint 11

Hasil kutipan sewa lot pejabat / komersil bagi tahun 2017 telah menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 13% iaitu RM4,139,389.80 berbanding tahun 2016 seperti jadual di bawah:

### Hasil Sewaan Premis




### ACARA / PROGRAM DI DEWAN PERSIDANGAN DAN AUDITORIUM CEMPAKA SARI BAGI TAHUN 2017



Presiden Perbadanan Putrajaya Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail (tengah) bergambar kenangan bersama pelajar-pelajar sekitar Putrajaya sempena **Karnival Pendidikan Kerjaya Putrajaya 2017** yang telah disempurnakan bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya




Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa bergambar dengan wakil-wakil sektor awam semasa perasmian ***Public Sector CIO Convex 2017*** di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya

## KUARTERS PERBADANAN PUTRAJAYA

PPj turut mempunyai 425 unit rumah mampu milik yang terletak di Pangsapuri Putra Damai, Presint 11, Putrajaya. 77 unit rumah diperuntukan untuk pegawai / kakitangan tetap, kontrak dan sambilan PPj. Manakala selebihnya iaitu berjumlah 343 unit disewakan kepada penyewa luar dengan kadar antara RM400.00 hingga RM500.00 sebulan berdasarkan aras rumah.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 unit rumah telah dijadikan sebagai Rumah Tetamu di mana 3 unit mempunyai 3 bilik tidur dan 2 unit lagi mempunyai 2 bilik tidur. Rumah-rumah ini disediakan adalah bertujuan untuk disewakan kepada tetamu PPj, Kementerian Wilayah Persekutuan, pihak yang ada urusan rasmi dengan PPj serta pegawai & kakitangan PPj untuk tempoh jangka pendek. Bagi tujuan keselesaan, rumah-rumah tersebut telah dilengkapkan dengan kemudahan asas seperti TV, penghawa dingin, katil, sofa, meja makan, almari pakaian, *microwave* dan sterika.

Hasil kutipan sewaan kuarters kepada pegawai / kakitangan PPj bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM210,182.18, manakala untuk penyewa luar adalah sebanyak RM1,636,927.68. Manakala hasil sewaan Rumah Tetamu pula adalah sebanyak RM24,903.00.

### Jumlah Hasil Sewaan Pangsapuri Putra Damai Bagi Tahun 2014, 2015 & 2016

| Keterangan Hasil | 2015 AMAUN (RM) | 2016 AMAUN (RM) | 2017 AMAUN (RM) |
|---|---|---|---|
| Sewa Kuarters PPj (staf) | 154,224.37 | 187,464.84 | 210,182.18 |
| Sewa Pangsapuri Putra Damai (penyewa luar) | 1,712,329.00 | 1,691,432.91 | 1,636,927.68 |
| Sewa Rumah Tetamu PPj | 25,674.35 | 27,868.20 | 24,903.00 |
| **Jumlah** | **1,892,227.72** | **1,906,765.95** | **1,872,012.86** |





Sekitar Gambar Kuarters Blok F, G Dan Rumah Tetamu

## PENYELENGGARAAN KUARTERS KERAJAAN

Sehingga akhir tahun 2017, sebanyak 17,254 unit rumah pangsapuri di Presint 5, 8, 9, 11, 14, 15, 16, 17 dan 18 telah diselenggara oleh PPj. Jenis-jenis perkhidmatan dan penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah penyelenggaraan secara komprehensif, penyelenggaraan untuk pencegahan (*preventive*), penyelenggaraan pembaikan (*corrective*), dan penyelenggaran untuk penambahbaikan (*predictive*).

Antara skop-skop kerja yang dilaksanakan pula adalah merangkumi perkhidmatan pembersihan, pembaikan sivil, penyelenggaraan dan pembaikan sistem mekanikal dan elektrikal, penyelenggaraan landskap, perkhidmatan kawalan serangga dan program keselamatan dan kesihatan.




Kerja-kerja penyelenggaraan di Kuarters Kerajaan

## PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Penyelenggaraan Kemudahan Infrastruktur di Putrajaya meliputi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan, jambatan, cerun, sistem pengairan, sistem perparitan, terowong Monorel / LRT, sesalur dan kabel gentian optik untuk Sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta taman permainan kanak-kanak. Selain itu juga, Perbadanan Putrajaya juga melaksanakan operasi dan penyelenggaraan bagi kemudahan infrastruktur untuk sistem Terowong Utiliti Gunasama (*Common Utility Trench*) dan sistem pengurusan lampu isyarat.

### PENYELENGGARAAN PERMUKAAN JALAN RAYA

Pada tahun 2017, seluas 2,000 meter persegi permukaan jalan telah dibaiki merangkumi kerja-kerja memotong, mengorek, membersih dan menurap semula jalan termasuk kerja-kerja penandaan garisan jalan.




Kerja-kerja penyelenggaraan permukaan jalan raya.

### PENYELENGGARAAN JAMBATAN

Bagi kemudahan infrastruktur seperti jambatan dan persimpangan bertingkat, sebanyak 30 bilangan struktur pelbagai jenis yang diselenggara termasuk jambatan yang merentasi tasik Putrajaya (jambatan mercu tanda), persimpangan bertingkat, terowong dan *Bebo Arch*. Pecahan adalah seperti jadual di bawah:

**Penyelenggaraan Jambatan**

| Bil. | Jenis Jambatan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Jambatan mercu tanda (Seri Bakti, Seri Bestari, Seri Setia, Seri Gemilang, Seri Saujana, Seri Wawasan, Seri Perdana, Jambatan Putra) | 8 |
| 2. | Persimpangan bertingkat | 14 |
| 3. | Terowong (Kenderaan, Motosikal dan Pejalan Kaki) | 23 |
| 4. | *Bebo Arch* | 2 |

### Penyelenggaraan *ID Sign*

| Bil. | Pembaikan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Kerja-kerja pembaikan *ID Sign* sekitar Putrajaya | 175 unit |
| 2. | Mengecat semula struktur ID | 500 m² |

## PENYELENGGARAAN PESISIRAN TASIK

Selain kemudahan infrastruktur di jalan, Perbadanan Putrajaya juga bertanggungjawab untuk menyelenggara persisiran tasik Putrajaya. Pada tahun 2017, sebanyak 3,239 meter persegi luas permukaan kerja-kerja pembaikan pegola, *pebble wash, interlocking pavers dan concrete imprint* serta 236 meter longkang juga telah dibina bagi mengatasi masalah air bertakung sisiran tasik . Sebanyak enam(6) unit wakaf juga telah dilaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi memberi kemudahan dan keselesaan pengguna di persisiran tasik Putrajaya. Ini ditunjukkan sebagaimana jadual berikut :

| Bil. | Jenis Jambatan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Mengecat Pegola | 1,179 m² |
| | Pembaikan *Pebble wash* | 385 m² |
| | Pembaikan *Compress Tile* | 359 m² |
| | Pembaikan *Grating* | 12 Unit |
| | Pembaikan Kerusi Taman | 74 unit |
| | Pembaikan *Granite* | 7 m² |
| | Pembaikan *Concrete imprint* | 40 m² |
| | Pembaikan Bunga Tiang Pagar | 133 unit |
| | Pembinaan longkang | 236 m |
| | Pembaikan *Concrete slab* | 60 m² |
| | Pembaikan bumbung Pegola | 198 m² |
| | Mengecat wakaf | 6 unit |
| | Mengecat pagar besi | 731 m² |
| | Mengecat tiang konkrit | 222 unit |
| | Pembaikan *interlocking* | 280 m² |
| 2. | **Pembinaan Palang Keselamatan Untuk Mengawal Kenderaan Keluar dan Masuk Ke Persisiran Tasik Putrajaya** Presint 1, 2, 3, 4,7 dan 18 | 9 Unit |

## PENYELENGGARAAN KOLAM TADAHAN, GPT DAN SISTEM PERPARITAN UTAMA

Sistem Perparitan Utama (*main drain*) Putrajaya dibina berdasarkan *Putrajaya Drainage Masterplan* dengan mengambilkira aspek perancangan pembangunan dan pengurusan kawasan tadahan keseluruhan Putrajaya.

Sistem perparitan utama dan komponennya perlu diperiksa dan diselenggara secara berkala bagi memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik. Sehingga kini, Perbadanan Putrajaya telah mengambilalih sebanyak 241 unit GPT, 10 buah kolam tadahan serta Perparitan Utama sepanjang 90km (hanya 1,912 meter *open drain* dan bakinya pula adalah *closed drain*). Bilangan ini dijangka akan meningkat pada tahun 2018 selepas penyerahan sistem perparitan di kawasan-kawasan kediaman yang baru dilaksanakan oleh pemaju.

## PENYELENGGARAAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK (TPK) DAN *OUTDOOR FITNESS STATION (OFS)* DI KAWASAN AWAM

Sehingga kini, sebanyak 90 taman permainan kanak-kanak termasuk *Outdoor Fitness Station* diselenggara oleh Perbadanan Putrajaya melalui kontrak penyelenggaraan selama dua(2) tahun. Walau bagaimanapun, kontrak penyelenggaraan sedia ada bagi Taman Permainan Kanak-kanak (TPK) dan *Outdoor Fitness Station (OFS)* di Putrajaya hanya melibatkan penyelenggaraan rutin dan tidak termasuk penggantian lantai kerana kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat lantai TPK dan OFS yang rosak teruk, pembaikan dan penggantian lantai telah dibuat melalui perolehan secara lantikan terus (inden) di empat(4) lokasi iaitu di Presint 8, 9 dan 11. Kerja-kerja pembaikan kerosakan dan penggantian lantai akan diteruskan pada tahun 2018 secara berperingkat.

## OPERASI DAN PENYELENGGARAAN TEROWONG UTILITI GUNASAMA (*COMMON UTILITY TUNNEL*)

*Common Utility Tunnel* atau dikenali sebagai C.U.T. sepanjang 10.8 km telah dimulakan pembinaannya pada tahun 1999 dan merupakan satu-satunya terowong yang ada di negara ini yang dibina

bagi menempatkan kemudahan utiliti untuk syarikat-syarikat utiliti negara seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Gas Malaysia Sdn. Bhd., Gas District Cooling Sdn. Bhd. dan Air Selangor Sdn. Bhd. termasuk kabel-kabel gentian optik dan juga rangkaian paip air untuk tujuan pengairan landskap.

Terdapat juga komponen-komponen di luar terowong seperti Bilik Kawalan di *Local Action Centre (LAC)*, Laluan kakitangan (*personnel access*), *Air intake* dan *Exhaust fan house*.

Terowong ini juga dilengkapi dengan Sistem Pengurusan Terowong yang dikenali sebagai *Tunnel Management System* yang merangkumi sub-sistem seperti berikut :-

i) *Tunnel Automation System*
ii) *Tunnel Security System and Surveillance System*
iii) *Fire Alarm System & Fireman Communication System*

Pada masa ini, kerja-kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan C.U.T. dijalankan oleh kontraktor yang telah dilantik oleh Perbadanan Putrajaya untuk tempoh kontrak selama dua(2) tahun.

### PENYELENGGARAAN SESALUR DAN KABEL GENTIAN OPTIK UNTUK SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Kemudahan Sistem Teknologi Maklumat di Putrajaya adalah meliputi rangkaian Putranet, Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV), *Variable Messaging Signages (VMS)* dan *IP Phone*. Kemudahan-kemudahan ini dihubungkan secara bersepadu melalui jaringan kabel-kabel gentian optik yang dipasang di dalam sesalur IT.

Jaringan struktur sesalur IT ini perlu dipantau dan diperiksa secara berjadual bagi memastikan kabel gentian optik yang dipasang di dalamnya tidak akan tersumbat, putus atau pecah serta boleh menyebabkan gangguan terhadap kemudahan-kemudahan IT yang terlibat.

Penyelenggaraan sesalur IT dilaksanakan melalui kontrak sebut harga untuk tempoh dua(2) tahun yang merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan.

### KAJIAN TRAFIK

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 10 kajian trafik yang merangkumi kajian untuk penambahbaikan sirkulasi trafik, penambahbaikan sistem keselamatan jalan raya dan lain-lain kajian telah dilaksanakan dengan tujuan bagi meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya di Putrajaya.

| Bil. | Perkara | Kajian |
|---|---|---|
| 1. | Kajian Trafik | 10 |
| 2. | Kelulusan Pelan Lampu Isyarat, *Traffic Impact Assesment* dan *Road Safety Audit* | 15 |

## PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN

Penyenggaraan Lampu Awam dan Lampu Taman yang dilaksanakan oleh PPj merangkumi Penyenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*) dan Penyenggaraan Pembaikan (*Corrective Maintenance*).

Sehingga akhir tahun 2017, sebanyak 907 bilangan lampu jalan dan lampu taman jenis *Light Emitting Diode (LED)* telah dipasang bagi program penukaran lampu jalan jenis konvensional ke jenis LED (*retrofitting*) dan ianya akan diteruskan pada tahun-tahun berikutnya secara berperingkat-peringkat dan mengikut keutamaan. Di samping itu juga, PPj telah mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan lampu jalan dan lampu taman jenis LED bagi pembangunan baru yang akan dimajukan.





## PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT

Sebanyak 144 persimpangan lampu isyarat di keseluruhan kawasan Putrajaya telah diselenggara pada tahun 2017 termasuk tiga(3) persimpangan yang menggunakan *countdown timer*. Selain itu juga sebanyak 20 aspek untuk lorong basikal telah dipasang pada tahun 2017 di Presint 2, 3, 4, 5, dan 18 sebanyak 20 persimpangan bagi kemudahan untuk lintasan pengguna berbasikal.

| Bil. | Perkara | Tahun | Penyelenggaraan Lampu Isyarat |
|---|---|---|---|
| 1. | Penyelenggaraan sistem lampu isyarat (ITACA) dan kerja-kerja berkaitan di pusat kawalan bandara raya untuk tempoh dua (2) tahun | 2015 - 2017 | 144 Lampu Isyarat |

| | |
|---|---|
| Jumlah Lampu Isyarat | 144 |
| Jumlah Aspek Lorong Basikal (Bilangan Simpang) | 20 Simpang |
| Jumlah *Countdown Timer* (Semasa) | 3 Persimpangan |
| Jumlah Bilangan Kajian *Road Safety Act* | 10 Laporan |
| Jumlah Bilangan Kajian *Blackspot / Traffic Calming* | 5 |
| Jumlah Lampu Isyarat dan Jalan Keluar Masuk Putrajaya | 27 Lokasi |

## PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN MAKANAN

Aktiviti pengurusan keselamatan dan kebersihan makanan meliputi pemeriksaan dan kawalan keadaan sanitasi di semua premis makanan seperti Restoran / Kedai Makan, Kafeteria, Gerai Makan, Kedai Kek & Pastry, Dapur Hotel, Kantin Sekolah, Kiosk Makanan, Dapur Katering serta Penjaja Pasar Tani, Bazar Ramadan serta Penjaja bagi acara-acara yang diadakan di Putrajaya. Aktiviti ini juga bertujuan untuk memastikan makanan yang dijual dan kebersihan premis di kawasan Putrajaya mematuhi Akta dan Peraturan seperti berikut :

i. Akta Makanan 1983 (Akta 281) & Peraturan-peraturan
ii. Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
iii. Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
iv. Undang-undang Kecil Pelesenan Pasar (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
v. Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016;
vi. Undang-undang Kecil lain yang berkaitan.

Aktiviti pemeriksaan dan kawalan ini dilaksanakan oleh Bahagian Kesihatan Persekitaran dengan kerjasama Bahagian Komersil, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan dan Bahagian Pengurusan Fasiliti Perbadanan Putrajaya serta Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Putrajaya.

### PENCAPAIAN

Ringkasan pemeriksaan premis sepanjang 2015 – 2017 adalah seperti Jadual berikut:

| Jenis Jambatan | | | |
|---|---|---|---|
| Kategori Premis | 2015 | 2016 | 2017 |
| Restoran / Kedai Makan | 205 | 169 | 191 |
| Kafeteria | 62 | 51 | 65 |
| Gerai Makan | 148 | 165 | 151 |
| Kedai Kek & Pastry | 11 | 15 | 14 |
| Dapur Hotel | 5 | 6 | 7 |
| Kantin Sekolah | 35 | 23 | 42 |
| Kiosk Makanan | Aktiviti dijalankan bermula pada tahun 2017 | | 109 |
| Penjaja Pasar Tani / Bazar Ramadan / Acara | 751 | 587 | 532 |
| **JUMLAH** | **1,217** | **1,016** | **1,111** |

Perbadanan Putrajaya turut menjalankan Penggredan Premis Makanan sebagai panduan kepada para pelanggan tentang tahap kebersihan premis makanan di Putrajaya. Penggredan Premis Makanan hanya dijalankan terhadap premis seperti Restoran / Kedai Makan, Kafeteria, Gerai Makan, Kedai Kek & Pastry, Dapur Hotel, Kantin Sekolah, Kiosk Makanan dan Dapur Katering.

Pada tahun 2017, sebanyak 12 premis telah diarahkan Tutup dibawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 (Akta 281) semasa Operasi Bersepadu Premis Makanan dijalankan.

Ringkasan Penggredan Premis Makanan Mengikut Gred Sepanjang Tahun 2015 – 2017 seperti berikut :

| Gred | Tahun | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 |
| A | 190 | 192 | 200 |
| B | 120 | 135 | 120 |
| C (PREMIS DI ARAH TUTUP) | 18 | 8 | 12 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 328 | 335 | 332 |





## PROGRAM MENINGKATKAN KUALITI PENYEDIAAN DAN PENJUALAN MAKANAN DI PREMIS MAKANAN

Usaha yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya dalam meningkatkan premis makanan bersih dan selamat di Putrajaya adalah dengan mengadakan Lawatan Turun Padang (TUPA) bersama Datuk Seri Presiden Perbadanan Putrajaya dan beberapa jabatan dan bahagian seperti Bahagian Kesihatan Persekitaran, Bahagian Komersil, Pembangunan Perniagaan & Pelesenan, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland, Bahagian Senibina & Inspektorat Bangunan serta Jabatan Undang-undang. Tujuan TUPA diadakan adalah untuk memastikan premis-premis makanan di Putrajaya sentiasa berada pada tahap kebersihan yang memuaskan serta tidak melanggar syarat-syarat lain seperti tambahan struktur atau ubahsuai pada premis, halangan-halangan di kaki lima, pembuangan sisa-sisa makanan ke dalam sistem perlimbahan dan perparitan serta tindakan ke atas pengusaha premis makanan yang tidak memiliki atau memperbaharui lesen premis perniagaan atau melanggar syarat yang diberikan sebelum ini. Program TUPA telah diadakan sebanyak 4 kali dalam setahun.

Selain itu, Perbadanan Putrajaya turut mengadakan Anugerah Medan Selera Bersih Peringkat Putrajaya 2017 yang telah berlangsung pada 27 Julai 2017. Medan Selera Laman Perdana telah menjuarai anugerah peringkat Putrajaya. Pertandingan ini diadakan bagi mempertingkatkan lagi kesedaran dalam kalangan pengendali makanan di medan selera di bawah seliaan Perbadanan Putrajaya tentang kepentingan amalan kebersihan dalam penyediaan makanan. Perbadanan Putrajaya turut menggalakkan penyertaan pemilik premis makanan untuk menyertai pertandingan kebersihan premis makanan ke peringkat Wilayah Persekutuan sehingga ke peringkat Kebangsaan. Sebagai contoh pada tahun 2017, Medan Selera Laman Perdana telah menjadi juara bagi Kategori A iaitu Medan Selera di bawah Pihak Berkuasa Tempatan / agensi kerajaan bagi Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dalam acara yang telah dilangsungkan pada 9 November 2017.







## KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT

Aktiviti kawalan vektor dan penyakit berjangkit yang dijalankan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut :

- Pengawasan epidemiologi;
- Pemeriksaan Pembiakan Aedes (PPA);
- Semburan pengabutan nyamuk dewasa; dan
- Pendidikan dan promosi kesihatan;

### KAWALAN DEMAM DENGGI DAN VEKTOR.

Tahun 2017 telah menunjukkan peningkatan kejadian kes Demam Denggi (DD) iaitu 552 kes yang didaftarkan berbanding 523 kes pada tahun 2016. Peningkatan kes pada tahun 2017 adalah sebanyak 5.5% berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, kesemua 523 kes adalah Demam Denggi dan tiada kes Demam Denggi Berdarah dilaporkan berlaku. Untuk makluman, terdapat satu kes kematian melibatkan penyakit Demam Denggi dilaporkan berlaku di Putrajaya bagi tahun 2017.

Terdapat 79 lokaliti kejadian wabak demam denggi di Putrajaya pada 2017. Pecahan lokaliti yang mencatatkan kejadian demam denggi Putrajaya adalah di Presint 9 sebanyak (26 episod), Presint 11 (14 episod), Presint 8 (9 episod), Presint 5 (8 episod), Presint 18 (7 episod), Presint 15 (6 episod), Presint 16 (5 episod), Presint 14 (3 episod) dan Presint 1 sebanyak 1 episod wabak denggi.

Bagi mengawal penularan demam denggi di Putrajaya, terdapat beberapa aktiviti kawalan yang telah dijalankan oleh Perbadanan Putrajaya. Ini termasuklah aktiviti bagi semburan pengabutan nyamuk dewasa iaitu sebanyak 552 aktiviti (kawalan kes bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya) dan 132 aktiviti kawalan semburan proaktif telah dijalankan pada tahun 2017. Selain daripada itu, terdapat 292 aktiviti pemeriksaan pembiakan dan pemusnahan aedes (PPA) telah dijalankan khususnya bagi tempat-tempat berpotensi pembiakan jentik-jentik nyamuk di sekitar Putrajaya. Penganjuran gotong royong bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya bagi kawalan wabak denggi juga telah dianjurkan sebanyak 79 kali di mana penumpuan diberikan kepada lokaliti yang mencatatkan kejadian wabak demam denggi pada tahun 2017.

Tahun 2017 juga menyaksikan penganjuran Mini Konvensyen COMBI Tapak Bina Putrajaya yang dijalankan buat julung-julung kalinya bagi memberi kesedaran terhadap penjagaan kebersihan dan pengawalan tempat pembinaan agar bebas daripada pembiakan nyamuk aedes.

**Statistik Kejadian Demam Denggi Dilaporkan Tahun 2015-2017**

| Bil. | Tahun | Bilangan Kes Dilaporkan | Bilangan Episod Wabak |
|---|---|---|---|
| 1. | 2015 | 275 | 21 |
| 2. | 2016 | 523 | 70 |
| 3. | 2017 | 552 | 79 |

### Jadual : Kejadian Kes Dan Wabak Demam Denggi Di Putrajaya Yang Dilaporkan Bagi Tahun 2015-2017




### GAMBAR AKTIVITI UNIT KAWALAN VEKTOR & PENYAKIT BERJANGKIT, BAHAGIAN KESIHATAN PERSEKITARAN, JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR PPJ TAHUN 2017










## KAWALAN KACAU GANGGU DAN PERSEKITARAN

Kerja-kerja kawalan kacau ganggu seperti anjing, kucing terbiar serta burung gagak dijalankan secara berkala dan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Kawalan ini juga bertujuan menghalang sebarang penyebaran penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh haiwan-haiwan ini.

| Program Kawalan | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|
| **i) Operasi Kawalan Kucing dan Anjing Liar** | | | |
| Bilangan Operasi | 82 | 237 | 238 |
| Bilangan Tangkapan (ekor) | | | |
| • Anjing | 68 | 37 | 40 |
| • Kucing | 132 | 206 | 641 |
| **ii) Operasi Kawalan Burung Gagak** | | | |
| Bilangan Operasi | 7 | 9 | 7 |
| Bilangan Tangkapan (ekor) | 225 | 226 | 191 |

### AKTIVITI KAWALAN HAIWAN KACAU GANGGU DI SEKITAR PUTRAJAYA

Didapati beberapa faktor mempengaruhi kehadiran anjing dan kucing terbiar yang berkeliaran di Putrajaya seperti sumber makanan yang mudah didapati dan kadar kelahiran anjing dan kucing yang meningkat dengan cepat. Disamping usaha-usaha yang dijalankan untuk mengatasi masalah ini, kaedah-kaedah berikut turut diberi penekanan:-

a) Mengadakan pemantauan secara kerap mengenai kehadiran anjing dan kucing terbiar serta mengambil tindakan segera selepas menerima aduan awam.
b) Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan sekiranya ada berlaku kacau ganggu yang disebabkan oleh anjing dan kucing yang dipelihara tanpa kebenaran.
c) Meningkatkan tahap kebersihan terutamanya dalam soal pengurusan sisa pepejal. Tempat-tempat yang tidak terurus sistem pembuangan sisa pepejal akan menjadi daya penarik kepada kehadiran anjing-anjing di kawasan berkenaan.




Kawalan Anjing dan Kucing Terbiar

## PROGRAM BERSEPADU KITAR SEMULA

### PROGRAM KITAR SEMULA

Program 3R iaitu pengurangan sisa, guna semula dan kitar semula *(reuse, reduce & recyle)* merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dijalankan oleh PPj.  Program kitar semula di Putrajaya telah bermula secara intensif pada Mei 2004. Ia adalah susulan daripada pengumuman mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadikan Putrajaya sebagai bandar model pelaksanaan program kitar semula kebangsaan. Program kitar semula di Putrajaya telah dibahagikan kepada 3 program utama iaitu:

i. Program Komuniti
ii. Program *Wastewise*
iii. Program Sekolah (KITS)

Sepanjang tahun 2017, Perbadanan Putrajaya juga telah melaksanakan sebanyak 22 program / kempen kesedaran berkenaan kitar semula yang melibatkan sekolah-sekolah, pejabat dan agensi kerajaan dan komuniti di mana program / kempen kesedaran ini merangkumi sesi taklimat dan pameran berkaitan kitar semula.

### PROGRAM KOMUNITI

Program komuniti di Putrajaya dibahagikan kepada 4 aktiviti utama iaitu:

**a. Pusat Kitar Semula Tetap (PKST)**

Pusat Kitar Semula Tetap (PKST) adalah pusat pembelian bahan kitar semula yang dibuka mengikut jadual yang ditetapkan. Setiap bahan kitar semula yang dihantar akan ditukar dengan insentif tunai berserta resit. Terdapat 5 PKST telah dibuka di Putrajaya. Maklumat terperinci PKST tersebut adalah seperti berikut :

| Lokasi | Jadual Operasi | |
|---|---|---|
| | Hari | Waktu Operasi |
| PKST Komuniti Presint 9 | Setiap hari | 8.30 pg - 5.30 ptg (tutup 1.00 t/hari - 2.00 ptg) |
| PKST Presint 8 | Setiap Sabtu & Ahad | |
| PKST Presint 11 | Setiap Sabtu | |
| PKST Presint 14 | Setiap Ahad | |
| PKST Presint 16 | Setiap Sabtu | |





Aktiviti di Pusat Kitar Semula Tetap Komuniti Presint 9 dan Pusat Kitar Semula Tetap Presint 8

**b. Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB)**

Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB) merupakan pusat kitar semula yang dibuka pada waktu tertentu di lokasi tertentu. Jadual PKSB yang dibuka adalah seperti di bawah:

| Lokasi | Jadual Operasi | |
|---|---|---|
| | Hari | Waktu Operasi |
| Presint 11 | Setiap Ahad | 1.00 t/hari -3.00 ptg |
| Presint 16 | Setiap Ahad | 9.00 pg -12.00 t/hari |



Aktiviti kitar semula di Pusat Kitar Semula Bergerak Presint 11 dan Presint 16

**c. *Kerbside***

Program *kerbside* adalah kutipan bahan kitar semula dari rumah ke rumah bagi kawasan perumahan teres, semi-D dan banglo. Penduduk akan memasukkan sisa kitar semula ke dalam tong berwarna oren yang telah disediakan oleh pihak PPj dan kutipan akan dilakukan oleh Alam Flora Sdn. Bhd.



Kutipan *Kerbside*

**d. Program Apartment**

Program apartment merupakan kutipan bahan kitar semula daripada sangkar kitar semula yang ditempatkan di setiap blok apartment. Semua bahan kitar semula yang dikutip akan ditukarkan dengan insentif tunai berserta resit. Bayaran akan dibuat kepada wakil persatuan penduduk.

Selain itu, bagi menyemarakkan kesedaran kitar semula di kalangan penduduk, PPj juga mengadakan aktiviti pameran kitar semula termasuk pameran produk biodegradasi di kawasan apartment.



Program Apartment

**e. Butik Kitar Semula**

Butik Kitar Semula terletak bersebelahan dengan Pusat Kitar Semula Komuniti Presint 9, Putrajaya. Ia merupakan salah satu inisiatif pihak PPj memberikan kemudahan kepada penduduk Putrajaya untuk menghantar pakaian terpakai. Pakaian-pakaian yang masih elok dijual semula di butik ini manakala pakaian yang telah rosak dikumpulkan dan dihantar ke tempat pelupusan pakaian. Hasil jualan pakaian terpakai di butik ini akan didermakan kepada pihak-pihak yang memerlukan.

## PROGRAM *WASTEWISE*

Program *wastewise* merupakan program kitar semula yang dijalankan di jabatan / agensi kerajaan, pejabat swasta, hotel dan pusat komersil. Kutipan akan dijalankan di lokasi-lokasi berikut mengikut permintaan. Pihak PPj membekalkan kotak kitar semula (berdasarkan permintaaan) sebagai inisiatif dalam mempertingkatkan amalan kitar semula di Putrajaya. Setiap bahan kitar semula yang dikutip akan dibayar dengan insentif tunai berserta resit.



Program *Wastewise*

## PROGRAM *KITS* (SEKOLAH)

Program Kits adalah program yang dibentuk bagi menjalankan program kitar semula secara berkesan di sekolah. Program ini dijalankan merangkumi sekolah menengah dan sekolah rendah. Kutipan bahan kitar semula dibuat berdasarkan permintaan daripada pihak sekolah.

Selain kutipan, PPj juga melaksanakan program kesedaran kitar semula seperti pameran dan ceramah kepada pelajar sekolah.






Program *Kits*

## KEMPEN PENGURANGAN SISA ORGANIK MELALUI PENGKOMPOSAN DI FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA DAN PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI DI BAZAR RAMADAN PUTRAJAYA 2017

Sepanjang bulan Ramadan 2017, Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) buat kali pertama telah menjalankan Kempen "Pengurangan Sisa Organik Melalui Aktiviti Pengkomposan" di tapak Festival Ramadan dan juga Kempen "Pengumpulan Minyak Masak Terpakai" di Bazar Ramadan Putrajaya. Bagi Kempen Pengasingan Sisa Organik Melalui Pengkomposan, dua (2) tong sampah telah ditempatkan di setiap lokasi kutipan bagi mengasingkan sisa organik dan sisa bercampur di tapak Festival. Tong untuk sisa organik dilekatkan dengan *sticker* berwarna biru sebagai pemakluman kepada pengunjung manakala *sticker* turut dilekatkan pada meja-meja makan di Laman Iftar sebagai *awareness*. Sebanyak 2496kg sisa organik telah berjaya dikutip semasa kempen ini.

Bagi Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai, satu tong drum disediakan kepada peniaga Bazar Ramadan bagi mengumpul minyak masak terpakai yang akan dihantar ke kilang untuk pemprosesan biodiesel oleh pihak AFSB. Sebanyak 2276kg minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan daripada 12 peniaga bazar Ramadan.











*Program Pengurangan sisa Organik Di tapak Festival Ramadhan dan Penyerahan Tong Minyak Masak Terpakai Kepada Peniaga Tapak Bazar Ramadhan*

## PENILAIAN / OUTPUT / PENCAPAIAN AKTIVITI / PROGRAM

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada tahun 2017 adalah sebanyak **2503 tan**. Jumlah ini meningkat 5% berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 2382 tan.

79% daripada bahan yang dikumpul adalah kertas diikuti dengan bahan-bahan lain seperti plastik, besi/aluminium dan selebihnya adalah minyak masak terpakai dan sisa organik.

Berdasarkan jenis program yang telah dilaksanakan, program *Wastewise* mencatatkan kutipan tertinggi iaitu 52% daripada berat keseluruhan bahan kitar semula dan diikuti dengan program Pusat Kitar Semula Tetap. Secara purata, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada setiap bulan tahun 2017 adalah sebanyak 208.58 kg.

### Perbandingan Berat Bahan Kitar Semula Mengikut Program 2017




### Perbandingan Jumlah Kutipan Bahan Kitar Semula 2015-2017 (tan metrik)




### Perbandingan Kutipan Bahan Kitar Semula Mengikut Jenis 2017




### Jadual 1 : Kadar sisa Pepejal Di Putrajaya 2015-2017

| Tahun | Jumlah Sisa Pepejal Domestik (kg) | Sisa Domestik (tan/hari) |
|---|---|---|
| 2015 | 28,987,590 | 79.4 |
| 2016 | 29,360,290 | 80.4 |
| 2017 | 28,903,840 | 79.2 |

### Jadual 2 : Kadar Sisa Pepejal Per Kapita Di Putrajaya Tahun 2015-2017

| Tahun | Jumlah Sisa Pepejal Domestik (kg) | Penduduk | Sisa Domestik (kg/kapita/hari) |
|---|---|---|---|
| 2015 | 28,987,590 | 81,400 | 0.98 |
| 2016 | 29,360,290 | 84,400 | 0.95 |
| 2017 | 28,903,840 | 86,900 | 0.91 |

### Jadual 3 : Kadar Kitar Semula Di Putrajaya Dari Tahun 2015-2017

| Tahun | Jumlah Sisa Pepejal Domestik (kg) | Jumlah Kutipan Bahan Kitar Semula (kg) | Kadar Kitar Semula (%) |
|---|---|---|---|
| 2015 | 28,987,590 | 2,232,837 | 7 |
| 2016 | 29,360,290 | 2,382,172 | 8 |
| 2017 | 28,903,840 | 2,503,000 | 8 |




# PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN



# PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN

## PELANCONGAN PUTRAJAYA

### KEHADIRAN PELAWAT, PELANCONG DAN PENGUNJUNG ACARA

Putrajaya mencatatkan kehadiran pelawat dan pelancong seramai **7,036,952** pada tahun 2017 berbanding **8,991,937** pada tahun 2016 dan **7,528,776** pada tahun 2015. Walaupun terdapat penurunan dalam statistik kedatangan pelawat dan pelancong keseluruhan ke Putrajaya namun, jumlah pelancong (penginap hotel) adalah meningkat sebanyak 56.15% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 seperti di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1 : Statistik jumlah kedatangan pelancong dan pelawat ke Putrajaya.**

| Tahun | Pelancong (Penginap Hotel) | Pelawat** | Jumlah | Peratus Pengunjung Acara |
|---|---|---|---|---|
| 2017 | 520,749 | 6,516,203 | 7,036,952 | 38% (2,649,905) |
| 2016 | 333,488 | 8,658,449 | 8,991,937 | 69% (6,182,030) |
| 2015 | 494,733 | 7,034,043 | 7,528,776 | 66% (4,982,850) |

Nota: * Data diperolehi daripada *Tourism Malaysia*
**Data diperolehi daripada statistik jumlah pengunjung acara dan pelawat yang melawat produk pelancongan di Putrajaya.

Jumlah pengunjung acara yang direkodkan pada tahun 2017 telah mencatatkan penurunan kepada 2.6 juta pengunjung (38%) berbanding 5.9 juta (69%) pengunjung pada tahun 2016. Penyusutan jumlah penganjuran acara tersebut menyumbang pengurangan jumlah pelawat dan pelancong ke Putrajaya pada tahun 2017 disebabkan hal-hal yang berikut:

1. Langkah-langkah penjimatan Perbadanan Putrajaya di mana acara-acara utama seperti Floria Diraja Putrajaya, *Light and Motion Putrajaya (LAMPU)* dan *Putrajaya International Islamic, Arts & Culture Festival (PIIACUF)* yang sebelum ini diadakan pada setiap tahun telah disusun semula jadual penganjurannya. Acara-acara besar ini diberi penggiliran penganjurannya setiap tiga tahun sekali.
2. Pengurangan jumlah acara anjuran agensi lain yang diadakan secara besar-besaran dan memperolehi jumlah pengunjung yang ramai.
3. Acara yang dianjurkan oleh penganjur bukan kerajaan tidak lagi memfokuskan pada pengunjung yang ramai tetapi mendapatkan bayaran daripada peserta.

## INISIATIF BAHARU PELANCONGAN PUTRAJAYA

PPj telah meneruskan beberapa inisiatif baharu dalam usaha untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke Putrajaya melalui pelbagai pendekatan. Sebanyak lima (5) inisiatif baharu sektor pelancongan telah dibangunkan seperti di bawah:

### STRUKTUR IKONIK *I LOVE PUTRAJAYA*

Tarikan baharu struktur *I LOVE PUTRAJAYA* ini dibina di Dataran Putra kerana ia menjadi lokasi yang wajib dilawati yang berkunjung ke Putrajaya. Ia merupakan salah satu kaedah mempromosi Putrajaya serta memberi peluang kepada pengunjung dan pelancong merakam momen menarik di Putrajaya.




*Iconic Public Art I LOVE PUTRAJAYA di Dataran Putra, Presint 1, Putrajaya*

### "NEGARAKU MURAL" MEMBANGKITKAN SEMANGAT CINTA PADA NEGARA

Inisiatif ini bertujuan untuk membangkitkan semangat cinta kepada negara Malaysia yang diterjemahkan melalui lukisan "NEGARAKU MURAL" di Dataran Gemilang, Presint 5, Putrajaya. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama antara Perbadanan Putrajaya dan Pejabat Perdana Menteri.

Dinding tembok telah dihiasi dengan lukisan mural yang menarik bagi memberi peluang kepada pengunjung dan pelancong merakamkan fotografi di Putrajaya.




"NEGARAKU MURAL" di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya

### TEROKAI KEUNIKAN PUTRAJAYA MELALUI *ARCHITECTURE TRAILS*

Keunikan seni bina bangunan menjadikan Putrajaya tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Ia mencetuskan idea oleh PPj bagi mewujudkan laluan *Architecture Trails* di sepanjang Persiaran Perdana bermula Presint 1 hingga Presint 5. Laluan ini boleh diterokai dengan menaiki basikal atau berjalan kaki.




Laluan *Architecture Trails – Trail 1-4*

### PERTANDINGAN FOTOGRAFI PELANCONGAN PUTRAJAYA 2017

Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya (PFPP) buat pertama kalinya telah diadakan pada tahun 2017. Ia merupakan salah satu usaha mempromosi Pelancongan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang patut diterokai di Malaysia menggunakan medium fotografi. Pertandingan ini telah mendapat 618 penyertaan dan sumbangan penaja sebanyak RM10,000.00 berupa barangan kamera dan aksesori.

Kesinambungan daripada kejayaan PFPP2017, pertandingan ini di angkat sebagai acara tahunan Perbadanan Putrajaya yang secara tidak langsung, keindahan, pembangunan dan keistimewaan tempat-tempat menarik serta kawasan tarikan utama di Putrajaya dapat dipromosikan melalui hasil seni fotografi peserta yang bertanding.



Sebahagian Pemenang Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2017

### DUTA KECIL PUTRAJAYA MELALUI PROGRAM PEMANDU PELANCONG *JUNIOR*

Program Pemandu Pelancong *Junior* adalah program khas yang diadakan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya Presint 11(1). Program disertai oleh seramai 25 orang murid dan 7 orang guru pengiring bertujuan untuk pendedahan mengenai cara serta etika untuk membentuk peribadi yang baik sebagai pemandu pelancong yang berwibawa. Pada program ini, peserta diberikan taklimat berkaitan pelancongan Putrajaya, dilatih menjadi pemandu pelancong serta dibawa melawat melakukan aktiviti-aktiviti di setiap lokasi produk pelancongan Putrajaya.

Jalinan usaha sama antara PPj dan SMKA Putrajaya Presint 11(1), Putrajaya dapat memberi pendedahan kepada peserta sebagai duta kecil pelancongan Putrajaya. SMKA Presint 11(1) Putrajaya juga merupakan salah satu koperasi yang berdaftar dan bakal membangunkan pakej-pakej pelancongan yang akan diperkenalkan kepada 39 SMKA di seluruh Malaysia.




Peserta Program Pemandu Pelancong *Junior* bersama urusetia

## PENGANJURAN ACARA DI PUTRAJAYA

Putrajaya telah merekodkan sebanyak 152 penganjuran acara yang dianjurkan pada tahun 2017 berbanding 217 pada tahun 2016 dan 196 pada tahun 2015 seperti di Jadual 2. Walaupun terdapat penurunan jumlah acara namun terdapat peningkatan penganjuran acara bagi peringkat antarabangsa dan peringkat kebangsaan yang menunjukkan Putrajaya memenuhi lokasi *standard* penganjuran acara yang berkualiti.

**Jadual 2 : Statistik jumlah penganjuran acara di Putrajaya bagi tahun 2015-2017**

| Tahun | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Acara Peringkat Antarabangsa | 21 | 33 | 34 |
| Acara Peringkat Kebangsaan | 37 | 45 | 68 |
| Acara Peringkat Putrajaya | 138 | 139 | 46 |
| **JUMLAH** | **196** | **217** | **152** |

### JAWATANKUASA KELULUSAN ACARA PERBADANAN PUTRAJAYA (JKA-PPj)

Pada tahun 2017, **Jawatankuasa Kelulusan Acara Perbadanan Putrajaya (JKA-PPj)** telah bersidang sebanyak 18 kali bagi memproses permohonan acara dan mendengar pembentangan dari pemohon. Sebanyak RM365,219.00 hasil telah dikutip melalui JKA-PPj dan melibatkan pengecualian caj tapak sebanyak RM953,160.00. Caj Sewa Tapak diperkenalkan mulai tahun 2016 bagi menampung kos-kos penyelenggaraan, pembersihan dan baikpulih akibat kerosakan yang berlaku apabila sesuatu acara dianjurkan di Putrajaya. Manakala, Caj Deposit Acara adalah wang jaminan yang perlu dikemukakan kepada PPj sebagai deposit sekiranya PPj terpaksa menanggung apa-apa kos akibat kegagalan pihak penganjur mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan atau kos baik pulih/ penggantian sebarang kerosakan kepada aset atau harta awam di Putrajaya. Wang deposit ini akan dipulangkan sepenuhnya sekiranya tiada apa-apa tuntutan atau pelanggaran syarat oleh penganjur.

# SOROTAN ACARA UTAMA

## ACARA-ACARA UTAMA

Antara acara utama dan berstatus antarabangsa yang telah dianjurkan dan mendapat sambutan ramai pada tahun 2017.

| Bil. | Acara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | *Watergate 16 Hours* | 14 Januari 2017 |
| 2. | Pesta Makanan Antarabangsa Putrajaya | 27 Feb - 8 Mac 2017 |
| 3. | *Le Tour De Langkawi* | 1 Mac 2017 |
| 4. | *Powerman Asia Duathlon Championship* | 4 - 5 Mac 2017 |
| 5. | *9th Myballoon Fiesta* | 10 - 12 Mac 2017 |
| 6. | *Oceanman Malaysia* | 18 - 19 Mac 2017 |
| 7. | *Putrajaya International Food & Cultural Exchange Festival Malaysia* | 24 - 26 Mac 2017 |
| 8. | *Petzl Trail Night Run-Volume-4* | 25 Mac 2017 |
| 9. | *Triathlon National Championships* | 25 Mac 2017 |
| 10. | *Putrajaya International Book Fair-PIBF* | 28 Mac - 2 April 2017 |
| 11. | *Opening Ceremony Of Putrajaya OIC Youth Capital 2017* | 8 April 2017 |
| 12. | *7th Asian Open Water Swimming Championship* | 19 - 21 Mei 2017 |
| 13. | *Pra Sea Games: Berbasikal* | 20 - 21 Mei 2017 |
| 14. | Festival Ramadan | 27 Mei - 28 Jun 2017 |
| 15. | *Spartan Super Malaysia 23017* | 9 Julai 2017 |
| 16. | *Ammetlife Electric Run* | 29 Julai 2017 |
| 17. | Sukan SEA | 18-29 Ogos 2017 |
| 18. | *Waterski & Wakeboard* | 25-29 Ogos 2017 |
| 19. | Putrajaya Perdana Aquathlon | 17 September 2017 |
| 20. | Sukan Para Asean | 16-21 September 2017 |
| 21. | *Putrajaya Night Marathon* | 4 November 2017 |
| 22. | *KL International Craft Festival (KLICF) 2017* | 23-26 November 2017 |
| 23. | *Festival Light And Motion Putrajaya - LAMPU* | 28-31 Disember 2017 |

## PENGISIAN ACARA UTAMA

**KEMPEN KIBAR BENDERA**
Pelancaran Kempen Kibar Bendera peringkat Putrajaya telah disempurnakan oleh YB. Senator Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada 15 Januari 2017 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.



**PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA**

Tasik Putrajaya sekali lagi dimeriahkan dengan kaki pancing yang memburu ikan dengan jumlah mata tertinggi bagi merebut hadiah wang tunai bernilai RM7,000 yang ditawarkan kepada juara. Pertandingan dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan pada 5 Februari 2017. Pertandingan ini juga merupakan salah satu pengisian sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017.



**KONVOI BERBASIKAL WANITA**

Program Konvoi Berbasikal Wanita yang diadakan pada 11 Mac 2017 di Dataran Putrajaya, Presint 3 telah diiktiraf di dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai konvoi wanita berbasikal terbesar dengan penyertaan seramai 11,412 peserta. Program ini dianjurkan oleh Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wanita Sedunia 2017 yang disambut pada 8 Mac setiap tahun.

**EKSPRESI NEGARAKU**

Perdana Menteri ke 5, YABhg. Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah melancarkan program Ekspresi Negaraku di Dataran Putrajaya, Presint 3 pada 18 Mac 2017. Program ini adalah salah satu inisiatif kerajaan menyemarakkan semangat mencintai negara dan tanah air di kalangan seluruh rakyat Malaysia melalui manifestasi program-program di segenap lapisan masyarakat.

Program ini juga menjadi platform pertama untuk memacu inisiatif 'Negaraku' yang bertunjangkan semangat cintakan Malaysia dan bertujuan untuk menyemarakkan lagi rasa cinta kepada negara dalam setiap jiwa rakyat Malaysia.




**PUTRAJAYA *YOUTH CAPITAL* OIC**

OIC *Youth Capital* telah diadaptasikan dari *Islamic Conference Youth Forum for Dialogue & Cooperation (ICYF-DC)* semasa perhimpunan agungnya yang telah diadakan pada 2 Oktober 2014. Pada 6 Oktober 2016, ICYF-DC dalam pengumuman rasminya telah memilih Putrajaya, Malaysia sebagai OIC *Youth City* 2017 semasa *Islamic Conference of Youth and Sports Minister* di Istanbul, Turki bersama-sama bandar Shiraz (Iran) dan bandar Fes (*Morocco*). Majlis bagi meraikan Putrajaya sebagai *Youth Capital* Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah berlangsung meriah di Dataran Putrajaya pada 8 April 2017. OIC *Youth Capital* merupakan satu program antarabangsa yang merangkumi pengisian membentuk jati diri belia Isla m dan memperkukuh hubungan persaudaraan sesama negara-negara OIC. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Brig. Jen. Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan.

***PUTRAJAYA BRIDGE NIGHT RIDE***

Kayuhan *Putrajaya Bridge Night Ride (PBNR-2017)* anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya telah menarik lebih dari 3,000 penyertaan di mana peserta berkayuh merentasi 6 jambatan utama di Putrajaya. Peserta juga berpeluang menyaksikan keindahan jambatan-jambatan yang menjadi ikon pelancongan di Putrajaya serta menerokai lokasi-lokasi menarik di sini pada waktu malam.





### *KL INTERNATIONAL CRAFT FESTIVAL (KLICF) 2017*

Pada 23-26 November 2017 telah berlangsungnya Festival Kraf Antarabangsa Kuala Lumpur (KLICF) 2017 di Dataran Putrajaya melibatkan sebanyak 35 penyertaan negara. Bertemakan Kraf Menyatukan Masyarakat, festival yang berlangsung dari 10 pagi hingga 10 malam ini menawarkan produk kraftangan tempatan dan antarabangsa selain fesyen dan makanan. Antara negara yang menyertai KLICF 2017 antaranya ialah Hungary, Ukraine, Ecuador, India dan Sri Lanka.

### FESTIVAL *LIGHT AND MOTION PUTRAJAYA* (LAMPU)

Festival LAMPU telah diadakan pada 28 sehingga 31 Disember 2017 berjaya menarik kehadiran 1.3 juta pengunjung dan merupakan acara paling mendapat perhatian sebanyak tiga tahun penganjurannya. LAMPU 2017 menampilkan tarikan istimewa berupa pemetaan cahaya, persembahan cahaya dan menghasilkan paparan dalam bentuk 3D pada bangunan dengan menggunakan teknik dan teknologi yang tercanggih dalam industri pencahayaan dunia bagi menonjolkan keunikan perincian seni bina bangunan. Pada tahun ini, tema yang telah dipilih bagi perjalanan cerita persembahan *projection mapping* ialah 'Ekspresi Negaraku'.



### *POWERMAN ASIA DUATHLON CHAMPIONSHIP – MALAYSIA 2017*

Acara ini berlangsung pada 17 Mac 2017 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3. Ia telah berjaya menarik 3,000 orang peserta acara daripada 9 buah negara yang melibatkan disiplin larian dan berbasikal.

### LARIAN OBOR SUKAN SEA KUALA LUMPUR 2017

Larian Obor Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 peringkat Putrajaya telah diadakan pada 11 Ogos 2017 di Dataran Gemilang bertujuan untuk menyemarakkan semangat cintakan rakyat ke arah penganjuran Sukan SEA Kuala Lumpur kali ke-19. Perasmian larian obor bermula dengan gimik obor Sukan SEA dibawa turun daripada belon udara oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Dr. Loga Balan Mohan dan menyerahkan obor tersebut kepada Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa untuk memulakan acara larian secara bergilir-gilir sejauh 7.7km daripada Dataran Gemilang ke Menara KBS (Kementerian Belia dan Sukan).

### TEMASYA SUKAN SEA 2017

Pada Sukan SEA 2017 yang berlangsung pada 18 hingga 29 Ogos 2017 lalu, Putrajaya amat bertuah kerana telah dipilih sebagai salah satu *Host Venue* Acara berdasarkan kemudahan yang sedia ada. Sukan SEA kali ke-29 ini, Putrajaya telah terpilih sebagai *Host Venue* yang melibatkan beberapa acara sukan seperti di bawah:

| No. | Acara | Lokasi |
|---|---|---|
| 1. | Berbasikal - Kriterium | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 2. | Olahraga - Marathon | |
| 3. | *Ski Air & Wakeboard* | Kompleks Sukan Air, Presint 6 |
| 4. | *Triathlon* | |
| 5. | Renang - *Open Water* | |
| 6. | Ekuestrian - Polo | Taman Ekuestrian Putrajaya, Presint 5 |







**TEMASYA SUKAN PARA ASEAN KE-9**

Sempena penganjuran Sukan SEA ke-29, negara juga adalah tuan rumah bagi Sukan Para Asean 2017. Berlangsung pada 17 hingga 22 September 2017, Putrajaya telah terpilih sebagai *Host Venue* bagi acara Basikal Para - Kriterium di Dataran Putrajaya Presint 3.





***PUTRAJAYA NIGHT MARATHON 2017***

Pada 4 November 2017 telah berlangsungnya acara marathon terbesar di Malaysia iaitu *Putrajaya Night Marathon 2017* bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3. Acara kali ini telah berjaya menghimpunkan 12,000 orang peminat sukan ini dan menyediakan 3 laluan berjarak 42km, 21km dan 5km.

Pada tahun ini, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail telah diberi penghormatan bagi melepaskan peserta laluan 42km.




## AKTIVITI KESENIAN DAN KEBUDAYAAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Unit Kesenian dan Kebudayaan meneruskan penglibatan persembahan muzik semasa acara-acara anjuran Perbadanan Putrajaya dan anjuran pihak luar melalui penglibatan kumpulan Kombo PPj dan Kumpulan Koir PPj. Mulai tahun 2017, Kombo PPj yang mula dikenali sebagai *PRECINCTNOTES* mula bergiat secara aktif dalam membuat persembahan, bekerjasama dengan kementerian, agensi kerajaan dan swasta serta mendidik para pelajar. Sejumlah 46 persembahan secara keseluruhan telah dilaksanakan, di mana sebanyak 19 daripadanya adalah anjuran Perbadanan Putrajaya dan selebihnya adalah anjuran pihak luar. Di antaranya adalah Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) di Istana Negara, Majlis Santapan Orang-orang Besar Di Raja, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Wilayah Persekutuan dan program *Kuala Lumpur International Craft Festival* (KLICF) yang dianjurkan di Putrajaya.

Unit Kesenian dan Kebudayaan PPj juga bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi menganjurkan Pertandingan ***National Music Time Keyboard Festival 2017*** yang diadakan pada 20-21hb November 2017. Ia merupakan program pertandingan menguji kebolehan pelajar bermain alat muzik keyboard secara berkumpulan mewakili sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia.

Program secara NBOS ini bertujuan untuk meningkatkan perpaduan kaum dan kerjasama rakyat melalui penghayatan muzik di kalangan murid pelbagai kaum di Malaysia. Seramai 380 peserta daripada 12 negeri di Malaysia menghadiri festival ini yang dihadiri oleh Menteri Pendidikan Malaysia bersama wakil Yamaha Music dari Jepun. Seramai 100 orang pelajar murid-murid sekolah di Putrajaya juga menerima bimbingan di bengkel yang diadakan sempena acara ini.

## KOIR PERBADANAN PUTRAJAYA

Latihan secara berterusan sebanyak 2 kali seminggu bersama tenaga pengajar vokal dijalankan bagi mengasah bakat dan seterusnya meningkatkan kemahiran individu dan kumpulan koir. Koir dibimbing dari segi teknik nyanyian dan tatacara persembahan nyanyian dalam kumpulan.

Koir PPj telah mengadakan sebanyak 7 persembahan anjuran dalaman dan acara luar. Kumpulan Koir PPj pada tahun 2017 juga sekali lagi telah menyertai Pertandingan Program Seni Budaya anjuran MPSJ sebagai memberi pendedahan kepada Kumpulan Koir PPj untuk lebih meningkatkan mutu persembahan.

# PENGURUSAN LANDSKAP DAN TAMAN



# PENGURUSAN LANDSKAP DAN TAMAN

## PUTRAJAYA SEBUAH BANDARAYA TAMAN

Matlamat menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bercirikan Bandaraya Taman telah dijalankan secara bersepadu dengan langkah pengurusan dan penyelenggaraan landskap secara berjadual dan terancang. Hampir 40 peratus kawasan hijau telah dibangunkan dengan terbinanya 12 taman-taman metropolitan, 38 km Sisiran Putrajaya (*Promenade*), jalinan jalan-jalan protokol, jaringan landskap di kawasan kejiranan, kompleks pejabat, pusat bandar dengan konsep, tema, karakter dan persekitaran yang unik.





## PROGRAM MEMBINA HIJAU PUTRAJAYA

*Galactic Greenovators* adalah tema **Program Membina Hijau Putrajaya 2017**. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab pelajar-pelajar sekolah di Putrajaya dalam menangani isu alam sekitar ke arah pembangunan mampan.

Sebanyak 17 buah sekolah di Putrajaya dan sekitarnya menyertai program bertemakan *Galactic Greenovators* ini dan memberi komitmen sepenuhnya sepanjang program berlangsung.

Penglibatan seramai 20 orang sukarelawan melalui Program SL1M (Program Skim Latihan 1 Malaysia) di bawah CSR Putrajaya Holding Sdn. Bhd. (PHSB) yang digelar *guardian* yang menjadi rakan pembimbing pelajar-pelajar sekolah serta membantu guru dalam memenuhi matlamat program dan penglibatan *guardian* amat membantu di dalam kelancaran program pada tahun ini.

Perbadanan Putrajaya bersama rakan perkongsian pintar LA21 Putrajaya terutamanya Putrajaya Holding Sdn. Bhd. (PHSB) dan Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) telah mengadakan Majlis Anugerah Membina Hijau Putrajaya 2017 pada 17 November 2017.

Program ini bukan sekadar berbentuk *one-off*, tetapi mempunyai aspirasi jangka panjang dalam mempersiapkan generasi muda masa kini sebagai peneraju utama negara dalam tempoh 20 ke 30 tahun yang akan datang. Dengan ilmu berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, di tambah pula dengan keserasian kepada teknologi media semasa, ianya memberi ruang serta peluang yang lebih tinggi untuk di manfaat dan di aplikasi dalam penghasilan inovasi hijau di kalangan peserta.



Forum *Galactic Greenovators*: 29 Julai 2017



(JOHAN) SMK SULTAN ALAM SHAH (SSAS) : *The Aquaponic*



(JOHAN) SKPP 16(1) : *The Garden Fish Tank*




Majlis Anugerah Membina Hijau 2017 yang diadakan di Auditorium Cempaka Sari pada 17 November 2017

## PROGRAM PERTANIAN BANDAR PUTRAJAYA (*PUTRAJAYA URBAN FARMING*)

**Program Pertanian Bandar Putrajaya *(Putrajaya Urban Farming : PUF)*** adalah salah satu program selaras dengan usaha ke arah Putrajaya Mampan 2025 yang digerakkan di bawah Jawatankuasa Kerja Pembangunan Landskap (*Greenovation*), LA21 Putrajaya.

Inisiatif perkongsian pintar antara **Perbadanan Putrajaya** dan **Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI)** bertujuan melestarikan inisiatif landskap di kalangan komuniti di Putrajaya. Kerjasama tersebut direalisasikan melalui memorandum persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani pada 7 Disember 2012.

Melalui kerjasama tersebut, dua (2) unit rumah lindungan hujan beserta sistem fertigasi telah dibina di Kebun Komuniti 1 (KK1) di Jalan P9G, Presint 9 dan Kebun Komuniti 2 (KK2) di Apartment Fasa 4A, Presint 8, Putrajaya dengan pembiayaan bersama di antara MARDI dan Perbadanan Putrajaya.

Pihak MARDI juga turut menyediakan khidmat nasihat dan latihan teknikal kepada pegawai Perbadanan dan peserta PUF dan menggunapakai kaedah ***participation*** (penyertaan), ***engagement*** (keterlibatan/

perjanjian/ikatan) dan ***empowerment*** (pemerkasaan) terutamanya komuniti, bagi mengurus dan mengendalikan aktiviti pertanian bandar. Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya (KKPPB) dipertanggungjawabkan mengoperasi kedua-dua unit rumah lindungan hujan sedia ada dan memastikan penyertaan dan komitmen yang berterusan dari kalangan komuniti terhadap program ini.



Hasil KK1, Taman Rimba Desa P9 bagi musim ke-9 siap untuk dijual kepada komuniti sekitar Putrajaya



Kursus *Hands-On* Putrajaya Urban Farming Siri 1/2017 di KK3, Putra Harmoni P9 berkaitan Semaian Biji Benih pada Ogos 2017



Projek *Display Garden KK1*, Taman Rimba Desa Presint 9 menggunapakai inovasi MARDI sebagai nilai tambah kebun sedia ada.



## PENGHIJAUAN PUTRAJAYA (PROJEK RESTORASI POKOK)

Perlaksanaan Program Restorasi Pokok Penghijauan Putrajaya merupakan usaha berterusan selaras dengan pembangunan Putrajaya berkonsepkan Bandar Dalam Taman. Selaras dengan perlaksanaan ini, Perbadanan Putrajaya memperkenalkan konsep penanaman pokok-pokok yang kebanyakannya terdiri daripada pokok-pokok hutan dan pokok-pokok buah nadir

| Program Penghijauan | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|
| Bilangan Pokok Yang Tanam | 405 | 2,850 | 2,713 | 3,977 |





Program Restorasi di Jaluran Hijau, Presint 15 Putrajaya


Kerja-Kerja Pemilihan Pokok


Aktiviti Penanaman Pokok


Aktiviti Pemeriksaan Media Tanaman


Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok Dan Penambahan Bahan Sungkupan

# BOTANI DAN KONSERVASI

## KONSERVASI TUMBUHAN DAN PENGURUSAN HERBARIUM

Pengumpulan spesimen tumbuhan untuk program konservasi merangkumi beberapa kawasan hutan dan habitat berbeza seperti di hutan tanah rendah di sekitar negeri Selangor, Putrajaya, Terengganu, Kedah, Perak dan Kelantan bagi tujuan pemuliharaan spesies tumbuhan secara ex-situ di Taman Botani Putrajaya. Sebanyak 600 label tumbuhan beserta kod QR telah dicetak sepanjang tahun 2017 yang membolehkan pengunjung Taman Botani Putrajaya mendapatkan informasi tumbuhan di taman dengan lebih terperinci. Program pengurusan herbarium pula melibatkan pengumpulan dan kurasi spesimen tumbuhan yang di awet, di rekod dan di simpan secara sistematik untuk tujuan rujukan, bahan pendidikan dan penyelidikan. Jumlah spesimen yang dikumpul sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak 262 spesimen, terdiri dari pelbagai habitat dan sifat tumbuhan seperti epifit dan parasit, tumbuhan jenis palma, herbasus, memanjat, pokok renek, pokok besar dan sebagainya.







Kerja-kerja penggantian label tumbuhan di Taman Botani Putrajaya




Koleksi tumbuhan hidup dan spesimen herbarium di Taman Botani Putrajaya





Pengemaskini specimen herbarium yang sedia ada dengan Kod QR

## PROGRAM DAN AKTIVITI TAMAN-TAMAN AWAM PUTRAJAYA

Sepanjang tahun 2017, taman-taman awam Putrajaya terus menjadi tumpuan pelancong sama ada dari dalam negara mahupun luar negara. Tahun 2017 menyaksikan seramai **1,175,982** pengunjung berkunjung dan beriadah di 6 buah taman awam yang telah beroperasi sepenuhnya.

Manakala sejumlah **RM698,239.86** telah berjaya dikutip sebagai hasil kutipan taman ini diperolehi dari perkhidmatan sewaan basikal, *tram/buggy*, sewaan tapak, lawatan berpandu, tiket masuk ke Astaka Morocco, aktiviti eksplorasi taman, modul pendidikan taman dan program anjuran taman.

### Jumlah Pelawat Di Taman-Taman Awam Putrajaya 2017




### Jumlah Kutipan Di Taman-Taman Awam Putrajaya 2017



## PROGRAM JEJAK TAMAN PUTRAJAYA (JTP)

Jejak Taman Putrajaya (Siri 1) di Taman Botani Putrajaya menerapkan elemen dan konsep tradisi melayu dengan mewujudkan beberapa permainan tradisional seperti Tarik Upih, *Bowling* Kelapa, Sepak Bulu Ayam/Chapteh, Sepak Raga dan Menganyam Ketupat. Selain itu, Pertandingan Resipi Botani juga diadakan bagi mengetengahkan resipi masakan tradisional menggunakan tumbuhan yang berada di Taman Etnobotani Putrajaya.

Program Jejak Taman (Siri 2) Taman Wetland Putrajaya pula mengetengahkan konsep Tanah Bencah sebagai elemen utama. Pelbagai aktiviti dan pertandingan telah dilaksanakan seperti Pertandingan Melodi Fauna, Pertandingan Kraf Buluh, Pertandingan *Queen of Wetland*, Pertandingan Basikal Perlahan, Pertandingan *Terrarium Aquatic Plant*, Pertandingan Deko Buah Nadir dan pelbagai lagi.


DSP menjadi Juri Pertandingan *Terrarium Aquatic Plant*


DSP menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan



Poster Jejak Taman Siri 1



Poster Jejak Taman Siri 2


Permainan Tarik Upih


Pertandingan Kraf Buluh

## PROGRAM SANTAI@BOTANI

Program Santai@Botani adalah aktiviti beriadah dan bersantai di Taman Botani bersama-sama keluarga dan rakan pengunjung. Program ini dianjurkan pada setiap hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad bertempat di Kawasan Ruang Aktiviti, Sisiran Tasik. Antara pengisian aktiviti program ini adalah seperti jualan tanaman dan produk agro, jualan F&B, *giant bubble*, *sand art*, perkhidmatan sewaan *ecoride* dan *e-scutter*, *kiddie car*, *puppet show* dan sebagainya.


Pertandingan Resipi Botani


Perkhidmatan sewaan basikal


Santai@Botani di Kawasan Ruang Aktiviti, Sisiran Tasik, Taman Botani Putrajaya.

## *SURVIVOR CAMP* @ TAMAN WETLAND PUTRAJAYA

*Survivor Camp* @ Taman Wetland Putrajaya telah berlangsung selama 3 hari 2 malam di Tapak Perkhemahan. Program ini berkonsepkan ikhtiar hidup dan teknik *survival* berasaskan alam semulajadi. *Survivor Camp* @ Taman Wetland Putrajaya 2017 adalah penganjuran kali ketiga dan ianya mula diperkenalkan pada tahun 2015. Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, penganjuran kali ini hanya terbuka bagi kategori *junior survivor* yang melibatkan 109 orang penyertaan.

Program ini juga bertujuan untuk mempromosi Taman Wetland Putrajaya sebagai lokasi perkhemahan yang menawarkan kemudahan yang lengkap.



## *PUTRAJAYA WETLAND HUNT (ORIENTEERING)*

*Putrajaya Wetland Hunt* merupakan sebuah program yang  berkonsepkan *treasure hunt* ini memerlukan para peserta meneroka Taman Wetland untuk menjawab soalan dan menyelesaikan tugasan yang telah disediakan. Selain itu, elemen *orienteering* turut dijadikan pengisian dalam program ini bagi menampilkan kelainan dan menjadikan aktiviti ini lebih mencabar fizikal dan minda para peserta. Sebanyak 25 buah sekolah menengah dari 3 buah negeri melibatkan 100 orang peserta telah menyertai program ini dengan jayanya pada 4 April 2017 bermula pukul 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari.




## *WORLD WETLAND DAY*

Bagi menyokong sambutan Hari Wetland Sedunia, Taman Wetland Putrajaya, telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Program *World Wetland Day* di Pusat Penghayatan Alam. Aktiviti ini berlangsung sepanjang bulan Februari 2017.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam persekitaran, pemulihan tanah lembap serta pengekalan sumber dan biodiversiti yang penting untuk generasi akan datang melalui aktiviti mewarna dan pameran biodiversiti.






## PROGRAM GURINDAM MERBUK PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Persatuan Merbuk Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Gurindam Merbuk Putrajaya. Bagi tahun 2017, acara ini telah diadakan sebanyak tiga (3) kali penganjuran iaitu penganjuran peringkat Kebangsaan pada 9 April 2017 dan dua Mini Pertandingan Gurindam Merbuk yang telah diadakan pada 16 Julai 2017 dan 19 November 2017 bertempat di Padang Semarak, Presint 13, Putrajaya. Secara Keseluruhan, Pertandingan Gurindam Merbuk Putrajaya 2017 telah mencatatkan jumlah penyertaan sebanyak 1,500 penyertaan sepanjang acara ini dianjurkan dan disertai oleh penggemar burung merbuk dari seluruh negara dan beberapa negara ASEAN yang lain seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei.





## PROGRAM TAUTAN CERIA SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN

Program Tautan Ceria merupakan program *Corporate Social Responsibilities (CSR)* yang dilaksanakan secara berperingkat di tiga wilayah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wialayah Persekutuan Labuan bersempena Hari Wilayah Persekutuan 2017.

Program *CSR* tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada komuniti Putrajaya menjana pendapatan, mengurangkan kos perbelanjaan dapur, meningkatkan hubungan silaturrahim di kalangan peserta selain melahirkan usahawan tani moden di bandar dan menyokong aktiviti pertanian dikalangan komuniti  dengan menanam pelbagai jenis tanaman *edible* menggunakan pasu jenis *self-watering*,  iaitu teknologi penanaman dalam takung yang boleh membekalkan air secara sendiri tanpa perlu penyiraman yang kerap.

Sebanyak 200 unit green kit (*self-watering*) berserta struktur rak besi diserahkan kepada  penerima yang terdiri daripada golongan sasar yang telah dikenalpasti oleh pihak kementerian yang dilihat berpotensi menjadikan program ini terus dilaksanakan.





## PENGURUSAN POKOK AMENITI (ARBORIKULTUR)

Di sepanjang tahun 2017, program penyelenggaraan pokok-pokok ameniti di Putrajaya telah dilaksanakan dengan baik memandangkan pengurusan dan pengumpulan maklumat data pokok yang lebih sistematik yang mana semua maklumat pokok di lapangan telah direkod dan dipantau. Perancangan kerja-kerja penyelenggaraan pokok ameniti di kawasan Kejiranan, kawasan Jalan-Jalan Protokol, Nusa Perdana, Sisiran dan Persisiran Tasik sentiasa dilakukan dengan mengambil kira kerja-kerja pemangkasan dahan dan meringankan kanopi pokok. Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok ameniti di seluruh Putrajaya bertujuan untuk memastikan pokok-pokok matang yang di tanam di Putrajaya berada dalam keadaan sihat dan selamat.

Putrajaya juga tidak terkecuali dari mengalami fenomena keadaan angin kencang yang telah menyebabkan sebanyak 126 batang pokok telah tumbang dan 177 batang pokok telah serkah, walaubagaimanapun kesemua kes ini telah di uruskan dengan baik di lapangan dengan wujudnya *Response Team*. Sebagai penambahbaikan bagi pengurusan pokok ameniti terutama kesediaan menghadapi kemungkinan bencana di Putrajaya. Atas faktor tersebut pihak Jabatan Landskap & Taman telah membuat *Visual Tree Assessment (VTA)* terhadap pokok-pokok yang berisiko dan penebangan pokok sebanyak 422 batang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017, ia dilaksanakan setelah pihak pakar mengambil kira potensi risiko bahaya kepada harta awam dan komuniti sekelilingnya.

| Skop Kerja | Zon | Jumlah 2017 |
|---|---|---|
| Pemangkasan | Protokol | 15,492 |
| | Kejiranan | 18,828 |
| | Nusa Perdana | 18,221 |
| | | **52,196** |
| Tumbang | Protokol | 62 |
| | Kejiranan | 44 |
| | Nusa Perdana | 25 |
| | | **126** |
| Serkah | Protokol | 42 |
| | Kejiranan | 93 |
| | Nusa Perdana | 42 |
| | | **177** |
| Tebang (Mati/Condong/ Lemah Struktur/ Berisiko/Pokok Liar) | Protokol | 233 |
| | Kejiranan | 155 |
| | Nusa Perdana | 34 |
| | | **422** |
| Pembuangan Tunggul | Protokol | 34 |
| | Kejiranan | 57 |
| | Nusa Perdana | 67 |
| | | **158** |
| Pemindahan Pokok/Anai-Anai | Protokol | 15 |
| | Kejiranan | 0 |
| | Nusa Perdana | 0 |
| | | **15** |
| Pembuangan Epifit/ Parasit | Protokol | 0 |
| | Kejiranan | 25 |
| | Nusa Perdana | 0 |
| | | **25** |

### Data Peratusan Kerja-kerja Arborikultur Pokok Ameniti 2015-2017




| Tahun | 2015 | 2016 | 2017 | Jumlah | % |
|---|---|---|---|---|---|
| Pemangkasan | 44,203 | 54,213 | 52,196 | 150,817 | 22.17% |
| Tumbang | 245 | 223 | 126 | 594 | 0.08% |
| Serkah | 384 | 159 | 177 | 720 | 0.10% |
| Tebang | 587 | 599 | 422 | 1608 | 0.23% |

*Jumlah pokok ameniti : 680,000 NOS

## Skop Kawasan Pengurusan Pokok Ameniti Di Kawasan Putrajaya:-

**Zon 1**
1. Kawasan kejiranan Presint 7
2. Kawasan Kejiranan Presint 8
3. Kawasan Kejiranan Presint 9
4. Kawasan Kejiranan Presint 10
5. Kawasan Kejiranan Presint 11
6. Kawasan Kejiranan Presint 12

**ZON 2**
1. Kawasan Kejiranan Presint 14
2. Kawasan Kejiranan Presint 15
3. Kawasan Kejiranan Presint 16
4. Kawasan Kejiranan Presint 17
5. Kawasan Kejiranan Presint 18

**ZON 3 (Nusa Perdana)**
1. Persisiran Tasik Presint 2, 3, 4, 18 & Monumen Alaf Baru
2. Sisiran Tasik Presint 1 & 16
3. Sisiran Tasik Presint 7,8 & 10
4. Sisiran Tasik Presint 5 & 6
5. Taman Tasik Seri Empangan
6. Dataran Seri Gemilang Presint 4
7. Dataran Putrajaya Presint 2
8. Dataran Wawasan Presint 2
9. Persiaran Perdana Presint 2,3 & 4
10. Jalan-jalan Presint 2, 3 & 4

**ZON 4 (Jalan Protokol)**
1. Persiaran Seri Perdana
2. Lebuh Perdana Barat
3. Jambatan Seri Perdana
4. Jalan Presint 12
5. Persiaran Persekutuan
6. Persiaran Utara
7. Lebuh Sentosa
8. Lebuh Wawasan
9. Jambatan Seri Wawasan
10. Jambatan Seri Saujana
11. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
12. Lebuh Perdana Timur
13. Lebuh Perdana Selatan
14. Jambatan Seri Bakti
15. Jalan Sekolah Alam Shah
16. Jambatan Seri Bestari
17. Jalan Masuk Seri Satria
18. Jalan Wisma Putra
19. Lebuh Bestari
20. Laman Putra
21. Persiaran Timur
22. Jalan Alamanda
23. Lebuh Wadi Ehsan
24. Jambatan Seri Setia
25. Persiaran Selatan
26. Jalan-Jalan Presint 5 & 6

## Data Peratusan Jumlah Aduan Mengikut Presint Bagi Tahun 2016-2017




| ZON | PRESINT | ADUAN 2016 | % |
|---|---|---|---|
| Zon 1 | Jalan Protokol | 5 | 2.34% |
| Zon 2 | Presint 8 | 19 | 8.88% |
| | Presint 9 | 42 | 19.63% |
| | Presint 10 | 12 | 5.61% |
| | Presint 11 | 64 | 29.91% |
| | Presint 14 | 38 | 17.76% |
| | Presint 15 | 16 | 7.48% |
| | Presint 16 | 5 | 2.34% |
| | Presint 17 | 0 | 0.00% |
| | Presint 18 | 12 | 5.61% |
| Zon 3 | Nusa Perdana | 1 | 0.47% |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **214** | |




| ZON | PRESINT | ADUAN 2017 | % |
|---|---|---|---|
| Zon 1 | Jalan Protokol | 5 | 2.16% |
| Zon 2 | Presint 8 | 37 | 15.95% |
| | Presint 9 | 42 | 18.10% |
| | Presint 10 | 11 | 4.74% |
| | Presint 11 | 65 | 28.02% |
| | Presint 14 | 26 | 11.21% |
| | Presint 15 | 19 | 8.19% |
| | Presint 16 | 11 | 4.74% |
| | Presint 17 | 1 | 0.43% |
| | Presint 18 | 10 | 4.31% |
| Zon 3 | Nusa Perdana | 5 | 2.16% |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **232** | |

## Aduan Yang Telah Diselesaikan Sehingga Pada Akhir Tahun 2017

| ZON | PRESINT | ADUAN 2017 |
|---|---|---|
| Zon 1 | Jalan Protokol | 5 |
| Zon 2 | Presint 8 | 37 |
| | Presint 9 | 42 |
| | Presint 10 | 11 |
| | Presint 11 | 65 |
| | Presint 14 | 26 |
| | Presint 15 | 19 |
| | Presint 16 | 11 |
| | Presint 17 | 1 |
| | Presint 18 | 10 |
| Zon 3 | Nusa Perdana | 5 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **232** |

### Aduan Yang Telah Diselesaikan Sehingga Pada Akhir Tahun 2017

| Zon | Presint | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogo | Sep | Okt | Nov | Dis | Aduan 2017 | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Zon 1 | JALAN PROTOKOL | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 2.70% |
| Zon 2 | Presint 8 | 8 | 3 | 2 | 3 | 3 | 1 | 2 | 2 | 1 | 3 | 7 | 2 | 37 | 20.00% |
| | Presint 9 | 4 | 3 | 4 | 6 | 5 | 6 | 3 | 2 | 0 | 1 | 7 | 1 | 42 | 22.70% |
| | Presint 10 | 3 | 1 | 0 | 0 | 1 | 3 | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 11 | 5.95% |
| | Presint 11 | 5 | 9 | 3 | 8 | 9 | 4 | 7 | 6 | 2 | 2 | 5 | 5 | 65 | 35.14% |
| | Presint 14 | 4 | 5 | 1 | 4 | 1 | 3 | 2 | 0 | 2 | 0 | 1 | 3 | 26 | 14.05% |
| | Presint 15 | 1 | 2 | 2 | 2 | 1 | 1 | 2 | 2 | 2 | 1 | 3 | 0 | 19 | 10.27% |
| | Presint 16 | 2 | 1 | 1 | 2 | 0 | 0 | 2 | 1 | 1 | 0 | 1 | 0 | 11 | 5.95% |
| | Presint 17 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0.54% |
| | Presint 18 | 2 | 2 | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 10 | 5.41% |
| Zon 3 | NUSA PERDANA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 4 | 5 | 2.70% |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **29** | **29** | **14** | **26** | **23** | **21** | **22** | **16** | **8** | **7** | **25** | **15** | **232** | |


Kerja-kerja pemangkasan pokok ameniti dilaksanakan di kawasan kejiranan secara berjadual dan berkala


Pokok-pokok yang dipangkas dan ditebang akan direcihkan dan dibawa keluar dari tapak

## PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Bagi memastikan Putrajaya kekal dikenali sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan dan taman yang dipenuhi dengan tanaman yang berbunga, kerja-kerja penyelenggaraan landskap dilaksanakan secara berterusan mengikut jadual berkala. Sepanjang tahun 2017, Jabatan Landskap & Taman memastikan keadaan landskap awam dan taman-taman metropolitan diselenggara dengan baik agar ia sentiasa bersedia digunakan oleh penduduk setempat dan komuniti serta pengunjung/ pelancong luar.

### KELUASAN KAWASAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP

| Maklumat | Keluasan |
|---|---|
| Keluasan Keseluruhan Taman | 873 ha |
| Jarak Jalan Protokol | 91.00km |
| Jalan Nusa Perdana | 23.80km |
| Jarak Promenad | 26.00km |
| Jarak Waterfront | 14.00km |
| Jarak Boulevard | 4.20km |
| Keluasan Kawasan Kejiranan | 64.82ha |
| Pemangkasan Pokok | 680,000 pokok |
| JABATAN PERDANA MENTERI | 4 kawasan : (Kompleks Seri Perdana, Kompleks Sri Satria, Kompleks Parcel B & Puspanitapuri) |

### Kerja-kerja penyelenggaraan landskap rutin yang dilaksanakan di lapangan





### Gambar-Gambar Landskap Sekitar Putrajaya








## KAWALAN LANDSKAP

Senarai Pencapaian Proses Permohonan dan Kelulusan serta penguatkuasaan landskap sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:-

| Bil. | Perkara | Bilangan |
|---|---|---|
| 1. | Kelulusan Pelan Landskap (KL) | 20 |
| 2. | Kelulusan Pemasangan Pagar | 27 |
| 3. | Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) | 6 |
| 4. | Permohonan Serah Tapak (ST)/ Pengambilalihan | 7 |
| 5. | Permohonan Pengalihan dan Pelupusan Pokok | 23 |
| 6. | Penguatkuasaan Kawasan Landskap | 6 |
| 7. | Pemeriksaan Pokok Di Nurseri | 7 |
| 8. | Operasi Bersepadu Pembersihan Landskap | 3 |

### PEMELIHARAAN KEHIJAUAN PUTRAJAYA

Putrajaya dibangunkan sebagai Bandaraya Dalam Taman, di mana setiap pembangunan perlu menyediakan sekurang-kurangnya 30% kawasan hijau. Bermula tahun 2017 mana-mana pembangunan atau kerja-kerja di tapak yang memerlukan penebangan atau pelupusan tanaman / pokok sedia ada yang diselenggara oleh pihak Perbadanan, caj ganti rugi dan penggantian pokok dengan Nisbah 1:2 dikenakan sebagai **KEHILANGAN TEDUHAN DAN KEHILANGAN KEHIJAUAN BANDAR PUTRAJAYA.** Ini merupakan salah satu langkah Perbadanan untuk memelihara Kehijauan Putrajaya selaras dengan Visi Rancangan Struktur Putrajaya 2025 untuk menjadikan Putrajaya Bandar Mapan 2025 selain dapat mengekalkan nilai estetika rupa bentuk bandar Putrajaya yang dikenali sebagai **Bandaraya Dalam Taman.** Langkah ini juga di ambil untuk memberi kesedaran kepada pihak Pemaju akan kehilangan teduhan dan kehijauan memberi impak kepada penduduk Putrajaya.

Untuk tahun 2017 sebanyak 23 permohonan pengalihan / pelupusan tanaman / pokok telah diterima melibatkan pelupusan dan pengalihan serta penggantian tanaman / pokok seperti berikut:-

| Bil. | Jenis Tanaman | Pelupusan | Pengalihan | Pengantian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pokok | 421 | 181 | 436 |
| 2. | Palma | 36 | 13 | 72 |
| 3. | Topiari/Bongsai | 9 | 2 | 18 |
| 4. | Renek | 2,340 | 0 | 4,680 |

Sebanyak RM156,000.00 kos ganti rugi telah diperolehi dan pengantian pokok-pokok juga telah dilakukan oleh pihak pemaju dan di tanam di kawasan-kawasan hijau yang telah dikenalpasti serta kawasan-kawasan yang memerlukan sulaman pokok-pokok.





## MEKAR PUTRAJAYA

Sehingga akhir tahun 2017, terdapat lebih kurang 700,000 pokok telah ditanam di seluruh Putrajaya termasuklah pokok-pokok yang berbunga pada tempoh tertentu dalam setahun. Antara spesies pokok berbunga dan menarik ini termasuklah *Cassia fistula* (Rajah Kayu), *Tabebuia rosea* (Tekoma) dan *Saraca thaipingensis* (Gapis Kuning).

Selain itu terdapat juga lebih dari 400 spesies pokok hutan Dipterokarp dan Non-Dipterokarp, 900 spesies yang merangkumi koleksi Benua Tropika, Ethnobotani (ubatan dan ulaman), Buah Nadir, Zingiberales dan Pakis. Koleksi lain juga termasuklah 60 spesies Palma, 50 spesies Gymnosperm dan lebih kurang 20 spesies buluh.



*Cassia fistula* (Rajah Kayu) sedang mekar berbunga pada bulan April di Persiaran Seri Perdana Presint 10.

## PENGURUSAN KONSERVASI FAUNA DI PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya mula melaksanakan Program Kajian Inventori dan Pengurusan Konservasi Fauna Putrajaya dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia. Kajian ini bertujuan mewujudkan pangkalan data berkaitan informasi fauna yang terdapat di Putrajaya bagi rujukan pada masa hadapan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan bagi pengumpulan data bagi analisis keperluan penyediaan pelan pengurusan konflik manusia dan hidupan liar di kawasan Putrajaya dan kajian penyakit zoonotik bawaan hidupan liar di Putrajaya. Sebanyak empat bidang kajian telah dijalankan iaitu Kajian Mamalia, Kajian Avifauna, Kajian Herpetofauna dan Kajian Zoonotik Hidupan Liar.



Operasi Pemburuan Babi Hutan (*Sus scrofa*)



Operasi Memusnah Koloni Tebuan

### Laporan Aktiviti Tahunan 2017

| Perkara | | Tahun 2017 Jan - Mac | Tahun 2017 Apr - Jun | Tahun 2017 Jul - Dis | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|
| Tangkap / Pindah Kera | Jumlah Operasi | 11 | 10 | 12 | 133 |
| | Jumlah Tangkapan | 53 | 33 | 33 | 119 |
| Pemburuan Babi hutan | Jumlah Operasi | 5 | 7 | 9 | 21 |
| | Jumlah Tangkapan | 21 | 29 | 40 | 90 |
| Pemusnaha Koloni Tebuan / Pemindahan Koloni Lebah | Jumlah Operasi | 13 | 14 | 45 | 72 |
| | Jumlah Pemusnahan/ Pemindahan Koloni | 13 | 14 | 45 | 72 |
| Operasi Lain-lain (Ular, Musang dll) | Jumlah Operasi | 0 | 4 | 4 | 8 |
| | Jumlah Tangkapan | 0 | 4 | 4 | 8 |
| **Jumlah Operasi** | | **29** | **35** | **70** | **134** |
| **Jumlah Ditangkap / Pindah / Lupus** | | **87** | **80** | **122** | **289** |




# PENGURUSAN PELANGGAN



# PENGURUSAN PELANGGAN

## PENGURUSAN ADUAN AWAM

### JUMLAH ADUAN 2017

Tahun 2017 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 41% penerimaan aduan awam berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah keseluruhan sebanyak 494 aduan. Perbadanan Putrajaya meletakkan komitmen yang tinggi dalam memastikan prestasi penyelesaian aduan awam agar menepati sasaran walaupun terdapat peningkatan terhadap jumlah aduan yang diterima. Peningkatan jumlah aduan adalah disebabkan kesemua aduan yang diklasifikasikan dalam tempoh penyelesaian sederhana (tempoh penyelesaian ≤ daripada 15 hari) dan kompleks (tempoh penyelesaian ≤ daripada 365 hari) telah didaftarkan dalam SISPAA PPj agar proses penyelesaian dapat dipantau sewajarnya. Manakala aduan mudah (tempoh penyelesaian ≤ daripada 3 hari) telah diselesaikan dalam tempoh segera di lapangan dengan pemantauan melalui email dan aplikasi *whatapps* oleh penyelia aduan.

**Perbandingan Bilangan Aduan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2015 Hingga 2017**




### BILANGAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI

Sejumlah 15 Kategori Aduan telah ditetapkan dalam SISPAA PPj. Senarai Aduan mengikut kategori beserta jumlah aduan yang diterima adalah seperti jadual di bawah:



## PRESTASI TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN 2017

Kesemua aduan yang diterima sepanjang 2017 telah berjaya diselesaikan. 95% aduan diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari manakala 5% aduan telah diselesaikan dalam tempoh kurang dari 2 bulan.

Prestasi ini mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak 95% aduan perlu diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari, ianya turut melepasi sasaran 85% penyelesaian aduan dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Biro Pengurusan Aduan Awam (BPA) dan sasaran 80% aduan selesai kurang dari 15 hari dalam objektif MS ISO 9001:2008 PPj.

| Tempoh | Bilangan Aduan | % Jumlah |
|---|---|---|
| 1 hari | 108 | 95% |
| 2-5 hari | 220 | |
| 6-10 hari | 107 | |
| 11-15 hari | 34 | |
| 16-20 hari | 13 | 4.5% |
| 21-30 hari | 10 | |
| 31-60 hari | 2 | 0.5% |
| >60 hari | 0 | |
| **JUMLAH** | **494** | **100%** |

Secara keseluruhannya penerimaan aduan awam melalui SISPAA memperlihatkan kecekapan PPj menguruskan aduan secara sistematik tanpa melalui lapisan birokrasi. Penglibatan penyelia dan penyiasat SISPAA yang terdiri dari semua jabatan turut memainkan peranan dalam menyumbang kepada penyelesaian aduan yang cepat dan efisien.

## LAWATAN PENYELIA DAN PENYIASAT SISPAA

Dengan mengambil kira keperluan untuk mempertingkatkan pengetahuan bagi menguruskan aduan-aduan awam, dua siri lawatan telah diadakan ke Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 8-10 Ogos 2017 dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) pada 21-23 Ogos 2017. Inisiatif lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada penyelia dan penyiasat SISPAA melalui perkongsian pengalaman dalam pelaksanaan pengurusan aduan bersama PBT lain disamping sebagai insentif kepada khidmat yang telah disumbangkan oleh mereka dalam menyelesaikan aduan-aduan awam yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang.









# PENGURUSAN MEDIA

## LIPUTAN MEDIA

Sepanjang tahun 2017, PPj telah merekodkan sebanyak 275 liputan yang diperolehi menerusi media cetak dan media elektronik dengan nilai Persamaan Iklan (AVE) berjumlah **RM3,986,748.01**.

| Bulan | Kuantiti | AVE |
|---|---|---|
| Januari | 28 | 465,270.02 |
| Februari | 34 | 1,160,882.83 |
| Mac | 29 | 259,580.69 |
| April | 23 | 194,771.88 |
| Mei | 21 | 221,271.24 |
| Jun | 20 | 285,598.71 |
| Julai | 18 | 429,595.40 |
| Ogos | 11 | 83,148.72 |
| September | 17 | 188,735.55 |
| Oktober | 23 | 244,248.24 |
| November | 5 | 7445.8 |
| Disember | 46 | 446,234.93 |
| **JUMLAH** | **275** | **3,986,784.01** |

### Liputan Media Bersamaan Nilai Persamaan Iklan (AVE) Mengikut Bulan Bagi Tahun 2017




### Kategori Liputan Media

| Bulan | Kuantiti | AVE |
|---|---|---|
| Majalah | 15 | 169,646.12 |
| Radio | 32 | 97505.4 |
| TV | 51 | 1,243,398.35 |
| Surat Khabar | 177 | 2,476,234.14 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **275** | **3,986,784.01** |

## Liputan Media Bersamaan Nilai Persamaan Iklan (AVE) Mengikut Jenis Media Bagi Tahun 2017




## Gambar Aktiviti



Sesi temubual YBhg. Dato' Rogaizat Abdullah bersama Radio KLFM bagi mempromosi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017



Sesi temubual YBhg. Dato' Fadlun Mak Ujud, Naib Presiden Perancangan Bandar di program Dialog bertajuk Mensejahterakan Rakyat sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan


Sesi Sidang Media bersama YB Menteri sempena Pertandingan Memancing Putrajaya Hari Wilayah Persekutuan 2017


Program Kejohanan Bowling Mesra Media PPj bersama Media Putrajaya 2017

## PEMANTAUAN MEDIA

Berdasarkan pemantauan media yang dibuat, sebanyak 82% daripada keseluruhan liputan yang diterima adalah dengan tona atau nada berita yang neutral manakala 17% bersifat positif. Hanya 1% sahaja direkodkan bagi liputan media yang bertona negatif, PPj mengambil perhatian yang serius khususnya bagi liputan yang bersifat aduan dan masalah berkaitan perhidmatan perbandaran di Putrajaya.

| Tona | Kuantiti | AVE | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|
| Berita Negatif | 1 | 4,596.67 | 1 |
| Berita Neutral | 220 | 3,493,809.93 | 80 |
| Berita Positif | 52 | 427,900.72 | 19 |

### Liputan Media Bersamaan Nilai Persamaan Iklan (AVE) Mengikut Tona Bagi Tahun 2017




## PENGURUSAN LAWATAN RASMI

### PENERIMAAN LAWATAN

Bagi tahun 2017, PPj telah menguruskan penerimaan lawatan rasmi ke Putrajaya sebanyak 79 kumpulan yang melibatkan seramai 2,920 orang pelawat.

| Jenis Lawatan | Jumlah | Peserta |
|---|---|---|
| Lawatan Berpandu & Umum | 10 | 392 |
| Lawatan Taklimat & Berpandu | 45 | 1,279 |
| Lawatan Pembesar Negara | 6 | 67 |
| **JUMLAH** | **61** | **1,738** |

### Statistik Pengurusan Lawatan Perbadanan Putrajaya 2017



## Senarai delegasi Antarabangsa yang melawat Perbadanan Putrajaya

| Bil. | Tarikh | Agensi/Jabatan/Delegasi |
|---|---|---|
| 1. | 23 Mac 17 | Kunjungan Hormat Timbalan Pengerusi Central Municipal Council, Qatar<br>Ir.Mr Hamad Bin Lahdan Al Muhanadi |
| 2. | 24 Mac 17 | Kunjungan Hormat Mayor Sejong Metropolitan Autonomous City,<br>Hon. Dr. Lee Choon-Hee |
| 3. | 3 Mei 17 | Kunjungan Hormat Mayor Nanning city<br>Mayor Zhou Hongbo |
| 4. | 25 Julai17 | Kunjungan Hormat, Bahrain<br>TYT Ambassador Abdulla Abdulatif Abdulla |
| 5. | 8 September 17 | Kunjungan Hormat, Gabenor Hainan Province dan Datuk Bandar Sanya City Council China<br>Mr. Shen Xiaoming, Governor of Hainan Provincial People's Government dan Mr. Wu Yanjun, Mayor of Sanya Municipal People's Government |
| 6. | 17 November 17 | Uijeongbo City Hall Korea Selatan, Mr.Ahn Byung Yong Mayor of Uijeongbu City Korea |

## Gambar Lawatan



Kunjungan Hormat Gabenor Hainan Province dan Datuk Bandar Sanya City Council, China



Kunjungan Hormat Datuk Bandar Nanning, China ke Perbadanan Putrajaya




Kunjungan Hormat Datuk Bandar Uijeongbu City Council, Korea Selatan ke Perbadanan Putrajaya



Kunjungan Hormat Datuk Bandar Sejong City Council ke Perbadanan Putrajaya

# PENGURUSAN PERMOHONAN PENGGAMBARAN DI PUTRAJAYA

## KELULUSAN PENGGAMBARAN

Sebanyak 119 permohonan penggambaran yang telah diluluskan oleh PPj dengan kutipan hasil berjumlah RM86,708.00 pada tahun 2017.

| Jenis Penggambaran | 2016 | 2017 |
|---|---|---|
| Iklan | 22 | 30 |
| Drama | 26 | 20 |
| Filem | 13 | 16 |
| Dokumentari | 10 | 9 |
| Fotografi | 13 | 10 |
| Agensi Kerajaan | 8 | 9 |
| Lain-Lain | 30 | 25 |
| **JUMLAH** | **124** | **119** |

### Permohonan Penggambaran Di Putrajaya





# PEMBANGUNAN KOMUNITI

# PEMBANGUNAN KOMUNITI

## PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Sepanjang tahun 2017, Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang meliputi aspek pembangunan masyarakat, perkhidmatan, sukan dan riadah dalam menggalakkan keharmonian hidup dan perpaduan dalam kalangan warga Putrajaya.

| Tarikh | Program |
|---|---|
| 23 – 25 Januari | Kursus Pemprosesan Makanan Sejuk Beku |
| 25 - 27 Januari | Kursus *Online Marketing* |
| 17 – 19 Febuari | Kursus Seni Jahitan Kreatif |
| 3 – 5 Mac | Kursus Penyelenggaraan Mesin Jahit Lurus |
| 4 Mac | Kelas Pemerkasaan Kumpulan Marhaban Putrajaya |
| 11 Mac | Bengkel Suri – Jahitan Pakaian Wanita Kurung Tradisional |
| 24 April | Kursus Masakan - Kuih Talam dan Brownies |
| 16 Jun | Program Tazkirah Ramadan |
| 16 Jun | Program Pembasmian Kemiskinan<br>• Penyerahan Sumbangan Raya kepada keluarga miskin berdaftar dalam sistem eKasih |
| 27 Julai | Kursus Keluarga Sakinah |
| 12 Ogos – 21 Oktober | Bengkel Suri – Jahitan Pakaian Wanita Kurung Moden |
| 7 Oktober | Pencarian *Junior Chef @ Putrajaya* |
| 7 Oktober | *Street Dakwah @ Putrajaya* |
| 8 Oktober | Kursus *Edible Landscape* |
| 13 Disember | Program Pembasmian Kemiskinan<br>• Penyerahan Sumbangan 'Jom Balik Sekolah' kepada keluarga miskin berdaftar sistem eKasih |
| 18 Disember | Program Sua Kasih |




Program Sua Kasih



Pertandingan Junior Chef @ Putrajaya



Program *Street Dakwah*



Bengkel *Edible Landscape*



Kursus *Online Marketing*

## PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA (PEB)

Pada tahun 2017, fokus pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya adalah untuk membimbing bekas peserta kursus dari tahun sebelumnya yang berpotensi dan bersemangat berniaga bagi dilatih menjadi usahawan. Oleh itu, seramai 31 peserta ini telah dihantar untuk menjalani Kursus Pementoran Keusahawanan *Start Up* dan *Scale Up* di samping menghadiri 6 sesi *coaching* dan *mentoring* yang dikendalikan oleh Syarikat Perbadanan Nasional Bhd (PNB).

Bagi menyokong program pemerkasaan ekonomi bumiputera, Pihak Perbadanan Putrajaya dan pihak Kementerian turut menyediakan Pusat Setempat 1 Komuniti yang berkonsepkan pusat perniagaan untuk bekas peserta daripada program bagi memulakan perniagaan. Lokasi pusat ini adalah di Kompleks Kejiranan Presint 16 dan dijangka siap pada akhir tahun 2018.

## PROGRAM SOLAT SUBUH BERJEMAAH

Program kerjasama antara Perbadanan Putrajaya, Kementerian Wilayah Persekutuan,



Biro Agama Putrajaya dan Jabatan Pendidikan Putrajaya ini menggalakkan murid-murid sekolah menunaikan solat subuh berjemaah bersama ibu bapa sebelum ke sekolah. Program ini bertujuan untuk membina jati diri pelajar dan memperkasakan generasi muda bagi kelangsungan komuniti.

Bagi pelaksanaan tahun 2017, pihak PPj telah menyediakan peruntukan sarapan pagi untuk para pelajar dan menyampaikan penghargaan kepada pelajar yang secara konsisten mengikuti program tersebut. Usaha ini merupakan galakan dan komitmen PPj dalam membudayakan nilai-nilai murni dalam kalangan komuniti. Sepanjang tahun 2017 sebanyak lapan (8) buah surau telah dipilih untuk mengikuti program tersebut antaranya;

a. Surau Al Mizan, Presint 8
b. Surau Putra Al-Amin Fasa 4C, Presint 8
c. Surau Al Fatih, Presint 15
d. Surau Al-Muhajirin, Presint 9
e. Surau Al-Furqan, Presint 11
f. Surau An Najah, Presint 9
g. Surau Al-Munawwarah, Presint 5
h. Surau Muttaqin, Presint 5

## PROGRAM SANTAI KOMUNITI PUTRAJAYA BERSAMA PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

Program Santai adalah program yang menggantikan *Town Hall* Bersama Presiden. Objektif penganjuran program ini bagi membawa Presiden turun ke padang mendekati dan mendengar masalah komuniti Putrajaya. Di samping itu, komuniti berpeluang untuk memberi pandangan dan cadangan dalam memastikan Putrajaya dalam keadaan sejahtera.

Program ini telah diadakan di surau-surau sekitar Putrajaya dengan kerjasama dengan pihak MPPWP, Bahagian Pengurusan Hartanah, Surau dan komuniti setempat.





## PROGRAM BUBUR LAMBUK

Program Bubur Lambuk adalah salah satu program di bawah Festival Ramadan Putrajaya. Ini merupakan program kerjasama PPj, MPPWP, Krisputra, JPNIN dan Pegawai Muda PPj. Sebanyak 14 periuk bubur lambuk telah di masak serta di agihkan kepada komuniti Putrajaya. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Seri Presiden Perbadanan Putrajaya.



## MENANDATANGANI PERJANJIAN PENYELIDIKAN (MOA) PERBADANAN PUTRAJAYA DAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Perbadanan Putrajaya kini sedang menyediakan *Blueprint* Masyarakat Sejahtera Putrajaya. Universiti Kebangsaan Malaysia telah dipilih sebagai penyelidik bersama dalam menyediakan *blueprint* ini. Pada 23 Oktober 2017 lalu, satu perjanjian telah termeterai di antara PPj dan UKM bertempat di Bilik Kesidang, Perbadanan Putrajaya.

## KARNIVAL KOMUNITI DAN PESTA AIR PUTRAJAYA 2017

Karnival Komuniti adalah acara tahunan Bahagian Perkhidmatan Komuniti yang diadakan di Kompleks Kejiranan. Pada tahun 2017, Karnival Komuniti telah diberi nafas baru. Kali ini, Karnival komuniti telah digabungkan dengan acara sukan air serta dianjurkan di Kompleks Sukan Air, Presint 6.

Diadakan pada 7 & 8 Oktober 2017, program ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Sri Khairuddin Bin E.S Abu Samad bersama Datuk Seri Presiden Perbadanan Putrajaya.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang Karnival komuniti dan Pesta Air Putrajaya antaranya sukan air, *Street Dakwah*, pertandingan mewarna, *Swim n Save*, *Didi n Friends*, Sukaneka Air, pertandingan karaoke, *drum circle*, pencarian *Junior Chef@Putrajaya*, pertandingan tarian, kursus *Edible Landscape*, kayuhan ceria, pertandingan perahu panjang, pameran produk komuniti, pameran oleh agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta jualan am.






## PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN

Tahun 2017 merupakan ulang tahun ke-16 bagi Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) Presint 8, Putrajaya. PPK ini telah beroperasi bermula pada tahun 2001 yang lalu. Selangkah demi selangkah PPK mengorak langkah dan seterusnya membuka lagi 3 PPK iaitu di Presint 9,11 & 16 Putrajaya. Jumlah keahlian PPK terus meningkat dan sehingga kini mencecah sebanyak 15,404 orang ahli. Manakala jumlah koleksi bahan di PPK adalah sebanyak 121,473 koleksi.

Antara kemudahan yang disediakan di PPK adalah ruang bacaan, ruang siber, bilik kanak-kanak, bilik serbaguna, perkhidmatan fotostat, mencetak dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, bermula 01 September 2017, PPK telah membuka keahlian bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas untuk menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di setiap PPK. Berikut adalah kadar bayaran keahlian tersebut:


KADAR BAYARAN KEAHLIAN KHAS
UNTUK ORANG KURANG UPAYA (OKU) DAN WARGA EMAS
DI PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN (PPK) PUTRAJAYA

WARGA EMAS (55 TAHUN KE ATAS)

| | |
|---|---|
| YURAN TAHUNAN | RM 7.50 |
| PENDAFTARAN & KAD AHLI | PERCUMA |

* PEMOHON (WARGA EMAS) PERLU MENUNJUKKAN KAD PENGENALAN DIRI SEMASA PENDAFTARAN

ORANG KURANG UPAYA (OKU)

| | KEAHLIAN DEWASA 21 TAHUN DAN KE ATAS | KEAHLIAN REMAJA 13 – 20 TAHUN | KEAHLIAN KANAK-KANAK 5-12 TAHUN |
|---|---|---|---|
| YURAN TAHUNAN | RM 7.50 | RM 5.00 | RM 2.50 |
| PENDAFTARAN & KAD AHLI | PERCUMA | PERCUMA | PERCUMA |

* PEMOHON PERLU MENUNJUKKAN KAD OKU (DIKELUARKAN OLEH JKM) SEMASA PENDAFTARAN

UNTUK PERTANYAAN, HUBUNGI 03-8887 7667 / 7670 / 7671 / 7681

### SAMBUTAN HARI PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN (PPK) 2017

Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan adalah merupakan aktiviti kemuncak yang dianjurkan oleh Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK), Bhg. Perkhidmatan Komuniti, J(P), pada setiap tahun. Objektif utama penganjurannya adalah untuk mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik di antara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan. Selain daripada itu, program seperti ini dapat memperkenalkan kemudahan-kemudahan yang disediakan dan seterusnya mempromosikan PPK bagi menarik lebih ramai menjadi ahli PPK.

Program Hari Terbuka PPK 2017 merupakan sambutan tahun ke-11 yang telah diadakan pada 12 – 13 Ogos 2017, pada jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang bertempat di Kompleks Kejiranan (KKj), Presint 11, Putrajaya.

Pelbagai aktiviti atau program menarik telah disusun sebagai pengisian "Hari Terbuka PPK" ini, iaitu Pertandingan *Golf Simulator*, Anugerah Ahli Aktif PPK, Kaunter Khidmat Pelanggan, Pertandingan Melukis dan Mewarna, Pertandingan *Spelling Bee*, Persembahan Maskot *Didi & Friends* dan lain – lain program.



**Impak Positif Kepada Pengunjung**

1. Mendapat maklumat terkini mengenai PPK melalui *www.facebook.com/* perpustakaanputrajaya ;
2. Berpeluang mendaftar sebagai ahli baru PPK, dan terus akses kepada segala kemudahan yang disediakan di PPK ; dan
3. Kaunter Khidmat Pelanggan juga menerima apa-apa juga idea, cadangan dan komen konstruktif (daripada pengunjung), untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan PPK.

* **Jumlah keahlian PPK sehingga 2017 = 15,404 orang ahli**
* **Jumlah koleksi PPK sehingga 2017 = 121,473 buah koleksi**

## "SESI BERCERITA BERSAMA UMMI" PENCERITA DARIPADA *MALAYSIA BOARD ON BOOKS FOR YOUNG PEOPLE (MBBY)*

Sesi Bercerita Bersama Ummi (Puan Samsul Khamariah binti Hamzah) telah diadakan pada 07 November 2017 (Selasa) di Ruang Legar, Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya. Aktiviti ini telah diadakan sempena Lawatan Akademik Pensyarah & Pelajar dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Negeri Sembilan. Seramai 100 orang kanak-kanak Tadika Kemas Bunga Raya Presint 11, Putrajaya telah dijemput untuk menjayakan program sesi bercerita ini.





Ummi telah menyampaikan cerita dalam bentuk santai dan menarik minat kanak-kanak tadika untuk mendengarnya. Selain daripada itu, aktiviti menari dan menyanyi bersama turut diselitkan bagi memeriahkan lagi sesi bercerita ini. Para pelajar UiTM tidak ketinggalan membantu kanak-kanak tadika tersebut untuk aktiviti lipatan kertas bagi menghasilkan topi kertas.

Secara keseluruhan, sesi bercerita ini begitu meriah dan memberangsangkan minda terutama kanak-kanak yang berumur 5 hingga 6 tahun dari Tadika Kemas Bunga Raya, Presint 11. Kerjasama di antara Perbadanan Putrajaya dan tadika kemas perlu diteruskan lagi bagi melahirkan generasi muda yang berbakat dan berinformasi.

## EKSPO *BRAILLE* 2017

Ekspo *Braille* telah diadakan pada 18 November 2017 (Sabtu) bermula 8.30 pagi hingga 1.00 petang di Pusat Sumber Braille, Seksyen Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 9, Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya. Program ini telah di anjurkan oleh Seksyen Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK), Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama KL Braille. Seramai 100 orang pengunjung telah hadir memeriahkan aktiviti ini.

Objektif utama Ekspo Braille ini diadakan adalah untuk membangkitkan kesedaran dikalangan masyarakat mengenai Braille sebagai medium membolehkan OKU penglihatan mengakses ilmu dan maklumat. Selain daripada itu, Ekspo ini juga sebagai suatu aktiviti yang bertujuan membantu kanak-kanak OKU penglihatan mendapatkan buku dalam tulisan Braille.Secara tidak lansung, ekspo ini turut mempamerkan beberapa aktiviti OKU sebagai kaedah ke arah masyarakat yang produktif. Antara tetamu terhormat ialah En. Khalilurrahman Bin Kamaruzaman,Ketua Penolong Pengarah Kanan, Perkhidmatan Komuniti Seksyen Sukan & Rekreasi dan YBhg. Dato Mah Hassan Omar, Presiden Persatuan Braille Malaysia.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti Pameran Kelengkapan Teknologi Percetakan Braille, Pameran/Jualan Peralatan Khas OKU Penglihatan, Pameran / Demo Interaktif Braille, Brailleton, Pertandingan Catur Braille, Pertandingan Dominos Braille dan Membina Perkataan Braille.

Para pengunjung Ekspo Braille ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengenai tulisan Braille, kemudahan dan peralatan yang digunakan oleh golongan orang cacat penglihatan. Secara tidak langsung, semua lapisan masyarakat berpeluang untuk mempelajari tulisan Braille kerana terdapat Pameran/Demo Interaktif Braille yang dibuka untuk semua pengunjung.





## KELAS KEMAHIRAN *SMART ENGLISH FOR KIDS* @ PPK PRESINT 11

Kelas Kemahiran *Smart English for Kids* adalah pertama kali diadakan di Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 11, Putrajaya pada 02 April hingga 21 Mei 2017 yang lalu. Kelas ini dikendalikan oleh tenaga pengajar Puan Siti Aeisha binti Joharry dan pembantu tenaga pengajar Cik Nadia Zawani binti Hussin. Terbuka kepada ahli PPK dan 30 orang peserta kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun telah hadir untuk mengikuti kelas ini. Objektif kelas ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak mempelajari Bahasa Inggeris melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan. Selain daripada itu, menigkatkan penguasaan tatabahasa dan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak. Justeru, teknik mempelajari Bahasa Inggeris dapat di pelbagaikan selari dengan perkembangan dan kemahiran fizikal kanak-kanak untuk bermain dan meneroka ilmu pengetahuan.

Kelas ini bermula pada pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari setiap hari Ahad di Bilik Serbaguna, PPK Presint 11, Putrajaya. Sambutan amat menggalakkan daripada kalangan ibu bapa peserta untuk meneruskan kelas yang sama di masa yang akan datang.



### KELAS KEMAHIRAN MENULIS DAN MEMBACA JAWI (SIRI 1) @ PPK PRESINT 9

Kelas Kemahiran Menulis dan Membaca Jawi (Siri 1) telah diadakan di Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 9, Putrajaya bermula pada 02 April hingga 28 Mei 2017 yang lalu. Seramai 30 orang peserta telah menyertai kelas tersebut yang terdiri daripada ahli PPK yang berumur 8 hingga 12 tahun. Kelas dijalankan selama 8 sesi setiap hari Ahad pada pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Ustaz Hasbullah bin Abu Bakar telah dilantik sebagai tenaga pengajar bagi mengendalikan kelas menulis dan membaca jawi ini.

Di antara objektif adalah mengajar asas mengenal huruf-huruf jawi dan memberikan pendedahan mengenai tatacara bacaan jawi yang betul. Di samping itu, memupuk minat peserta untuk mempelajari dan mendalami penulisan dan pembacaan jawi.

Pada bulan Julai 2017, Kelas Kemahiran Menulis dan Membaca Jawi (Siri 2) akan diadakan bagi menyambung pengajian Siri 1 bagi membolehkan para peserta mendalami dan mengukuhkan lagi ilmu pengetahuan yang telah dipelajari sebelum ini.





### PERKHIDMATAN SOKONGAN PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN 2017

1. Program Insentif Keahlian PPK
2. Kaunter Khidmat Pelanggan
3. Bengkel Pengurusan Perpustakaan Siri 1 : "Pemantapan Nilai & Khidmat Perpustakaan"
4. Kelas Kemahiran – Mewarna Kreatif
5. Kelas Kemahiran Al -Quran – "Hafazan dan Pemantapan Solat"
6. Program Kerjasama KL Braille (OKU/Terbuka)
7. Bengkel IT – Adobe Illustrator (*Basic*)
8. Kelas Kemahiran – "Mudahnya Bahasa Arab"
9. Kelas Kemahiran – Menulis dan Membaca Jawi (Siri 2)
10. Bengkel Bijak Belajar UPSR – Teknik Menjawab Kertas Penulisan Bahasa Inggeris
11. Bengkel Pengurusan Perpustakaan Siri 2 – "*Transform Our Attitude*"
12. Hari PPK 2017
13. Program Kerjasama MBBY (*Malaysia Board on Books for Young People*)
14. *English is Fun*
15. Lawatan Interaktif Penanda Arasan (*Bench Marking Official Visit*) ke Majlis Perbandaran Subang Jaya









## SUKAN KOMUNITI

Sepanjang 2017, Putrajaya adalah lokasi tumpuan untuk mengadakan aktiviti sukan samada anjuran agensi kerajaan mahupun pihak Persatuan dan NGO. Antara acara Ikonik yang pertama telah dilangsungkan pada tahun 2017

## *PCP ADRENALINE FEST 2017*

Pada 17 Disember 2017 lalu telah berlangsung program *PCP Adrenaline Fest 2017* bertempat di Kompleks Sukan Lasak, Taman Cabaran, Presint 5, Putrajaya. Acara ini telah berjaya mengumpulkan seramai 180 peserta peminat sukan lasak untuk bertanding dalam acara mengikut kategori seperti berikut;

| Bil. | Acara | Ketegori |
|---|---|---|
| 1. | *Skateboarding* | *Under 15 (Novis)* |
| 2. | *Skateboarding* | *Open* |
| 3. | *MTB XC Men* | *Master* |
| 4. | *MTB XC Men* | *Junior* |
| 5. | *MTB XC Men* | *Open* |
| 6. | *Sport Climbing* | *Male Open Intermediate* |
| 7. | *Sport Climbing* | *Female Open Intermediate* |
| 8. | *Sport Climbing* | *Male Open (Age 14-17)* |
| 9. | *Sport Climbing* | *Female Open (Age 14-17)* |
| 10. | *Sport Climbing* | *Male Under Age 13* |
| 11. | *Sport Climbing* | *Female Under Age 13* |





## KAYUHAN SANTAI BERSAMA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) DAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK PUTRAJAYA (MPPWP)



Sempena sambutan Karnival Komuniti Putrajaya 2017 yang diadakan pada 7 dan 8 Oktober 2017 di Kompleks Sukan Air, Presint 6, acara sukan berbasikal kayuhan santai sejauh 12km juga telah dianjurkan khas untuk komuniti Putrajaya.

Julung kalinya pada tahun ini, acara ini telah dianjurkan secara NBOS dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya (MPPWP). Pihak penganjur juga amat berbesar hati di atas kemurahan hati di bawah Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang sudi untuk menyempurnakan perlepasan acara dan seterusnya mengikuti kayuhan serta menyempurnakan acara pembahagian hadiah cabutan bertuah. Keseluruhan penyertaan seramai 1,000 peserta telah mengikuti acara tersebut.

## PERTANDINGAN PERAHU PANJANG

Bersempena Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya, pada 7 dan 8 Oktober lalu telah berlangsungnya pertandingan perahu panjang bertempat di Kompleks Sukan Air, Presint 6.

Terdapat 5 kategorikan penyertaan telah dipertandingan ianya telah berjaya mengumpulkan penyertaan yang amat menggalakkan iaitu seramai 1,010 orang.

| Bil. | Acara | Ketegori |
|---|---|---|
| 1. | Kategori Komuniti Campuran | 11 sub zon |
| 2. | Kategori Sekolah / Universiti | 10 kumpulan |
| 3. | Kategori Terbuka Lelaki | 10 kumpulan |
| 4. | Kategori Terbuka Campuran | 10 kumpulan |
| 5. | Krisputra | 7 Jabatan PPj |





### LANGKAH CERIA SEMPENA KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN

Langkah Ceria ini dianjurkan di hadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya di Dataran Putrajaya pada 17 Januari 2017. Hampir 1000 peserta daripada komuniti Putrajaya telah menyertai acara ini dan pelepasan telah dibuat oleh YB. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.





### LIGA BOLA SEPAK PUTRAJAYA

Demi melahirkan pemain muda berbakat dan mengeratkan silaturrahim di antara komuniti, Liga Bola Sepak Putrajaya telah dilancarkan pada tahun 2017. Program yang julung kali diadakan ini disertai 16 pasukan kelab yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan atau Pendaftar Pertubuhan dan beralamat di Putrajaya. Liga yang berlangsung selama 3 bulan dari Oktober hingga Disember 2017 ini mendapat sambutan menggalakkan dari para peminat bolasepak seluruh Putrajaya.





### *PUTRAJAYA COMMUNITY FUN RIDE*

Berikutan sambutan menggalakkan dari komuniti maka Program *Putrajaya Community Fun Ride* diteruskan bagi tahun kedua. Pada tahun 2017, sebanyak 3 kali kayuhan komuniti ini telah diadakan seperti berikut:

- Siri 1/2017 pada 13 Mei 2017
- Siri 2/2017 pada 15 Julai 2017
- Siri 3/2017 pada 18 November 2017

Penyertaan bagi Siri 1 dan 2 ialah seramai 500 peserta manakala bagi siri terakhir hampir 700 peserta terlibat.

## MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan, Putrajaya (MPPWP) adalah satu entiti sosiopolitik tertinggi di Wilayah Persekutuan yang diwujudkan secara pentadbiran dan di anggotai oleh pemimpin masyarakat setempat. Struktur komuniti ini bertujuan melaksana dan menyelaras dan memantau program-program kemasyarakatan dan modal insan serta terlibat secara langsung bagi program yang dilaksanakan oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) .

Pada tahun 2017 seramai 186 ahli MPPWP telah dilantik bagi 1 zon dan 11 sub zon. Mereka berperanan dalam menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan secara berterusan di dalam kawasan pentadbiran Wilayah Persekutuan Putrajaya sekaligus membuktikan kefungsiannya dalam menentukan keperluan penduduk setempat dalam pembangunan, kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan di bandar. Pada tahun 2017 sebanyak 200 program telah dilaksanakan dalam meliputi 5 bidang utama iaitu:-

a) Teras 1 Keselamatan dan Kesejahteraan
b) Teras 2 Sukan dan Rekreasi
c) Teras 3 Perpaduan
d) Teras 4 Kebersihan, Kesihatan dan Keceriaan
e) Teras 5 Pendidikan, ICT dan Modal Insan







# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

## PENCAPAIAN BERDASARKAN PROGRAM UTAMA PERBADANAN PUTRAJAYA

### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Agensi Secara Spesifik YB Menteri & Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Tahun 2017

| *Ministerial Key Results Area (MKRA)* | Sasaran 2017 | Pencapaian 2017 |
|---|---|---|
| Bilangan Acara Peringkat Antarabangsa | 2 Acara | 100%<br>1. *Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU)*<br>2. *Putrajaya Powerman Duathlon Championships* |

### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPj

| Bil. | KPI Utama PPj 2017 | Sasaran 2017 | Skor KPI PPj 2017 |
|---|---|---|---|
| 1. | Peratus Aduan Diselesaikan Dalam Tempoh | 85% | 100% |
| 2. | Purata Skor Kepuasan Pelanggan | 85% | 100% |
| 3. | Indeks Kualiti Air Tasik (WQI) Kelas II (76.5-92.7) | 100% | 100% |
| 4. | Premis Makanan Mendapat Gred A | 75% | 100% |
| 5. | Membangunkan Pusat Penjaja Baharu (Kiosk) | 1 | 100% |
| 6. | Mewujudkan Perniagaan Bergerak Seperti Trak Makanan | 5 | 100% |
| 7. | Meningkatkan Kehadiran Pelancong / Pengunjung Ke Putrajaya | 9 Juta | 78% |
| 8. | Peningkatan Kutipan Bahan Kitar Semula di Putrajaya | ±2500 tan | 100% |
| 9. | Inventori Tahap Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) di Putrajaya | 1 kali setahun | 100% |
| 10. | Tandas Awam Melebihi 3 Bintang | 95% | 100% |
| 11. | Pemantauan dan Pelaporan Pelepasan Karbon Bagi Sektor Bangunan Putrajaya | 70 Bangunan | 100% |
| 12. | Pelaksanaan *Task Force* Bandar Selamat | 38 Program | 100% |
| 13. | Perlaksanaan Program Yang Dirancang Bersama Komuniti Dan *Stakeholders* Putrajaya | 43 Program | 100% |
| 14. | Memperkenalkan 1 Zon Tunda Dan Zon Apitan (*Clamping Zone*) Di Kawasan *Hotspot* | 1 Zon Setahun | 100% |
| 15. | Melaksanakan Program/ Kursus Kemahiran Komuniti | 5 Program | 100% |
| 16. | Penjimatan Bil Elektrik Untuk Sistem Lampu Awam / Lampu Jalan | ±RM3Juta Setahun | 100% |
| 17. | Program Penghijauan Bandaraya | i. 1500Pokok / Tahun<br>ii. 40% Kawasan Hijau Putrajaya | 100% |
| 18. | Liputan Wifi di Putrajaya<br>i. Bangunan Milik PPj dan Anak Syarikat PPj<br>ii. Kawasan Tumpuan Awam | i. 98%<br>ii. 83% | i. 94%<br>ii.77.8% |

| Bil. | KPI Utama PPj 2017 | Sasaran 2017 | Skor KPI PPj 2017 |
|---|---|---|---|
| 19. | Pelaksanaan Perkhidmatan PPj Secara Atas Talian | 50% | 100% |
| 20. | Bilangan Projek KIK Yang Berjaya Ke Peringkat Kebangsaan | 1 Projek | 100% |
| 21. | Pencapaian Pelaksanaan 6 Kriteria HRMIS di PPj | 100% | 100% |
| 22. | Peratus Penyelesaian Teguran Audit Di Dalam Tempoh Yang Ditetapkan<br>i. Audit Negara<br>ii. Audit SIRIM ISO | 100% | 100% |
| 23. | Pelaksanaan MBJ<br>i. Bilangan Dilaksanakan 4 Kali Setahun<br>ii. Peratus Penyelesaian Isu | 100% | 100% |
| 24. | Bilangan 2 Pewartaan Perundangan<br>i.Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (WPP) 2017<br>ii.Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (WPP) 2017 | 100% | 100% |

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

| Bil. | PROGRAM/AKTIVITI | Kualiti/ Kuantiti/ Masa | % Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1. | **PENGURUSAN ADUAN** | | |
| | Menyelesaikan Aduan | 15 hari | 95% |
| 2. | **PERMOHONAN PENYEWAAN** | | |
| | (a) Kelulusan penyewaan Dewan Persidangan dan Auditorium di Kompleks Perbadanan Putrajaya: | | |
| | i) Permohonan di kaunter | 10 minit | 100% |
| | ii) Permohonan melalui surat | 3 hari | 100% |
| | iii) Permohonan dalaman | 3 hari | 100% |
| | (b) Kelulusan penyewaan Dewan Serbaguna di Kompleks Kejiranan: | | |
| | i) Permohonan di kaunter | 10 minit | 100% |
| | ii) Permohonan melalui surat | 3 hari | 100% |
| | (c) Kelulusan penyewaan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya | 14 hari | 100% |
| 3. | **PERMOHONAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN** | | |
| | Menerima, memproses dan mengeluarkan surat kelulusan / permit / kebenaran bagi pengemukaan yang lengkap secara elektronik (ES) dan melalui Kaunter Pusat Setempat (OSC) oleh orang yang berkelayakan / pemohon dan setelah notis penerimaan dikeluarkan bagi permohonan berikut : | | |
| | (a) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur | 53 hari | 100% |
| | (b) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan | 53 hari | 100% |
| | (c) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan | 53 hari | 100% |
| | (d) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (rumah sesebuah) | 30 hari | 100% |
| | (e) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Sementara | 53 hari | 100% |
| | (f) Kelulusan Lanjutan KM | 53 hari | 100% |
| | (g) Kelulusan Nama Penamaan Bangunan | 53 hari | 100% |
| | (h) Perubahan Material | 53 hari | 100% |
| | (i) Kelulusan Permit Sementara | 30 hari | 100% |

| BiL | PROGRAM/AKTIVITI | Kualiti/ Kuantiti/ Masa | % Pencapaian |
|---|---|---|---|
| | (j) CCC (untuk rekod) | 14 hari | 100% |
| | (k) Kelulusan Mendirikan Bangunan | 37 hari | 100% |
| | (l) Kelulusan Pelan Pindaan | 37 hari | 100% |
| | (m) Kelulusan Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) | 30 hari | 100% |
| | (n) Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai | 30 hari | 100% |
| | (o) Kelulusan Pelan Kerja Tanah Am dan Asas | 53 hari | 100% |
| | (p) Kelulusan Kerja Jalan Dan Perparitan | 53 hari | 100% |
| | (q) Kelulusan Pelan Kerja Jalan (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat) | 53 hari | 100% |
| | (r) Kelulusan Permit Kerja-Kerja :<br>i) Jalan<br>ii) Tutup lorong<br>iii) Malam<br>iv) Angkut Bahan<br>v) Laluan Logistik | 30 hari | 100% |
| | (s) Kelulusan Pelan Landskap | 53 hari | 100% |
| | (t) Kelulusan mendirikan pagar | 30 hari | 100% |
| 4. | **KERJA-KERJA PENYENGGARAAN** | | |
| | (a) Penyenggaraan Bangunan dan komponen yang berkaitan. | | |
| | i) Kritikal dan perlu dibaiki segera. | Dalam tempoh 24 jam | 100% |
| | ii) Tidak Kritikal ( kos tidak melebihi RM20 ribu ) | 14 hari | 100% |
| | iii) Tidak Kritikal ( kos melebihi RM20 ribu ) | 60 hari | 100% |
| | (b) Mengambil tindakan bagi kerosakan lampu isyarat | | |
| | i) Aduan melalui *Hotline* | Dalam tempoh 4 jam | 100% |
| | ii) Aduan melalui CRM | 48 jam | 100% |
| | (c) Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang: | | |
| | i) Kawasan kritikal (kawasan jalan, kawasan rumah, kawasan pejabat dan kawasan yang mengganggu kepentingan awam) | Serta merta (Dalam tempoh 24 jam) | 100% |
| | ii) Kawasan tidak kritikal (kawasan taman dan kawasan yang tidak menggangu kepentingan awam) | Dalam tempoh 2 hari (14 hari dalam tempoh *estimated respond time*) | 100% |
| 5. | **PERMOHONAN LESEN** | | |
| | (a) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan ekspres) | 1 jam | 100% |
| | (b) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan biasa) | 18 hari bekerja | 100% |
| | (c) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan ekspres) | 1 jam | 100% |
| | (d) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan biasa) | 14 hari bekerja | 100% |
| | (e) Kelulusan semua jenis pembaharuan lesen | 10 minit | |
| | i) Premis | | 100% |
| | ii) Papan tanda perniagaan | | 100% |

| Bil. | PROGRAM/AKTIVITI | Kualiti/ Kuantiti/ Masa | % Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 6. | ***PAYMENT*** | | |
| | Memproses bayaran selepas dokumen yang lengkap diterima | 14 hari atau mengikut syarat perjanjian/ kontrak | 100% |

## PENGURUSAN KUALITI : MS ISO 9001:2015

1. Pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001:2008 masih berkuatkuasa dari **21 Mac 2016 sehingga 14 September 2018.**
2. Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 telah dikuatkuasakan bermula **3 Julai 2017.**
3. Kesemua 69 juruaudit yang sedia ada telah menjalani kursus peningkatan kompetensi bagi tahun 2017 dan telah mengikuti Kursus MS ISO 9001:2015 pada Ogos & Oktober 2017.
4. Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 PPj adalah seperti berikut:

| Bil. | Aktiviti/Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Audit Pengawasan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. | 23 - 25 Januari 2017 |
| 2. | Kursus Juruaudit Bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya | • 15 - 16 Ogos 2017<br>• 22 - 23 Ogos 2017 |
| 3. | Bengkel Penyediaan Senarai Semak Proses Kerja Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya | • 6 - 8 Oktober 2017<br>• 13 - 15 Oktober 2017 |
| 4. | Auditan Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Perbadanan Putrajaya | 31 Oktober - 8 November 2017 |
| 5. | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Tahun 2017 | • 7 Disember 2017 (Bil. 1/2017)<br>• 21 Disember 2017 (Bil. 2/2017) |

### RUMUSAN AUDITAN MS ISO 9001:2015

Hasil daripada auditan yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa komitmen daripada pihak pengurusan dan staf Perbadanan Putrajaya terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 adalah baik dan memuaskan. Kefahaman terhadap kepentingan SPK boleh ditambah baik. Pencapaian dan kawalan ke atas objektif kualiti yang ditetapkan juga adalah baik. Kawalan terhadap Pengurusan Risiko dan Peluang Pengupayaan sangat jelas dan komprehensif. Secara umumnya, pelaksanaan SPK di Perbadanan Putrajaya adalah memuaskan dan selari dengan keperluan *Standard* ISO 9001:2015.

### GAMBAR AKTIVITI



Audit Pengawasan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (23 - 25 Januari 2017)



Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Tahun 2017 (Bil. 1/2017) (21 Disember 2017)

## KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Pada tahun 2017, Perbadanan Putrajaya telah mewujudkan lapan (8) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) .Kumpulan yang meliputi pelbagai jabatan dan bahagian di Perbadanan Putrajaya. Kumpulan yang aktif bagi tahun 2017 terdiri daripada;

- Kumpulan A 9'TEAM - Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan Smart Putra - Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan Solve2 - Jabatan Kejuruteraan Dan Penyelenggaraan
- Kumpulan 1Synergy - Jabatan Landskap dan Taman
- Kumpulan Energy - Jabatan Perkhidmatan Bandar
- Kumpulan K-Force - Jabatan Perkhidmatan Bandar
- Kumpulan SUST-Gen - Jabatan Perancangan Bandar
- Kumpulan U-Putra - Jabatan Perancangan Bandar

Berikut merupakan Bengkel/Kursus yang telah dihadiri oleh peserta-peserta KIK pada tahun ini.

| Bil. | Bengkel/Kursus | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel KIK Siri 1 | Cherating | 23-25 April 2017 |
| 2. | Bengkel KIK Siri 2 | Cherating | 5-7 April 2017 |

Memandangkan tahun 2017, tiada sebarang Konvensyen KIK sama ada di peringkat Wilayah Persekutuan atau peringkat Kebangsaan, 1 kumpulan telah di hantar bagi mewakili Perbadanan Putrajaya di dalam Konvensyen *Team Excellence* peringkat wilayah telah berlangsung pada 15 – 16 Ogos 2017 di Pulau Pinang. Kumpulan tersebut adalah Kumpulan Sust-Gen dari Jabatan Perancangan Bandar.

Kumpulan Sust-Gen juga telah terpilih untuk ke *8th Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC)* iaitu Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan pada 14-16 November 2017 yang bertempat di Genting Highland.

### KUMPULAN YANG MEWAKILI PPJ DI DALAM KONVENSYEN KIK PERINGKAT WILAYAH TAHUN 2017

Berikut adalah keputusan bagi konvensyen tersebut;

| Bil. | Nama Kumpulan | Konvensyen | Tempat | Keputusan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kumpulan Sust-Gen | *Team Excellence* Peringkat Wilayah | Pulau Pinang | *Gold Award* |
| 2. | Kumpulan Sust-Gen | *8th Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC)* | Genting Highland | *Gold Award* |
| 3. | Kumpulan Sust-Gen | *International Quality & Productivity Convention (IQPC)* | Padang, Indonesia | *Gold Award* |




*Team Excellence* Peringkat Wilayah – Pulau Pinang




*8th Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC)*

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## PERJAWATAN

Berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S105 tahun 2014, bilangan perjawatan PPj bagi tahun 2017 adalah berjumlah 925 jawatan. Secara umumnya kedudukan perjawatan bagi PPj mengikut Skim Perkhidmatan dan Gred di gambarkan melalui rajah di bawah :

### Bilangan Perjawatan Berdasarkan Skim Perkhidmatan




### Bilangan Pegawai Mengikut Gred




## KURSUS, BENGKEL DAN SEMINAR

Selaras dengan Dasar dan Strategi Latihan Sumber Manusia, PPj telah menganjurkan pelbagai program untuk meningkatkan kompetensi pegawai sama ada secara dalaman atau dengan kerjasama agensi luar. Setiap pegawai PPj adalah dikehendaki mengikuti latihan/kursus minima tujuh hari setahun. Bagi tahun 2017, sebanyak 2,854 penyertaan kursus oleh pegawai / pekhidmat PPj. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,433 penyertaan adalah mengikuti kursus anjuran PPj manakala 421 penyertaan lagi adalah anjuran agensi luar.

### Bilangan Pegawai PPj yang Menghadiri Kursus, 2017




### Bilangan Penyertaan Pegawai Mengikuti Kursus Mengikut Bidang



## PROGRAM PENGIKTIRAFAN

Program pengiktirafan merupakan sebahagian perancangan berterusan yang dilaksanakan oleh PPj. Seramai 68 pegawai PPj telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang terdiri daripada 21 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 47 pegawai dalam Kumpulan Sokongan termasuk seorang pegawai yang di anugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Di samping itu, beberapa pegawai yang memenuhi kriteria juga telah dicalonkan untuk menerima pelbagai pingat dan bintang kebesaran pada peringkat Negeri dan Persekutuan. Senarai penuh penerima darjah kebesaran bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama | Jawatan | Anugerah | Negeri |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Razali Bin Jarmin | Jurutera Gred Utama C | Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) - Membawa Gelaran Datuk | Wilayah Persekutuan |
| 2. | Baharuddin Bin Aziz | Arkitek Landskap Gred Utama C | Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) - Membawa Gelaran Datuk | Wilayah Persekutuan |
| 3. | Azhar Bin Othman | Pegawai Perancang Bandar & Desa J48 | Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 4. | Shafini Ashraq Bin Karim | Arkitek Landskap J48 | Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 5. | Nurul Farhana Tan Abdullah | Pegawai Perancang Bandar & Desa J44 | Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 6. | Razali Bin Ngatiman | Pegawai Tadbir N41 | Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 7. | Musa Bin Ahmed | Pembantu Penguatkuasa N22 | Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W) | Wilayah Persekutuan |
| 8. | Norzita binti Abdul Razak | Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J52 | Kesatria Mangku Negara (K.M.N) | Persekutuan |
| 9. | Mazelan bin Abdullah | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38 | Ahli Mangku Negara (A.M.N) | Persekutuan |
| 10. | Edri Muliz bin Othman | Penolong Pegawai Senibina Gred JA36 | Ahli Mangku Negara (A.M.N) | Persekutuan |
| 11. | Megat Sharul Badri bin Megat Mohamed Noor | Penolong Pegawai Senibina JA29 | Pingat Pangkuan Negara (P.P.N) | Persekutuan |
| 12. | Nor Azlan bin Ahmad | Pembantu Penilaian Gred W22 | Pingat Pangkuan Negara (P.P.N) | Persekutuan |
| 13. | Azmah binti Hamzah | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 | Pingat Pangkuan Negara (P.P.N) | Persekutuan |
| 14. | YM Tengku Mazuki b. Tengku Ismail | Jurutera Gred J44 | Ahli Mangku Negara (A.M.N) | Persekutuan |

### Penerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)

| Bil. | Nama | Jawatan | Jabatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Mohd Azli bin Arifin | Jurutera J48 | Jabatan Audit dan Kualiti Asurans |

### SKOR KEPUASAN BEKERJA

PPj telah menjalankan kajian kepuasan bekerja dalam kalangan 200 responden kakitangan PPj yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan dan mewakili setiap jabatan di PPj. Melalui analisa kajian didapati bahawa purata Skor Kepuasan Bekerja adalah 4.6 daripada 5.0 iaitu merupakan satu Indeks Kepuasan Bekerja yang tinggi. Ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa pegawai berpuas hati dengan suasana dan persekitaran kerja di PPj.

**Purata Tahap Kepuasan Bekerja Di Perbadanan Putrajaya Tahun 2017**




## PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

### SISTEM WARGA PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya telah menjalankan bancian penduduk bagi mendapatkan maklumat profil pada 23 Oktober hingga 12 November 2017 dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Harta (BPH), Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) W.P. Putrajaya. Jumlah rumah yang telah dibanci adalah sebanyak 25,387 unit rumah daripada 32,852 unit rumah di Putrajaya.




Mewujudkan pangkalan data penduduk terkini bagi tujuan perancangan pembangunan, penyediaan kemudahan fasiliti, keperluan *Smart City Putrajaya* dan lain-lain tanggungjawab PPj selaku PBT di W.P. Putrajaya.




*Dashboard* Sistem Warga Putrajaya




## SISTEM PENDAFTARAN KONVOI BERBASIKAL WANITA

PPj telah menyediakan perkhidmatan bagi membantu pihak penganjur iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam melaksanakan program Konvoi Berbasikal Wanita Sempena Hari Wanita pada Mac, 2017. Sistem ini dibangunkan secara dalam talian untuk memudahkan peserta membuat pendaftaran dan digunapakai oleh KWP dari awal tahun 2017 hingga acara yang berlangsung pada bulan Mac 2017.

## SISTEM KEDATANGAN BIOMETRIK PPJ (WEBTAS)

Perkhidmatan ini disediakan bagi memantau waktu kehadiran warga PPj ke pejabat di samping menangani pemasalahan ketidak hadiran petugas warga PPj . Kaedah yang digunakan adalah menggunakan konsep biometrik.







## SISTEM PENGURUSAN TEMPAHAN

Merupakan satu platform kepada pengguna untuk memohon kemudahan yang disediakan oleh PPj dan memberi maklumat tambahan kemudahan yang ditawarkan oleh anak syarikat PPj.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:-

- Dewan-Dewan Milik PPj.
- Kemudahan Sukan di Pusat-Pusat Kejiranan.
- Permohonan Penganjuran Acara di Putrajaya (Fasa 1).



### Sistem E-Lesen 1 Putrajaya (EL1P)







Merupakan satu perkhidmatan pengurusan lesen perniagaan di Putrajaya secara dalam talian. Pembangunan sistem ini adalah untuk memudahkan proses pengurusan lesen seperti permohonan, pembaharuan, pemantauan dan penguatkuasaan lesen di sekitar Putrajaya.

Lesen-lesen yang terlibat adalah seperti berikut :

- Lesen Premis Perniagaan dan Papan Tanda Perniagaan
- Kafe Luaran
- Lesen Iklan Kekal
- Lesen Penjaja Statik
- Lesen Iklan Sementara
- Lesen Penjaja Sementara
- Lesen Tempat Letak Kereta

## PENGURUSAN AUDIT DAN KUALITI ASURANS

### AUDITAN DALAMAN

Auditan dalaman merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya dan juga bertanggungjawab melaporkan secara terus kepada Presiden Perbadanan Putrajaya.

Objektif utama Jabatan Audit dan Kualiti Asurans adalah untuk memastikan aspek kawalan dalaman adalah teratur dan menjadi pemudahcara dalam meningkatkan prestasi organisasi. Secara tidak langsung ianya membantu Perbadanan Putrajaya melaksanakan pencapaian visinya secara sistematik dan berkesan.

Tanggungjawab utama Audit Dalam adalah melaksanakan pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan dan penilaian aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan sumber-sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Dalam tahun 2017, sebanyak 14 tajuk auditan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit PPj. 9 tajuk telah diselesaikan dalam tahun 2017, 4 tajuk diselesaikan dalam awal tahun 2018, manakala 1 tajuk ditangguhkan untuk dilaksanakan dalam tahun 2018. Senarai tajuk auditan yang telah diselesaikan adalah seperti berikut:

i. Semakan Baucer Bayaran dan Resit Terimaan Bagi Tahun 2016
ii. Pengurusan Dewan di Kompleks Kejiranan Putrajaya
iii. Pengurusan Kemudahan di Taman Botani Putrajaya
iv. Penyelenggaraan Kuarters BPH di bawah selenggaraan Perbadanan Putrajaya
v. Auditan Kontrak Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Laluan Basikal di Persiaran Perdana Presint 2,3,4,8,9 dan 18, Putrajaya
vi. Penyelenggaraan Landskap di Taman Putra Perdana
vii. Penyelenggaraan Kuda Milik Perbadanan Putrajaya
viii. Pelaksanaan Sistem Pengurusan dan Kawalan Transit Awam (SPEKTRA) Putrajaya
ix. Pengurusan CCTV Perbadanan Putrajaya

## MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT PERBADANAN PUTRAJAYA (JAPPJ)

Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj) diwujudkan oleh Perbadanan Putrajaya pada 3 Oktober 1997 melalui keputusan Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya Bil. 8 Tahun 1997. Perlantikan pengerusi dan ahli kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya adalah di bawah bidang kuasa Perbadanan Putrajaya.

Mesyuarat JAPPj telah diadakan sebanyak empat kali dalam tahun 2017, seperti berikut:

| Bil | Tarikh Mesyuarat | Jabatan |
|---|---|---|
| Bil.1 Tahun 2017 | 1 Mac 2017 | **Kertas Mesyuarat Bil.1/2017** Laporan Kemajuan Kerja Auditan Dalaman, Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.2/2017** Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko (PTR), Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.3/2017** Pelaksanaan Program Cemerlang Indeks Akauntabiliti (AI) Di Perbadanan Putrajaya |
| Bil.2 Tahun 2017 | 13 Julai 2017 | **Kertas Mesyuarat Bil.4/2017** Laporan Kemajuan Kerja Auditan Dalaman, Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.5/2017** Penilaian Semula Risiko<br>**Kertas Mesyuarat Bil.6/2017** Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko (PTR), Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.7/2017** Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) (*Business Continuity Management*) di Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.8/2017** Profil Risiko MS ISO 9001:2015<br>**Kertas Mesyuarat Bil.9/2017** Laporan Kemajuan Kerja Auditan Dalaman, Perbadanan Putrajaya |
| Bil.3 Tahun 2017 | 4 Oktober 2017 | **Kertas Mesyuarat Bil.10/2017** Laporan Kemajuan Kerja Auditan Dalaman, Perbadanan Putrajaya |
| Bil.4 Tahun 2017 | 7 Disember 2017 | **Kertas Mesyuarat Bil.11/2017** Rancangan Audit Tahunan (RAT) 2018, Jabatan Audit dan Kualiti Asurans, Perbadanan Putrajaya |

## PENGURUSAN RISIKO

Dalam tahun 2017, sebanyak 20 profil risiko sedia ada diselenggara dan dipantau oleh Unit Pengurusan Risiko seperti Jadual 1. Perlaksanaan pelan tindakan pengurusan risiko telah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Risiko (JKKR) dan Mesyuarat JAPPj.

Mesyuarat JKKR bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

| Bil | Tarikh Mesyuarat | Kertas Di Bentangkan |
|---|---|---|
| Bil.1 Tahun 2017 | 21 Februari 2017 | **Kertas Mesyuarat Bil.1/2017** Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko (PTR), Perbadanan Putrajaya |
| Bil.2 Tahun 2017 | 20 Jun 2017 | **Kertas Mesyuarat Bil.2/2017** Penilaian Semula Risiko |

| Bil. | Tarikh Mesyuarat | Kertas Di Bentangkan |
|---|---|---|
| | | **Kertas Mesyuarat Bil.3/2017**<br>Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko (PTR), Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.4/2017**<br>Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) (Business Continuity Management) di Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.5/2017**<br>Profil Risiko MS ISO 9001:2015 |
| Bil.3<br>Tahun 2017 | 13 Disember 2017 | **Kertas Mesyuarat Bil.6/2017**<br>Penilaian Semula Risiko<br>**Kertas Mesyuarat Bil.7/2017**<br>Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko (PTR) Perbadanan Putrajaya<br>**Kertas Mesyuarat Bil.8/2017**<br>Laporan Pelaksanaan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) (*Business Continuity Management*) di Perbadanan Putrajaya |

**Jadual 1: Penilaian Semula 20 Profil Risiko Perbadanan Putrajaya yang telah dikemaskini sehingga Disember 2017**

| No. | No. Fail | Kod | Risiko | Rating Daftar | Rating 2/17 (Dis) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | PPJ/A/PR/LULUS/R1 | R1 | Pencemaran Air Larian Dari Kawasan Putrajaya ke Tasik / Pencemaran Air Larian Ke Tasik Putrajaya | 5-4-E-U (20) | 5-4-E-U (20) |
| 2. | PPJ/A/PR/LULUS/R2 | R2 | Dasar Pengangkutan Bersepadu Tidak Dilaksanakan | 5-4-E-U (20) | 5-3-E-U (15) |
| 3. | PPJ/A/PR/LULUS/R3 | R3 | Kemalangan Pengguna di Tasik dan Wetland Putrajaya | 4-4-E-U (16) | 4-4-E-U (16) |
| 4. | PPJ/A/PR/LULUS/R4 | R4 | Empangan Putrajaya Bocor Ataupun Pecah | 3-5-H-U (15) | 1-5-H-U (5) |
| 5. | PPJ/A/PR/LULUS/R5 | R5 | Kemusnahan Ekosistem Tasik Dan Wetland Putrajaya | 3-4-H-U (12) | 3-4-H-U (12) |
| 6. | PPJ/A/PR/LULUS/W3 | W3 | Cukai Tertunggak | 4-1-M-A (4) | 4-1-M-A (4) |
| 7. | PPJ/A/PR/LULUS/W4 | W4 | Kedudukan Kewangan Kritikal / Kedudukan Kewangan Kurang Mampan | 3-4-H-U (12) | 5-5-E-U (25) |
| 8. | PPJ/A/PR/LULUS/W5 | W5 | Kebocoran Maklumat Semasa Proses Penilaian Tender | 4-4-E-U (16) | 3-2-H-U (6) |
| 9. | PPJ/A/PR/LULUS/L1 | B3/L1 | Kemalangan Akibat Penggunaan Peralatan di Taman Permainan Kanak-Kanak Putrajaya / Kerosakan Peralatan Permainan Kanak-Kanak / Keselamatan Peralatan Permainan Kanak-kanak / Peralatan Permainan Kanak-Kanak Rosak | 3-4-H-U (12) | 2-4-H-U (8) |
| 10. | PPJ/A/PR/LULUS/L2 | L2 | Kegagalan Pokok Ameniti | 5-4-E-U (20) | 3-3-H-U (9) |
| 11. | PPJ/A/PR/LULUS/B1 | B1 | Cerun Runtuh | 4-4-E-U (16) | 4-4-E-U (16) |
| 12. | PPJ/A/PR/LULUS/K4 | K4 | Kebakaran di Kompleks Perbadanan Putrajaya | 3-3-H-U (9) | 3-3-H-U (9) |
| 13. | PPJ/A/PR/LULUS/B2 | B2 | Tandas-Tandas Awam di bawah Seliaan PPj Kotor | 5-4-E-U (20) | 4-3-E-U (12) |

| No. | No. Fail | Kod | Risiko | Rating Daftar | Rating 2/17 (Dis) |
|---|---|---|---|---|---|
| 14. | PPJ/A/PR/LULUS/K5 | K5 | *Maintenance - Portal Risk* / Gangguan Sistem Operasi Sistem Portal (Perkakasan) | 5-4-H-U (20) | 4-4-E-U (16) |
| 15. | PPJ/A/PR/LULUS/K6 | K6 | *System & Application - Portal Risk* / Gangguan Operasi Sistem Portal (Aplikasi & Platform) | 5-4-H-U (20) | 4-4-E-U (16) |
| 16. | PPJ/A/PR/LULUS/K7 | K7 | *Business Continuity Risk* / Kegagalan sistem kritikal PPj akibat tiada Pelan Kesinambungan Perkhidmatan | 5-4-H-U (20) | 4-4-E-U (20) |
| 17. | PPJ/A/PR/LULUS/K8 | K8 | *ICT Operational Process Risk* / Kegagalan Operasi Harian ICT | 3-3-H-U (9) | 2-2-M-A (4) |
| 18. | PPJ/A/PR/LULUS/K9 | K9 | *System & Application – Information Risk* / Kegagalan Pemantauan Sistem-Sistem Kritikal di Perbadanan | 3-3-H-U (9) | 3-3-H-U (9) |
| 19. | PPJ/A/PR/LULUS/K10 | K10 | *ICT Project Management Risk* | 3-3-H-U (9) | 3-3-H-U (9) |
| 20. | PPJ/A/PR/LULUS/K10 | K11 | *Information Security Risk* | 2-4-H-U (8) | 2-4-H-U (8) |

Pembudayaan pengurusan risiko dilaksanakan dengan mengadakan bengkel latihan / seminar kepada warga Perbadanan Putrajaya antaranya Kursus Kesedaran Pengurusan Risiko (6 siri), Bengkel Pemahaman Pengurusan Risiko (2 siri) dan Bengkel Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (1 siri).

| Bil. | Bengkel/ Seminar | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Seminar *Risk Awareness* (ISO 9001:2015 *Risk Based Thinking*) – Siri 1 | 14 Februari 2017 |
| 2. | Seminar *Risk Awareness* (ISO 9001:2015 *Risk Based Thinking*) – Siri 2 | 15 Februari 2017 |
| 3. | Seminar *Risk Awareness* (ISO 9001:2015 *Risk Based Thinking*) – Siri 3 | 22 Februari 2017 |
| 4. | Seminar *Risk Awareness* (ISO 9001:2015 *Risk Based Thinking*) – Siri 4 | 18 April 2017 |
| 5. | Seminar *Risk Awareness* (ISO 9001:2015 *Risk Based Thinking*) – Siri 5 | 19 April 2017 |
| 6. | Seminar *Risk Awareness* (ISO 9001:2015 *Risk Based Thinking*) – Siri 6 | 12 Mei 2017 |
| 7. | Bengkel Pemahaman Pengurusan Risiko Kepada Juruaudit – Siri 1 | 24 Oktober 2017 |
| 8. | Bengkel Pemahaman Pengurusan Risiko Kepada Juruaudit – Siri 2 | 25 Oktober 2017 |
| 9. | Bengkel Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) (*Business Continuity Management*) Di Perbadanan Putrajaya | 5-7 September 2017 |

## PENGURUSAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Pelaksanaan aktiviti Unit Integriti adalah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 iaitu penubuhannya di semua agensi awam dengan berpandukan kepada 6 teras utama penubuhan Unit Integriti iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib. Di Perbadanan Putrajaya, Unit Integriti diwujudkan melalui waran perjawatan Bil S105 Tahun 2014. Sepanjang tahun 2017, Unit Integriti telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti:

- Mengadakan ujian saringan air kencing dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Mengadakan beberapa siri ceramah integriti kepada kontraktor di Perbadanan Putrajaya.
- Mengadakan beberapa siri ceramah dan kursus integriti di kalangan pekhidmat Perbadanan Putrajaya.
- Mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai Memorandum Persefahaman dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkaitan program yang akan dilaksanakan.
- Mengadakan Ikrar Bebas

Rasuah pada Majlis Perhimpunan Bersama Presiden Perbadanan Putrajaya.

- Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus di peringkat Perbadanan Putrajaya.
- Menyertai program integriti anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan.

## STOR PUSAT

Prestasi Stor Utama Perbadanan Putrajaya boleh dilihat pada kedudukan stok Stor Utama Perbadanan Putrajaya yang mengambil kira tentang stok sedia ada, pembelian stok, pengeluaran stok dan stok semasa. Pada tahun 2017 kedudukan stok Stor Utama Perbadanan Putrajaya mencapai prestasi yang memberangsangkan dengan kadar pusingan stok pada sukuan pertama berada pada tahap 0.56, sukuan kedua berada pada tahap 0.67, sukuan ketiga pula mencatat tahap 0.58.

| Tahun Semasa | Kedudukan Stok Tahun 2017 | | | | | | | | Kadar Pusingan Stok | Pelupusan Stok (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Sedia Ada | | Pembelian | | Pengeluaran | | Stok Semasa | | | |
| | Bilangan Stok | Jumlah Nilai Stok | Bilangan Stok | Jumlah Nilai Stok | Bilangan Stok | Jumlah Nilai Stok | Bilangan Stok | Jumlah Nilai Stok | | |
| | i | a | ii | b | iii | c | (i+ii) -iii | (a+b)-c | | |
| Baki Bawa Hadapan | - | - | - | - | - | - | - | 135,912.74 | - | - |
| Suku Tahun Pertama | - | 135,912.74 | - | 176,659.95 | - | 98,960.17 | - | 213,612.52 | 0.56 | 0.00 |
| Suku Tahun Kedua | - | 213,612.52 | - | 108,299.10 | - | 134,457.05 | - | 187,454.57 | 0.67 | 0.00 |
| Suku Tahun Ketiga | - | 187,454.57 | - | 59,927.00 | - | 97,976.89 | - | 149,404.68 | 0.58 | 0.00 |
| Suku Tahun Keempat | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |

**Sekitar Koleksi Gambar Stor Utama**





## PENGURUSAN KESELAMATAN ASET

Bagi pengurusan keselamatan aset milik PPj, Unit Keselamatan PPj yang dianggotai oleh 14 orang anggota adalah bertanggungjawab dalam memastikan aspek perancangan dan pengurusan operasi kawalan keselamatan bangunan kompleks, premis dan taman milik PPj terpelihara.

PPj telah melantik 12 buah syarikat kawalan keselamatan swasta secara kontrak bagi membantu kerja-kerja pengurusan kawalan keselamatan di premis-premis dan taman-taman awam milik PPj dan diletakkan di bawah pemantauan dan dikawal selia oleh Unit Keselamatan PPj.

Perkhidmatan kawalan keselamatan ini telah dipecahkan mengikut zon melalui 12 pakej seperti Jadual di bawah:-

| Bil. | Lokasi | Presint | Pakej | Bil. Pengawal |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Taman Botani | Presint 1 | Pakej T7 | 28 |
| 2. | Taman Putra Perdana | | | |
| 3. | Pusat Informasi | | | |
| | | | | |
| 5. | Kompleks PPj | Presint 3 | Pakej T6 | 34 |
| 6. | *Kiblat Walk* | | | |
| 7. | Kediaman Rasmi Presiden | Presint 10 | | |
| | | | | |
| 8. | Empangan | Presint 5 | Pakej T1 | 31 |
| 9. | Pusat Kawalan Empangan | | | |
| 10. | Pusat Maritim | | | |
| 11. | Kompleks Sukan Air Fasa 1 & 2 | Presint 6 | | |
| | | | | |
| 12. | Pusat Kemudahan Awam | Presint 8 | Pakej T3 | 18 |
| 13. | Kelab Tasik Putrajaya | | | |
| | | | | |
| 15. | Kompleks Kejiranan | Presint 9 | Pakej T4 | 26 |
| 16. | Medan Selera | | | |
| 17. | Pusat Kitar Semula | | | |
| 18. | Stor Depoh PPj | | | |
| 19. | Tapak Litar DeCare Presint 7 | | | |
| | | | | |
| 20. | Taman Saujana Hijau | Presint 11 | Pakej T9 | 22 |
| 21. | Pusat Komuniti | | | |
| 22. | Kuarters Mampu Milik | | | |
| | | | | |
| 23. | Kawasan *Wetland* | Presint 12 | Pakej T11 | 40 |
| 24. | Taman *Wetland* | Presint 13 | | |
| | | | | |
| 25. | Pejabat PPj | Presint 14 | Pakej T5 | 40 |
| 26. | *Park And Ride* | | | |
| 27. | Bangunan Pusat Pelawat | Presint 15 | | |
| 28. | Bangunan Pejabat Kedutaan *Chancery* | | | |
| 29. | Kawasan Infra dan Landskap | | | |
| 30. | Kompleks Unit Berkuda | | | |
| 31. | Taman Rimba Alam | | | |
| | | | | |
| 32. | Taman Wawasan | Presint 2 | Pakej T8 | 41 |
| 33. | Kompleks Kejiranan dan Pasar Awam | Presint 16 | | |
| 34. | Taman Warisan Pertanian | | | |
| 35. | Taman Pancarona | Presint 18 | | |
| 36. | Kompleks Futsal | | | |
| | | | | |
| 37. | Persisiran Tasik | Presint 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 16 & 18 | Pakej T10 | 33 |

| Bil. | Lokasi | Presint | Pakej | Bil Pengawal |
|---|---|---|---|---|
| 38. | Persiaran Perdana (*Boulevard*) | Presint 2,3 & 4 | | |
| | | | | |
| 39. | Taman Selatan | Presint 20 | Pakej T2 | 32 |
| 40. | Taman Cabaran | Presint 5 | | |
| | | | | |
| 41. | Dataran Putra | Presint 1 | Pakej T12 | 34 |
| 42. | Laman Perdana | | | |
| 43. | Jambatan Putra | | | |
| 44. | Tempat Letak Kereta B13 | | | |
| 45. | Promenad Dataran Putra | | | |
| 46. | *Souq Level* 27 | | | |
| 47. | Selera Putra | | | |
| | | | | |
| | | | **Jumlah** | **379** |

**Gambar-Gambar Pengawal-Pengawal Serta Aktiviti 2017 Di Bangunan Kompleks, Premis Dan Taman Milik Ppj.**



Post Sisiran Tasik Putrajaya - Syarikat Rahmat Bernas Security Services Sdn. Bhd.



Post Kompleks Kejiranan Presint 16 - Syarikat Silver Shield Force Security Services Sdn. Bhd.

## LATIHAN KEBAKARAN

Latihan kebakaran (*firedrill*) telah diadakan pada 12 April 2017. Perbadanan Putrajaya berjaya mengosongkan bangunan dalam tempoh 14 minit.





Latihan Pasukan Kebakaran Di Kompleks PPj Pada 12 April 2017

# PROGRAM PEGAWAI MUDA

Kumpulan Pegawai Muda PPj merupakan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41, 44 dan 48) yang ditubuhkan bagi menyokong dan melaksanakan pelbagai program di Perbadanan Putrajaya.

Antara program telah dilaksanakan seperti berikut:

## VOLUNTEER 4 PUTRAJAYA 2017

Program Volunteer 4 Putrajaya ini telah dilancarkan oleh Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor di SMK Putrajaya Presint 8(1) dan SK Putrajaya Presint 8(2) pada 1 April 2017. Pegawai ini telah terlibat sama dalam membantu menjayakan program ini terutama dalam memberi penerangan berkaitan agihan kerja.



## PROGRAM DIALOG TN 50 DI PICC BERSAMA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Salah satu program kerajaan berkaitan Transformasi Nasional TN50 telah diadakan di PICC pada 24 Mei 2017. Pegawai Muda PPj telah dijemput bagi mendengar dan berkongsi pandangan di majlis tersebut.



## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA BALU & ANAK-ANAK YATIM BAGI AHLI KELUARGA KAKITANGAN PPJ YANG TELAH KEMBALI KERAHMATULLAH

Majlis berbuka puasa ini telah diuruskan Pegawai Muda dengan kerjasama Kris Putra PPj dan disokong oleh pihak Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Seramai 15 keluarga telah diraikan dan menerima sumbangan.



## PROGRAM CERAMAH RAMADHAN DI MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

Setiap hujung minggu, Pegawai Muda bekerjasama dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dalam menjayakan Program Ceramah Ramadhan.



## PROGRAM TADARUS & KHATAM AL-QURAN PPJ

Program Tadarus & Khatam Al-Quran PPj, telah dianjurkan oleh Pegawai Muda pada 16 Jun 2017 dengan penglibatan semua lapisan pekhidmat Perbadanan Putrajaya.



## PROGRAM BUBUR LAMBUK BERSAMA WARGA PUTRAJAYA

Pegawai Muda juga, turut menjayakan program Bubur Lambuk bersama warga Komuniti Putrajaya pada 17 Jun 2017.



## PROGRAM ASIMILASI PEGAWAI MUDA

Program Asimilasi Pegawai Muda merupakan salah satu program anjuran Pegawai Muda dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia di mana ianya bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan berpasukan. Program ini dilaksanakan sebanyak 3 siri iaitu Siri 1 pada 13 hingga 15 Okt, Siri 2 pada 27 hingga 29 Okt, Siri 3 pada 12 – 14 Dis 2017 dengan penyertaan semua Pegawai Muda PPj.



## *EXPERT TALK*

Program *Expert Talk* ini diadakan untuk mendapatkan perkongsian ilmu daripada pakar-pakar dalam Sektor Awam dan bidang berkaitan. Program Siri 1 *expert talk* ini telah diadakan pada 5 Disember 2017 di mana topik yang dibincangkan adalah berkaitan Rasuah. Penceramah adalah Ketua Pengarah SPRM YBhg. Dato' Hj Abdul Samat Bin Kasah dan pakar motivasi terkenal Tuan Samsul Amri Bin Hj. Ismail.



## PROGRAM TALAQQI TAFSIR AL QURAN SETIAP BULAN BERSAMA KOMUNITI

Program yang diadakan pada setiap bulan ini, adalah program kerjasama Pegawai Muda dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin untuk warga Putrajaya.



## LAWATAN KE EXPO NEGARAKU

Sesi lawatan ke Expo Negaraku ini telah disertai oleh beberapa orang Pegawai Muda bagi memberi pendedahan berkaitan kemajuan negara Malaysia.




## PENYERTAAN PASUKAN PEGAWAI MUDA KE IRONMAN LANGKAWI 2017

Perbadanan Putrajaya sangat menyokong minat pegawai dalam acara-acara di peringkat dunia. Untuk acara *Iron Man Langkawi 2017* sepasukan Pegawai Muda telah terlibat dan seorang Pegawai muda iaitu En. Mohamad Sujairi Mohd Ishak telah berjaya mewakili Perbadanan Putrajaya dan dinobatkan sebagai *Iron Man*.





# PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

# PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

## KHIDMAT PERUNDANGAN

Jabatan Undang-Undang Perbadanan Putrajaya memberikan nasihat undang-undang yang meliputi perkara-perkara berkaitan gubalan dan tafsiran undang-undang, terma perjanjian, penguatkuasaan undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kerajaan. Khidmat nasihat undang-undang ini diberikan kepada jabatan-jabatan di Perbadanan Putrajaya dan juga anak-anak syarikat Perbadanan Putrajaya.

Sepanjang tahun 2017, Jabatan Undang-Undang telah menyediakan sebanyak 485 nasihat undang-undang bertulis. Selain khidmat nasihat secara bertulis, Jabatan Undang-Undang juga memberikan nasihat undang-undang secara lisan melalui mesyuarat, rundingan dan perbincangan. Pada tahun 2017, Jabatan Undang-Undang telah menghadiri sebanyak 1062 mesyuarat.

## KONTRAK

Pada tahun 2017, Jabatan Undang-Undang telah menyemak dan menyediakan sebanyak 232 draf perjanjian. Manakala dokumen Tender, *Request For Proposal* dan Sebut Harga yang telah disemak adalah sebanyak 39 draf. Selain itu, sebanyak 162 Surat Niat, Surat Setuju Terima/ Surat Pelantikan dan Surat Tawaran telah disemak dan disediakan oleh Jabatan Undang-Undang.

## GUBALAN

Dalam menjalankan fungsi sebagai pihak berkuasa tempatan, Perbadanan Putrajaya perlu memastikan supaya setiap aktiviti yang dijalankan selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya sentiasa terpelihara. Selain itu, pindaan sesuatu undang-undang perlu dilaksanakan mengikut peredaran masa supaya perundangan sedia ada tidak lapuk, ketinggalan zaman dan memenuhi kehendak semasa Perbadanan Putrajaya dan kerajaan.

Gubalan perundangan baru akan melibatkan penelitian dan proses Analisis Impak Peraturan (*Regulatory Impact Anaysis*) oleh jabatan pelanggan untuk pertimbangan perkara-perkara dasar serta semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Peguam Negara. Berikut adalah perundangan yang dalam proses penggubalan pada tahun 2017:

(i) Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Pindaan)
(ii) Undang-Undang Kecil Kerja di Jalan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(iii) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(iv) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(v) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(vi) Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(vii) Kaedah-Kaedah Pengawalan dan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(viii) Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(ix) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992)
(x) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992)
(xi) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Binatang 1953)
(xii) Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984)

(xiii) Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
(xiv) Draf Pelantikan Pesuruhjaya Bangunan Wilayah Persekutuan Putrajaya - Akta Pengurusan Strata 2013 (No.2)

## PENGENDALIAN RAYUAN KOMPAUN

Perbadanan Putrajaya juga mengendalikan sebanyak 1,552 kes rayuan kompaun pada tahun 2017 yang meliputi kes rayuan ke atas kompaun yang dikeluarkan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya. Rayuan kompaun ini adalah berdasarkan jenis dan kategori kesalahan serta tempoh pembayaran yang telah ditetapkan.

## PENDAKWAAN

Jumlah keseluruhan kertas siasatan yang telah semak adalah sebanyak 5,114 kes. Sehingga 31 Disember 2017 sebanyak 3,319 saman telah diserahkan kepada orang kena saman (OKS).

## LITIGASI SIVIL

Perbandingan jumlah kes litigasi sivil mengikut kategori bagi tempoh 3 tahun sebelum adalah seperti berikut:

| Bengkel/ Seminar | Tahun | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|
| Tuntutan tunggakan cukai taksiran | | 92 | 17 | 0 |
| Tuntutan tunggakan sewa | | 1 | 1 | 7 |
| Tuntutan ganti rugi kemalangan (insurans) | | 0 | 7 | 6 |
| Tuntutan-tuntutan lain (Hutang/ Pembinaan) | | 4 | 2 | 6 |
| **Jumlah** | | **97** | **27** | **19** |

Jabatan Undang-Undang juga menyemak notis penamatan yang dirujuk oleh jabatan pelanggan. Terdapat sedikit peningkatan bilangan draf yang disemak bagi tahun 2017 iaitu sebanyak 14 draf berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 8 draf.

## PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan undang-undang oleh Perbadanan Putrajaya merangkumi pelbagai aspek seperti lalu lintas, ketenteraman, keselamatan orang dan harta awam, kebersihan, perniagaan, ubahsuai bangunan dan sosial. Kaedah pengawalan dan penguatkuasaan dilaksanakan melalui rondaan, pemantauan di lapangan dan pemantauan melalui litar tertutup yang beroperasi selama 24 jam sehari. Bagi kes-kes tertentu, tugas penguatkuasaan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan lain-lain.

Tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan bersama jabatan-jabatan lain di Perbadanan Putrajaya melalui operasi bersepadu di premis perniagaan, restoran, pusat hiburan, rumah kediaman, tadika dan kawasan pembinaan bagi memastikan semua pemilik premis, penyewa dan peniaga mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di Putrajaya.

Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan kepada akta dan undang-undang yang berkuatkuasa di Putrajaya seperti berikut:

- Akta Perbadanan Putrajaya 1995 dan Undang-Undang Kecil berkaitan
- Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) termasuk Undang-Undang Kecil di bawah Akta ini
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil di bawah Akta ini
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) termasuk perintah dan kaedah yang dibuat di bawah Akta ini

- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) termasuk perintah dan kaedah yang dibuat di bawah Akta ini

Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah bagi mendidik orang awam supaya menghormati dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di Putrajaya seterusnya memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar yang teratur dan terurus serta menjadi bandar contoh dalam pematuhan undang-undang dan peraturan di kalangan penduduk, warga kerja, pelawat serta pelancong yang berkunjung ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini. Dalam melaksanakan penguatkuasaan, Perbadanan Putrajaya sentiasa menekankan kepada tindakan secara tegas dan berhemah.

## INISIATIF BAHARU PERKHIDMATAN

Beberapa inisiatif bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan telah berjaya dilaksanakan sepanjang 2017 antaranya:-

i. Penambahan Satu (1) unit Trak Tunda bagi meningkatkan kecekapan menguruskan halangan lalu lintas bermula pada 12 April 2017.
ii. Pengenalan dan pelaksanaan Zon Apitan dan Tunda di Putrajaya bermula 17 April 2017.
iii. Meningkatkan kemahiran dan semangat anggota melalui latihan penggunaan alat T-Baton, Gari dan kemahiran penggunaan senjata api.
iv. Pelupusan Kenderaan Buruk Tersadai (KBT) bermula 1 Mei 2017.
v. Ops Sesak ke atas rumah yang di diami warga asing dalam kepadatan yang tinggi.
vi. Hari Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya
vii. Perbarisan Amanat Awal Tahun Penguatkuasa oleh Presiden Perbadanan Putrajaya

## PENGELUARAN KOMPAUN

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 50,835 kompaun telah dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan. Jenis kesalahan yang mencatatkan bilangan kes paling tinggi adalah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Subsidiari sebanyak 50,290 (99.8%) daripada keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan. Antara kesalahan kerap di ambil tindakan ialah meletakkan kenderaan di siar kaki, meletakkan kenderaan yang menyebabkan halangan, meletakkan kenderaan di hentian bas serta meletakkan kenderaan di selekoh. Berikut adalah senarai kesalahan-kesalahan yang direkodkan sepanjang 2017:

| Jenis Kesalahan | 2017 |
|---|---|
| **AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976** | |
| i. Undang-undang kecil iklan (Wilayah Persekutuan) (2002) | 161 |
| ii. Undang-undang kecil pelesenan *establishment* makanan (1999) | 11 |
| iii. Undang-undang kecil pelesenan penjaja dan gerai (2016) | 17 |
| iv. Undang-undang kecil pelesenan premis dan tred (1999) | 13 |
| v. Undang-undang kecil taman (Wilayah Persekutuan (2002) | 111 |
| vi. Undang-undang kecil tred, perniagaan dan perindustrian (2016) | 97 |
| **Jumlah** | **410** |
| **AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)** | |
| i. Membina tembok di tempat awam (S 46 (1) (A)) | 1 |
| ii. Meletakkan barang/benda berhubung dengan trednya (S 46 (1) (D)) | 47 |
| iii. Meletakkan kereta buruk (atau bahagiannya) di tempat awan (S 46 (1) (E)) | 13 |
| iv. Mendirikan bangunan tanpa kebenaran bertulis dari Perbadanan (S 70) | 70 |
| v. Undang-undang kecil kerja tanah 1996 | 4 |
| **Jumlah** | **410** |
| **AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987** | |
| i. Kaedah-kaedah lalulintas jalan 1959 | 29,606 |
| ii. Perintah pengangkutan jalan (peruntukan tempat kereta) | 4,110 |
| iii. Meletakkan kenderaan yang berhampiran dengan saliran di tepi jalan (S 110) | 1 |
| iv. Halangan yang membolehkan tunda (S 48) | 724 |
| v. Melanggar/meletakkan kenderaan di atas jalan (S 75) | 5 |
| vi. Papan tanda/garisan kuning/OKU (S 79) | 15,852 |
| **Jumlah** | **50,290** |
| **Jumlah Keseluruhan** | **50,835** |

Penguatkuasa juga turut melaksanakan Tindakan Apitan dan Tundaan terhadap kenderaan yang melakukan kesalahan halangan di kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Zon Apitan dan Tunda sepanjang 2017 bermula dari 17 April 2017 dan rekod apitan dan tundaan adalah seperti di bawah:




### Jumlah Apitan Dan Tundaan Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987

| Bil. | Perkara | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Apitan (bermula 17 April 2017) | 2,607 |
| 2. | Tundaan | 628 |

## KEMPEN JOM BAYAR KOMPAUN

Jumlah dan nilai kompaun yang berjaya dikutip sepanjang Kempen Jom Bayar Kompaun adalah seperti berikut :

| Bil. | Acara | Tahun | Jumlah Kompaun | Jumlah (Rm) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hari Wilayah | 1 - 28.2.2017 | 2,640 | 82,900.00 |
| 2. | Hari Terbuka Kementerian Kewangan | 30.3.2017 | 180 | 5,290.00 |
| 3. | Sempena Hari Kemerdekaan & Hari Malaysia | 21.8.2017 - 30.9.2017 | 1,596 | 49,460.00 |
| 4. | Karnival Komuniti (Pesta Air) | 7 - 8.10.2017 | 62 | 1,550.00 |
| | | **Jumlah** | **4,478** | **139,200.00** |

## OPERASI BANTERAS AKTIVITI HARAM (OPS BAH)

Fokus utama operasi BAH ini dilaksanakan adalah untuk membanteras aktiviti haram daripada berleluasa di Putrajaya. Antara aktiviti haram yang dipantau adalah pusat-pusat siber yang menjalankan aktiviti perjudian komputer, pusat hiburan tanpa lesen, pendatang tanpa izin (PATI), dadah, maksiat dan sebagainya. Operasi ini merupakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan(NBOS) yang melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Beberapa siri Operasi telah dilaksanakan sepanjang 2017 seperti berikut:

| Bil. | Operasi | Tarikh | Bil. Kompaun | Tindakan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Ops Warga Asing | 8 Mei 2017 | | • 207 orang diperiksa<br>• 41 orang ditahan |
| 2. | Ops Dadah | 16 Ogos 2017 | | • 29 orang diperiksa<br>• 4 orang ditahan |
| 3. | Ops Maksiat | 17 Sept 2017 | 29 orang disaman dan Perintah Hadir | • 10 orang perintah beredar<br>• 2 orang ditahan kerana positif dadah |
| 4. | Ops Sesak | 7 Okt 2017 | • 2 kompaun penuh sesak<br>• 4 kompaun rumah kotor<br>• 5 notis penuh sesak | |
| 5. | Ops Sesak | 30 Nov 2017 | 8 notis penuh sesak | • 198 orang warga asing diperiksa.<br>• 42 orang telah ditahan atas kesalah imigresen.<br>• 2 orang positif dadah |
| 6. | Ops Maksiat | 22 Dis 2017 | 40 orang dikeluarkan Saman Perintah Hadir | • 10 orang di perintah beredar |





## PELUPUSAN KENDERAAN BURUK TERSADAI (KBT)

Bermula tahun 2017, PPj telah melaksanakan kerja-kerja melupuskan Kenderaan Buruk Tersadai yang di tahan di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133). Kenderaan-kenderaan ini di tunda dari kawasan awam dan Kawasan Perumahan Penjawat Awam di Sekitar Putrajaya hasil dari pemantau Penguatkuasa PPj, pemantauan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH, JPM) dan aduan dari orang awam / Komuniti Putrajaya.

Sejumlah 218 buah kereta / van dan motosikal telah dilupuskan sepanjang tahun 2017. Kenderaan-kenderaan ini merupakan Kenderaan Buruk Tersadai (KBT) yang tidak di tuntut oleh pemilik melebihi 3 tahun dari tarikh tahanan. Tindakan Pelupusan ini adalah bagi memastikan Putrajaya bebas dari lambakan Kenderaan Buruk Tersadai yang boleh mencacatkan pemandangan indah Putrajaya di samping membantu mengatasi masalah kekurangan lot pakir sedia ada.



### Program Pelupusan Kenderaan Buruk Tersadai 2017

| BiL | Perkara | Jumlah kenderaan Buruk |
|---|---|---|
| 1. | Pelupusan Kenderaan Buruk Tersadai (KBT) Siri 1/2017 | 136 unit |
| 2. | Pelupusan Kenderaan Buruk Tersadai (KBT) Siri 2/2017 | 82 unit |
| | **Jumlah** | **218 unit** |

## PROGRAM KESELAMATAN JALAN RAYA

Dalam memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar yang teratur dan terurus serta mampu menjadi Bandar Contoh sepanjang tahun 2017 khususnya dalam aspek Keselamatan di jalan raya, PPj telah melaksanakan sebanyak 13 aktiviti dan program keselamatan jalan raya meliputi pelbagai kumpulan sasaran termasuklah kakitangan kerajaan, penduduk, guru, pelajar dan orang awam dengan jumlah penyertaan seramai 1800 peserta. Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| Bil | Lawatan | Tarikh | Tempat | Sasaran | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Program Orientasi Murid Tahun 1 Sekolah Kebangsaan Putrajaya P9(2) | 10 Januari 2017 | Dewan Sekolah Kebangsaan Putrajaya P9(2) | Murid Tahun 1 | 110 peserta |
| 2. | Program Safer *Route to School* LA21 | 26 Mac 2017 | Perbadanan Putrajaya | Orang Awam / Murid | 400 peserta |
| 3. | Kursus Peronda Lintasan sekolah | 27 April 2017 | Perbadanan Putrajaya | Anggota Penguatkuasa PPj | 8 peserta |
| 4. | Program *Smart DeCare* SMK Kiaramas | 3 Mei 2017 | Litar Decare Presint 7 | Orang Awam (Pelajar) | 48 peserta |
| 5. | Kempen Jom Balik Kampung Putrajaya | 20 Jun 2017 | Tapak Bazar Ramadhan Presint 3 | Orang Awam | 300 peserta |
| 6. | Pameran dan Advokasi Keselamatan Jalan Raya | 27 September 2017 | MOF | Orang Awam | 100 peserta |
| 7. | Kursus Peronda Lalulintas | 30 September 2017 | Perbadanan Putrajaya | Peronda Lintasan Sekolah, Ahli PIBG, Guru Sekolah Pengawal Keselamatan Sekolah | 30 peserta |
| 8. | Karnival Komuniti Putrajaya 2017 | 7-8 Oktober 2017 | Kompleks Sukan Air Presint 6, Putrajaya | Orang Awam | 400 peserta |
| 9. | Program Pemanduan Berhemah UMW OIL & GAS | 5 Oktober 2017 | Litar Decare Presint 7 | Orang Awam (Pelajar) | 60 peserta |

| Bil. | Lawatan | Tarikh | Tempat | Sasaran | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|---|---|---|
| 10. | Bengkel Pembangunan Program Keselamatan Jalan Raya | 25 Oktober 2017 | Shangri-La Putrajaya | Anggota Agensi Kerajaan PDRM, JKJR, PIBG, PPj, JPWPP, JPJ, MIROS, UMW OIL & GAS | 22 peserta |
| 11. | Program *Smart Decare* DENSO | 14 Disember 2017 | Litar Decare Presint 7 | Orang Awam (Pelajar) | 60 peserta |
| 12. | Program Orientasi Sekolah (Kempen Keselamatan Jalan Raya) | 28 Disember 2017 | SK Presint 11 (3) Putrajaya | Ibu Bapa dan Murid | 300 peserta |
| 13. | Penghasilan Video Keselamatan Jalan Raya Putrajaya | Disember 2017 | - | Komuniti Putrajaya | Tontonan Umum/ Orang Awam |

# PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET



# PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET

## PENILAIAN CUKAI TAKSIRAN

### PENILAIAN UNTUK MAKSUD CUKAI TAKSIRAN

Pada tahun 2017, Perbadanan Putrajaya mula menguatkuasakan cukai taksiran berdasarkan Senarai Nilaian baru yang dinilai mengikut Aras Nilaian tahun 2015. Kadar peratusan cukai yang dikenakan adalah seperti Jadual di bawah:

| Bil. | Kategori | Kadar Cukai Sehingga 2016 | Kadar Cukai Mulai 2017 |
|---|---|---|---|
| 1. | Perumahan | 8% | 6% |
| 2. | Perumahan harga di bawah RM151,000.00 | 8% | 5% |
| 3. | Pangsapuri dengan hakmilik strata | 8% | 5.5% |
| 4. | Pangsapuri yang tiada hakmilik strata | 8% | 6% |
| 5. | Pegangan Komersial | 10% | 8% |
| 6. | Tanah Kosong (syarat nyata kediaman) | 8% | 3-5% |
| 7. | Tanah Kosong (lain-lain syarat nyata) | 10% | 8% |

Mulai tahun 2017 juga, semua proses Pindaan Senarai Nilaian telah dilaksanakan dengan bantuan sistem *Computer Assisted Mass Appraisal* (CAMA) dan GIS, yang boleh menilai secara pukal dalam masa yang singkat dan menghasilkan Nilai Tahunan yang seragam.

Pada penggal pertama 2017, PPj telah mengeluarkan sebanyak 9,575 bil cukai taksiran yang melibatkan Penilaian Semula ke atas Bangunan Komersial (13.18%), Perindustrian (0.96%), Harta Khas (0.22%), Perumahan (64.2%) dan Tanah Kosong (21.3%). Pada penggal kedua 2017 pula, tambahan sebanyak 1,265 kes adalah melibatkan Pindaan Senarai Nilaian.

Jumlah cukai yang dibilkan sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak **RM45,426,553.00** iaitu peningkatan **31.4%** berbanding RM29,784,895.00 pada tahun 2016.

**Jumlah Cukai Taksiran dari tahun 2015 hingga 2017**




PPj telah menerima sebanyak 2,018 (21%) permohonan bantahan daripada 250 pemilik yang terlibat dalam proses Penilaian Semula. Sebanyak enam (6) sesi mendengar bantahan telah diadakan dengan kehadiran pembantah mencapai 90.1%. Jawatankuasa Mendengar Bantahan telah membuat keputusan menyemak semula 2,180 pegangan yang melibatkan 140 Bangunan dan 2,040 Tanah Kosong.

| Isu Bantahan | Bil Kes | Peratus |
|---|---|---|
| Jumlah Pegangan | 9,575 | 100% |
| Bilangan Bantahan | 2,018 | 21% |
| Bilangan Yang Hadir | 1,819 | 90.1% |
| Jumlah Pegangan Yang Disemak Semula | 2,180 | 23% |

## PENILAIAN UNTUK MAKSUD SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

PPj telah mengemukakan tiga (3) tuntutan melalui Borang C iaitu kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berjumlah RM144,346,664.00 (melibatkan 22,190 kes), Suruhanjaya Tenaga sebanyak RM844,096.00 (1 kes) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebanyak RM3,294.00 (1 kes). Jumlah keseluruhan tuntutan adalah sebanyak RM145,083,001.00.

**Jumlah tuntutan SMK dari tahun 2015 hingga 2017**




Jumlah tuntutan SMK kepada KPKT dari tahun 2001 hingga 2017 adalah sebanyak RM1,109,651,746.00. Bayaran yang telah diterima sehingga 2017 pula adalah RM1,057,771,391.62. Oleh itu, baki SMK yang masih belum diterima adalah sebanyak RM47,262,194.50 (4.26%).

## PENGURUSAN MENDAPATKAN KEMBALI TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Sejak tahun 1999 hingga 2017, jumlah keseluruhan Cukai Taksiran yang telah dibilkan adalah sebanyak RM392,305,085.08 dengan jumlah tunggakan terkumpul sebanyak RM4,334,523.00.

Untuk penggal pertama 2017, notis supaya membayar tunggakan telah dikeluarkan pada 28 Mac 2017 (Borang E1) dan 17 April 2017 (Borang E2). Untuk penggal kedua pula, Borang E1 dikeluarkan pada 26 September 2017 dan Borang E2 dikeluarkan pada 11 Oktober 2017.

PPj juga telah mempergiatkan usaha bagi mendapatkan tunggakan cukai taksiran antaranya melalui:

| Aktiviti | Bilangan kes |
|---|---|
| Menghantar Notis Borang E kepada pembayar cukai yang ada tunggakan selepas 28 Feb/31 Ogos | 3,712 |
| Menghantar Notis Borang E2 kepada pembayar cukai yang melebihi RM10,000.00 atau tidak membuat pembayaran cukai melebihi lima(5) penggal | 1,566 |
| Memberi penjelasan kepada pembayar cukai melalui panggilan telefon dan mengunjungi ke premis yang terlibat | 50 |
| Menghantar semula Notis tunggakan cukai yang dikembalikan ke alamat harta tersebut | 100 |
| Menampal Notis Amaran dengan kertas warna merah di pintu utama premis yang tersenarai | 347 |
| Menjalankan kerja-kerja penyitaan (sek 148 Akta 171) ke atas harta alih yang berada dalam kawasan premis terlibat | 0 |
| Pihak Jabatan Undang-Undang melalui panel peguam yang dilantik, telah mengeluarkan surat untuk menuntut tunggakan cukai taksiran kepada pembayar cukai yang masih mempunyai tunggakan yang tinggi sebagaimana yang diperuntukan di bawah peruntukan Seksyen 156 Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976). Dari 92 premis terbabit, 61 pemilik telah memberikan maklumbalas dan membayar cukai tertunggak tersebut. | 92 |

## PENCAPAIAN PERATUS KUTIPAN

Tindakan yang telah dibuat oleh PPj berjaya mengurangkan tunggakan dari RM8,699,259.76 pada bulan September 2017 kepada RM4,334,523.00 pada awal bulan Januari 2018. Peratus kutipan bil Cukai Taksiran semasa adalah sebanyak 91.06%.

Jumlah peratus tunggakan berbanding nilai keseluruhan cukai taksiran yang telah dibilkan sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak 1.13%.

**Jumlah Peratus Kutipan Hasil Semasa Cukai Taksiran dari tahun 2015 hingga 2017**




## PENGURUSAN DAN PERAKAUNAN ASET

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti dan pencapaian yang berkaitan dengan Pengurusan dan Perakaunan Aset sepanjang tahun 2017.

| Bil. | Aktiviti | *Output* |
|---|---|---|
| 1. | Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan dan Pengurusan Aset PPj. | 4 Kali |
| 2. | Menguruskan Kes-Kes Pelupusan Aset Alih PPj. | 14 Sijil Pelupusan Aset<br>17,055 unit aset |
| 3. | Menguruskan Kes-Kes Kehilangan Aset Alih PPj. | 2 Sijil Hapus Kira |
| 4. | Menguruskan Pemeriksaan Aset Alih PPj | Sekali Setahun |
| 5. | Menguruskan Permohonan Perolehan Aset Alih PPj. | 16 Permohonan |

## HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN MILIK PERBADANAN PUTRAJAYA

Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, nilai hartanah, loji & peralatan milikan PPj adalah sebanyak RM3,445.6 juta. Amaun ini adalah setelah mengambilkira susut nilai terkumpul yang berjumlah sebanyak RM1,046 juta. Hartanah, Loji & Peralatan milikan Perbadanan adalah merangkumi tanah, bangunan, infrastruktur, taman-taman, tasik dan wetland, loji dan jentera, peralatan, perabot dan kelengkapan, kenderaan, buku, komputer dan aset haiwan.

**Hartanah, Loji dan Peralatan**



## Program Kesedaran Kesihatan Keselamatan Dan Insurans Kepada Warga Ppj






## Pelupusan Aset Milik PPj






## SEKSYEN PESURUHJAYA BANGUNAN

Sehingga 31 Disember 2017 terdapat sebanyak 11 kawasan pemajuan berstrata yang ada di Putrajaya iaitu tujuh (7) Kediaman dan empat (4) Komersial.

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti dan pencapaian Pesuruhjaya Bangunan sepanjang tahun 2017.

| Bil. | Aktiviti | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1. | Mewujudkan dan mengemaskini inventori semua kawasan pemajuan berstrata (Pangkalan Data) | 11 kawasan pemajuan yang telah dikemaskini. |
| 2. | Memantau penubuhan JMB / MC di semua kawasan pemajuan berstrata | 1 kawasan pemajuan iaitu Tamara Residences di Presint 8 (440 unit) |
| 3. | Memberi khidmat nasihat kepada pemaju / JMB / MC berkaitan penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama | Sila rujuk **Jadual A** |
| 4. | Mengawalselia kesempurnaan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama | Melibatkan semua kawasan pemajuan di Putrajaya |
| 5. | Memastikan mesyuarat AGM pertama dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan | 1 kawasan pemajuan telah mengadakan mesyuarat pertama mengikut Akta 757. |
| 6. | Menyelaras, mengendali dan mengambil tindakan penyelesaian pertikaian di antara pengadu dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk menjadi *mediator* | Sila rujuk **Jadual A** |
| 7. | Memantau akaun pengurusan bangunan berstrata | Sila rujuk **Jadual A** |
| 8. | Mengambil tindakan penguatkuasaan | Masih belum dilaksanakan |
| 9. | Membuat pelantikan dan mengawal selia ejen pengurusan yang dilantik oleh COB | Tiada pelantikan ejen pengurusan oleh COB |
| 10. | **Penguatkuasaan:** Menerima Borang 11 daripada JMB/ MC dan mengeluarkan surat arahan pembayaran bil caj penyelenggaraan dan *sinking fund* yang tertunggak kepada pemilik petak. | Ayer@8, Presint 8 (10 kes)<br>PR1MA, Presint 11 (133 kes)<br>Kondominium Saujana Aster, Presint 11 (56 kes) |

### Senarai Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) dan Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*) Di Wilayah Persekutuan Putrajaya

| Bil. | Badan Pengurusan Bersama | No PT/ No. Lot | Presint | Jumlah Petak |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Putra Harmoni | LOT 1726 | 9 | 1204 |
| 2. | Perbadanan Pengurusan *Neighbourhood Commercial Centre 1* | LOT 1727 | 9 | 36 |
| 3. | Badan Pengurusan Bersama Ayer@8 | PT 14139 | 8 | 106 |
| 4. | Badan Pengurusan Bersama *Northern Neighbourhood Commercial Centre* | LOT 192 | 8 | 52 |
| 5. | Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Putra Damai | PT 7003 dan PT 7007 | 11 | 909 |
| 6. | Badan Pengurusan Bersama Kondominium Saujana Aster | PT 4465 | 11 | 226 |
| 7. | Badan Pengurusan Bersama PR1MA@11 | PT 12164 | 11 | 560 |
| 8. | Badan Pengurusan Bersama Alam Desa | PT 9849 | 15 | 119 |
| 9. | Badan Pengurusan Bersama *Green Park* | PT 14079 | 15 | 22 |
| 10. | Badan Pengurusan Bersama Dwiputra *Residences* | PT 14123 | 15 | 880 |
| 11. | Badan Pengurusan Bersama Tamara *Residences* | PT 14178 | 8 | 440 |

### Senarai Pembangunan Strata yang tidak dapat menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) Di Wilayah Persekutuan Putrajaya

| Bil. | Badan Pengurusan Bersama | No PT/ No. Lot | Presint | Jumlah Petak |
|---|---|---|---|---|
| 1. | *Sub Commecial Centre* 1 | LOT 1728, LOT 1729, LOT 1730 dan LOT 1731 | 9 | 24 |
| 2. | Rumah Bandar *Town Villas* Danau Ayu | LOT 160 – LOT 207 PT 2505 – PT 2552 | 16 | 48 |

## TABUNG PENYELENGGARAAN 1 MALAYSIA (TP1M)

Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) adalah projek di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi perumahan berstrata kos rendah/sederhana rendah swasta.

Julat harga rumah untuk kelayakan membuat permohonan TP1M adalah berdasarkan kepada harga belian asal daripada pemaju iaitu:

i). Bagi kategori rumah kos rendah swasta : RM42,000.00 ke bawah
ii). Bagi kategori kos sederhana rendah swasta : RM42,001.00 sehingga RM80,000.00.

Pangsapuri Putra Harmoni di Presint 9 dan Pangsapuri Putra Damai di Presint 11 termasuk dalam kategori (ii) dengan harga belian asal sebanyak RM49,000.00.

Bagi tahun 2017, terdapat satu (1) permohonan TP1M daripada Pangsapuri Putra Damai dengan Kelulusan Siling sebanyak RM357,301.51.

| Nama Kawasan Pemajuan | Kategori Perumahan | Skop Kerja | Anggaran Kos Projek (RM) |
|---|---|---|---|
| Pangsapuri Putra Damai Presint 11, Putrajaya | Kos Sederhana Rendah | A | 145,712.90 |
| | | B | 62,000.00 |
| | | G | 76,800.00 |
| | | H | 52,564.00 |
| | | **Jumlah** | **357,301.00** |

| Skop Kerja | |
|---|---|
| A | Penyelenggaraan baikpulih atau menggantikan lif |
| B | Membaiki atau menggantikan tangki air dan sistem retikulasi |
| C | Penyelenggaraan atau menggantikan paip sanitari |
| D | Membaiki atau menggantikan bumbung |
| E | Membaiki atau menggantikan tangga dan susur tangga (*handrail*) |
| F | Mengecat bangunan dan harta bersama |
| G | Pendawaian semula dan elektrik |
| H | Membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni dan melibatkan harta bersama (*common property*) |
| I | Membaikpulih atau membina pagar |
| J | Membaikpulih cerun |

## LAWATAN TEKNIKAL ANJURAN UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) PUTRAJAYA BERSAMA PERBADANAN PENGURUSAN (MC), BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN PEMAJU KE JOHOR BAHRU

Urusetia COB PPj telah berjaya menganjurkan lawatan Teknikal ke Johor Bahru pada 4–6 November 2017, yang telah disertai oleh seramai 46 orang peserta daripada pelbagai MC, JMB, Pemaju serta kakitangan dari pelbagai Bahagian/ Jabatan di PPj.

Kawasan pemajuan strata yang dilawati adalah Rumah Pangsa Orkid yang telah diiktiraf dari segi pengurusannya oleh KPKT sebagai MC yang cemerlang. Para peserta juga turut melawat dan mendengar taklimat di pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

### Gambar Lawatan Teknikal Bersama MC, JMB, Pemaju dan PPj ke Johor Bahru



Badan Pengurusan Orkid JB Bersama MC / JMB / Pemaju / PPj

## Sebahagian Isu-Isu COB Sepanjang Tahun 2017



Permukaan Bumbung yang menjadi tempat takungan air dan dikhuatiri kawasan pembiakan nyamuk aedes



Lawatan Bersama Bahagian Kebersihan dan JMB tentang tahap kebersihan yang kurang memuaskan



Kebocoran Bumbung di antara tingkat



## Jenis Aduan Bagi Tahun (Januari – Disember) 2017

| Bil | Jenis Aduan | 2017 | |
|---|---|---|---|
| | | Terima | Selesai |
| 1. | **Mesyuarat dan Pemilihan**<br>(Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan proses penubuhan Badan) | 6 | 6 |
| 2. | **Pentadbiran dan Pengurusan**<br>(Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/Badan/Ejen termasuk tanggungjawab, kerjasama, pertikaian) | 12 | 12 |
| 3. | **Penyenggaraan dan Kerosakan**<br>(Semua aduan berkaitan penyelenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama) | 9 | 9 |
| 4. | **Isu Kewangan**<br>(Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyelenggaraan bangunan, kumpulan wang penyelenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas) | 5 | 5 |
| 5. | **Khidmat Nasihat**<br>(Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu) | 22 | 22 |
| 6. | **Penguatkuasaan COB**<br>(Semua aduan berkaitan penguatkuasaan COB dan Akta) | - | - |
| 7. | **Lain-Lain**<br>(Sila nyatakan jenis aduan yang diterima) | 12 | 12 |



# PRESTASI ANAK SYARIKAT

# PRESTASI ANAK SYARIKAT

## LATAR BELAKANG

Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd, juga dikenali sebagai PULSE Group merupakan anak syarikat milik penuh Perbadanan Putrajaya yang telah diperbadankan pada 3 Jun 2002 di bawah nama PJ Hotels & Resorts Sdn Bhd. Nama syarikat telah ditukar kepada Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd pada 1 Jun 2016.

Mulai Januari 2016, PULSE Group telah menjadi sebagai syarikat induk kepada empat anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya yang lain selepas penstrukturan semula ekuiti anak-anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya dimuktamadkan. Anak-anak syarikat tersebut adalah:-

(i) Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn Bhd (Co-X);
(ii) Marina Putrajaya Sdn Bhd (MPSB);
(iii) Putrajaya Floria Sdn Bhd (PFSB); dan
(iv) Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd (PAPTT)

(PULSE Group dan empat (4) syarikat di atas selepas ini akan di rujuk sebagai "PULSE Group dan anak-anak syarikatnya").

Struktur korporat PULSE Group dan anak-anak syarikatnya adalah seperti di bawah:-




*Nota: Baki 20% kepentingan saham di dalam anak-anak syarikat PULSE Group tersebut dimiliki secara langsung oleh Perbadanan Putrajaya.

Sebagai syarikat induk, PULSE Group berfungsi untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang berikut bagi kepentingan dan pulangan faedah kepada PERBADANAN PUTRAJAYA:-

(a) memperkasakan aktiviti dan operasi perniagaan sedia ada di samping mengoptimumkan sumber-sumber kewangan dan tenaga kerja;
(b) meneroka peluang perniagaan baru bagi mewujudkan kepelbagaian perniagaan dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan yang mapan untuk jangka panjang; dan
(c) mendokong aspirasi Perbadanan Putrajaya seperti yang telah digariskan dalam pelan dan perancangan strategik untuk Putrajaya.

# AKTIVITI PERNIAGAAN

Perniagaan PULSE Group dan anak-anak syarikatnya tertumpu kepada empat (4) perniagaan teras yang berkaitan dengan industri pelancongan iaitu:-

(i) Pengendalian pusat MICE (*Meeting, Incentive, Convention and Exhibition*) dan tapak acara;
(ii) Pengendalian pusat rekreasi dan perkhidmatan aktiviti air;
(iii) Pengendalian taman-taman rekreasi; dan
(iv) Perkhidmatan pengangkutan, pelancongan & pengembaraan.

Perniagaan-perniagaan teras ini turut disokong dengan aktiviti perniagaan lain seperti perkhidmatan penyediaan makanan & minuman, pengurusan & pengendalian hotel, perkhidmatan hortikultur & landskap, perkhidmatan tempat letak kereta dan pengiklanan.

Segmen-segmen perniagaan PULSE Group dan anak-anak syarikatnya bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:-

| PULSE Group | Co-X | MPSB | PFSB | PAPTT |
|---|---|---|---|---|
| Pengurusan dan pengendalian Taman Ekuestrian Putrajaya<br>Pengurusan dan penyenggaraan bangunan | Pengurusan dan pengendalian Putrajaya International Convention Centre<br>Pengurusan hotel Putrajaya Shangri-La (kini dikenali sebagai hotel PULSE Grande)<br>Perkhidmatan katering Putrajaya | Pengurusan dan pengendalian Cruise Tasik Putrajaya<br>Pengurusan dan pengendalian kompleks Marina Putrajaya<br>Pengurusan dan pengendalian Pusat Rekreasi Air Putrajaya<br>Pengurusan dan pengendalian Kompleks Sukan Air Putrajaya<br>*Sky Rides Festivals Park* | Pengurusan dan pengendalian Taman Warisan Pertanian Putrajaya<br>Pengurusan dan pengendalian tapak acara Anjung Floria<br>Perkhidmatan landskap dan hortikultur | Perkhidmatan bas Nadiputra<br>Pengurusan dan pengendalian tempat letak kenderaan<br>Pengiklanan<br>Agensi perkhidmatan pelancongan & pengembaraan |

Sepanjang tahun 2017, PULSE Group dan anak-anak syarikatnya telah membangunkan dan menjalankan beberapa perniagaan dan produk baru di bawah segmen-segmen perniagaan kendaliannya sama ada dengan memanfaatkan dan mengembangkan sumber-sumber sedia ada, menjalinkan usahasama dengan rakan strategik selain memperoleh kontrak-kontrak perniagaan, seperti :-

(a) Pembinaan 80 kandang kuda tambahan termasuk fasiliti yang berkaitan di Taman Ekuestrian Putrajaya untuk sewaan bermula dari bulan September 2017 di bawah inisiatif PULSE Group;



80 Kandang Kuda Baru di Taman Ekuestrian Putrajaya

(b) Perolehan kontrak kerja-kerja penyenggaraan Kuarters Perbadanan Putrajaya di Presint 11 untuk tempoh 2 tahun bermula dari bulan Mac 2017 oleh PULSE Group;



Penyenggaraan Kuarters Perbadanan Putrajaya

(c) Pengurusan 85 unit komersil kedai-pejabat di Nadi@15 bermula dari bulan Julai 2017 oleh PULSE Group;



Pengurusan 85 unit kedai-pejabat di Nadi@15

(d) Penjenamaan semula hotel Putrajaya Shangri-La kepada hotel PULSE Grande bermula seawal bulan November 2017 selaras dengan proses pengambilalihan pengurusan dan operasi hotel oleh Co-X bermula Januari 2018;




Majlis Pelancaran Hotel PULSE Grande

(e) Pengambilalihan restoran makanan laut di Taman Botani dengan penjenamaan semula kepada *Putrajaya Seafood Restaurant* bermula dari bulan Januari 2017 oleh Co-X;



Putrajaya Seafood Restaurant di Taman Botani

(f) Jalinan usahasama untuk penyediaan dewan perkahwinan eksklusif Bora Ombak dan café di Marina Putrajaya oleh MPSB;

(g) Jalinan usahasama untuk membangunkan Track Remote Control (TRC), Drone Competition Track dan perkhidmatan berkaitan landasan mini / jalur udara di Kompleks Sukan Air Putrajaya oleh MPSB;



Track Remote Control (TRC)

(h) Jalinan usahasama untuk produk rekreasi Kampung Beca di Anjung Floria oleh PFSB;



Kampung Beca di Anjung Floria

(i) Jalinan usahasama bagi penanaman buah rock melon dan cili kulai dengan memanfaatkan tapak semaian sedia ada di Taman Wetland oleh PFSB; dan



Majlis Pelancaran Penanaman Cili dan Rock Melon di Taman Wetland

(j) Jalinan usahasama untuk dewan perkahwinan di Taman Warisan Pertanian oleh PFSB



Majlis Pelancaran Dewan Perkahwinan di Laman Warisan, Taman Warisan Pertanian

Pada tahun 2017, PULSE Group juga telah meneroka segmen perniagaan baru di bawah pembangunan hartanah di Putrajaya bagi mendokong aspirasi Perbadanan Putrajaya yang telah digariskan dalam Pelan Strategik 2016-2020 dan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 yang bermatlamat menjadikan Putrajaya terus maju dengan kepelbagaian ekonomi serta menjadi destinasi pelancongan unggul selain daripada memperkasakan pusat-pusat komersil utama di Putrajaya.

Segmen perniagaan baru ini juga akan memantapkan perniagaan dan panambahan hasil pendapatan PULSE Group dan anak-anak syarikatnya untuk jangka masa panjang. Di antara pembangunan hartanah yang telah diumumkan pada tahun 2017 adalah Cadangan Projek Pembangunan Bercampur dan Kedutaan Secara Bersepadu di Presint 5, Putrajaya di mana ianya telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak pada 26 September 2017.



Majlis Pelancaran Cadangan Projek Pembangunan Bercampur dan Kedutaan secara bersepadu oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bin Tun Razak pada 26 September 2017 (sumber gambar: PMO)

Fasa pertama projek tersebut merangkumi komponen pembangunan pusat pameran antarabangsa dan bangunan pejabat serta hotel bertaraf 3-bintang. Fasa-fasa seterusnya adalah terdiri daripada pembangunan pusat membeli belah, taman tema tertutup, hotel bertaraf 5-bintang, bangunan pejabat dan pangsapuri.

Selain itu, pada 11 Disember 2017 PULSE Group telah menandatangani Perjanjian Penjualan Saham dengan Syarikat Konsortium Bas Ekspres Semenanjung (M) Sdn Bhd ("KBESM") bagi pengambilalihan 80% pegangan saham PULSE Group dalam PAPTT oleh KBESM. PAPTT di bawah pengurusan baru, apabila terma dan syarat Perjanjian Penjualan Saham diselesaikan, akan menawarkan perkhidmatan bas elektrik percuma di Putrajaya yang akan memberi faedah kepada pengguna bas awam di Putrajaya dan komuniti Putrajaya khasnya.




Majlis Menandatangani Perjanjian Pengambilalihan Syarikat PAPTT oleh Syarikat KBESM pada 11 Disember 2017 (sumber gambar: kosmo)

## DATA KUNJUNGAN PELAWAT




Sebagai kumpulan syarikat yang menguruskan dan mengendalikan tempat acara dan tempat tarikan pelancongan di Putrajaya, PULSE Group dan anak-anak syarikatnya telah menerima 843,100 kunjungan pelawat sepanjang tahun 2017 iaitu kenaikan 12% dari tahun sebelumnya.

Statistik ini telah di ambil dan di kira berdasarkan kehadiran pelawat ke Taman Ekuestrian Putrajaya, Putrajaya International Convention Centre, Hotel Putrajaya Shangri-La, Restoran Putrajaya Seafood, Marina Putrajaya, Cruise Tasik Putrajaya, Pusat Rekreasi Air Putrajaya, Kompleks Sukan Air Putrajaya, Taman Warisan Pertanian Putrajaya dan tapak acara Anjung Floria.

Pecahan kunjungan pelawat bagi tahun 2017 menurut tempat tarikan pelancongan kendalian PULSE Group dan anak-anak syarikatnya adalah seperti di bawah :-




## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Pada tahun 2017, Co-X dan PFSB masing-masing telah menerima Anugerah Emas bagi kategori *Convention & Exhibition Centre* dan Anugerah Emas bagi kategori *Biggest Flower & Garden Festival* yang diterima dari *Malaysia Tourism Council* pada 20 November 2017. Manakala, MPSB pula telah menerima Anugerah *Malaysia Tourism Quality Assurance* untuk produk *Cruise* Tasik Putrajaya dari Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia pada 2 Mac 2017.




Majlis penerimaan Anugerah Emas bagi kategori *Convention & Exhibition Centre* oleh Co-X; dan Anugerah Emas bagi kategori *Biggest Flower & Garden Festival* oleh PFSB



Majlis penerimaan Anugerah *Malaysia Tourism Quality Assurance* untuk produk *Cruise* Tasik Putrajaya oleh MPSB

# PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DI AUDIT



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN PUTRAJAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Putrajaya atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Putrajaya dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536).

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Anggota Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**DATO' HAJI CHE ISA BIN CHE KOB**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 OGOS 2018

## PENGESAHAN OLEH ANGGOTA PERBADANAN

Kami, Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail, dan Dato' Mustafha bin Haji Abd. Razak, yang merupakan pengerusi dan salah seorang daripada Anggota Perbadanan Putrajaya, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Perbadanan Putrajaya pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Perbadanan,

DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
Pengerusi

DATO' MUSTAFHA BIN HAJI ABD. RAZAK
Anggota Perbadanan

Tarikh : 1 9 JUL 2018

Putrajaya

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Saya, Nik Shukri bin Nik Soh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Putrajaya dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama diatas, Nik Shukri bin Nik Soh
di W.P PUTRAJAYA
pada 19 JUL 2018

……………………………………
(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 634
YM KOLONEL DATO' SERI PADUKA DIRAJA RAMLI BIN SHUHAIMI
01/01/2017 - 31/12/2018
MALAYSIA

……………………………………
PESURUHJAYA SUMPAH

Suite 49B, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan Putrajaya
HP No: +6012.350.8527

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

## PADA 31 DISEMBER 2017

| | Nota | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| | | | Dinyatakan Semula | | Dinyatakan Semula |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 2,966,069,186 | 3,001,366,154 | 2,946,546,925 | 2,987,123,804 |
| Hartanah Pelaburan | 5 | 499,013,479 | 425,211,000 | 499,013,479 | 425,211,000 |
| Pelaburan di dalam Syarikat Subsidiari | 6 | - | - | 1,779,999 | 1,779,999 |
| Muhibah | | 8,768,104 | 9,864,116 | - | - |
| Pembiayaan Kenderaan | 7 | 1,146,401 | 1,138,729 | 1,146,401 | 1,138,729 |
| Pembiayaan Komputer | 8 | 195,104 | 234,757 | 195,104 | 234,757 |
| Cukai Tertunda | 9 | 4,047 | 149,437 | - | - |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 3,475,196,321 | 3,437,964,193 | 3,448,681,908 | 3,415,488,289 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Pembiayaan Kenderaan | 7 | 409,599 | 418,033 | 409,599 | 418,033 |
| Pembiayaan Komputer | 8 | 164,430 | 165,086 | 164,430 | 165,086 |
| Stok | 10 | 3,533,396 | 3,328,938 | 694,888 | 764,212 |
| Pelbagai Penghutang | 11 | 122,341,288 | 137,462,740 | 128,125,155 | 138,735,882 |
| Bayaran Terdahulu | 12 | 1,542,500 | 2,684,790 | 325,494 | 321,174 |
| Simpanan Tetap | 13 | 338,975,612 | 298,765,799 | 337,000,000 | 297,000,000 |
| Baki Bank Dan Tunai Di Tangan | 14 | 30,969,823 | 28,074,177 | 23,748,689 | 15,390,247 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 497,936,648 | 470,899,563 | 490,468,255 | 452,794,634 |
| **JUMLAH ASET** | | **3,973,132,969** | **3,908,863,756** | **3,939,150,163** | **3,868,282,923** |
| **EKUITI** | | | | | |
| Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | 15 | 2,134,353 | 2,168,313 | 2,134,353 | 2,168,313 |
| Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan | 16 | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 |
| Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer | 17 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 |
| Lebihan Penilaian Semula Hartanah | 18 | 657,751,765 | 686,319,575 | 657,751,765 | 686,319,575 |
| Lebihan Terkumpul | 19 | 256,263,229 | 165,483,155 | 274,116,246 | 176,328,825 |
| **JUMLAH EKUITI** | | **921,149,347** | **858,971,043** | **939,002,364** | **869,816,713** |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Sewa Beli | 20 | 143,100 | 192,678 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 21 | 1,883,121 | 1,526,224 | 1,883,121 | 1,526,224 |
| Geran Tertunda | 22 | 2,591,829,874 | 2,640,349,831 | 2,591,829,874 | 2,640,349,831 |
| Geran Khas | 23 | 31,586,263 | 35,477,972 | 31,586,263 | 35,477,972 |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 24 | 155,316,159 | 161,457,627 | 155,316,159 | 161,457,627 |
| Cukai Tertunda | 9 | 31,460 | 34,317 | - | - |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | 2,780,789,977 | 2,839,038,649 | 2,780,615,417 | 2,838,811,654 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Pelbagai Pemiutang | 25 | 226,428,271 | 175,986,841 | 178,007,066 | 127,804,888 |
| Cagaran Diterima | 26 | 14,477,538 | 13,610,286 | 14,477,538 | 13,610,286 |
| Terimaan Terdahulu | 27 | 18,970,228 | 16,501,584 | 15,895,518 | 13,683,848 |
| Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | 28 | 10,691,355 | 4,103,568 | 10,691,355 | 4,103,568 |
| Cukai | | 114,280 | 139,753 | - | - |
| Sewa Beli | 20 | 51,068 | 60,066 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 21 | 460,905 | 451,966 | 460,905 | 451,966 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 271,193,645 | 210,854,064 | 219,532,382 | 159,654,556 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **3,051,983,622** | **3,049,892,713** | **3,000,147,799** | **2,998,466,210** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **3,973,132,969** | **3,908,863,756** | **3,939,150,163** | **3,868,282,923** |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan Ini.

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Nota | Kumpulan 2017 RM | Kumpulan 2016 RM Dinyatakan Semula | Perbadanan Putrajaya 2017 RM | Perbadanan Putrajaya 2016 RM Dinyatakan Semula |
|---|---|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | | | |
| Hasil Dari Operasi Anak Syarikat | 29 | 89,669,114 | 112,632,016 | - | - |
| Geran Hasil | 30 | 55,464,064 | 62,115,170 | 55,464,064 | 62,115,170 |
| Cukai Taksiran | 31 | 44,275,751 | 29,784,043 | 44,275,751 | 29,784,043 |
| Sumbangan Bantu Kadar | 32 | 145,080,984 | 107,070,640 | 145,080,984 | 107,070,640 |
| Terimaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya | 33 | 217,052,054 | 222,883,648 | 217,052,054 | 222,883,648 |
| Geran Khas Projek Kecil | 34 | 1,812,007 | 5,871,904 | 1,812,007 | 5,871,904 |
| Keuntungan Simpanan Tetap / Semasa | 35 | 13,382,780 | 16,666,150 | 13,382,780 | 16,666,150 |
| Keuntungan Pembiayaan Kenderaan / Komputer | 36 | 75,605 | 76,657 | 75,605 | 76,657 |
| Lesen Dan Permit | 37 | 2,933,303 | 2,471,175 | 2,933,303 | 2,471,175 |
| Fi Rancang Dan Proses | 38 | 2,266,537 | 4,247,674 | 2,266,537 | 4,247,674 |
| Sewaan | 39 | 16,756,979 | 15,954,086 | 16,756,979 | 15,954,086 |
| Jualan | 40 | 374,641 | 1,987,517 | 374,641 | 1,987,517 |
| Pendapatan Perkhidmatan | 41 | 5,523,227 | 595,549 | 5,523,227 | 595,549 |
| Kompaun Dan Denda | 42 | 1,566,989 | 1,467,720 | 1,566,989 | 1,467,720 |
| Sumbangan kepada Perbadanan Putrajaya | 43 | 7,299,510 | 4,353,165 | 7,299,510 | 4,353,165 |
| Lain-Lain Pendapatan | | 90,232,642 | 443,141 | 90,232,642 | 443,141 |
| Lebihan Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | - | 27,233 | - | 27,233 |
| JUMLAH PENDAPATAN | | 693,766,187 | 588,647,488 | 604,097,073 | 476,015,472 |
| **PERBELANJAAN** | | | | | |
| Belanja Operasi Anak Syarikat | | 105,252,591 | 127,433,034 | - | - |
| Emolumen Pegawai Dan Pekhidmat | | 61,421,015 | 58,974,405 | 61,421,015 | 58,974,405 |
| Elaun Tetap Anggota | | 195,901 | 176,839 | 195,901 | 176,839 |
| Tuntutan Perjalanan Dan Sara Hidup | | 1,730,163 | 1,275,827 | 1,730,163 | 1,275,827 |
| Pengangkutan | | 9,935 | 5,150 | 9,935 | 5,150 |
| Perhubungan Dan Utiliti | | 11,422,850 | 13,024,113 | 11,422,850 | 13,024,113 |
| Sewaan Peralatan | | 685,409 | 551,429 | 685,409 | 551,429 |
| Alatulis Dan Bekalan Pejabat | | 1,975,298 | 2,768,937 | 1,975,298 | 2,768,937 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil | | 16,857,650 | 15,722,522 | 16,857,650 | 15,722,522 |
| Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya | 44 | 324,705,053 | 322,499,954 | 334,823,070 | 341,759,258 |
| Promosi Dan Iklan | | 187,443 | 266,736 | 187,443 | 266,736 |
| Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti | | 20,959,409 | 31,450,412 | 20,959,409 | 31,450,412 |
| Cukai Dan Insuran | | 3,217,862 | 3,506,786 | 3,217,862 | 3,506,786 |
| Susut nilai / Pelunasan atas Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 53,658,924 | 59,082,811 | 50,384,137 | 57,603,686 |
| Susut nilai / Pelunasan atas Hartanah Pelaburan | 5 | 9,817,521 | 9,813,043 | 9,817,521 | 9,813,043 |
| Aset Tidak Dimodalkan | 45 | 528,866 | 2,874,594 | 528,866 | 2,874,594 |
| Pembangunan Sumber Manusia | | 2,177,221 | 1,864,944 | 2,177,221 | 1,864,944 |
| Perbelanjaan Bukan Modal Daripada Aset Dalam Binaan | | 47,307 | 23,000 | 47,307 | 23,000 |
| Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan | | 15,485 | 76,405 | 15,485 | 76,405 |
| Lain-Lain Bayaran | | 2,531,736 | 1,515,655 | 2,531,736 | 1,515,655 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 617,397,639 | 652,906,596 | 518,988,278 | 543,253,741 |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | | **76,368,548** | **(64,259,108)** | **85,108,795** | **(67,238,269)** |
| CUKAI | 46 | 586,919 | 630,202 | - | - |
| ZAKAT | | 139,580 | 72,372 | - | - |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | | **75,642,049** | **(64,961,682)** | **85,108,795** | **(67,238,269)** |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan Ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan | Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer | Lebihan Penilaian Semula Hartanah | Kepentingan Bukan Kawalan | Lebihan Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN** | | | | | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2016 | 2,212,803 | 4,000,000 | 1,000,000 | 686,319,575 | 2 | 231,538,515 | **925,070,895** |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | - | (64,961,682) | **(64,961,682)** |
| Lebihan / (Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 15) | (44,490) | - | - | - | - | - | **(44,490)** |
| Lebihan / (Kurangan) Modal Saham | - | - | - | - | (2) | - | **(2)** |
| Pelarasan pada Lebihan / (Kurangan) Terkumpul (Nota 19) | - | - | - | - | - | (1,093,678) | **(1,093,678)** |
| **Baki Pada 31 Disember 2016** | **2,168,313** | **4,000,000** | **1,000,000** | **686,319,575** | **-** | **165,483,155** | **858,971,043** |
| | | | | | | | |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | - | 75,642,049 | **75,642,049** |
| Lebihan / (Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 15) | (33,960) | - | - | - | - | - | **(33,960)** |
| Lebihan / (Kurangan) Lebihan Penilaian Semula Hartanah (Nota 18) | - | - | - | (28,567,810) | - | - | **(28,567,810)** |
| Pelarasan pada Lebihan / (Kurangan) Terkumpul (Nota 19) | - | - | - | - | - | 15,138,025 | **15,138,025** |
| **Baki Pada 31 Disember 2017** | **2,134,353** | **4,000,000** | **1,000,000** | **657,751,765** | **-** | **256,263,229** | **921,149,347** |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan Ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan | Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer | Lebihan Penilaian Semula Hartanah | Lebihan Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **PERBADANAN** | | | | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2016 | 2,212,803 | 4,000,000 | 1,000,000 | 686,319,575 | 243,522,604 | **937,054,982** |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | (67,238,269) | **(67,238,269)** |
| Lebihan / (Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 15) | (44,490) | - | - | - | - | **(44,490)** |
| Pelarasan pada Lebihan / (Kurangan) Terkumpul (Nota 19) | - | - | - | - | 44,490 | **44,490** |
| **Baki Pada 31 Disember 2016** | **2,168,313** | **4,000,000** | **1,000,000** | **686,319,575** | **176,328,825** | **869,816,713** |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | 85,108,795 | **85,108,795** |
| Lebihan / (Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 15) | (33,960) | - | - | - | - | **(33,960)** |
| Lebihan / (Kurangan) Lebihan Penilaian Semula Hartanah (Nota 18) | - | - | - | (28,567,810) | - | **(28,567,810)** |
| Pelarasan pada Lebihan / (Kurangan) Terkumpul (Nota 19) | - | - | - | - | 12,678,626 | **12,678,626** |
| **Baki Pada 31 Disember 2017** | **2,134,353** | **4,000,000** | **1,000,000** | **657,751,765** | **274,116,246** | **939,002,364** |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan Ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Nota | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| | | | Dinyatakan Semula | | Dinyatakan Semula |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai | | 76,368,548 | (64,259,108) | 85,108,795 | (67,238,269) |
| **Pelarasan Bagi:** | | | | | |
| Geran Hasil | | (55,464,064) | (62,115,170) | (55,464,064) | (62,115,170) |
| Susut nilai / Pelunasan Atas Hartanah, Loji dan Peralatan | | 53,658,924 | 59,082,811 | 50,384,137 | 57,603,686 |
| Susut nilai / Pelunasan Atas Hartanah Pelaburan | | 9,817,521 | 9,813,043 | 9,817,521 | 9,813,043 |
| (Keuntungan) / Kerugian Atas Jualan Hartanah, Loji Dan Peralatan | | 2,208,947 | (27,233) | 2,208,947 | (27,233) |
| (Keuntungan) Simpanan Tetap / Semasa | | (13,382,780) | (16,666,150) | (13,382,780) | (16,666,150) |
| (Keuntungan) Pembiayaan Kenderaan / Komputer | | (75,605) | (76,657) | (75,605) | (76,657) |
| Pelunasan Atas Muhibah | | 1,096,012 | 53,857 | - | - |
| Belanja Hutang Ragu | | 834,269 | 752,776 | 77,789 | 517,445 |
| Pemulihan Hutang Ragu | | (507,617) | (14,962) | (507,617) | (14,962) |
| Hapuskira Hartanah, Loji Dan Peralatan | | 15,485 | 76,405 | 15,485 | 76,405 |
| Hapuskira Hutang Lapuk | | 246,996 | 192,344 | - | 192,344 |
| Hapuskira Stok | | 210 | - | 210 | - |
| Perbelanjaan Bukan Modal Daripada Aset Dalam Binaan | | 47,307 | 23,000 | 47,307 | 23,000 |
| Aset Tidak Dimodalkan Daripada Aset Dalam Binaan | | 69,957 | 268,285 | 69,957 | 268,285 |
| Pelarasan Tahun Sebelum - Geran Tertunda | | - | (23,495,978) | (189,500) | (23,495,978) |
| Penilaian Semula Hartanah, Loji & Peralatan | | (4,965,720) | - | (4,965,720) | - |
| Pelarasan Nilaian Hartanah Pelaburan | | (83,620,000) | - | (83,620,000) | - |
| | | (13,651,610) | (96,392,737) | (10,475,138) | (101,140,211) |
| **PERUBAHAN MODAL KERJA:** | | | | | |
| Pengurangan / (Penambahan) Pelbagai Penghutang | | 8,460,834 | (89,621,106) | 11,222,095 | (76,833,244) |
| Pengurangan / (Penambahan) Bayaran Terdahulu | | (4,320) | (1,639,056) | (4,320) | (1,639,056) |
| Pengurangan / (Penambahan) Stok | | (204,458) | 86,805 | 69,324 | 42,547 |
| Penambahan / (Pengurangan) Pelbagai Pemiutang | | 60,370,710 | 4,065,300 | 50,202,178 | (13,208,500) |
| Penambahan / (Pengurangan) Cagaran Diterima | | 867,252 | (1,623,791) | 867,252 | (1,623,791) |
| Penambahan / (Pengurangan) Terimaan Terdahulu | | 2,211,670 | 1,622,410 | 2,211,670 | 1,622,410 |
| Penambahan / (Pengurangan) Peruntukan Manfaat Pekerja | | 365,836 | 1,978,190 | 365,836 | 1,978,190 |
| Penambahan / (Pengurangan) Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | | 6,587,787 | 548,818 | 6,587,787 | 548,818 |
| Keuntungan Simpanan Tetap / Semasa Diterima | | 10,128,710 | 13,493,981 | 10,128,710 | 13,493,981 |
| Cukai Diterima | | 1,118,135 | 1,043,362 | 1,118,135 | 1,043,362 |
| Cukai Dibayar | | (19,047,883) | (19,164,407) | (18,615,943) | (18,570,165) |
| **TUNAI BERSIH DIHASILKAN / (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI OPERASI** | | 57,202,663 | (185,602,231) | 53,677,586 | (194,285,659) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan | | (14,690,230) | (9,550,638) | (6,171,032) | (2,365,998) |
| Pembelian Hartanah Pelaburan | | - | (269,891) | - | (269,891) |
| Pembelian Aset Biologikal | | (35,500) | - | - | - |
| Pembelian Aset Dalam Binaan | | (1,175,856) | (9,915,104) | (1,175,856) | (9,915,104) |
| Terimaan Penjualan Hartanah, Loji Dan Peralatan | | 7,682,752 | 373,287 | 7,872,252 | 373,287 |
| Pembelian Saham Syarikat Subsidiari | | - | (7,040,000) | - | - |
| Terimaan Pembiayaan Kenderaan / Komputer | | 812,555 | 661,775 | 812,555 | 661,775 |
| Bayaran Pembiayaan Kenderaan / Komputer | | (591,200) | (580,000) | (591,200) | (580,000) |
| Terimaan Keuntungan Pembiayaan Kenderaan / Komputer | | 75,605 | 76,657 | 75,605 | 76,657 |
| **TUNAI BERSIH DIHASILKAN / (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI PELABURAN** | | (7,921,874) | (26,243,914) | 822,324 | (12,019,274) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Perolehan dari Terbitan Saham | | - | 20,000 | - | - |
| Pembayaran Pembiayaan Sewa Beli | | (33,862) | (92,829) | - | - |
| Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan | | 47,562,008 | 25,479,250 | 47,562,008 | 25,479,250 |
| Bayaran Geran Kerajaan Persekutuan | | (53,703,476) | (7,956,571) | (53,703,476) | (7,956,571) |
| **TUNAI BERSIH DIHASILKAN / (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | (6,175,330) | 17,449,850 | (6,141,468) | 17,522,679 |
| Peningkatan / (Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai | | 43,105,459 | (194,396,295) | 48,358,442 | (188,782,254) |
| Tunai Dan Keseteraan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan | | 326,839,976 | 521,236,271 | 312,390,247 | 501,172,501 |
| **Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan** | **47** | **369,945,435** | **326,839,976** | **360,748,689** | **312,390,247** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai di wakili oleh :** | | | | | |
| Simpanan Tetap | 13 | 338,975,612 | 298,765,799 | 337,000,000 | 297,000,000 |
| Baki Bank dan Tunai di Tangan | 14 | 30,969,823 | 28,074,177 | 23,748,689 | 15,390,247 |
| | | **369,945,435** | **326,839,976** | **360,748,689** | **312,390,247** |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan Ini.

# NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### 1. MAKLUMAT AM

Perbadanan Putrajaya (Perbadanan) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Putrajaya 1995 ( Akta 536 ), berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif utama Perbadanan ini ialah untuk mentadbir dan mengurus kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Perbadanan Putrajaya telah diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan pejabat operasi utama Perbadanan Putrajaya adalah:

Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana
Presint 3
62675 Putrajaya

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata wang fungsian Perbadanan dan Kumpulan.

Penyata Kewangan Disatukan Perbadanan Putrajaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan melalui Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 3 tahun 2018 yang telah bersidang pada 19 Julai 2018.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata kewangan disatukan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS").

a. *Asas Penyediaan*
Penyata Kewangan ini telah disediakan pada asas kos sejarah, kecuali bagi penilaian semula aset dan liabiliti tertentu.

Dasar perakaunan penting yang diguna pakai dinyatakan seperti di bawah.

b. *Asas Penyatuan Akaun*

Penyata kewangan disatukan termasuk Penyata Kewangan Perbadanan dan Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari yang disediakan pada akhir tempoh perakaunan. Syarikat Subsidiari merujuk kepada syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi kewangan dan pengurusan bagi mendapatkan faedah daripada aktiviti syarikat subsidiari. Syarikat Subsidiari disatukan dari tarikh pemindahan kawalan kepada Kumpulan dan tidak lagi bersatu dari tarikh tamat kawalan tersebut. Penyatuan akaun ini adalah sebagaimana peruntukan Seksyen 9 MPERS.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari di ambil kira dalam penyata kewangan berasingan Perbadanan pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Subsidiari-subsidiari disatukan mengikut kaedah perakaunan pemerolehan. Di bawah kaedah pemerolehan, keputusan syarikat subsidiari yang diperolehi atau dijual dalam tahun kewangan dari tarikh pemerolehan sehingga tarikh penjualan di ambil kira dalam penyatuan kewangan. Pada tarikh pemerolehan, nilai saksama bagi aset bersih syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini dinyatakan dalam Penyata Kewangan Disatukan. Semua urusniaga antara Kumpulan, baki-baki, keuntungan dan kerugian yang belum direalisasi daripada urusniaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan.

c. *Hartanah, Loji dan Peralatan*

Tanah-tanah milik kekal Perbadanan dinyatakan pada kos dan tiada pelunasan dibuat bagi tanah pegangan milik kekal Perbadanan. Polisi ini dikekalkan dengan pindaan penilaian semula tanah dilakukan sekali dalam tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun kewangan 2011 selaras dengan keputusan Mesyuarat Anggota Bil. 3 Tahun 2010.

Peningkatan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah, kecuali apabila peningkatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian setakat yang ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pengurangan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila penurunan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana baki kredit yang sedia ada dalam lebihan penilaian semula hartanah berkenaan dengan aset itu. Penurunan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain mengurangkan amaun yang terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah.

Tanah yang diambil dengan biayaan Kumpulan Wang Pembangunan dan hak milik tanah berkenaan adalah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah tidak dimodalkan sebagai harta Perbadanan.

Tanah-tanah yang dipajakkan kepada Perbadanan dinyatakan pada kos dan dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kelas aset Tasik dan Wetland dan kelas aset Hidupan telah diwujudkan dan tiada susut nilai bagi aset yang dipermodalkan di bawah kelas-kelas aset ini.

Aset Dalam Binaan adalah kos-kos yang dibelanjakan bagi pembangunan projek-projek dan akan dipermodalkan kepada kelas aset yang sewajarnya setelah projek-projek siap. Tiada susut nilai dikenakan ke atas Aset Dalam Binaan.

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul, dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Mesyuarat Anggota Bil 2 Tahun 2015 telah meluluskan perolehan bernilai RM5,000 dan ke atas seunit di ambil kira sebagai aset / harta modal dan dikenakan susut nilai ke atasnya dan aset yang bernilai RM500 ke RM4,999 seunit adalah tidak dipermodalkan. Sementara aset yang tamat tempoh hayatnya, dinilai sebagai RM1.

Susut nilai dan pelunasan bagi hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut garis lurus untuk melupuskan kos, berasaskan tempoh hayat kegunaannya. Tempoh usiaguna susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| Tanah Pajakan | : | Dilunas Mengikut Tempoh Pajakan |
| Bangunan Sementara | : | 10 tahun |
| Bangunan | : | 50 tahun |
| Loji Dan Jentera | : | 5 tahun |
| Peralatan | : | 5 tahun |
| Perabot Dan Kelengkapan | : | 10 tahun |
| Kenderaan | : | 5 tahun |
| Komputer | : | 5 tahun |
| Buku | : | 10 tahun |
| Infrastruktur | : | 25 tahun |

Susut nilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat kegunaan atau corak kegunaannya aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh di susut nilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

d. *Hartanah Pelaburan*

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah-tanah dan bangunan yang dipegang untuk tujuan sewaan atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya di ukur pada kos selepas di tolak susut nilai terkumpul, dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan di ukur mengikut Seksyen 17 MPERS hartanah, loji dan peralatan. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

e. *Muhibah*

Muhibah yang di ambil alih dalam penggabungan perniagaan, yang merupakan lebihan kos penggabungan perniagaan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf, pada mulanya di ukur pada kos dan di iktiraf sebagai aset. Selepas pengiktirafan awal, muhibah di ukur pada kos di tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Pelunasan muhibah di kira dengan menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangka hayat bergunanya. Tempoh jangkaan hayat berguna muhibah ialah 10 tahun, berdasarkan kepada anggaran terbaik pihak pengurusan.

Bagi tujuan ujian rosot nilai, muhibah diperuntukan, pada tarikh pengambilalihan, kepada setiap unit penjanaan tunai Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan, tidak kira sama ada aset atau liabiliti lain syarikat yang di ambil alih ditempatkan kepada unit-unit tersebut.

Unit penjanaan tunai di mana muhibah telah diperuntukan diuji untuk rosot nilai setiap tahun, dan apabila terdapat tanda bahawa unit mungkin mengalami rosot nilai, dengan membandingkan amaun bawaan unit, termasuk muhibah, dengan amaun boleh pulih unit. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi unit penjanaan tunai apabila amaun boleh pulih unit kurang daripada amaun bawaan unit.

Sebarang kerugian rosot nilai yang diiktiraf diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan bagi sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain bagi unit *pro rata* berdasarkan asas amaun bawaan bagi setiap aset yang terpakai dalam unit. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf untuk muhibah tidak ditimbal semula pada tempoh kemudiannya.

f. *Rosot nilai Aset, Selain Daripada Muhibah, Stok dan Aset Kewangan*

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Perbadanan mengkaji aset-aset untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset-aset tersebut mengalami penurunan nilai. Sekiranya terdapat tanda sedemikian, penurunan nilai diukur dengan membandingkan nilai aset yang ada dengan

jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih dan nilai dalam kegunaan yang diukur melalui rujukan kepada ramalan aliran tunai berdiskaun.

Sebarang penurunan nilai dikira pada penyata pendapatan komprehensif dengan serta-merta, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah yang dinilai semula. Sebarang penurunan aset yang dinilai semula dilayan sebagai penurunan nilai sehingga ke tahap jika terdapat pengiktirafan lebihan penilaian untuk aset yang sama. Penurunan nilai yang sebaliknya, yang diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya direkodkan apabila terdapat petunjuk bahawa penurunan nilai untuk aset tersebut tidak lagi wujud atau telah berkurangan.

g. *Stok*

Stok adalah di ukur pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan. Kos stok terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa stok ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos stok di ukur dengan menggunakan kaedah Kos Purata Wajaran.

Pada setiap tarikh pelaporan, stok dinilai untuk rosot nilai. Jika sesuatu item stok di rosot nilai, amaun bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan; kerugian rosot nilai diiktiraf dengan serta merta dalam keuntungan atau kerugian. Pada setiap tarikh pelaporan kemudian, Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk penyiapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosot nilai dibalikkan setakat di mana amaun bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk penyiapan dan jualan.

h. *Instrumen Kewangan*

(i) Pengiktirafan Awal

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urusniaga jika instrumen kewangan tersebut tidak di ukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif, kos urusniaga dicajkan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia berlaku.

Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu di ukur pada nilai terkini seperti pembayaran pada masa akan datang yang di diskaunkan pada kadar pasaran bagi faedah instrumen hutang yang sama.

(ii) Pengukuran Berikutnya

Keuntungan dan Kerugian

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut di ukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif:

(a) pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
(b) tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
(c) pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh di ukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh di ukur dengan pasti, di mana pelaburan di ukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.
Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilaikan pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan di nilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(iii) Kemerosotan Aset Kewangan

Selain daripada aset kewangan yang di ukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Perbadanan akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia berlaku.

Kerugian rosot nilai bagi instrumen yang di ukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amaun aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan di diskaunkan pada kadar efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai di ukur sebagai perbezaan di antara amaun aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kerugian rosot nilai dibalikkan, sehingga ke tahap di mana amaun aset yang dibawa tidak melebihi amaun dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(iv) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Perbadanan telah memindahkan sebahagian risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahsuaian yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan libailiti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset

bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

i. *Pembiayaan Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer*

Pembiayaan bagi tujuan pembelian kenderaan atau pembiayaan komputer kepada kakitangan yang layak adalah berdasarkan kepada kadar 4% dan pengiraan berasaskan baki berkurangan.

j. *Peruntukan Hutang Ragu*

Penghutang yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan dalam tempoh setahun di ambilkira sebagai peruntukan hutang ragu. Mana-mana hutang yang tiada pergerakan dalam tempoh tiga (3) tahun adalah dihapuskira.

k. *Tunai Dan Kesetaraan Tunai*

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan, baki bank dalam akaun semasa dan baki simpanan tetap.

l. *Peruntukan Liabiliti*

Peruntukan liabiliti dibuat apabila Kumpulan dan Perbadanan mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber akan diiktirafkan untuk menjelaskan obligasi, dan apabila anggaran yang boleh diyakini boleh dianggarkan bagi amaun tersebut.

Peruntukan tersebut akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan dilaraskan bagi menunjukkan anggaran semasa yang tepat.

m. Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan cukai taksiran, sumbangan bantu kadar, sewaan, keuntungan simpanan tetap / semasa, keuntungan pinjaman / pembiayaan kenderaan / komputer, jualan dan pendapatan perkhidmatan di ambil kira berdasarkan asas akruan.

Manakala pendapatan lesen dan permit, fi rancang dan proses, kompaun dan denda di ambil kira berdasarkan asas tunai.

n. Geran Kerajaan

Pemberian daripada kerajaan bagi maksud belanja kendalian termasuk Terimaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya adalah di ambil kira sebagai pendapatan dalam tahun berkenaan untuk memadankan pemberian tersebut secara sistematik dengan belanja kendalian yang perlu ditanggung.

Manakala pemberian bagi tujuan pembelian harta modal dan kegunaan di masa hadapan adalah di anggap sebagai geran tertunda. Geran yang menyumbang pampasan kepada Perbadanan untuk kos aset di kenal pasti sebagai geran hasil dalam jangka hayat berguna aset tersebut.

Kumpulan Wang Pembangunan merujuk kepada wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan perlaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia jangka panjang. Projek yang akan diserahkan kepada Perbadanan kelak akan di kenal pasti sebagai Aset Dalam Binaan dan pendapatan tertunda. Geran Khas merupakan wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud tertentu yang di ambil kira sebagai pendapatan tertunda.

Persembahan, pendedahan dan pengolahan perakaunan bagi mengambil kira Geran Tertunda, Geran Khas dan Kumpulan Wang Pembangunan adalah berasaskan Seksyen 24 MPERS.

o. *Manfaat Pekerja*

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan. Perbadanan juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat dan saguhati penghargaan persaraan bagi pekhidmat tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekhidmat kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek. Saguhati penghargaan persaraan adalah bernilai RM5,000 setiap seorang dalam bentuk pakej pelancongan yang diberikan kepada pesara Kumpulan dan Perbadanan yang telah berkhidmat dengan Kumpulan dan Perbadanan sekurang-kurangnya 15 tahun.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Menurut keperluan undang-undang, Kumpulan dan Perbadanan menyumbang kepada Skim Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif, apabila dibelanjakan.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Berdasarkan keperluan Seksyen 28, MPERS – Manfaat Pekerja, yang mana bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sebagai perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekhidmat yang telah mencapai umur persaraan wajib dengan andaian seorang pekhidmat layak mengumpul cuti tahunan sehingga maksima 150 hari semasa ianya bersara.

p. *Cukai Pendapatan*

Tiada peruntukan telah dibuat bagi cukai pendapatan kerana Perbadanan telah mendapat pengecualian cukai pendapatan daripada Kementerian Kewangan.

Perbelanjaan cukai syarikat subsidiari diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa di ukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila syarikat subsidiari mempunyai hak yang sah di sisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.
Cukai tertunda diperuntukan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.
Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara syarikat subsidiari menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan di ukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

q. *Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya*

Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya adalah tabung pendidikan yang ditubuhkan bagi membiayai kos-kos latihan pekhidmat yang diluluskan oleh Anggota Perbadanan.

Dana tabung pendidikan ini dibiayai sepenuhnya oleh sumber dalaman Perbadanan. Penubuhan tabung pendidikan ini tidak terikat di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkannya di dalam Akaun Amanah Disatukan.

Akaun tabung pendidikan ini ditunjukkan sebagai item Penyata Kedudukan Kewangan agar pihak pengurusan dapat terus memantau jumlah yang telah digunakan, baki tabung dan seterusnya memastikan pada setiap masa ianya tidak terlebih keluar atau berbaki debit.

## 3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luar jangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, Kumpulan dan Perbadanan juga perlu membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan pengetahuan terbaik, peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

a. *Rosot nilai Aset Bukan Kewangan*

Apabila amaun bolehpulih aset ditentukan berdasarkan anggaran nilai dalam kegunaan bagi setiap unit janaan tunai yang mana aset diagihkan, Kumpulan dan Perbadanan adalah diperlukan untuk membuat anggaran aliran tunai masa depan dijangka daripada unit janaan tunai dan juga untuk menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk menentukan nilai kini aliran tunai tersebut.

b. *Penurunan Bagi Stok*

Semakan akan dibuat dari semasa ke semasa oleh Kumpulan dan Perbadanan mengenai stok rosak, usang dan bergerak perlahan. Kajian tersebut memerlukan pertimbangan dan anggaran. Kemungkinan perubahan dalam anggaran ini boleh mengakibatkan pindaan kepada penilaian stok.

c. *Rosot Nilai Dagangan dan lain-lain terimaan*

Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan adalah terjejas. Sekiranya terdapat bukti objektif rosot nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan di anggarkan berdasarkan pengalaman kerugian bagi aset dengan ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan berbeza dari anggaran, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai dibawa belum terima.

d. *Anggaran Nilai Saksama Bagi Aset Kewangan dan Liabiliti Tertentu*

Kumpulan dan Perbadanan merekod sesetengah aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama, yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pertimbangan yang luas. Manakala komponen penting pengukuran nilai saksama ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama adalah berbeza jika Kumpulan dan Perbadanan menggunakan kaedah penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti tersebut akan menjejaskan kedudukan kewangan dan hasil Kumpulan dan Perbadanan.

e. *Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan*

Kos bagi hartanah, loji dan peralatan di susut nilaikan menggunakan kaedah garis lurus atau kaedah sistematik lain yang menggambarkan penggunaan manfaat ekonomi asset berbanding jangka hayat. Anggaran adalah digunakan di dalam pemilihan kaedah susut nilai yang digunakan, jangka hayat dan nilai baki sesuatu aset. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini boleh membawa kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan dan hasil Kumpulan dan Perbadanan.

f. *Pengukuran Peruntukan*

Kumpulan dan Perbadanan menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pihak pengurusan menilai anggaran berdasarkan kepada sejarah dan input atau andaian lain, perkembangan semasa dan peristiwa akan datang yang munasabah dalam keadaan tertentu. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini boleh membawa kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan dan hasil Kumpulan dan Perbadanan.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN

| 2017 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2017 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2017 | Pada 01.01.2017 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2017 | Pada 31.12.2017 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 604,338,151 | 4,977,220 | (4,965,840) | - | - | 604,349,531 | - | - | - | - | - | 604,349,531 |
| Tanah - Pajakan | 52,761,727 | 220 | - | - | - | 52,761,947 | 3,457,644 | - | 602,026 | - | 4,059,670 | 48,702,277 |
| Bangunan Sementara | 24,322,174 | 4,093,320 | - | (3,780) | - | 28,411,714 | 20,930,938 | - | 771,335 | - | 21,702,273 | 6,709,441 |
| Bangunan | 905,776,896 | 260,530 | - | 11,373,878 | - | 917,411,304 | 195,486,481 | 4,082 | 18,332,037 | - | 213,822,600 | 703,588,704 |
| Taman | 528,841,138 | - | - | 53,000 | - | 528,894,138 | - | - | - | - | - | 528,894,138 |
| Infrastruktur | 488,695,949 | - | - | 872,751 | - | 489,568,700 | 196,590,310 | 174,550 | 19,568,202 | - | 216,333,062 | 273,235,638 |
| Tasik & Wetland | 756,620,720 | - | - | 1,922,179 | - | 758,542,899 | - | - | - | - | - | 758,542,899 |
| Loji & Jentera | 10,333,662 | 1,070,536 | (167,201) | - | - | 11,236,997 | 4,776,459 | - | 1,215,301 | (167,196) | 5,824,564 | 5,412,433 |
| Peralatan | 91,327,862 | 1,720,763 | (16,229,585) | - | - | 76,819,040 | 87,391,928 | - | 1,819,446 | (16,223,254) | 72,988,120 | 3,830,920 |
| Perabot & Kelengkapan | 77,264,009 | 452,056 | (8,847,083) | - | - | 68,868,982 | 69,017,552 | - | 2,440,995 | (8,842,617) | 62,615,930 | 6,253,052 |
| Kenderaan | 163,801,848 | 792,743 | (92,309,983) | - | - | 72,284,608 | 157,679,045 | - | 2,229,697 | (92,309,784) | 67,598,958 | 4,685,650 |
| Buku | 1,006,262 | - | - | - | - | 1,006,262 | 770,504 | - | 64,672 | - | 835,176 | 171,086 |
| Komputer | 296,010,263 | 238,510 | (13,268,139) | (87,783) | - | 282,892,851 | 286,872,880 | 11,088 | 6,615,213 | (13,262,876) | 280,236,305 | 2,656,546 |
| Aset Hidupan | 1,996,811 | 35,500 | - | - | - | 2,032,311 | - | - | - | - | - | 2,032,311 |
| Aset Dalam Binaan | 21,242,423 | 2,260,188 | - | (14,247,508) | 7,749,457 | 17,004,560 | - | - | - | - | - | 17,004,560 |
| | **4,024,339,895** | **15,901,586** | **(135,787,831)** | **(117,263)** | **7,749,457** | **3,912,085,844** | **1,022,973,741** | **189,720** | **53,658,924** | **(130,805,727)** | **946,016,658** | **2,966,069,186** |

| 2016 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2016 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2016 | Pada 01.01.2016 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2016 | Pada 31.12.2016 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 604,328,501 | 8,950 | - | 700 | - | 604,338,151 | - | - | - | - | - | 604,338,151 |
| Tanah - Pajakan | 52,761,727 | - | - | - | - | 52,761,727 | - | 2,855,623 | 602,021 | - | 3,457,644 | 49,304,083 |
| Bangunan Sementara | 20,614,911 | 3,707,263 | - | - | - | 24,322,174 | 20,273,846 | - | 657,092 | - | 20,930,938 | 3,391,236 |
| Bangunan | 904,185,686 | 573,566 | - | 1,017,644 | - | 905,776,896 | 177,355,752 | 1,410,925 | 16,719,804 | - | 195,486,481 | 710,290,415 |
| Taman | 532,112,942 | - | - | (3,271,804) | - | 528,841,138 | - | - | - | - | - | 528,841,138 |
| Infrastruktur | 495,585,359 | - | - | (6,889,410) | - | 488,695,949 | 176,766,896 | - | 19,823,414 | - | 196,590,310 | 292,105,639 |
| Tasik & Wetland | 755,540,796 | - | - | 1,079,924 | - | 756,620,720 | - | - | - | - | - | 756,620,720 |
| Loji & Jentera | 4,563,589 | 5,770,073 | - | - | - | 10,333,662 | 4,550,651 | - | 225,808 | - | 4,776,459 | 5,557,203 |
| Peralatan | 87,783,065 | 3,464,080 | (195,808) | 276,525 | - | 91,327,862 | 84,975,185 | 173,991 | 2,438,465 | (195,713) | 87,391,928 | 3,935,934 |
| Perabot & Kelengkapan | 76,171,556 | 1,312,342 | (239,889) | 20,000 | - | 77,264,009 | 65,391,430 | 7,000 | 3,858,584 | (239,462) | 69,017,552 | 8,246,457 |
| Kenderaan | 162,198,411 | 2,635,955 | (1,292,417) | 259,899 | - | 163,801,848 | 154,081,590 | 81,435 | 4,639,597 | (1,123,577) | 157,679,045 | 6,122,803 |
| Buku | 1,006,262 | - | - | - | - | 1,006,262 | 703,684 | - | 66,820 | - | 770,504 | 235,758 |
| Komputer | 296,628,009 | 791,884 | (1,943,764) | 534,134 | - | 296,010,263 | 278,337,545 | 427,386 | 10,051,206 | (1,943,257) | 286,872,880 | 9,137,383 |
| Aset Hidupan | 2,072,761 | - | (75,950) | - | - | 1,996,811 | - | - | - | - | - | 1,996,811 |
| Aset Dalam Binaan | 13,542,840 | 11,072,734 | - | 10,491,705 | (13,864,856) | 21,242,423 | - | - | - | - | - | 21,242,423 |
| | **4,009,096,415** | **29,336,847** | **(3,747,828)** | **3,519,317** | **(13,864,856)** | **4,024,339,895** | **962,436,579** | **4,956,360** | **59,082,811** | **(3,502,009)** | **1,022,973,741** | **3,001,366,154** |

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - PERBADANAN PUTRAJAYA

| 2017 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2017 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2017 | Pada 01.01.2017 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2017 | Pada 31.12.2017 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 604,338,151 | 4,977,220 | (4,965,840) | - | - | 604,349,531 | - | - | - | - | - | 604,349,531 |
| Tanah - Pajakan | 52,761,727 | 220 | - | - | - | 52,761,947 | 3,457,644 | - | 602,026 | - | 4,059,670 | 48,702,277 |
| Bangunan Sementara | 20,614,911 | - | - | (3,780) | - | 20,611,131 | 20,336,701 | - | 59,076 | - | 20,395,777 | 215,354 |
| Bangunan | 905,203,330 | 260,530 | - | 11,373,878 | - | 916,837,738 | 195,439,437 | 4,082 | 18,332,037 | - | 213,775,556 | 703,062,182 |
| Taman | 528,841,138 | - | - | 53,000 | - | 528,894,138 | - | - | - | - | - | 528,894,138 |
| Infrastruktur | 488,695,949 | - | - | 872,751 | - | 489,568,700 | 196,590,310 | 174,550 | 19,568,202 | - | 216,333,062 | 273,235,638 |
| Tasik & Wetland | 756,620,720 | - | - | 1,922,179 | - | 758,542,899 | - | - | - | - | - | 758,542,899 |
| Loji & Jentera | 4,563,589 | - | (167,201) | - | - | 4,396,388 | 4,563,560 | - | - | (167,196) | 4,396,364 | 24 |
| Peralatan | 88,132,343 | 123,737 | (16,229,585) | - | - | 72,026,495 | 86,219,031 | - | 873,684 | (16,223,254) | 70,869,461 | 1,157,034 |
| Perabot & Kelengkapan | 76,019,257 | 10,500 | (8,847,083) | - | - | 67,182,674 | 68,750,502 | - | 2,324,720 | (8,842,617) | 62,232,605 | 4,950,069 |
| Kenderaan | 162,864,030 | 781,172 | (92,309,983) | - | - | 71,335,219 | 157,369,047 | - | 2,041,752 | (92,309,784) | 67,101,015 | 4,234,204 |
| Buku | 1,006,262 | - | - | - | - | 1,006,262 | 770,504 | - | 64,672 | - | 835,176 | 171,086 |
| Komputer | 295,541,139 | 17,653 | (13,268,139) | (87,783) | - | 282,202,870 | 286,663,610 | 11,088 | 6,517,968 | (13,262,876) | 279,929,790 | 2,273,080 |
| Aset Hidupan | 1,996,811 | - | - | - | - | 1,996,811 | - | - | - | - | - | 1,996,811 |
| Aset Dalam Binaan | 20,084,793 | 1,175,856 | - | (14,247,508) | 7,749,457 | 14,762,598 | - | - | - | - | - | 14,762,598 |
| | **4,007,284,150** | **7,346,888** | **(135,787,831)** | **(117,263)** | **7,749,457** | **3,886,475,401** | **1,020,160,346** | **189,720** | **50,384,137** | **(130,805,727)** | **939,928,476** | **2,946,546,925** |

| 2016 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2016 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2016 | Pada 01.01.2016 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2016 | Pada 31.12.2016 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 604,328,501 | 8,950 | - | 700 | - | 604,338,151 | - | - | - | - | - | 604,338,151 |
| Tanah - Pajakan | 52,761,727 | - | - | - | - | 52,761,727 | - | 2,855,623 | 602,021 | - | 3,457,644 | 49,304,083 |
| Bangunan Sementara | 20,614,911 | - | - | - | - | 20,614,911 | 20,273,846 | - | 62,855 | - | 20,336,701 | 278,210 |
| Bangunan | 904,185,686 | - | - | 1,017,644 | - | 905,203,330 | 177,355,752 | - | 18,083,685 | - | 195,439,437 | 709,763,893 |
| Taman | 532,112,942 | - | - | (3,271,804) | - | 528,841,138 | - | - | - | - | - | 528,841,138 |
| Infrastruktur | 495,585,359 | - | - | (6,889,410) | - | 488,695,949 | 176,766,896 | - | 19,823,414 | - | 196,590,310 | 292,105,639 |
| Tasik & Wetland | 755,540,796 | - | - | 1,079,924 | - | 756,620,720 | - | - | - | - | - | 756,620,720 |
| Loji & Jentera | 4,563,589 | - | - | - | - | 4,563,589 | 4,550,651 | - | 12,909 | - | 4,563,560 | 29 |
| Peralatan | 87,783,065 | 268,561 | (195,808) | 276,525 | - | 88,132,343 | 84,975,185 | 250,646 | 1,188,913 | (195,713) | 86,219,031 | 1,913,312 |
| Perabot & Kelengkapan | 76,171,556 | 67,590 | (239,889) | 20,000 | - | 76,019,257 | 65,391,430 | 7,000 | 3,591,534 | (239,462) | 68,750,502 | 7,268,755 |
| Kenderaan | 162,198,411 | 1,698,137 | (1,292,417) | 259,899 | - | 162,864,030 | 154,081,590 | 81,435 | 4,329,599 | (1,123,577) | 157,369,047 | 5,494,983 |
| Buku | 1,006,262 | - | - | - | - | 1,006,262 | 703,684 | - | 66,820 | - | 770,504 | 235,758 |
| Komputer | 296,628,009 | 322,760 | (1,943,764) | 534,134 | - | 295,541,139 | 278,337,545 | 427,386 | 9,841,936 | (1,943,257) | 286,663,610 | 8,877,529 |
| Aset Hidupan | 2,072,761 | - | (75,950) | - | - | 1,996,811 | - | - | - | - | - | 1,996,811 |
| Aset Dalam Binaan | 13,542,840 | 9,915,104 | - | 10,491,705 | (13,864,856) | 20,084,793 | - | - | - | - | - | 20,084,793 |
| | **4,009,096,415** | **12,281,102** | **(3,747,828)** | **3,519,317** | **(13,864,856)** | **4,007,284,150** | **962,436,579** | **3,622,090** | **57,603,686** | **(3,502,009)** | **1,020,160,346** | **2,987,123,804** |

## 5. HARTANAH PELABURAN - KUMPULAN

| 2017 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2017 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2017 | Pada 01.01.2017 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2017 | Pada 31.12.2017 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,545,244 | - | - | - | - | 30,545,244 | - | - | - | - | - | 30,545,244 |
| Bangunan | 490,876,049 | 83,620,000 | - | - | - | 574,496,049 | 96,210,293 | - | 9,817,521 | - | 106,027,814 | 468,468,235 |
| | **521,421,293** | **83,620,000** | **-** | **-** | **-** | **605,041,293** | **96,210,293** | **-** | **9,817,521** | **-** | **106,027,814** | **499,013,479** |

| 2016 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2016 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2016 | Pada 01.01.2016 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2016 | Pada 31.12.2016 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,540,324 | - | - | - | - | 30,545,244 | - | - | - | - | - | 30,545,244 |
| Bangunan | 490,611,078 | - | - | - | - | 490,876,049 | 86,397,250 | - | 9,813,043 | - | 96,210,293 | 394,665,756 |
| | **521,151,402** | **-** | **-** | **-** | **-** | **521,421,293** | **86,397,250** | **-** | **9,813,043** | **-** | **96,210,293** | **425,211,000** |

## HARTANAH PELABURAN - PERBADANAN PUTRAJAYA

| 2017 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2017 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2017 | Pada 01.01.2017 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2017 | Pada 31.12.2017 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,545,244 | - | - | - | - | 30,545,244 | - | - | - | - | - | 30,545,244 |
| Bangunan | 490,876,049 | 83,620,000 | - | - | - | 574,496,049 | 96,210,293 | - | 9,817,521 | - | 106,027,814 | 468,468,235 |
| | **521,421,293** | **83,620,000** | **-** | **-** | **-** | **605,041,293** | **96,210,293** | **-** | **9,817,521** | **-** | **106,027,814** | **499,013,479** |

| 2016 | KOS | | | | | | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | NILAI BUKU BERSIH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.2016 | Tambahan/ (Pengurangan) | Pelupusan/ Hapuskira | Pindahan dari KDK KWM | Pindahan Dari KDK KWP | Pada 31.12.2016 | Pada 01.01.2016 | Pelarasan Tahun Sebelum (PYA) | Tambahan | Pelupusan/ Hapuskira | Pada 31.12.2016 | Pada 31.12.2016 |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | 30,540,324 | 4,920 | - | - | - | 30,545,244 | - | - | - | - | - | 30,545,244 |
| Bangunan | 490,611,078 | 264,971 | - | - | - | 490,876,049 | 86,397,250 | - | 9,813,043 | - | 96,210,293 | 394,665,756 |
| | **521,151,402** | **269,891** | **-** | **-** | **-** | **521,421,293** | **86,397,250** | **-** | **9,813,043** | **-** | **96,210,293** | **425,211,000** |

## 6. PELABURAN DI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

| | Perbadanan Putrajaya 2017 RM | Perbadanan Putrajaya 2016 RM |
|---|---|---|
| Saham Yang Tidak Tersiar Harga Pada Kos | 13,820,000 | 13,820,000 |
| Saham Yang Dipindahkan | (7,040,001) | (7,040,001) |
| Peruntukan Rosot nilai Saham | (5,000,000) | (5,000,000) |
| Pemulihan Rosot nilai Saham | - | - |
| | **1,779,999** | **1,779,999** |

Butir-butir Syarikat Subsidiari adalah seperti berikut:-

| Nama | Tempat Diperbadankan | Kegiatan Utama | Kepentingan Ekuiti |
|---|---|---|---|
| Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. (PULSE Group) | Malaysia | Bertindak sebagai syarikat induk bagi menguruskan syarikat - syarikat bersekutu Perbadanan Putrajaya | 100% |

Butir-butir Syarikat Subsidiari adalah seperti berikut:-

| Nama | Tempat Diperbadankan | Kegiatan Utama | Kepentingan Langsung PULSE Group | Kepentingan Langsung PULSE Group | Pegangan Efektif Perbadanan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd. | Malaysia | Menyedia perkhidmatan bas di dalam dan Luar Putrajaya, mengurus Tempat Letak Kereta dan aktiviti pelancongan | 20% | 80% | 100% |
| Marina Putrajaya Sdn. Bhd. | Malaysia | Mengurus Pusat Maritim, Cruise Tasik Putrajaya, Pusat Rekreasi Air Taman Wetland dan Kompleks Sukan Air Putrajaya | 20% | 80% | 100% |
| Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd. | Malaysia | Mengurus dan mentadbir Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) | 20% | 80% | 100% |
| Putrajaya Floria Sdn. Bhd. | Malaysia | Mengurus penganjuran Festival Floria Diraja, Taman Warisan Putrajaya, produk hortikultur dan Anjung Floria Event Centre | 20% | 80% | 100% |

Tahun kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari ialah 12 bulan kalendar bermula daripada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember.

Pada 11 Disember 2017, syarikat subsidiari iaitu Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. telah memasuki satu perjanjian untuk melupuskan kepentingannya di dalam syarikat subsidiari, Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd, sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan bas di dalam dan luar Putrajaya, mengurus tempat letak kereta dan aktiviti pelancongan. Pelupusan syarikat subsidiari dijangka selesai dalam tahun 2018.

Kos pelaburan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari adalah sebanyak RM1/sesaham.

**Syarikat subsidiari dan sub-subsidiari tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.*

## 7. PEMBIAYAAN KENDERAAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Penghutang Semasa | 409,599 | 418,033 | 409,599 | 418,033 |
| Penghutang Jangka Panjang | 1,146,401 | 1,138,729 | 1,146,401 | 1,138,729 |
| | **1,556,000** | **1,556,762** | **1,556,000** | **1,556,762** |

Penghutang semasa adalah merupakan ansuran bayaran balik pokok dalam tempoh 12 bulan ke hadapan yang akan dikutip daripada pinjaman yang telah dikeluarkan. Sementara penghutang jangka panjang adalah baki ansuran bayaran balik pokok bagi tempoh selepas 12 bulan.

## 8. PEMBIAYAAN KOMPUTER

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Penghutang Semasa | 164,430 | 165,086 | 164,430 | 165,086 |
| Penghutang Jangka Panjang | 195,104 | 234,757 | 195,104 | 234,757 |
| | **359,534** | **399,843** | **359,534** | **399,843** |

Penghutang semasa adalah merupakan ansuran bayaran balik pokok dalam tempoh 12 bulan ke hadapan yang akan dikutip daripada pinjaman yang telah dikeluarkan. Sementara penghutang jangka panjang adalah baki ansuran bayaran balik pokok bagi tempoh selepas 12 bulan.

## 9. CUKAI TERTUNDA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Cukai Tertunda - Aset | (4,047) | (149,437) | - | - |
| Cukai Tertunda - Liabiliti | 31,460 | 34,317 | - | - |
| | **27,413** | **(115,120)** | **-** | **-** |

Butiran cukai tertunda adalah seperti berikut:-

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | (115,120) | (363,044) | - | - |
| Pindahan ke Penyata Pendapatan (Nota 45) | 142,533 | 247,924 | - | - |
| Pada 31 Disember | **27,413** | **(115,120)** | **-** | **-** |

Cukai tertunda disediakan bagi semua perbezaan masa kerana perbezaan masa ini akan berbalik pada masa hadapan yang boleh diramal.

## 10. STOK

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada Kos : | | | | |
| Alat Ganti Lampu Jalan | 341,964 | 401,032 | 341,964 | 401,032 |
| Cenderamata | 143,740 | 238,055 | 133,866 | 192,133 |
| Bekalan Alatulis | 107,236 | 42,361 | 107,236 | 42,361 |
| Alat Ganti Lampu Pejabat | 8,048 | 9,184 | 8,048 | 9,184 |
| Bekalan Komputer | 83,471 | 99,936 | 83,471 | 99,936 |
| Lain-Lain Bekalan Dan Alatan | 2,848,937 | 2,538,370 | 20,303 | 19,566 |
| | **3,533,396** | **3,328,938** | **694,888** | **764,212** |

## 11. PELBAGAI PENGHUTANG

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Penghutang Kendalian | 118,818,023 | 135,309,949 | 123,663,953 | 136,331,651 |
| Peruntukan Hutang Ragu | (1,308,897) | (1,233,768) | (370,960) | (982,328) |
| Penghutang Pembangunan Semasa | 1,578,092 | 214,390 | 1,578,092 | 214,390 |
| Faedah / Keuntungan Simpanan Tetap Terakru | 3,254,070 | 3,172,169 | 3,254,070 | 3,172,169 |
| | **122,341,288** | **137,462,740** | **128,125,155** | **138,735,882** |

Tempoh kredit yang diberikan kepada pelbagai penghutang adalah antara 30 hari hingga 60 hari.

## 12. BAYARAN TERDAHULU

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Perkhidmatan Perubatan | 50,000 | 50,000 | 50,000 | 50,000 |
| Pendahuluan Bagi Bekalan Pengoperasi Taman | 142,950 | 142,950 | 142,950 | 142,950 |
| Pendahuluan Bagi Aktiviti | 1,218,506 | 2,365,116 | 1,500 | 1,500 |
| Pendahuluan Kerja | 28,250 | 28,250 | 28,250 | 28,250 |
| Deposit Utiliti | 102,794 | 98,474 | 102,794 | 98,474 |
| | **1,542,500** | 2,684,790 | **325,494** | **321,174** |

## 13. SIMPANAN TETAP

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Simpanan Tetap | 338,975,612 | 298,765,799 | 337,000,000 | 297,000,000 |
| | **338,975,612** | **298,765,799** | **337,000,000** | **297,000,000** |

Semua simpanan tetap adalah bagi jangkamasa pendek dengan bank dan syarikat kewangan berlesen dalam simpanan tetap Al Mudharabah.

## 14. BAKI BANK DAN TUNAI DI TANGAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Baki Bank Kumpulan Wang Kendalian | 25,811,460 | 27,384,545 | 18,590,326 | 14,700,615 |
| Baki Bank Kumpulan Wang Pembangunan | 5,120,305 | 656,916 | 5,120,305 | 656,916 |
| Tunai Di Tangan | 38,058 | 32,716 | 38,058 | 32,716 |
| | **30,969,823** | **28,074,177** | **23,748,689** | **15,390,247** |

## 15. TABUNG PENDIDIKAN PERBADANAN PUTRAJAYA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | 2,168,313 | 2,212,803 | 2,168,313 | 2,212,803 |
| Tolak Perbelanjaan Tabung Pendidikan | (33,960) | (44,490) | (33,960) | (44,490) |
| Pada 31 Disember | **2,134,353** | **2,168,313** | **2,134,353** | **2,168,313** |

Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 4 Tahun 2008 dengan dibiayai oleh sumber dalaman Perbadanan. Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 2 Tahun 2009 telah meluluskan tambahan kepada Tabung Pendidikan berjumlah RM2,000,000.00 dengan menggunakan sumber dalaman.

## 16. KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KENDERAAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Baki Pinjaman Dikeluarkan | 1,556,000 | 1,556,762 | 1,556,000 | 1,556,762 |
| Baki Kumpulan Wang | 2,444,000 | 2,443,238 | 2,444,000 | 2,443,238 |
| Siling Kumpulan Wang | **4,000,000** | **4,000,000** | **4,000,000** | **4,000,000** |

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan telah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 6 Tahun 1997 dengan siling sebanyak RM4,000,000. Kemudahan ini diberikan kepada kakitangan yang layak atas kadar 4% berdasarkan baki berkurangan.

## 17. KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KOMPUTER

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Baki Pinjaman Diluluskan | 359,534 | 399,843 | 359,534 | 399,843 |
| Baki Kumpulan Wang | 640,466 | 600,157 | 640,466 | 600,157 |
| Siling Kumpulan Wang | **1,000,000** | **1,000,000** | **1,000,000** | **1,000,000** |

Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer telah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 8 Tahun 1997 dengan siling sebanyak RM1,000,000. Kemudahan ini diberikan kepada kakitangan yang layak atas kadar 4% berdasarkan baki berkurangan.

## 18. LEBIHAN PENILAIAN SEMULA HARTANAH

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | 686,319,575 | 686,319,575 | 686,319,575 | 686,319,575 |
| **Tambah :** | | | | |
| Penilaian Semula Tahun Semasa | 4,965,720 | - | 4,965,720 | - |
| **Tolak :** | | | | |
| Pelarasan Tahun Semasa | (33,533,530) | - | (33,533,530) | - |
| Pada 31 Disember | **657,751,765** | **686,319,575** | **657,751,765** | **686,319,575** |

Lebihan penilaian semula hartanah timbul daripada penilaian semula hartanah Kumpulan dan Perbadanan.

## 19. LEBIHAN TERKUMPUL

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | 165,483,155 | 231,538,515 | 176,328,825 | 243,522,604 |
| Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun Semasa | 75,642,049 | (64,961,682) | 85,108,795 | (67,238,269) |
| Perbelanjaan Bagi Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 15) | 33,960 | 44,490 | 33,960 | 44,490 |
| Pelarasan Tahun Sebelum | 15,104,065 | (1,138,168) | 12,644,666 | - |
| Pada 31 Disember | **256,263,229** | **165,483,155** | **274,116,246** | **176,328,825** |

## 20. SEWA BELI

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Matang Dalam Setahun | 51,068 | 60,066 | - | - |
| Matang Selepas Setahun Dan Sebelum Lima Tahun | 143,100 | 192,678 | - | - |
| | **194,168** | **252,744** | **-** | **-** |

Pemiutang sewa beli merupakan kontrak sewa beli bagi perolehan kenderaan oleh Syarikat Subsidiari dan dikenakan kadar faedah seperti berikut :

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. (PULSE Group) | 3.867% | 3.867% |

## 21. MANFAAT PEKERJA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | 1,978,190 | - | 1,978,190 | - |
| Peruntukan Yang Dibuat Dalam Tahun Semasa | 787,506 | 1,978,190 | 787,506 | 1,978,190 |
| Bayaran Dibuat Dalam Tahun Semasa | (421,670) | - | (421,670) | - |
| Pada 31 Disember | **2,344,026** | **1,978,190** | **2,344,026** | **1,978,190** |

## 21. MANFAAT PEKERJA (sambungan)

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Jangka Pendek (Matang Dalam Tempoh Setahun) | 460,905 | 451,966 | 460,905 | 451,966 |
| Jangka Panjang (Matang Dalam Tempoh 2-5 Tahun) | 1,883,121 | 1,526,224 | 1,883,121 | 1,526,224 |
| Baki Bawa Hadapan | **2,344,026** | **1,978,190** | **2,344,026** | **1,978,190** |

## 22. GERAN TERTUNDA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | 2,640,349,831 | 2,720,880,884 | 2,640,349,831 | 2,720,880,884 |
| **Nilai Aset Yang Diterima** | | | | |
| Kerja Dalam Kemajuan | 7,133,607 | 5,080,095 | 7,133,607 | 5,080,095 |
| **Tolak Pindahan** | | | | |
| Geran Hasil | (55,464,064) | (62,115,170) | (55,464,064) | (62,115,170) |
| | 2,592,019,374 | 2,663,845,809 | 2,592,019,374 | 2,663,845,809 |
| **Tolak** | | | | |
| Pelarasan Tahun-tahun Sebelum | (189,500) | (23,495,978) | (189,500) | (23,495,978) |
| Pada 31 Disember | **2,591,829,874** | **2,640,349,831** | **2,591,829,874** | **2,640,349,831** |

Pindahan ke Geran Hasil adalah bersamaan dengan amaun susutnilai dan terimaan aset bukan modal dalam tahun yang diperolehi daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan amaun pelupusan/hapuskira aset.

## 23. GERAN KHAS

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | 35,477,972 | 98,058,986 | 35,477,972 | 98,058,986 |
| Geran yang diterima | 1,726,563 | 2,105,647 | 1,726,563 | 2,105,647 |
| | 37,204,535 | 100,164,633 | 37,204,535 | 100,164,633 |
| **Tolak** | | | | |
| Geran yang telah dibelanjakan | (5,618,272) | (64,686,661) | (5,618,272) | (64,686,661) |
| Pada 31 Disember | **31,586,263** | **35,477,972** | **31,586,263** | **35,477,972** |

Geran Khas merupakan geran yang diterima bagi perlaksanaan sesuatu projek khas.

## 24. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pada 1 Januari | 161,457,627 | 143,934,948 | 161,457,627 | 143,934,948 |
| Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan | 47,562,008 | 25,479,250 | 47,562,008 | 25,479,250 |
| **Tolak Perbelanjaan** | | | | |
| Projek-Projek Dalam Kemajuan | 53,703,476 | 7,956,571 | 53,703,476 | 7,956,571 |
| Pelbagai | - | - | - | - |
| | **(53,703,476)** | **(7,956,571)** | **(53,703,476)** | **(7,956,571)** |
| Pada 31 Disember | **155,316,159** | **161,457,627** | **155,316,159** | **161,457,627** |

## 24. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (sambungan)

Kumpulan Wang Pembangunan merupakan sejumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan projek-projek di kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Butiran perbelanjaan pembangunan projek adalah seperti berikut:

| Butiran Perbelanjaan | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| ***1. Projek-Projek Dalam Kemajuan*** | | |
| 1.1 Projek-Projek Kemudahan Awam | 50,638,329 | 6,886,097 |
| 1.2 Taman-Taman Rekreasi | 1,922,179 | - |
| 1.3 Pengkomputeran – Sistem Sumber Putra | - | - |
| 1.4 Pusat Kawalan Bandar | - | 333,984 |
| 1.5 Kajian-Kajian Perbadanan | 1,142,968 | 736,490 |
| ***Jumlah Kecil*** | **53,703,476** | **7,956,571** |
| ***2. Pelbagai*** | | |
| 2.1 Sistem Pengairan | - | - |
| ***Jumlah Kecil*** | **-** | **-** |
| **JUMLAH PERBELANJAAN KWP** | **53,703,476** | **7,956,571** |

## 25. PELBAGAI PEMIUTANG

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pemiutang Kendalian | 208,894,459 | 148,911,035 | 160,473,254 | 100,729,082 |
| Wang Tahanan | 16,589,835 | 15,397,072 | 16,589,835 | 15,397,072 |
| Pemiutang Pembangunan | 943,977 | 11,678,734 | 943,977 | 11,678,734 |
| | **226,428,271** | **175,986,841** | **178,007,066** | **127,804,888** |

Tempoh kredit bagi pelbagai pemiutang adalah di antara 30 hari hingga 90 hari (2016: 30 hari hingga 90 hari) tanpa sebarang faedah dikenakan untuk lewat pembayaran.

## 26. CAGARAN DITERIMA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Cagaran Pihak Pemaju | 10,898,574 | 10,105,028 | 10,898,574 | 10,105,028 |
| Cagaran Sewa Dan Kelengkapan | 2,837,781 | 2,756,639 | 2,837,781 | 2,756,639 |
| Cagaran Tender | 511,593 | 533,929 | 511,593 | 533,929 |
| Lain-Lain Cagaran | 229,590 | 214,690 | 229,590 | 214,690 |
| | **14,477,538** | **13,610,286** | **14,477,538** | **13,610,286** |

Cagaran pihak pemaju merupakan wang cagaran yang dikutip sebagai jaminan bagi membersihkan tapak kerja setelah siapnya kerja dan sebagai jaminan bagi menyiapkan kerja infrastruktur yang masih belum dilaksanakan.

Cagaran sewa dan kelengkapan adalah cagaran bagi penyewa di atas penggunaan kelengkapan dan bayaran sewa bulanan. Ini akan dipulangkan sekiranya tiada tunggakan sewa dan kelengkapan yang digunakan dalam keadaan baik.

Cagaran tender pula adalah cagaran yang diterima daripada kontraktor yang menawarkan sesuatu tender, ianya akan dipulangkan sekiranya penawaran kontraktor adalah ditolak.

## 27. TERIMAAN TERDAHULU

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Terimaan Terdahulu Jualan Unit Komersil dan Tanah Presint Diplomatik | 13,443,989 | 10,438,439 | 13,443,989 | 10,438,439 |
| Terimaan Terdahulu Hasil | 5,526,239 | 6,063,145 | 2,451,529 | 3,245,409 |
| | **18,970,228** | **16,501,584** | **15,895,518** | **13,683,848** |

Terimaan terdahulu jualan unit komersil dan tanah Presint Diplomatik merupakan sebahagian daripada hasil jualan lot-lot komersil dan tanah Presint Diplomatik yang diterima oleh Perbadanan.

## 28. TERIMAAN BAGI PIHAK AGENSI LAIN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Pemiutang Terimaan Agensi Lain | 3,447,807 | 3,487,866 | 3,447,807 | 3,487,866 |
| Pembayar Fi Model Berskala | 578,180 | 564,065 | 578,180 | 564,065 |
| *Improvement Service Fund (ISF)* | 6,665,368 | 51,637 | 6,665,368 | 51,637 |
| | **10,691,355** | **4,103,568** | **10,691,355** | **4,103,568** |

Turut termasuk di dalam terimaan agensi lain adalah terimaan duti hiburan yang diterima bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

## 29. HASIL DARI OPERASI ANAK SYARIKAT

Hasil dari operasi Anak Syarikat merupakan hasil dari Putrajaya Leisures & Services Sdn Bhd (PULSE Group) yang merupakan syarikat subsidiari kepada Perbadanan bermula tahun kewangan 2016. Hasil dari PULSE Group diiktiraf daripada perkhidmatan yang dilaksanakan, jualan bersih selepas cukai dan diskaun, jika ada.

## 27. TERIMAAN TERDAHULU

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Susut nilai | 55,331,139 | 61,578,066 | 55,331,139 | 61,578,066 |
| Pelupusan / Hapuskira | 15,661 | 245,819 | 15,661 | 245,819 |
| Terimaan Aset Bukan Modal | 47,307 | 268,285 | 47,307 | 23,000 |
| Belanja Bukan Modal dari KDK | 69,957 | 23,000 | 69,957 | 268,285 |
| | 117,264 | 291,285 | 117,264 | 291,285 |
| | **55,464,064** | **62,115,170** | **55,464,064** | **62,115,170** |

Geran Hasil merujuk kepada geran / pendapatan tertunda berkaitan pembelian / perolehan aset menggunakan geran Kumpulan Wang Pembangunan.

## 31. CUKAI TAKSIRAN

Cukai taksiran dikenakan ke atas hartanah pegangan-pegangan persendirian yang berada dalam kawasan Putrajaya.

## 32. SUMBANGAN BANTU KADAR

Sumbangan Bantu Kadar adalah sumbangan bagi membantu kadar-kadar berkenaan harta Persekutuan dan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan 156.

## 33. TERIMAAN PENYELENGGARAAN BANDAR RAYA PUTRAJAYA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Geran Penyelenggaraan Bandaraya | 105,919,778 | 52,940,113 | 105,919,778 | 52,940,113 |
| Geran Penyelenggaraan PICC | 50,889,568 | 77,987,052 | 50,889,568 | 77,987,052 |
| Geran Penyelenggaraan Kuarters | 60,242,708 | 91,956,483 | 60,242,708 | 91,956,483 |
| | **217,052,054** | **222,883,648** | **217,052,054** | **222,883,648** |

## 34. GERAN KHAS PROJEK KECIL

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| *Quick Win Touch Point*, Perbandaran dan Pencahayaan | 1,073,437 | 3,635,123 | 1,073,437 | 3,635,123 |
| Program Khas | - | 1,800,000 | - | 1,800,000 |
| Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia | 738,570 | 436,781 | 738,570 | 436,781 |
| | **1,812,007** | **5,871,904** | **1,812,007** | **5,871,904** |

## 35. KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP/SEMASA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Amaun Telah Diterima | 10,128,710 | 13,493,981 | 10,128,710 | 13,493,981 |
| Amaun Diakru | 3,254,070 | 3,172,169 | 3,254,070 | 3,172,169 |
| | **13,382,780** | **16,666,150** | **13,382,780** | **16,666,150** |

Keuntungan terakru adalah keuntungan yang diperolehi daripada simpanan tetap bagi tempoh simpanan sehingga 31 Disember 2017 tetapi bayarannya belum diterima kerana simpanan tetap belum matang pada tarikh tersebut.

Purata kadar faedah efektif bagi simpanan tetap dengan bank-bank berlesen dan institusi kewangan berlesen ialah 3.88% setahun (3.75% setahun pada tahun 2016). Purata tempoh matang simpanan tetap ialah selama 6 bulan.

## 36. KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN KENDERAAN DAN KOMPUTER

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Keuntungan Pinjaman Kenderaan | 60,398 | 63,866 | 60,398 | 63,866 |
| Keuntungan Pinjaman Komputer | 15,207 | 12,791 | 15,207 | 12,791 |
| | **75,605** | **76,657** | **75,605** | **76,657** |

## 37. LESEN DAN PERMIT

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Lesen | 340,867 | 1,271,111 | 340,867 | 1,271,111 |
| Permit | 2,592,436 | 1,200,064 | 2,592,436 | 1,200,064 |
| | **2,933,303** | **2,471,175** | **2,933,303** | **2,471,175** |

## 38. FI RANCANG DAN PROSES

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Fi Prosesan Pelan Dan Kerja Tanah | 530,265 | 818,600 | 530,265 | 818,600 |
| Fi Prosesan Kebenaran Merancang | 1,736,272 | 3,429,074 | 1,736,272 | 3,429,074 |
| | **2,266,537** | **4,247,674** | **2,266,537** | **4,247,674** |

## 39. SEWAAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Sewaan Ruang Perniagaan / Pejabat / Iklan | 12,514,460 | 11,597,913 | 12,514,460 | 11,597,913 |
| Sewaan Kawasan Rekreasi Dan Kenderaan | 3,737,903 | 3,873,044 | 3,737,903 | 3,873,044 |
| Sewaan Perabot Dan Peralatan | 447,681 | 401,393 | 447,681 | 401,393 |
| Pelbagai Sewaan | 56,935 | 81,736 | 56,935 | 81,736 |
| | **16,756,979** | **15,954,086** | **16,756,979** | **15,954,086** |

## 40. JUALAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Jualan Borang Tender | 348,440 | 1,960,437 | 348,440 | 1,960,437 |
| Jualan Cenderamata | - | - | - | - |
| Lain-Lain Jualan | 26,201 | 27,080 | 26,201 | 27,080 |
| | **374,641** | **1,987,517** | **374,641** | **1,987,517** |

## 41. PENDAPATAN PERKHIDMATAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Kutipan Pusat Rekreasi | 584,818 | 550,297 | 584,818 | 550,297 |
| Bayaran Balik Perkhidmatan | 4,896,659 | - | 4,896,659 | - |
| Lain-Lain Perkhidmatan | 41,750 | 45,252 | 41,750 | 45,252 |
| | **5,523,227** | **595,549** | **5,523,227** | **595,549** |

## 42. KOMPAUN DAN DENDA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Denda Kawalan Bangunan | 504,282 | 656,802 | 504,282 | 656,802 |
| Kompaun Pembinaan | 32,915 | 322,800 | 32,915 | 322,800 |
| Pelbagai Kompaun Dan Denda | 1,029,792 | 488,118 | 1,029,792 | 488,118 |
| | **1,566,989** | **1,467,720** | **1,566,989** | **1,467,720** |

## 43. SUMBANGAN KEPADA PERBADANAN PUTRAJAYA

Sumbangan kepada Perbadanan Putrajaya merupakan sumbangan daripada jabatan / agensi Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat swasta bagi aktiviti / program yang dilaksanakan oleh Perbadanan.

## 44. PENYELENGGARAAN BANDAR RAYA PUTRAJAYA

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Penyelenggaraan Bandaraya | 202,882,618 | 203,135,922 | 213,000,635 | 222,395,226 |
| Penyelenggaraan PICC | 56,806,063 | 63,858,439 | 56,806,063 | 63,858,439 |
| Penyelenggaraan Kuarters | 65,016,372 | 55,505,593 | 65,016,372 | 55,505,593 |
| | **324,705,053** | **322,499,954** | **334,823,070** | **341,759,258** |

## 45. ASET TIDAK DIMODALKAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Alat Pejabat | 253,010 | 415,060 | 253,010 | 415,060 |
| Perabot Dan Kelengkapan | 241,591 | 256,347 | 241,591 | 256,347 |
| Peralatan Komputer | 29,144 | 2,188,891 | 29,144 | 2,188,891 |
| Buku Dan Lain-Lain Perolehan | 5,121 | 14,296 | 5,121 | 14,296 |
| | **528,866** | **2,874,594** | **528,866** | **2,874,594** |

Aset tidak dimodalkan adalah merupakan aset-aset yang diperolehi dalam tahun tetapi tidak dimodalkan kerana harga perolehannya adalah kurang daripada RM5,000 seunit.

Sejumlah RM69,957 merupakan aset bukan modal yang diperolehi daripada Kerja Dalam Kemajuan.

## 46. CUKAI

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Cukai Semasa | 559,506 | 745,322 | - | - |
| Cukai Tertunda (Nota 9) | 27,413 | (115,120) | - | - |
| | **586,919** | **630,202** | **-** | **-** |

## 47. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Tunai Di Tangan | 38,058 | 32,716 | 38,058 | 32,716 |
| Baki Bank Kumpulan wang Kendalian | 25,811,460 | 27,384,545 | 18,590,326 | 14,700,615 |
| Baki Bank Kumpulan wang Pembangunan | 5,120,305 | 656,916 | 5,120,305 | 656,916 |
| Simpanan Tetap | 338,975,612 | 298,765,799 | 337,000,000 | 297,000,000 |
| | **369,945,435** | **326,839,976** | **360,748,689** | **312,390,247** |

## 48. KOMITMEN MODAL

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Diluluskan Dan Telah Dikontrakkan | 175,661,179 | 286,848,697 | 175,661,179 | 286,848,697 |
| Diluluskan Dan Belum Dikontrakkan | 102,098,639 | 14,038,735 | 102,098,639 | 14,038,735 |
| | **277,759,818** | **300,887,432** | **277,759,818** | **300,887,432** |

## 49. LIABILITI LUAR JANGKA

Anggota Perbadanan peka terhadap beberapa kes mahkamah di mana tuntutan-tuntutan telah dibuat oleh beberapa plaintif terhadap Perbadanan dan Kumpulan. Berdasarkan maklumbalas daripada peguam-peguam Perbadanan dan Kumpulan, sehingga 31 Disember 2017, terdapat kes tuntutan di antara Ahmad Zaki Sdn Bhd dan Perbadanan berjumlah RM9.9 juta. Tuntutan kerugian adalah disebabkan kenaikan kos pembinaan semasa kerja-kerja pembangunan sebuah Masjid, Kiblat Walk dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya di Presint 3, Putrajaya.

## 50. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Badan induk utama ialah Perbadanan Putrajaya (Perbadanan) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Putrajaya 1995 ( Akta 536 ), berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif utama Perbadanan ini ialah untuk mentadbir dan mengurus kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

### 50.1 Pihak dan hubungan yang berkaitan

Pihak dan hubungan yang berkaitan dengan Perbadanan adalah seperti berikut:

| **Pihak berkaitan** | **Hubungan** |
|---|---|
| Perbadanan Putrajaya | Badan Induk |
| Putrajaya Leisures & Services Sdn Bhd (PULSE Group) | Syarikat Subsidiari |
| Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd. | Sub-subsidiari |
| Marina Putrajaya Sdn. Bhd. | Sub-subsidiari |
| Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd. | Sub-subsidiari |
| Putrajaya Floria Sdn. Bhd. | Sub-subsidiari |

### 50.2 Transaksi dengan pihak berkaitan

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| **Pendapatan daripada Anak Syarikat** | | |
| Sewaan | 2,001,600 | 1,671,600 |
| Pendapatan Lain | 783,166 | 10,812,631 |
| Dividen | - | 405,000 |
| | **2,784,766** | **12,889,231** |
| **Perbelanjaan kepada Anak Syarikat** | | |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 16,765,321 | 39,802,178 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 1,802,379 | 2,157,994 |
| | **18,567,700** | **41,960,172** |

### 50.3 Ganjaran Kakitangan Pengurusan Utama

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Anggota Perbadanan | **195,901** | **176,839** |

## 51. INSTRUMEN KEWANGAN

| | Kumpulan | | Perbadanan Putrajaya | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2016 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| **Aset Kewangan** | | | | |
| - Kos | **491,110,261** | **467,078,595** | **491,110,261** | **453,403,908** |
| **Liabiliti Kewangan** | | | | |
| - Kos | **249,090,471** | **175,986,841** | **178,006,266** | **127,804,888** |

## 52. PENGKELASAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN

Sepanjang tahun kewangan, Perbadanan telah mengubah pengkelasan beberapa item dalam penyata kewangannya akibat daripada penerimaan pakai MPERS, dengan itu, Perbadanan telah mengkelaskan semula angka perbandingan berikut untuk mematuhi pembentangan tahun kewangan semasa:

| | Seperti Dinyatakan Sebelum ini 2016 RM | Seperti Dinyatakan Semula 2016 RM |
|---|---|---|
| **KUMPULAN** | | |
| ***Penyata Kedudukan Kewangan*** | | |
| **Aset Bukan Semasa** | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 3,426,577,154 | 3,001,366,154 |
| Hartanah Pelaburan | - | 425,211,000 |
| Penghutang Jangka Panjang | 11,303,766 | - |
| **Aset Semasa** | | |
| Pembiayaan Kenderaan | - | - |
| Pembiayaan Komputer | - | - |
| Pelbagai Penghutang | 126,158,974 | 137,462,740 |
| **Ekuiti** | | |
| Lebihan Penilaian Semula Hartanah | - | 686,319,575 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | |
| Geran Tertunda | 3,326,669,406 | 2,640,349,831 |
| **Perbelanjaan** | | |
| Susut nilai / Pelunasan atas Hartanah, Loji dan Peralatan | 67,416,729 | 57,603,686 |
| Susut nilai / Pelunasan atas Hartanah Pelaburan | - | 9,813,043 |

## 52. PENGKELASAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN (sambungan)

| | Seperti Dinyatakan Sebelum ini 2016 RM | Seperti Dinyatakan Semula 2016 RM |
|---|---|---|
| **PERBADANAN** | | |
| ***Penyata Kedudukan Kewangan*** | | |
| **Aset Bukan Semasa** | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 3,412,334,804 | 2,987,123,804 |
| Hartanah Pelaburan | - | 425,211,000 |
| Penghutang Jangka Panjang | 11,303,766 | - |
| **Aset Semasa** | | |
| Pembiayaan Kenderaan | - | - |
| Pembiayaan Komputer | - | - |
| Pelbagai Penghutang | 127,432,116 | 138,735,882 |
| **Ekuiti** | | |
| Lebihan Penilaian Semula Hartanah | - | 686,319,575 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | |
| Geran Tertunda | 3,326,669,406 | 2,640,349,831 |
| **Perbelanjaan** | | |
| Susut nilai / Pelunasan atas Hartanah, Loji dan Peralatan | 67,416,729 | 57,603,686 |
| Susut nilai / Pelunasan atas Hartanah Pelaburan | - | 9,813,043 |

## 53. PERISTIWA SELEPAS TEMPOH PELAPORAN

Selepas tempoh pelaporan,

a) Pelupusan syarikat subsidiari

Pada 11 Disember 2017, syarikat subsidiari iaitu Putrajaya Leisures & Services Sdn. Bhd. telah memasuki satu perjanjian untuk melupuskan kepentingannya di dalam syarikat subsidiari, Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd, sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan bas di dalam dan luar Putrajaya, mengurus tempat letak kereta dan aktiviti pelancongan. Pelupusan syarikat subsidiari dijangka selesai dalam tahun 2018.

b) Tanah (*Swap Agreement*)

Pada tahun kewangan 2016, Perbadanan Putrajaya dan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. telah menandatangani Perjanjian Pertukaran Tanah (Land Swap Agreement) melibatkan lot tanah milik Perbadanan Putrajaya (Lot PT14194 dan Lot PT14188) dan lot tanah milik Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (Lot 100 dan Lot 99).

Penilaian tanah ke atas Lot PT 14194 dan PT14188 telah dilakukan pada tahun kewangan 2016 oleh Jurunilai Bertauliah iaitu Tetuan Jones Lang Wootton dan Tetuan Rahim & Co. International Sdn. Bhd. yang menilai tanah tersebut pada RM111,800,000.00. Berdasarkan perjanjian pertukaran tanah yang ditandatangani, Perbadanan Putrajaya akan menerima lot tanah (Lot 100 dan Lot 99) yang bernilai RM105,000,000 dan wang berjumlah RM6,800,000 hasil daripada pertukaran lot tanah PT14194 dan PT14188.

Pertukaran tanah masih dalam proses penukaran nama pada geran dan dijangka selesai pada tahun 2018.

**PERBADANAN PUTRAJAYA**

Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 PUTRAJAYA, Malaysia

Tel : +603 8887 7000
Faks : +603 8887 5000

facebook.com/Putrajaya

twitter.com/Putrajaya

**www.ppj.gov.my**


